

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 9</b>	<b>Isnin</b>	<b>24 Mac 2014</b>
---------------	--------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 26)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – <i>Y.B. Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad</i> ( <i>Johor Bahru</i> )	(Halaman 27)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 24 Mac 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)*  
***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah kerajaan bagi memperkasakan institusi masjid di negara ini supaya memainkan peranan bagi memangkinkan modal Islam (Muslim) yang berkualiti dan nyatakan program imarah masjid sebagai pusat penyebaran maklumat tepat mengenai Islam bagi membanteras gejala ajaran sesat yang kian menular dalam masyarakat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada sahabat saya Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Pengarah PRK.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, masjid dan surau adalah di bawah bidang kuasa dan peranan pihak berkuasa agama di negeri masing-masing seperti mana yang termaktub dalam Butiran 1, Senarai 2 Jadual Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama di peringkat persekutuan, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa terus untuk memperkasakan institusi masjid di negara ini, untuk melahirkan modal insan berkualiti melalui pelaksanaan kelas pengajian takmir di masjid dan di surau di seluruh negara. Untuk kelas takmir di seluruh Malaysia, kerajaan telah melantik sebanyak 3,759 guru takmir yang mengajar secara bulanan, juga mingguan, berdasarkan jadual yang disusun oleh jawatankuasa masjid.

Di samping yang sama, pihak pengurusan masjid juga menyediakan penceramah dan tenaga pengajar yang dijemput oleh pihak masjid.

Di samping yang sama, program-program pengimarah masjid sentiasa diadakan dari semasa ke semasa dengan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Antaranya ialah program Muttaqa Imam, guru takmir dan jawatankuasa masjid qariah seluruh negara. Melalui program-program ini, guru-guru takmir dan imam-imam masjid dan surau seluruh Malaysia juga didedahkan dengan isu-isu semasa berkaitan dengan akidah dan seumpamanya sebagai usaha membanteras gejala ajaran sesat yang kian menular di dalam masyarakat. Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya seterusnya adalah, apakah langkah-langkah pihak kerajaan untuk membendung masalah penggunaan masjid ini sebagai medan untuk berpolitik hingga akhirnya mengakibatkan perpecahan yang besar dalam kalangan orang-orang Melayu terutamanya umat Islam di negara ini?

Jadi contohnya saya boleh bagi sedikit, seperti proses pelantikan AJK masjid di Pulau Pinang dan sebagainya melalui proses pemilihan pengundian yang mengakibatkan krisis dalaman dan juga terdapat ceramah-ceramah agama menyelitkan nilai-nilai kebencian terhadap pihak-pihak tertentu. Saya juga ingin katakan bahawa selain daripada masjid, ada juga setengah-setengah rumah ibadat cuba dinamakan dengan nama yang sinonim dengan agama Islam iaitu 'Rumah Allah'. Ada usaha-usaha ke arah itu kerana perkara ini telah berlaku di negara luar.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** Jadi soalan saya sekarang ini, adakah apa-apa tindakan ataupun kita hendak kata, '*Mencegah lebih baik daripada mengubat*'? Jadi saya hendak tanya bahawa adakah pihak kerajaan mengambil berat perkara ini? Ini kerana 'Rumah Allah' hanya terpakai kepada orang-orang Islam sahaja. Sekiranya orang lain hendak pakai, memang tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah itu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sebab saya hendak bagi sedikit penerangan. Sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan ya peraturan...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Allah hanya terpakai kepada semua walaupun kalau ada orang mengatakan bahawa Allah itu Tuhan kepada semua agama, memang betul. Tidak salah, sebab Allah adalah Tuhan sekalian alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Akan tetapi, apa yang kita faham dalam Islam adalah, kita hendak katakan bahawa kita berpegang kepada '*Qulhuallah*'. Maknanya, "*Allah memang satu*". Allah memang satu, tidak beranak dan tidak diperanakkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu, cukuplah Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** ...Dan berdiri dengan sendirinya, '*Qiya muhu binafsihi*'. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, saya hendak ingatkan kita berkongsi sama dengan peraturan. Peraturan Mesyuarat 24(4), "*Pertanyaan tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas*". Jadi kita ada ruang untuk kita berbahas. Hari ini kita tanya soalan dan Yang Berhormat Menteri jawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia dok ingat dia jadi hakim lagi apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu. Dengan soalan pagi ini, Yang Berhormat Setiu semangat lebih ini. Pertama sekali ialah berkenaan dengan langkah-langkah yang telah pun dilaksanakan bagi menyekat ataupun bagi untuk supaya meredakan apa yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini ialah kita kadang-kadang kesilapan kita menyemai benih-benih kebencian terutamanya di dalam tempat-tempat peribadatan, khususnya bagi orang Islam di dalam masjid yang sepatutnya masjid ini menjadi satu tempat yang menjadi lambang penyatuan.

Maka sebab itu kita melihat kenapa dalam sembahyang, imamnya satu tetapi makmumnya ramai. Sebesar mana masjid itu pun, imamnya satu. Akan tetapi ini menggambarkan lambang penyatuan dengan kiblat yang satu, dengan bacaan ayat al-Fatihah yang satu, diaminkan secara beramai-ramai.

#### ■1010

Daripada satu konteks ini kita melihat semangatnya ialah untuk membina semangat kesatuan. Namun di sana ada unsur-unsur yang boleh membawa kepada perpecahan. Maka sebab itu dalam peruntukan, saya hendak bawa bahawa Majlis Agama Islam Negeri masing-masing, Yang Berhormat Setiu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita mempunyai peruntukan-peruntukan di mana mereka mempunyai kuasa untuk mengambil mana-mana tindakan.

Mengambil contoh peruntukan undang-undang dan kaedah yang ada, seksyen 9, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan). Ini saya mengambil contoh wilayah-wilayah dan negeri-negeri yang bergantung kepada peruntukan akta masing-masing, di mana peruntukan tersebut telah menyebut, *“Mana-mana orang yang bertindak dengan cara menghina pihak berkuasa agama, mengingkari, melanggar dan mempertikaikan perintah, arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti yang ditetapkan atau diberikan melalui fatwa adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh disabitkan”*.

Seksyen 81(2) Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan bahawa, *“Jawatankuasa kariah bersama-sama dengan pegawai masjid hendaklah di antaranya memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis tentang semua perkara yang berbangkit dalam kariah itu yang mengehendaki kepada perhatian Majlis”*. Selain daripada itu juga terdapat peruntukan di mana Kaedah 26, Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006 memperuntukkan seperti berikut:

- (i) tiap-tiap pengajar yang telah diberikan tauliah mengajar di bawah Kaedah 25 hendaklah dalam melaksanakan tugasnya tertakluk kepada syarat-syarat iaitulah tidak termasuk menyentuh isu politik.

Kaedah 10(1), Kaedah Jawatankuasa Kariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1987 memperuntukkan merujuk kepada Jabatan atau keputusan apa-apa masalah, soalan, pertelingkahan atau percanggahan, ia tidak berupaya menyelesaikan yang timbul berkenaan

dengan perkara yang termasuk dalam bidang kewajipannya atau berkenaan dengan menunaikan kewajipan.

Kesimpulannya yang dapat saya buat di sini Ahli-ahli Yang Berhormat, maknanya Majlis Agama Islam Negeri masing-masing mempunyai peruntukan bagi mengambil sebarang tindakan yang boleh membawa kepada perpecahan dan juga faktor-faktor negatif yang disampaikan, tidak kiralah sama ada melalui ucapan ataupun ceramah dan sebagainya. Di samping yang sama juga, mengambil contoh Yang Berhormat Setiu sebutkan tadi di Pulau Pinang iaitu pemilihan melalui pengundian dan juga faktor-faktor ceramah yang menyemai kepada benih-benih kebencian.

Saya ingin sebutkan bahawa peruntukan-peruntukan berdasarkan kepada apa yang dimiliki oleh negeri masing-masing, pemilihan berdasarkan kepada peruntukan akta yang telah sedia ada khususnya Akta Pentadbiran Majlis Agama masing-masing. Kalau ia diperuntukkan untuk pemilihan secara mengundi dan sebagainya, tentunya juga kita melihat mereka ini terdedah dengan pengundian-pengundian yang boleh membawa kepada faktor perpecahan di mana ia menanam jumlah orang yang hadir agak ramai tetapi mereka bukan daripada kariah tempatan dan sebagainya. Walaupun begitu, ini adalah merupakan peruntukan yang telah pun diberikan kuasa di dalam peruntukan Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.

Keduanya ialah soal ceramah. Saya sebutkan tadi kalau di Wilayah Persekutuan, ada di sana peruntukan yang tidak membenarkan. Sebab itu kuasa tauliah tadi boleh dikuatkuasakan dengan mengambil kira apabila ianya melanggar sama ada arahan Majlis Agama ataupun arahan daripada pihak Mufti dan selain daripada itu juga, nama-nama yang disebutkan kepada badan-badan yang bukan beragama Islam. Saya melihat bahawa hal seperti ini adalah merupakan perkara yang boleh mengundang kepada sensitiviti dan perpecahan di kalangan. Maka sebab itu kenapa kita melihat, sekarang ini masih lagi berada di mahkamah untuk perbicaraan dan sebagainya berkaitan soal kalimah Allah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Itu ayat yang mengatakan bahawa yang memakmurkan masjid ini ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan pada hari akhirat. Masjid juga adalah tempat untuk kita menyemaikan perpaduan dan kesatuan umat ini dan kita tahu kita bahawa negara kita adalah sebuah negara di mana agama Islam adalah agama negara kita, maka tanggungjawab kerajaan dan tanggungjawab kita semua untuk memastikan bahawa Islam ini dijaga dengan keharmonian dan ajaran yang tepat yang dilakukan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan juga kepada Majlis Agama di peringkat negeri yang telah berjaya sebenarnya untuk membawa sedikit kesatuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, soalan Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Soalan saya ialah, usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak JAKIM dan juga pihak kementerian untuk membawa Islam, mengajar, melatih dan mendidik Islam di peringkat masjid-masjid ini. Adakah di sana terdapat penanda

aras menunjukkan kejayaannya atau sebaliknya sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Setiu tadi terus masih ada lagi perbalahan dan perpecahan. Jadi adakah di sana itu suatu tanda-tanda bahawa masjid kita telah berjaya menyatupadukan umat Islam di peringkat kariah masing-masing? Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh dalam membicarakan tentang peranan masjid [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] iaitu bila kita bercakap soal tanggungjawab untuk membina masjid dalam erti kata bukan soal pembinaan fizikal. Kita faham bahawa kita sekarang ini memiliki 6,000 lebih buah masjid di seluruh Malaysia dengan tidak mencampurkan surau-surau Jumaat dan surau-surau biasa. Jumlah 6,000 lebih ini merupakan satu jumlah yang begitu besar dan tentunya ia juga kalau merujuk kepada Yang Berhormat Pasir Puteh sebutkan tadi di peringkat negeri dan juga di peringkat negeri masing-masing. Pengurusan masjid kalau bicarakan soal pengurusan, peningkatannya kita boleh nampak bahawa hierarkinya disusun.

Kalau masjid di peringkat negeri, dia ada jawatan-jawatan negeri. Di daerah-daerah ada jawatan-jawatan peringkat daerah dan begitu juga mukim dan sebagainya. Ini di dalam konteks pengurusan bahkan kalau membicarakan soal pengimarahannya, sebab hendak bina satu hal, hendak cari dana dan masjid RM10 juta, RM50 juta, RM100 juta dan sebagainya. Mencari dana adalah merupakan satu hal, sebab itu orang sebut pergi ke merata-rata tempat memohon bantuan kewangan dan sebagainya. Negara luar pun datang, Thailand sebagai contoh kita tengok datang meminta untuk bantuan membina masjid. Menggambarkan bahawa Malaysia juga mempunyai kemampuan kewangan untuk disumbangkan.

Namun dalam masa yang sama, program pembangunan pengimarahannya mempunyai suatu perkara yang lain yang begitu memerlukan kepada kesungguhan kepada semua pihak. Sebab itu di peringkat JAKIM, kita telah pun mencadangkan semua masjid-masjid menggunakan beberapa panduan buku-buku yang dikeluarkan termasuk di antaranya yang digunakan oleh guru-guru takmir yang sebutkan tadi, lebih daripada 3,000 itu untuk menggunakan buku-buku yang berkaitan ayat-ayat suruhan dan juga ayat-ayat larangan dan juga kitab termasuk daripada *Buluqul Muram* yang mana dijadikan kitab rujukan untuk masyarakat yang digunakan oleh guru takmir.

Dalam masa yang sama juga, kita setuju bahawa usaha ini dia tidak boleh dibuat oleh hanya sekadar pihak kerajaan semata-mata. Masyarakat setempat juga terutamanya tenaga-tenaga pengajar untuk meletakkan suatu usaha supaya kita mempunyai jiwa besar di dalam masjid, bukan untuk kita memenuhi selera dan kehendak keperluan seseorang yang memerlukan kepada ayat ini diguna pakai, ayat ini dibaca dan sebagainya tetapi jiwa besar ialah hendak membangunkan masyarakat. Biar maknanya dalam erti kata semuanya dipimpin bukan untuk kita menghentam tetapi kita membina.

Jadi saya rasakan kalau ini dapat kita lakukan Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* masjid kalau secara kesimpulan saya kata tadi sudah nampak ada peningkatan-peningkatan tetapi masih lagi banyak ruang yang boleh kita bangunkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setiap kali kita bertanya kepada Yang Berhormat Menteri agama, kita dibagi tahu bahawa ini kuasa kerajaan negeri masing-masing. Jadi biasanya kalau kuasa kerajaan negeri masing-masing bererti ini kita bukan dalam 1Malaysia. Kita mahu agama ini sekurang-kurangnya diselaraskan di seluruh negara. Jadi soalan saya, adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menyelaraskan semua hal ehwal agama ini dijaga oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Kalabakan. Saya menjawab awal daripada waktu saya bangun pertama tadi menjelaskan bahawa peruntukan agama ini adalah merupakan peruntukan yang berada di bawah Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Maknanya apabila kita bercakap soal peruntukan yang berada di bawah perlembagaan, ianya sudah dimaktubkan daripada awal lagi. Lebih-lebih lagi hal ini merupakan sebagaimana Yang Berhormat Bandar Tun Razak, sebab sahabat baik ini, saya selalu sebut nama Yang Berhormat Bandar Tun Razak ini.

#### ■ 1020

Yang Berhormat Bandar Tun Razak amat faham apabila disebut Jadual 9 itu ada terkandung hak negeri sebagaimana hak tanah, hak air. Air kita sudah *sign* iaitu Selangorlah tetapi kita hendak sebutkan bahawa hak itu adalah merupakan hak mutlak yang diberikan kekuasaan dan peruntukan oleh Perlembagaan kita.

Jadi balik kepada Yang Berhormat Kalabakan tadi adakah kita cuba? Namun sebenarnya bukan setakat kita mencuba tetapi kita telah mengadakan banyak usaha yang kita lakukan. Oleh sebab itu dalam contoh pentadbiran agama Islam negeri-negeri dalam peruntukan yang diberikan kepada negeri walaupun kita berbeza kuasa tetapi kita telah mengusahakan paling tidak kita sudah ada akta seragam yang kita dapat laksanakan.

Namun dalam masa yang sama juga usaha memujuk dan juga untuk memahamkan sebab setiap kali kita bantangkan mesti ditanya ini faham atau tidak ini kuasa negeri? Kita beritahu kita faham ini kuasa mutlak negeri tetapi mari kita berunding, mencari perdamaian dan juga mencari satu jalan harmoni untuk lebih kita tingkatkan.

Saya setuju keunikan yang ada di negeri dengan kuasa yang telah diperuntukkan. Namun dalam masa yang sama juga kita mahu melihat keharmonian antara peruntukan-peruntukan ini supaya dapat dinikmati oleh semua negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan tahap kejayaan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dalam membantu golongan belia di Malaysia dan adakah jumlah pinjaman diberi berpadanan dengan kejayaan atau tidak memenuhi sasaran.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat sahabat lama saya. Tadi menteri kata sahabat, sejak bila itu? Saya lebih lamakan? Kita dekat universiti sama tahun 1969 sampai 1972. Belajar pun sama fakulti. Boleh minta ya?

Tuan Yang di-Pertua, daripada perangkaan yang saya lihat TEKUN Nasional ini kita telah memberi pinjaman hampir RM3 bilion iaitu RM2.98 bilion. Sebelum saya pergi kepada beliau, saya hendak beritahu Yang Berhormat TEKUN ini daripada jumlah tersebut hampir setengah bilion kita beri kepada peminjam-peminjam negeri Selangor. Negeri Selangor yang nombor satu dapat pinjaman. Itu *almost a half billion*.

Dari segi peminjam pula kita telah beri pinjaman kepada 280,775 orang usahawan. Hendak melihat kejayaan ini dalam membantu golongan beliau, daripada jumlah ini 61.6% beliau ataupun 172,957 orang peminjam adalah daripada golongan beliau. Jumlahnya RM2.29 bilion *is from* RM3 bilion to RM2.29 bilion adalah pinjaman kepada golongan beliau. Jadi, saya rasa angka itu menunjukkan kejayaan TEKUN dalam membantu usahawan-usahawan beliau sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya hendak beritahu juga Tuan Yang di-Pertua iaitu peminjam-peminjam daripada kalangan beliau ini adalah terdiri daripada mereka yang baik, pinjamannya baik, bayaran balik pun baik. Maka oleh sebab itu TEKUN telah luluskan pinjaman berulang kali seramai 52,287 ataupun 65% daripada mereka yang dapat pinjaman berulang adalah terdiri daripada usahawan-usahawan beliau ini yang melibatkan RM1.1 bilion pinjaman berulang. Jumlah pinjaman berulang 80,647 orang dan 52,287 ataupun 65% ialah daripada pengusaha ataupun usahawan beliau. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa daripada repot yang saya baca iaitu satu perkara yang perlu kita tekankan ialah pembayaran balik atau dipanggil hutang-hutang yang tidak dapat dibayar. Jadi saya hendak minta pihak Menteri untuk menerangkan berapa peratus *back debt* yang telah dipotong daripada RM3 bilion yang telah diberikan.

Kedua daripada mereka yang 51,000 yang dinyatakan tadi berapa antara mereka yang sudah mencapai tahap ke peringkat yang mana mereka boleh meminjam di peringkat bank? Jadi tidak lagi dipanggil pinjaman kecil-kecilan. Jadi ia masuk dalam kumpulan *medium skill businessman*.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat. Ini telah banyak kali dibangkitkan soal *repayment, back debts, payable and whatever terms you want to call it*. Akan tetapi sebenarnya apa yang dilaporkan itu tidak begitu tepat. Saya hendak beritahu yang betul-betul dikira *back debt* atau lapuk tidak lapuk juga sebab kita *keep on collecting* walaupun sudah pun dikategorikan sebagai *back debt*. *Is only about* saya



rasa lebih kurang RM100 juta lebih sahaja daripada jumlah RM3 bilion itu. Kalau tidak silap saya angkanya hari itu lebih kurang 5% begitu daripada jumlah keseluruhan. *I think you* Yang Berhormat seorang *businessman, investment banker. I think this figure is quite impressive for the lender and borrowers.*

Dalam pada itu kita tidak menganggap bahawa jumlah itu tidak perlu dikutip. So mekanisme yang diguna pakai kita masih lagi meneruskan *collection*, kutipan. Lain-lain tidak ada masalah sangat cuma yang dikatakan sampai 15%, 20% itu, itu bukan hutang lapuk. Ia kadangkala lambat bayar, tidak regular *paymentnya*. Bayarannya tidak *regular*, tidak mengikut jadual dan sebagainya. Itu *different* kategori but kita terus juga dengan pengutipan dan hasilnya yang dikategorikan sebagai hutang yang bermasalah *is only about 5%. Think is the quite impressive.*

Berkenaan dengan berapa ramai yang *graduate* daripada mikro kredit kepada *non microcredit, go to the bank*. Ini saya tidak ada angkanya sekarang. Mungkin kita akan beri jawapan secara bertulis. Terima kasih.

#### ■1030

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar daripada Sekolah Kebangsaan Matang Gerdu, Bagan Serai dan guru-guru sekalian. [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar daripada Parlimen Bagan Serai baru-baru ini telah mendapat pencapaian SPM yang terbaik dalam negeri Perak walaupun di tempat ini tidak ada sekolah berasrama penuh.

TEKUN bermula sekitar 1994 yang telah banyak memberi bantuan dan bimbingan kepada usahawan untuk berjaya. Terima kasih kepada kerajaan yang prihatin, yang banyak membantu untuk mengembangkan industri mikro. Setelah sekian lama, struktur peruncitan telah banyak berubah. Kewujudan gedung-gedung besar seperti TESCO, *Giant* dan sebagainya di bandar-bandar besar dan bandar kecil telah banyak memberi manfaat kepada penduduk di sekitar dan juga di luar bandar dengan memberikan persaingan dari segi kos dan juga banyak pilihan. Ini sudah pasti sedikit sebanyak menggugat pekedai-pekedai kecil dan industri mikro.

Soalan saya, bagaimanakah TEKUN dapat melaksanakan transformasi struktur peruncitan mikro ini untuk seiring dengan perubahan ekonomi masa kini supaya hasrat usahawan-usahawan untuk berkembang dan berjaya tercapai. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita berikan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kedai runcit ini dengan pinjaman dan mereka boleh *upgrade* dia punya kedainya nombor satu supaya lebih menarik, lebih sesuai dengan kehendak atau pun cita rasa pengguna.

FAMA pun pada masa ini ada satu program untuk membantu pekedai-pekedai *to upgrade their* kedai-kedai di merata kampung-kampung dan sebagainya. Kita mungkin tidak sampai kepada taraf *mini market or something* tetapi ia lebih elok daripada yang sekarang ini. So, naik taraf dan selain daripada itu bekalan kepada kedai-kedai runcit ini pun pihak FAMA

mempunyai produk-produk yang boleh dihantar kepada mereka untuk dijual. Harga-harga menjadi faktor yang penting juga sama ada boleh berlawanan dengan *supermarket* atau tidak.

Dalam hal ini kalau kita lihat *supermarket*, dia punya kos lebih mahal. *Rental* kena bayar pada harga yang tinggi dan juga kos pengurusan jualan dan sebagainya, banyak kos yang terpaksa ditanggung oleh *supermarket* atau *hypermarket*. Tidak boleh lawan kos yang rendah di peringkat peruncit-peruncit, kedai-kedai runcit. Sebenarnya, dari segi *competition*, persaingan dari segi kos boleh *compete* dengan *supermarket*. Dari segi barang mungkin dia orang ada banyak pilihan, banyak *choices of products, consumer goods and what not* tetapi untuk keperluan kampung, pengguna-pengguna di kampung-kampung dan daerah-daerah, kita mempunyai bekalan yang cukup. Termasuk daripada pihak FAMA yang mempunyai begitu banyak sekali *range of products* untuk dipasarkan dan dijual oleh kedai-kedai. Terima kasih.

**3. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) senarai syarikat-syarikat, jumlah kuota subsidi mengikut harga/liter dan nilai kontrak *Community Drumming* yang diluluskan di seluruh Sarawak mengikut zon bagi tahun 2014; dan
- (b) apakah garis panduan dan ketelusan pemberian kontrak tersebut dan apakah kaedah pelaksanaannya.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Hasan bin Malek]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada soalan daripada sahabat saya daripada Bintulu. Saya akan cuba menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kanowit dan juga Yang Berhormat Lubuk Antu. Saya sekalikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Tuan Yang di-Pertua,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hari apa ini Yang Berhormat Kanowit dengan...

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Tarikh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada tarikh?

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Sebelumnya dahulu Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Kanowit pada 18.3.2014 yang lalulah. Satu lagi Yang Berhormat Lubok Antu pada 11.3.2014. Bersekali ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Terima kasih. Yang Berhormat, dalam tahun 2014, kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak 50 syarikat *transporter* di bawah Program Penyeragaman Harga bagi *community drumming* dengan jumlah kontrak bernilai RM37.8 juta setahun. Manakala kuota petrol dan diesel untuk setahun adalah sebanyak 32.6 juta liter. Ini dari segi angka dia.

Senarai syarikat sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat Bintulu, ada pada saya dan saya akan serahkan. Semua syarikat ini ada di sini. Saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pecahan bilangan syarikat yang dilantik menjadi *transporter* bagi tujuh zon di negeri Sarawak ialah Bintulu sebanyak 12 syarikat, Limbang - 7 syarikat, Sarikei - 1 syarikat, Sri Aman - 4 syarikat, Kapit - 7 syarikat, Miri - 13 syarikat dan Sibul - 6 syarikat. Semuanya tujuh zon ada dalam Sarawak. Senarai ada dengan saya.

Pelantikan syarikat-syarikat *transporter* ini dibuat dengan begitu telus, dengan begitu teliti dan teratur oleh Lembaga Perolehan yang dianggotai oleh wakil-wakil kementerian ini bersama-sama dengan Jabatan Kerja Raya. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan arahan daripada Kementerian Kewangan. Pertimbangan pelantikan syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi adalah berdasarkan beberapa garis panduan seperti berikut:

- (i) syarikat yang memohon adalah syarikat tempatan mengikut negeri. Di sini ialah syarikat tempatan Sarawak;
- (ii) syarikat mempunyai kemudahan logistik seperti pengangkutan, pelan pengedaran, stor penyimpanan serta tenaga kerja adalah kriteria yang penting dalam pemilihan syarikat ini. Syarikat yang mempunyai kemudahan logistik dan pelan pengedaran yang terbaik akan diberikan keutamaan;
- (iii) garis panduannya ialah syarikat mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai keadaan tempatan termasuk mengenal pasti dan telah membuat lawatan ke peruncit iaitu *the point of sales* (POS) sedia ada yang berpotensi menyertai projek.

Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dengar jawapan ini memanglah banyak sedap. Masalah di bawah memang tiada. Saya tidak tahu Menteri ada lihatkah masalah di bawah, rakyat banyak marah, minyak selalu tidak sampai kampung. Tadi Yang Berhormat Menteri pun jawab adalah bagi keutamaan kepada syarikat tempatan di Sarawak.

Sarawak memang besar. Jadi, kasi tujuh zon Sarawak, Bintulu 1 zon tetapi ada lima syarikat. Yang Berhormat Menteri faham atau lihatkah tidak, masalah ini saya dahulu sudah pergi pejabat Menteri mahu terangkan masalah ini tetapi saya nampak masalah ini tidak diselesaikan. Masalah lima syarikat ini, ini syarikat dari mana? Ini syarikat saya faham, baru punya. Itu logistik kalau kata *transport* lori tiada. Banyak dia orang pergi pinjam. Bukan itu *company* ada lori. Saya faham itu lori baru. Itu *company* baru daftar punya. Kenapa syarikat sudah ada, tidak ada diberi peluang?

■1040

Masalah yang paling sedih Tuan Yang di-Pertua, ada *company* mahu minta saya bagi sokongan. Saya beri sokongan, kenapa *you* punya jawatan di bawah sana beritahu, "*Ini Yang Berhormat Bintulu sudah ambil semua kontrak di seluruh Sarawak*". Apa cerita ini? Hari itu, saya

pergi pejabat ada beritahu Menteri, Menteri kata akan selesai. Mana selesai ini? Pegawai ini memang gila. Saya tidak tahu kementerian kongkalikung kah, pegawai kongkalikung.

Ini masalah saya mahu tanya, saya banyak terima aduan, kita memang cukup banyak bagi 32.6 juta liter diagihkan kepada rakyat di kawasan pedalaman tetapi rakyat di kawasan luar bandar selalu tiada. Macam contoh di Batu Niah, selalu rumah panjang mahu pergi beli minyak, tidak ada, diesel tidak ada. Pergi Tuba, Tuba pun tidak ada. Mana diesel ini pergi? Petrol pergi mana? Saya mahu tanya, ke mana perginya minyak-minyak subsidi ini?

Selain itu, saya pun tidak nampak ketelusan. Kita pun lihat bagi awal tender ini, mula-mula bagi AOI. AOI, bila orang pergi *interview*, kita pun langsung tidak mahu beritahu itu orang *transporter* tapak AOI punya, *you* mahu hantar minyak ke mana. Macam mana kita bagi anggaran semua? Kita punya pegawai tidak mahu. Apa fasal? Itu saya mahu tahu.

Akhir sekali, kenapa tender AOI kita mula-mula dapat semua kita batalkan dan hari kedua kita masuk *company* yang baru?

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kamu banyak diamlah. Pergi kempen di Kajang, bising tolong rakyat. Inilah rakyat punya masalah, fahamkah? Ini memang kongkalikung. Kalau tidak faham, jangan duduk dalam Dewan. Ini kalau kempen, temberang sama rakyat, tipu rakyat, masuk Dewan mahu kongkalikung rakyat juga.

Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, ini perkara yang serius. Begitu banyak negara diperuntukkan RM37.7 juta setahun untuk logistik tetapi akhir sekali tidak ada. Petrol-petrol kalau kita mahu pergi pam minyak, minyak pun tiada, mana pergi? Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri. Lain-lain perbahasan saya, minta tolong jawab bila kita jawab daripada kementerian.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu dengan luahan hatinya. Bagaimana risaunya dia pada kawasan Bintulu, begitu juga saya sebagai Menteri risau juga dengan keadaan pengundi-pengundi di Bintulu dan juga Sarawak secara umumnya.

Walau bagaimanapun, saya senantiasa mengambil pendekatan untuk kita berunding, bercakap dan menerima pandangan-pandangan, teguran-teguran dan sebagainya. Ruang peluang untuk itu dah ada dah, platformnya dan sebagainya. Saya bersedia. Ini kerana, apa yang kita lakukan di pihak kementerian melalui perunding-perunding harga yang dibuat oleh pegawai-pegawai di peringkat negeri dan keputusan ini dibawa pula ke peringkat kementerian, kita bincang di peringkat Lembaga Perolehan, ada pihak JKR di situ dan sebagainya, kita putuskan secara bersama.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri, itu tidak payah jelaskan.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Nanti, saya selesaikan dulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu tidak payah jelaskan, saya faham. Itu hari saya sampai pun jelaskan yang sama. Masalahnya sekarang, di Sarawak memang seorang pegang *company* ini, selepas itu sekarang ini dia satu-satu *company* dia bagi jual. Ini saya mahu

terangkan kepada kementerian, jangan kementerian tidak faham. Memanglah satu, sekarang dia jual satu *company* berapa, dia angkat habis.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Okey, kalau ada maklumat itu Yang Berhormat sahabat saya, bantu saya untuk mengemukakan dan kalau misalnya tidak cukup di Dewan, kita boleh laporkan kepada pihak-pihak yang berwajib. Bagi pihak saya, rakyat di Sarawak mesti kita pertahankan, mesti kita bela. Ini hasrat kita, Yang Berhormat Bintulu. Ini kerana saya sebutkan tadi, kadangkala ada perkara-perkara yang memang di luar pandangan kita, terlepas pandang. Jadi maklumat inilah... Kalau pada saya, kita agihkan ini kepada 50 syarikat *transporter* yang ada di seluruh Sarawak tadi. Saya tidak tahu siapa yang punya dan sebagainya. Saya tidak pernah pun berhubung dengan mereka. Oleh kerana itu...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Okey, kita sabarlah Yang Berhormat, bantu saya. Kita sahabat lama, bantu saya untuk kita sama-sama.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Okey, jadi sebenarnya macam disebut, tanya tadi soal ke mana perginya diesel dan sebagainya, Ahli-ahli Yang Berhormat memang sedia maklum, kerana penyelewengan-penyelewengan yang dibuat oleh pihak-pihak pengkhianat negara ini. Beli diesel subsidi, jual pula kepada kilang-kilang dan perkara ini pula ada dalam makluman kita. Oleh kerana itu, saya beritahu kepada pihak pegawai supaya penguatkuasaan kita perhebatkan. Untuk tujuan itu, saya bangga atas beberapa serbuan yang telah kita buat sama ada di Kuching, Bintulu, Kapit, Lawas, Miri, Sarikei, Sri Aman, Sibu. Saya ada maklumat berapa serbuan telah dibuat, berapa kompaun yang telah kita kenakan dan sebagainya.

Untuk tujuan ini pun, ini bukannya mudah. Kadangkala orang yang empunya syarikat itu A tetapi lori yang dipakai, pakai B, ia lain-lain. Ini menyulitkan pihak kita untuk hendak membawa ke mahkamah dan sebagainya. Akan tetapi mesej yang saya hendak sampaikan, kita begitu serius dan kita memang tidak mahu ada tolak ansur dalam bidang ini sebab mereka yang menyeleweng, membuat perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku ini kita mesti tentang habis-habisan. Untuk tujuan itu, saya minta sokongan daripada pihak semua supaya...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Okey, saya ada kes ini dan saya akan beritahu, saya akan jumpa, saya akan beritahu maklumat-maklumat yang ada pada saya dan saya minta sangat sahabat untuk bantu kita supaya kita dapat benar-benar memerangi penyeludupan-penyeludupan yang berlaku ini. *[Disampuk]*

Kalau begitu, saya minta izin sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat untuk kita berunding balik. Pada saya, tidak ada masalah yang tidak boleh kita selesaikan. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung setuju dengan rakan saya Yang Berhormat Bintulu sebab di kawasan saya pun mempunyai masalah yang sama. Saya hairan kenapa kementerian, soal-soal begini pun

terlalu huru-hara penyelarasannya. Kontraktor tempatan yang telah berkhidmat sekian lama tidak dianugerahkan, diberi pada orang lain. Jadi akhirnya, sistem penghantaran itu tergendala.

Contohnya, penghantaran barang-barang makanan. Syarikat tempatan di kawasan telah berkhidmat dua tahun tetapi dia tidak diberi, dia diberi tempat lain, diangkat syarikat daripada luar. Sehingga hari ini, dia tidak dapat membekal makanan itu. Saya hendak tanya pegawai, apa sudah jadi? "*Bukan saya pilih Datuk, kementerian pilih.*" Saya rasa Yang Berhormat, perkara begini harus diselesaikan *once and for all*, jangan menyusahkan rakyat. Sebab, peruntukan ini kerajaan bagi untuk menyenangkan rakyat, bukan menyusahkan rakyat. Yang Berhormat duduk situ, guna akal fikiran, senangkan rakyat. Tidak boleh begini, tipu rakyat. Saya tidak suka!

**Seorang Ahli:** Memang kongkalikung.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga sahabat saya dari Kinabatangan. Saya perlukan maklumat-maklumat yang sebegini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya akan panggil BPR masuklah, alang-alang.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Sila, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita bagi maklumat apa semua. Saya banyak maklumat yang saya boleh beritahu, saya boleh beritahu siapa orang yang terlibat.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Okey, kalau begitu...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau itu Yang Berhormat mahu, saya akan bagi.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Okey, saya bersedia untuk apa maklumat-maklumat yang diberikan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masuk penjara pun sedialah kita semua. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Okey, terima kasih. Saya ingat tidak payahlah saya jawab sebab luahan hati itu saya faham dan saya hanya pohon kerjasama sokongan daripada kawan-kawan untuk sama-sama melihat ke arah ini dan kita dapat memerangi segala apa sahaja penyelewengan yang berlaku. Saya bersedia untuk memberikan kerjasama. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu tanya, ini masalah *community drumming* memang sudah lama merupakan satu kelemahan kepada kementerian. Saya rasa masalah ini memang penguatkuasaan yang lemah bagi pihak kementerian. Lagi ialah masalah rasuah yang begitu berleluasa di Sarawak yang mengakibatkan, yang apa-apa dicakapkan oleh Yang Berhormat Bintulu, hanya satu syarikat sahaja yang mendapat kontrak untuk *community drumming* ini. Saya amat hairan mendengar apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Bintulu. Saya rasa Yang Berhormat Bintulu pun bersetuju dengan saya bahawa masalah ini memang berasal dari masalah rasuah yang terlibat dalam kementerian.

## ■1050

Jadi saya mahu pihak Menteri boleh memberi jaminan lagi, tolonglah untuk menyelesaikan masalah ini. Satu lagi ialah penyeludupan minyak diesel. Ini pun sudah lama dibahaskan di Parlimen tetapi masalah ini masih perlu diselesaikan. Saya masih menerima banyak aduan di kawasan saya yang sentiasa tidak ada minyak diesel. Masalah penyeludupan memang masalah penguatkuasaan yang lemah dari pihak kementerian.

Jadi Yang Berhormat Menteri, bilakah masalah ini boleh betul-betul diselesaikan?

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat SibU. Saya dalam makluman sebenarnya kalau secara khusus masalah apa yang disebut oleh Yang Berhormat SibU tadi, di SibU sendiri pun pada tahun lepas kita telah menjalankan serbuan-serbuan di mana kita telah mendapat enam kes. Sungguhpun enam kes ini dijalankan masih lagi dalam siasatan oleh kerana beberapa *technicalities* yang berada di situ. Seperti yang saya sebutkan tadi kadang-kadang tauke ini yang punya lori lain, yang punya stesen minyak lain. Siasatan yang seperti inilah yang kita perlukan untuk kita ambil tindakan.

Begitu juga untuk tahun 2014 ini. Di SibU sudah ada tiga kes yang telah kita rampas dalam mana nilai rampasan ini lebih daripada RM90,000. Ini juga dalam perhatian kita dan memerlukan masa sedikit bagi pegawai saya untuk mengambil tindakan. Kalau misalnya ada ruang bantuan Yang Berhormat SibU boleh bantu kita, saya bersedia untuk melihat supaya perkara ini dapat kita selesaikan, bak kata tadi *once and for all*. Terima kasihlah persetujuan hari ini- jawapan.

**4. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]** minta Menteri Pendidikan menyatakan kos bagi perlanjutan program Mentor Bahasa Inggeris, tempoh kontrak baru, syarikat jururunding apa yang dilantik serta apakah perlanjutan program tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan mengenai perlanjutan Program Penutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelanjutan Program Penutur Jati Bahasa Inggeris ini dilaksanakan bagi tempoh 1 Oktober 2013 hingga 30 September 2015.

Untuk soalan mengenai syarikat yang dilantik adalah seperti berikut:

- (i) SMR HR Group seramai 120 mentor;
- (ii) Brighten Education Group seramai 120 mentor; dan
- (iii) British Council Malaysia juga seramai 120 mentor.

Perlanjutan PPJBI atau pun Program Penutur Jati Bahasa Inggeris ini merupakan sebahagian usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan kebolehan dan keberkesanan tenaga pengajar dalam pedagogi serta kemahiran dan penguasaan bahasa Inggeris. Selain itu mendedahkan guru-guru kepada teori-teori dan juga konsep-konsep baharu dalam bidang pengajaran bahasa Inggeris dari segi membaca, menulis, mendengar dan bertutur secara efektif.

Program ini juga telah berjaya mengukuhkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru-guru. Sebelum saya datang menjawab, saya juga sempat berbincang dan

menanya maklumat maklum balas daripada guru-guru dan guru-guru yang telah melalui program tersebut memberi maklumat positif. Mereka telah menyatakan bahawa apabila mengaplikasikan pengetahuan baru yang didapati daripada program PPJBI, objektif-objektif pengajaran dan pembelajaran dalam kelas bahasa Inggeris dicapai tanpa menghadapi sebarang jenis cabaran.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bendera, PPJBI ini melibatkan semua guru bahasa Inggeris tahap satu di 1,800 buah sekolah rendah dan kosnya sebanyak RM184.4 juta. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Program PPJBI ini sudah berlangsung dari tahun 2011 sehingga tahun 2013 dan kini dilanjutkan sehingga tahun 2015 seperti mana yang baru dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri. Kos selama tiga tahun pelaksanaannya dari tahun 2011 sehingga tahun 2013 telah menelan belanja sebanyak RM270 juta ataupun bersamaan dengan RM21,000 sebulan bagi setiap guru mentor penutur jati yang dilantik.

Jadi soalan saya setelah tiga tahun pelaksanaannya apakah hasil— saya tahu Yang Berhormat Menteri tadi ada memberi sedikit contoh tetapi saya hendak minta kalau ada hasil dari segi bukti empirikal, dari segi peningkatan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru dan juga murid di sekolah-sekolah rendah berkenaan dan apakah rasional ataupun kewajaran bagi perlanjutan program ini kepada ketiga-tiga syarikat tersebut memandangkan keputusan UPSR tahun lepas dalam kertas bahasa Inggeris telah menunjukkan penurunan ataupun kemerosotan di mana jumlah calon yang menerima Gred A, B dan C telah menurun.

Jadi pada saya nampaknya program ini tidak mendatangkan hasil yang setimpal dengan pelaburan. Jadi minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri tolong menjelaskan. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya mengucapkan terima kasih kerana menanyakan soalan yang begitu penting dan boleh saya beri penjelasan. Saya tidak menafikan, benar, ada pengurangan sedikit dalam keputusan tetapi ini merupakan satu perancangan jangka masa panjang dan kita pasti. Saya akan beri maklumat terperinci.

Berdasarkan penilaian pencapaian KPI Program Penutur Jati Bahasa Inggeris, seramai 6,054 guru yang mengikuti program yang dinilai oleh mentor berdasarkan *Common European Framework*, dengan izin, mendapati bilangan guru yang berada pada *band* rendah iaitu A1, A2 dan B1 ataupun *basic level* dengan izin, telah berkurangan manakala guru yang berada pada *band* C1, C2 dan B2, *proficient level* dengan izin, meningkat dengan signifikan. Dalam tiga bidang, saya beri huraian, *writing skills*, *reading skills* dan juga *listening* dan *speaking skills*, dengan izin.

Dalam aspek kemahiran penulisan atau *writing skills*, peratus guru di dalam *band* yang rendah iaitu *band* A1 dan A2 telah berkurangan sebanyak 7.8%, manakala peratus guru yang berada dalam *band* yang tinggi iaitu *band* C1 dan C2 telah bertambah sebanyak 8.7%. Manakala bagi kemahiran membaca atau pun *reading skills* dengan izin, peratus guru di dalam *band* A1 dan A2 telah berkurangan sebanyak 9.92%, manakala peratus guru yang berada di dalam *band*



C1 dan C2 telah bertambah sebanyak 12.67%. Manakala guru juga telah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran mendengar dan bertutur, *listening* dan *speaking skills* dengan izin. Peratus guru dalam *band* A1 dan A2 telah berkurangan sebanyak 8.07%, manakala peratus guru yang berada di dalam *band* C1 dan C2 telah bertambah sebanyak 6.73%.

Ini angka-angka yang ada, yang wujud, angka-angka yang benar dan kita akan sentiasa memastikan PPJBI ini terus dilaksanakan kerana kita nampak dalam masa depan ia akan membawa lebih penambahbaikan dan masa depan penggunaan bahasa Inggeris di tahap satu dan juga tahap dua akan meningkat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian. Kita berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah merancang pelbagai program tentang bahasa Inggeris.

Saya melihat di luar bandar, fokus kita atau pun kalau kita lihat kelemahan bahasa Inggeris ini bermula di sekolah rendah. Walaupun program diperkasakan hingga ke sekolah menengah, selagi di sekolah rendah ini kita tidak mencari sesuatu yang di luar bandar benar-benar menguasai kepada pelajar-pelajar. Maka selagi itulah bahasa Inggeris kalau kita lihat keputusan UPSR baru-baru ini begitu juga PMR di luar bandar, kebanyakan anak-anak kita tidak mencapai kecemerlangan kerana bahasa Inggeris.

Setakat ini, apakah langkah-langkah kementerian bagi memperkasakan pengajaran bahasa Inggeris di luar bandar? Sekadar menghantar guru bahasa Inggeris tetapi keputusannya tetap juga.

■1100

Saya tahu jawapannya dia akan kata nak hantar banyak guru bahasa Inggeris ke luar bandar tetapi mohon Kementerian Pendidikan menyatakan program yang khusus untuk peringkat sekolah rendah kerana daripada sekolah rendah barulah boleh bahasa Inggeris diperkasakan di peringkat sekolah menengah seterusnya ke pusat pengajian tinggi. Mohon penjelasan kementerian.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Gerik, program PPJBI ini merupakan program khusus untuk sekolah luar bandar. Seramai 1,800 guru yang telah kita latih ini merupakan guru-guru daripada sekolah rendah yang khususnya untuk kawasan pedalaman. Ini dia program khusus yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Gerik dan ini di antara salah satu program. Kita masih akan meneruskan membawa guru-guru dari luar negara, membawa guru-guru cemerlang juga guru-guru yang telah bersara, yang ada pengalaman untuk membawa mereka juga masuk untuk membantu pembelajaran bahasa Inggeris di kawasan luar bandar.

Ini program yang telah kita tetapkan dan kita juga akan terus memastikan banyak lagi cara-cara. Contoh, yang akan kita laksanakan dalam bulan Julai ini nanti ialah kita akan membawa lebih kurang 90 orang guru daripada negara India yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua sama seperti negara kita supaya mereka juga dapat memberi maklumat dan juga pengalaman mereka membantu guru-guru dengan menggunakan konsep

dengan izin, *train the trainer*. Mereka akan ditempatkan di kawasan-kawasan pedalaman di luar bandar. Ini juga kita berharap akan dapat membantu dengan secara langsung untuk menambah baik mutu penggunaan bahasa Inggeris di Tahap Satu dan juga Tahap Dua di sekolah-sekolah luar bandar. Terima kasih Yang Berhormat Gerik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pemasangan CCTV di tempat-tempat tertentu misalnya di '*vehicle parking area, housing estate*' dan tempat yang digunakan orang ramai di pekan-pekan, di pasar-pasar akan dipertimbangkan dengan serius dan bukan cadangan semata-mata.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui *Lab* NKRA pada tahun 2009 telah pun mengenal pasti bahawa pemasangan kamera litar tertutup ataupun CCTV di premis-premis perniagaan dan tempat-tempat awam di bawah Program Bandar Selamat adalah perlu dilakukan sebagai salah satu daripada mekanisme yang dapat mengurangkan jenayah. Inisiatif ini dilaksanakan secara kolaboratif erat antara pihak PDRM, pihak berkuasa tempatan dan juga kerajaan iaitu melalui kementerian, melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) dan Jabatan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesuatu lokasi pemasangan CCTV dipilih, ianya dirancang dengan teliti, ditentukan oleh pihak kementerian dan PDRM berdasarkan kepada kawasan-kawasan tumpuan utama ataupun *hot spot* dengan izin, kawasan-kawasan tumpuan utama jenayah. Kawasan *hot spot* ini turut meliputi kawasan parkir kereta ataupun *vehicle parking area* dengan izin, kawasan-kawasan perumahan dan tempat yang merupakan tumpuan orang ramai seperti di pasar-pasar dan sebagainya yang mempunyai risiko jenayah. Untuk makluman Yang Berhormat, antara kriteria penilaian bagi penetapan satu-satu kawasan sebagai lokasi yang perlu dipasangkan CCTV ini adalah seperti berikut:

- (i) berdasarkan kepada kadar kes jenayah harta benda;
- (ii) status PBT;
- (iii) PBT yang menjadi tumpuan pelancongan;
- (iv) kepadatan penduduk mengikut keluasan kepada PBT; dan
- (v) komitmen dan usaha yang dijalankan oleh PBT dalam usaha-usaha pencegahan jenayah.

Sehingga ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun memasang sebanyak 496 CCTV di 25 pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia melalui kontrak pemasangan CCTV fasa satu. Program CCTV ini bertujuan untuk terus memberikan penekanan dalam usaha membanteras jenayah jalanan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan, NKRA mengurangkan jenayah. Pemasangan CCTV ini telah pun berkesan di dalam mengurangkan jenayah dan meningkatkan tahap keselamatan bandar dan mengikut laporan yang terkandung di

dalam Laporan Program Transformasi Kerajaan 2012, jenayah dilaporkan telah pun menurun sehingga 26.8% tahun 2009 sehingga tahun 2012.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebanyak 496 CCTV lagi akan dipasang di 25 PBT termasuk di negeri Sabah dan Sarawak dan dijangka akan siap pada akhir bulan November 2014. Sehingga Mac 2014 Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tempatan dengan sokongan daripada pihak kementerian, telah pun memasang dan menyelenggarakan sebanyak 1,143 unit CCTV menjadikan jumlah CCTV yang dipasang oleh kementerian dan juga pihak berkuasa tempatan di seluruh negara sebanyak 1,639 unit. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, selain daripada usaha-usaha untuk kita menentukan, menjaga keselamatan rakyat yang ada, kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah pun mengeluarkan beberapa garis panduan reka bentuk bandar selamat seperti:

- (i) garis panduan Program Bandar Selamat;
- (iii) garis panduan pemasangan CCTV di premis perniagaan dan tempat awam; dan
- (iii) panduan pelaksanaan pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor dan juga pemasangan tonggak jalan dan *rail* pengadang.

Selain daripada itu, kementerian melalui JPBD juga telah pun mengeluarkan panduan pelaksanaan *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) dengan konsep perancangan berdasarkan kepada idea reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif yang boleh mempengaruhi perlakuan manusia daripada melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden-insiden jenayah di samping meningkatkan lagi kualiti persekitaran dan kehidupan. Usaha kerajaan melaksanakan program CCTV di bawah NKRA mengurangkan jenayah ini Yang Berhormat, adalah merupakan usaha yang serius dan kerajaan meletakkan keutamaan dalam soal keselamatan rakyat dan mekanisme yang dilakukan ini adalah mekanisme sebenarnya dan bukanlah merupakan cadangan semata-mata. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Keningau.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan bahawa tujuan kita mengadakan CCTV ini adalah untuk mengurangkan jenayah dan juga untuk mengawal keselamatan orang ramai, bolehkah kementerian melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mereka boleh menyumbang idea ataupun boleh menumpukan perhatian terhadap tempat-tempat tertentu di dalam kawasan mereka itu. Supaya boleh lebih tertumpu kepada tempat-tempat Ahli Yang Berhormat merasakan memerlukan lebih banyak lagi tindakan untuk menyelamatkan rakyat dan juga untuk memastikan supaya jenayah itu akan terus berkurangan.

Kedua, memandangkan bahawa banyak kawasan setinggan di negeri Sabah ini juga mempunyai pendatang-pendatang tanpa izin, bolehkah kementerian menimbangkan supaya

CCTV juga ditempatkan di kawasan-kawasan setinggian yang mempunyai pendatang-pendatang asing yang kita rasa bahawa mereka ini adalah pendatang tanpa dokumen. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada kawasan Keningau. Cadangan Yang Berhormat yang pertama tadi untuk melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pandangan dan juga cadangan daripada Yang Berhormat pada kawasan yang berkenaan yang akan memberikan juga tempat-tempat tumpuan keselamatan dalam kawasan masing-masing, yang itu saya ucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat tadi. Kita akan bawa kepada kementerian untuk maklumkan kepada pihak berkuasa tempatan.

■1110

Maknanya selain daripada kawasan-kawasan *hot spot* yang telah pun dikenal pasti oleh pihak PDRM, mungkin kita juga ada kawasan- yang perlu diberikan tumpuan yang bukan sahaja masuk dalam kawasan *hot spot* seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih Yang Berhormat di atas cadangan tersebut.

Bagi cadangan yang kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, saya ingin memaklumkan pihak ESSCOM sebenarnya sudah ada perancangan untuk pembangunan kampung-kampung air yang ada di kawasan Sabah. Jadi *insya-Allah* kita akan masukkan sekali dalam perancangan berdasarkan kepada apa yang telah berlaku supaya kemudahan CCTV ini dapat diperuntukkan dalam membicarakan soal meningkatkan lagi keselamatan penduduk yang ada dalam kawasan persekitaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kementerian mempunyai hasrat untuk menetapkan satu bajet khas untuk pemasangan CCTV di setiap bandar dan pekan untuk setiap tahun? Dalam kajian kementerian, berapakah jumlah CCTV yang perlu dipasang di seluruh negara dan juga kos yang terlibat dalam pemasangan itu? Apakah jangka masa yang akan diambil. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Yang Berhormat, perancangan untuk meletakkan keselamatan rakyat ini adalah merupakan keutamaan kepada pihak kementerian KPKT. Bila kerajaan meletakkan itu sebagai keutamaan, menjaga dan menentukan keselamatan rakyat maka sudah tentu ia menjadi tanggungjawab bersama di antara pihak Kerajaan Pusat iaitu melalui kementerian KPKT berserta dengan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Maka kerana itu setiap tahun dalam bajet yang disediakan untuk kementerian KPKT diperuntukkan sebahagian besar daripadanya untuk pelaksanaan pemasangan CCTV. Saya sudah sebut pada jawapan kepada Yang Berhormat Keningau tadi. Kita pasang 496 unit CCTV bagi kawasan Semenanjung, 25 pihak berkuasa tempatan dan kita tambah lagi pada tahun ini 496 kepada 25 lagi PBT dalam kawasan Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu Yang Berhormat, bagi kos untuk pemasangan CCTV bagi tahun ini sahaja pelaksanaan kepada 25 yang telah dilaksanakan bagi kawasan Semenanjung ialah berjumlah sebanyak RM70 juta dan bagi kawasan 25 lagi PBT baru termasuk di Sabah dan

Sarawak kosnya ialah RM81 juta. Maknanya kerajaan memperuntukkan sebilangan besar daripada peruntukan yang ada, bajet yang sedia ada dalam KPKT untuk menentukan soal keselamatan rakyat ini tidak ada kompromi. Dalam perancangan, setiap tahun perancangan penambahan pemasangan CCTV itu akan dilakukan pada tiap-tiap tahun dalam bajet yang akan ditentukan pada masa-masa yang akan datang.

Selain daripada itu Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan tadi pemasangan CCTV ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab kerajaan di peringkat Persekutuan melalui KPKT dengan kemudahan peruntukan yang kita salur turunkan kepada pihak berkuasa tempatan. Saya harap supaya pihak kerajaan negeri juga dapat mengambil inisiatif yang sama supaya kita dapat tambahkan lagi bilangan CCTV yang perlu kita letakkan dalam kawasan persekitaran, selain daripada kawasan *hot spot* yang ditentukan oleh pihak PDRM. Terima kasih Yang Berhormat.

**6. Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah Jalan Alor Pasir ke Tok Bali akan disiapkan dan boleh digunakan awam. Berapakah kos keseluruhan projek dan kontraktor-kontraktor yang bertukar ganti.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Puteh di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek menaik taraf Jalan Pasir Puteh-Gong Kulim Tok Bali, Pasir Puteh Kelantan telah dimulakan pada 1 Februari 2006 dan sepatutnya disiapkan pada 28 Mac 2010. Walau bagaimanapun, kontrak asal projek ini telah ditamatkan pada bulan Julai 2010 dengan kemajuan fizikal di tapak semasa penamatan ialah 73% iaitu bersamaan nilai RM40.7 juta daripada RM56 juta harga kontrak asal, dengan izin. Sehubungan itu Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melantik kontraktor yang baru pada bulan April 2011 dengan harga kontrak sebanyak RM49 juta. Kontrak ini sepatutnya disiapkan pada bulan Februari 2014. Namun demikian kontrak ini juga terpaksa ditamatkan pada bulan November 2013 berikutan masalah kelemahan kontraktor. Nilai kerja yang dilaksanakan sehingga kerja penamatan ialah RM27.4 juta atau bersamaan 55% kemajuan fizikal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JKR atau Jabatan Kerja Raya pada masa kini sedang dalam proses melantik kontraktor penyelamat yang baru bagi meneruskan baki kerja yang terbengkalai itu. Berdasarkan perancangan, kontraktor yang baru dijangka akan memasuki tapak pada bulan April atau Mei 2014 dengan tempoh siap kerja selama enam bulan. Anggaran kerja kontrak untuk baki kerja ini ialah sebanyak RM20 juta. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Untuk soalan tambahan, nampak gaya lebih kurang 10 tahun untuk menyiapkan jalan yang lebih kurang 10 kilometer lebih sedikit sahaja. Satu kilometer satu tahun. Itulah nasib kita di

Kelantan, projek-projek kita ini selalunya lambat. Masih ada lagi lima jambatan daripada Kota Bharu–Pasir Puteh sampai ke Jerneh yang sudah disiapkan lencongan tetapi jambatan itu empat lima tahun tidak dibuat lagi. Jadi itulah nasib kita. Nasib kita boleh dikatakan kasihanlah orang Kelantan ini. Minta tolong dipercepatkan.

Satu lagi ialah lebuhraya di Kota Bharu ke Kuala Krai juga kita minta tolong cepatkan dan Lebuhraya Pantai Timur juga minta tolong dipercepatkan. Sebagai mana kita rakyat Kelantan ini sentiasa mengharapkan pertolongan daripada Kerajaan Pusat.

Soalan tambahan saya, dengan kontraktor-kontraktor yang dipilih itu tadi, dua kontraktor dipilih, tetapi tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dan ditamatkan. Persoalan saya adakah syarikat-syarikat ini disenaraihitamkan? Bukan hanya syarikat tetapi soalan saya ialah ahli-ahli lembaga syarikat itu juga disenaraihitamkan. Adakah mereka ini sudah disenaraihitamkan supaya jangan mereka ini mendapat lagi kontrak-kontrak di tempat lain oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kerajaan Pusat tidak pernah menganaktirikan Kelantan. Yang Berhormat jelas apa yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh khusus untuk Kementerian Kerja Raya sahaja Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM400 juta dan ini terbukti dengan pembinaan Jambatan Sultan Yahya Petra dengan kos RM180 juta. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu menaik taraf Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai kita akan mulakan dengan Pakej 1B yang akan dilaksanakan iaitu Pasir Hor ke Kadok sepanjang 70 kilometer dengan kos RM220 juta Yang Berhormat. Ini hanya merujuk kepada projek infrastruktur jalan-jalan dan jambatan-jambatan sahaja. Ini tidak termasuk peruntukan daripada kementerian yang lain termasuklah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan sebagainya.

Untuk menjawab kepada persoalan yang dikemukakan Yang Berhormat, sebenarnya dalam isu yang melibatkan projek ini penilaian tertentu diberikan untuk satu-satu kontraktor di mana apabila terdapat kegagalan yang berterusan Kementerian Kerja Raya melalui jabatan-jabatan atau agensi-agensi di bawahnya akan mengambil tindakan Yang Berhormat. Kita selalu mengambil tindakan ke atas kontraktor-kontraktor. Itu tidak bermakna kita tidak pernah mengambil tindakan langsung Yang Berhormat.

Dalam aspek yang sama kita juga melihat kepada kewibawaan kontraktor tersebut. Sekiranya kontraktor ini pada asalnya merupakan kontraktor yang berwibawa, yang hanya mempunyai masalah contohnya kewangan, kita akan memberi peluang dari segi memberi ruang untuk syarikat ini membuktikan kewibawaan dan kemampuan melalui suntikan dana. Itu pun kita tidak akan menerima bulat-bulat pengesahan dari segi kata-kata yang tidak disokong dengan bukti-bukti yang jelas, bahawasanya syarikat ini berkeupayaan untuk keluar daripada masalah kewangan itu dan komited untuk melaksanakan projek-projek yang telah diamanahkan.

## ■1120

Kita akan lihat daripada segi itu, daripada segi latar belakang syarikat dan seterusnya komitmen untuk menyelesaikan satu-satu kerja, pada tempoh dan kos yang tidak mempunyai pertambahan Yang Berhormat. Jadi daripada segi itu, kita melihat kemampuan dan juga keupayaan syarikat itu bagi menyelesaikan projek yang telah diamanahkan kepada mereka. Dari segi tindakan, sudah tentu sekiranya ini tidak juga dilaksanakan, kita akan ambil tindakan untuk menyenaraihitamkan termasuklah tindakan-tindakan seperti selepas ditamatkan, kita akan juga menarik balik *performance bond* yang telah dikemukakan, nama-nama syarikat ini akan dikemukakan kepada pihak PKK dan CIDB untuk disenaraihitamkan, juga tindakan untuk membawa syarikat-syarikat ini ke mahkamah. Itu sahaja jawapan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Timbalan Menteri saya hendak tanya. Sebab masalahnya sekarang adalah *non-performing* yang berterusan. Kita tahu bahawa banyak kontraktor, dia lepas ambil *claim*, dia *declared bankrupt*, *then* dia tidak boleh *deliver*. Saya hendak tanya, tidak adil kepada orang Malaysia, rakyat pembayar cukai untuk *continuously subsidy* kepada kontraktor-kontraktor yang gagal. Seperti Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah kata, "*Sepuluh tahun, 10 kilometer pun tidak boleh deliver*". Ini adalah contoh-contoh kontraktor yang patut disenaraihitamkan dan juga ahli-ahli lembaga mereka. Ini sebab ahli lembaga mereka sudah tahu *the game, they knows the game*. Dia tubuhkan satu syarikat, ambil kontrak, tidak perlu *deliver*, dia tutup syarikat tersebut dan buka yang lain. Inilah soal pokoknya yang kita harus tangani. Kalau tidak, kita akan selalunya memberi kontrak kepada syarikat-syarikat yang tidak boleh *perform*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, soalan Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Soalan saya adalah, apakah kriteria yang akan secara jelas bahawa syarikat tersebut akan disenaraihitamkan? Adakah ahli lembaga akan disenaraihitamkan? Kita hendak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya ini soalan khusus ini.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Okey, terima kasih Yang Berhormat atas soalan. Seperti yang saya jawab tadi dengan panjang lebar kepada Yang Berhormat Pasir Puteh, terdapat kriteria-kriteria yang diambil sebagai punca ataupun sebab kenapa satu-satu kontraktor itu ditamatkan dan seterusnya disenaraihitamkan. Ia adalah apabila kontraktor ini secara berterusan ya Yang Berhormat melakukan....

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Berapa kali berterusan?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Secara berterusan, berulang kali Yang Berhormat. Lebih daripada sekali, lebih daripada dua kali, tindakan akan diambil yang mana setelah satu-satu projek itu ditamatkan, selalunya kita tidak terus tamat dan terus ambil tindakan. Kita akan bagi ruang dahulu Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi, kita akan bagi ruang untuk syarikat-syarikat ini meyakinkan dan seterusnya kekal kepada komitmen yang telah

diberikan untuk menyelesaikan projek yang telah diamanahkan. Kita akan bagi ruang yang cukup. Sekiranya ruang ini juga tidak dimanfaatkan sebaiknya, malah selepas itu kita akan ambil tindakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita banyak mengambil tindakan ke atas kontraktor-kontraktor yang tidak berwibawa ini dan tidak mampu untuk menyelesaikan kerja-kerja. Saya akan berikan Yang Berhormat contoh-contoh secara bertulis yang mana tindakan yang tegas diambil oleh pihak kementerian ke atas kontraktor-kontraktor yang bukan sahaja tidak mampu untuk melaksanakan projek-projek yang telah diamanahkan. Malah telah melakukan kesalahan-kesalahan yang ...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Timbalan Menteri, Timbalan Menteri belum jawab ahli lembaga syarikat. Adakah mereka akan disenaraihitamkan?... [*Dewan riuh*] Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Timbalan Menteri, cukup. Tidak boleh berdialog.

**7. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan unit pemantau bagi memastikan maklumat kerahsiaan jabatan/negara dikawal selia dan apakah tindakan terhadap kakitangan kerajaan jika melanggar akta kerahsiaan tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan. Pemantauan bagi memastikan maklumat kerahsiaan dikawal selia, sentiasa menjadi agenda utama. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia (KPKK), Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat, mempertingkatkan sistem keselamatan perlindungan di semua kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan badan berkanun di peringkat persekutuan dan negeri. Pejabat KPKK telah menjalankan inspektorat keselamatan perlindungan termasuk inspektorat mengejut bagi memantau dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan serta memberikan khidmat nasihat meliputi aspek keselamatan fizikal, dokumen dan maklumat, keselamatan peribadi serta keselamatan perlindungan persekitaran ICT untuk mengelakkan sebarang pelanggaran keselamatan yang mengakibatkan kebocoran rahsia rasmi kerajaan.

Selain itu, di setiap jabatan agensi kerajaan telah ditetapkan untuk melantik *Departmental Security Officer* (DSO), *Chief Information Officer* (CIO), *Information and Communication Security Officer* (ICTSO) untuk sama-sama bertanggungjawab memantau bagi memastikan maklumat kerahsiaan jabatan ataupun negara sentiasa diberikan kawalan. Mana-mana penjawat awam atau mana-mana pihak yang terlibat dalam urusan rasmi dan rahsia rasmi kerajaan yang cuai, lalai atau dalam semua perbuatan mengakibatkan pelanggaran keselamatan yang membahayakan perkara rasmi dan rahsia rasmi dan melanggar peruntukan Akta Rahsia Rasmi kerajaan tahun 1972, pendakwaan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 atau tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka. Sekian terima kasih.



**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Rahsia Rasmi 1972 saya hendak tanya pada Menteri. Berapa ramaikah penjawat awam yang telah dikenakan tindakan? Berapa pula yang melibatkan penjawat awam yang telah bersara? Ada juga kita tahu menjadi ahli politik sebagai kerjaya baru selepas bersara iaitu bernaung kasih politiklah. Tidak apalah itu. Semoga berjaya. Cuma ada juga dahulu dalam kerajaan buat keputusan sama-sama, nampak macam biasa sahaja, macam tidak ada apa-apa. Sekarang maklumlah sudah hendak bernaung kasih - Tuan Yang di-Pertua, orang bernaung kasih ini "*Puncak tertinggi sanggup didaki, lautan dalam sanggup diselami*", termasuklah membelakangkan Akta Rahsia Rasmi, membocorkan rahsia untuk keuntungan parti demi kepentingan diri. Yang Berhormat Kota Tinggi mohon jawapan Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tan Sri Yang di-Pertua, tidak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Soalan bermadah tetapi serius ini, jawapannya adalah seperti berikut:

- (i) mereka yang telah melanggar kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, seksyen 3 - penalti bagi mengintip. Jadi bagi mereka yang mengintip - mengintip ini bermacam-macam tuduhan yang boleh dibawa. Maka seorang yang melakukan suatu kesalahan, boleh dihukum penjara seumur hidup. Jadi pengintip-pengintip dan juga lain-lain pihak yang menjadi ejen kepada pengintip, dia boleh menghadapi hukuman yang demikian rupa;
- (ii) di bawah seksyen 8(1) iaitu menyampaikan rahsia rasmi dengan cara yang salah. Ini termasuklah menyampaikan, menggunakan, menyimpan dalam bilik, tidak menjaga rahsia rasmi dengan cara yang berpatutan atau bertingkah laku sehingga membahayakan keselamatan sesuatu rahsia rasmi. Penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Ini termasuklah penjawat awam yang telah bersara ataupun orang awam yang tidak menjadi penjawat awam tetapi menyimpan rahsia rasmi kerajaan. Dia boleh dihadapkan ke mahkamah atas seksyen 8(1). Cumanya sehingga kini tidak ada penjawat awam yang telah dibawa ke mahkamah atas dua-dua akta tersebut. Kebanyakan mereka ialah yang bersalah di bawah tindakan tata tertib terdiri daripada kesalahan Akta Dadah Berbahaya, Akta Penagih Dadah, berhubung dengan hadiah, keraihan, pemunyaan harta, menyenggara taraf hidup lebih daripada emolumen, keberhutangan kewangan yang serius, pekerjaan luar, kenyataan awam, aktif dalam politik tanpa kebenaran. Itu pun satu sahaja kena ambil tindakan- gangguan seksual, kes-kes mahkamah dan juga lain-lain.

▪ **1130**

Jadi yang ini belum lagi dibawa untuk disabitkan kesalahan di bawah 9(1) dan juga di bawah seksyen 3. Jadi- maaf di bawah 8(1) dan juga di bawah 9(2). Belum lagi dibawa tetapi kita

mengambil perhatian serius di atas kebocoran rahsia rasmi kerajaan sama ada penjawat awam itu masih bekerja ataupun sudah bersara. Kita akan ambil tindakan dan kita sedang menyiasat dengan terperinci. Jadi mana-mana pihak yang menyimpan rahsia rasmi kerajaan, eloklah menutup mulut dan tidak berbuat apa-apa sebaliknya boleh menyerahkan balik. Akan tetapi kalau mereka menyampaikan secara terbuka, sama ada dalam ceramah ataupun lain-lain lagi termasuk menyebarkan kepada orang ramai, mereka akan menghadapi tindakan undang-undang yang kita tidak akan bertolak ansur mengenainya, sebab kita lihat kerajaan boleh kacau bilau. Keselamatan boleh terganggu kalau kita biar perkara ini berterusan. Jadi bagi mereka yang telah pun seronok dengan menyebarkan maklumat, sabar sekejap. Satu hari,

*Tidak lari gunung dikejar,  
Hilang kabus tampaklah dia.*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa cara untuk membuat pengintipan ini adalah sangat canggih dengan ICT dan sebagainya. Apakah dasar dan langkah kerajaan untuk membendung ataupun menangani masalah pengintipan ICT ini?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya telah menjawab dalam jawapan bertulis pada masa yang lepas. Saya akan menyampaikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat berhubung dengan langkah-langkah yang kerajaan ambil untuk menghalang pengintipan menggunakan ICT. Saya sudah bagi jawapan dalam Parlimen yang lepas. Jadi saya akan bagi jawapan rasmi. Biar kita lihat bagaimana kita hendak halang perkara-perkara ini. Akan tetapi walau bagaimanapun, pengintipan ICT ini sering kali, walaupun kadang-kadang mereka menggunakan sistem teknologi terkini tetapi kadang-kadang mereka lebih mudah mendapatkan maklumat untuk masuk ke sistem tersebut.

Jadi semua ini telah pun diperincikan. Akan tetapi hari ini saya hendak beritahu tentang mereka yang terlibat dengan perkara tersebut. Mereka tidak akan dapat lari daripada undang-undang Kerajaan Malaysia iaitu penjara seumur hidup. Hal ini kita serius dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Jadi sekali lagi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat tidak ada mereka yang akan terlepas daripada tindakan dan pantun ini akan berterusan kepada mereka,

*Tidak lari gunung dikejar,  
Hilang kabus tampaklah dia.*

Ucap takziah kepada Kajang kerana undi telah jatuh.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2014****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.34 pg.**

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 25 Mac 2014.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Ketiga Belas”. **[20 Mac 2014]**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu semasa menjawab, Yang Berhormat Santubong telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, perkara ini akan diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya difahamkan hari ini pukul 11.30 ya Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, akan diputuskan kerana Speaker telah- Speaker akan membuat keputusan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Hari ini kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh saya dapat tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Speaker akan membuat keputusan. Nanti saya akan kemukakan dan semak semula.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, itu usul yang dibangkitkan oleh saya. Kita sudah tunggu lama. Ya, ya, Tuan Yang di-Pertua sudah datang.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua sudah mari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nanti Speaker akan semak dan akan membuat keputusan. Tuan Yang di-Pertua pun ada bersama dengan kita pada hari ini. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab. Sila.

**11.36 pg.**

**Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, terdahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli

Yang Berhormat yang dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah urusan Kementerian Kewangan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya dapati ada 23 orang Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, tiga orang daripada PKR, tujuh orang daripada PAS dan lapan daripada DAP- 41 orang keseluruhan. Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua supaya saya tidak perlu sebut satu-satu kerana itu memakan masa. Ada beberapa isu yang dibangkitkan dan saya mohon memberi penjelasan.

Pertama tentang kedudukan ekonomi. Seperti mana kita maklum bahawa kedudukan ekonomi kita berkembang dengan begitu pesat pada tahun 2013 walaupun ekonomi dunia keseluruhannya masih berhadapan dengan cabaran. Kita lihat bahawa daripada segi IMF, *World Bank*, pada tahun lalu, mereka membuat unjuran bahawa ekonomi akan kusut ada tahun itu. Jadi kita bersyukur kepada Allah SWT kerana kita mencapai 4.7% pertumbuhan. Negara Singapura sebanyak 3.7%, Thailand 2.9%. Kita ambil US sebanyak 1.9%, UK sebanyak 1.9%. Apabila kita membuat perbandingan dalam konteks KDNK dari sudut permintaan, kita mendapati bahawa kesemua daripada faktor-faktor yang menyumbang kepada KDNK dari segi negara kita begitu positif kalau kita banding dengan negara US dari segi *public consumption* dan *investmentnya* begitu negatif. Tentunya apabila kita banding dengan negara Greece, ia lebih teruk lagi.

Justeru, dari konteks Kementerian Kewangan – saya bercakap dalam konteks Kementerian Kewangan, Tuan Yang di-Pertua. Kita mendapati bahawa pelaburan swasta meningkat. Kalau pada tahun 2010 sebanyak RM86.7 bilion, pada tahun 2013 sebanyak RM161.1 bilion. Bermakna daripada tahun 2010 hingga tahun 2013, pertambahan sebanyak 3.5%. Begitu juga dalam konteks defisit. Kita dapat menurun sebanyak 3.9%. Walaupun unjuran kita sebanyak 4%, bermakna kita berkembang lebih baik daripada unjuran. Dalam konteks hutang kepada GDP, kita dapat bertahan bawah daripada 55% iaitu 54.8%. Kalau kita lihat negara lain, kita mencapai 54.8%, Singapura sebanyak 107.8%, negara Jepun sebanyak 243%, US sebanyak 106%. Apabila kita lihat dari segi *obsolete figure* Tuan Yang di-Pertua, hutang kita sebanyak RM539 bilion. Ini memang selalu dikatakan kita bimbang. Akan tetapi kalau kita lihat negara lain, Singapura umpamanya, hutang mereka adalah RM1 trilion manakala negara Jepun sebanyak RM38 trilion, China sebanyak RM7 trilion, US sebanyak RM55 trilion.

Ini adalah pencapaian yang kita anggap begitu tinggi dan kita amat bersyukur ke hadrat Allah SWT. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jasin bahawa pada tahun 2014, unjuran kita mestilah 5% dan saya percaya beliau telah membaca berbagai-bagai artikel daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara, badan-badan profesional dan juga badan-badan luar bahawa pada tahun ini kita menjangka bahawa kita akan capai pertumbuhan antara 5% hingga 5.5%.

## ■ 1140

Isu kedua yang dibangkitkan Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai dengan 1MDB. Seperti mana kita maklum 1MDB adalah sebuah syarikat milik Kementerian Kewangan, MKD dipanggil MKD. Dari segi objektifnya pada masa ini kita tumpu kepada dua sektor. Satu sektor *energy* dan satu lagi sektor hartanah. Dalam konteks sektor *energy* pelaburannya adalah RM12 bilion.

Kemudian antara yang kita mahu 1MDB laksanakan ialah untuk mendapat *joint-venture* dalam konteks G2G yang ini kalau di pihak swasta ia agak sukar untuk memperolehnya. Kita juga lihat bahawa 1MDB memainkan peranan begitu besar dalam konteks CSR. Kita tahu mereka telah berbelanja lebih daripada RM400 juta.

Sebenarnya CSR ini dalam konteks abad ke-21 kalau kita pergi ke *World Economic Forum* isu *creative capitalism* dibangkitkan termasuk oleh Bill Gates yang sampai bila bercakap dalam *World Economic Forum* kemudian buat buku kerana apa, di dalam permintaan sekarang dengan pelbagai cabaran yang dihadapi. Dalam konteks *creative capitalism* syarikat-syarikat swasta mereka melaksanakan projek-projek mereka mendapat keuntungan diharap di keuntungan itu dapat buat CSR di negara-negara lain pemberian komputer dan sebagainya. Dalam konteks 1MDB ini kita mahu ia ke arah itu supaya ia dapat menggalakkan syarikat-syarikat swasta nanti supaya terlibat dalam CSR.

Saya lihat dari segi 1MDB salah satu projek yang dibuat ialah Rumah Arau. Ini Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak bila di Sarawak, rumah panjang dengan sekolah jauh. Jadi untuk pergi ke sekolah, sekolah akan bina macam pondok supaya pelajar pergi ke situ duduk sampai hujung minggu kemudian ibu akan ikut untuk siapkan makanan dan sebagainya dan didapati bahawa rumah-rumah ini begitu tidak sampai kepada taraf yang di perlukan. Di sinilah CSR ini main peranan oleh 1MDB bina rumah tersebut sekarang sudah 13 rumah didirikan dan setiap rumah itu boleh tampung lima keluarga.

Begitu juga di Chow Kit kita tidak sedar ada individu-individu yang lahir daripada...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Soalan Tuan Yang di-Pertua,soalan..

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Nanti, nanti biar saya terangkan. *Let me finish first.* Ada individu-individu yang lahir daripada pelacur ataupun penagih dadah di mana mereka hendak duduk. Jadi di sinilah 1MDB membuat rumah untuk mereka. Jadi bila kita lihat dari segi itu isunya sekarang adakah 1MDB berdaya maju. Bahasa Inggerisnya, *is it the going concern?*

Dalam konteks ini kita perlu melihat kepada dua aspek. Satu daripada *profit and lost statement* yang ini kita akan kaitkan dengan *operation* 1MDB. Kita dapati bahawa dari segi *operation* 1MDB dalam projek-projek ada 12 projek jana kuasa elektrik mereka mendapat keuntungan berbilion ringgit makna dalam konteks operasi bermakna 1MDB adalah *going concern* yang berdaya maju dan kemudian kita lihat dari segi *balance sheet* kerana *balance sheet* ini ada pengaruh kepada *profit and lost* tadi Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam *balance sheet* kita tahu dia ada aset, dia ada liabiliti dan dia ada *net worth* yang jadi *constrain*, yang menjadi kekangan pada 1MDB ialah *gearing* shownya tinggi iaitu 15.1%. Bermakna dia hidup atas hutang di mana *net worth*nya lebih kurang RM1 bilion lebih, hutangnya dulu RM37 pada 31 Mac 2013. Pada bulan September lalu telah bayar RM1.4 jadi sekarang lebih kurang RM34 bilion.

Akibat daripada itu, *financial cost*nya begitu tinggi. Kalau kita lihat kepada penyata kewangannya pada 31 Mac 2013, dari segi *financial cost* lebih kurang RM1.7 bilion. Jadi untuk menghadapi masa depan 1MDB akan pergi *listing*. Mereka akan lantik *investment bank* untuk menambahkan ekuiti melalui IPO. Mengikut kajian-kajian pihak *investment bank* mereka boleh dapat GDP sampai RM12 bilion.

Akan tetapi dalam konteks ini 1MDB hanya akan melihat kepada RM12 bilion. Apabila RM12 bilion ini diambil dari segi ekuiti bermakna dari segi struktur pembiayaan 1MDB tidak akan bergantung kepada hutang. Mereka akan bayar hutang RM10 bilion. Dengan itu *gearing*nya begitu baik.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah kalau sesuatu syarikat hendak buat CSR termasuk syarikat GLC. Akan tetapi masalahnya dengan 1MDB ialah mereka tidak membuat keuntungan di Malaysia dan keuntungan yang dibuat yang didapati daripada 1MDB sekarang yang dilaporkan di surat khabar *The Edge* sedang disimpan di luar negara di Cayman Island. Jadi keuntungan sebanyak dua persepuluh kalau saya tidak silap USD2.9 ini yang disimpan di luar negara mengapa tidak diambil balik untuk mengurangkan hutang 1MDB sebelum dibuat *listing*. Itu adalah soalan pertama.

Soalan yang kedua ialah sebahagian daripada nilai 1MDB ialah oleh kerana *revaluation of the land in TRX* dan *revaluation* ini kita tidak tahu sama ada telah meningkat ataupun tidak tetapi mengikut akaun 2011 yang saya dapat, penilaiannya telah menambah untung ataupun dengan izin, *profit on paper* sebanyak RM800 juta dan saya faham untuk akaun 2012 dan 2013 *profit on paper* ini juga akan naik tetapi ini bukan untung yang sebenarnya. Ini untung dalam *paper* sahaja *on paper profit* ini.

Jadi adakah ini menunjukkan bahawa hutang 1MDB ini adalah begitu tinggi dan sebagai *going concern*. Memang sesuatu yang perlu dikaji dengan begitu serius dan juga apa yang sedang berlaku pada *profit* yang telah diletakkan di Cayman Island. Mengapa ia tidak dibawa balik kepada Malaysia? Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri sedikit, sedikit.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** [Bangun]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya ada, *I have concern*lah saya tentang CSR yang dijalankan oleh 1MDB. Sebenarnya *corporate* dia punya *ultimate motive* ialah untuk *make profit*. Akan tetapi saya tidak pertikai dia hendak bagi berapa duit kepada Sabah, Sarawak untuk bina sekolah dan sebagainya. Akan tetapi saya punya *concern* adalah kerajaan. Kenapa kerajaan bagi tanah kepada 1MDB pada RM105 per *square feet* tetapi sekarang 1MDB dia telah menjualkan tanah mereka pada RM3,500 per *square feet*.

Ini keuntungan yang amat terlalu banyak, terlalu besar dan kalau hendak katakan membantu rakyat di Sabah dan Sarawak kenapa kerajaan tidak *open tender* TRX. Tanah-tanah TRX kalau *open tender* kita jual katakan pada RM2,000 satu *square feet* gunalah wang tersebut untuk membantu rakyat Sabah dan Sarawak. Kenapa kita kena bagi 1MDB yang menggunakan pelbagai *dangerous, what did you call, dangerous monetary game* yang sekarang yang hutang yang terlalu tinggi dan menyebabkan sekarang terpaksa kita jual tanah kerajaan yang begitu *prime land* kepada mereka pada kadar yang begitu rendah. Sepatutnya kerajaan patut menjual tanah *prime land* pada kadar yang lebih tinggi dan ambil duit tersebut bantu rakyat. Ini adalah tanggungjawab kerajaan, tanggungjawab kerajaan bukan membantu syarikat-syarikat seperti 1MDB.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, pertama mengenai dengan isu Cayman Island ini telah saya sentuh dalam perbincangan lalu. Ini duit ini adalah dari keuntungan Saudi Petrol dimasukkan ke situ untuk pelaburan sebagai transit kerana 1MDB terlibat dalam pelbagai *bidding* pada masa itu untuk sektor *energy*.

■1150

Jadi, apabila dapat *bidding* itu nanti, mereka akan pindahkan. Dalam konteks ini, pihak 1MDB telah dapat Projek 3B yang dibuat di Jimah itu. Jadi, mereka sudah dapat dan mereka akan pindahkan duit tersebut untuk pelaburan dalam projek Jimah tersebut.

Kemudian berkenaan dengan tanah, saya hendak jelaskan di sini, itu sebabnya awal tadi saya kata 1MDB adalah syarikat hak milik kerajaan. Syarikat hak milik kerajaan ini satu, dari segi kerajaan, kerajaan beri mereka RM1 juta sebagai *prior capital*. Kemudian lain diberi secara *in-kind*. Jadi, inilah tanah diberi secara *in-kind* oleh kerajaan. Apabila kita lihat dari segi TRX, adakah ia patut beri kepada swasta atau 1MDB. Kerajaan pilih untuk beri kepada 1MDB. Kerana apa? Saya telah sentuh tadi. Apabila kita hendak melaksanakan TRX, TRX ini adalah satu *cluster* untuk sektor kewangan ke arah kita hendak jadikan sektor kewangan negara ini satu hab antarabangsa. Kita lihat baik di US, UK, *Germany, Singapore* dan Hong Kong, dia ada itu, ada hab, ada *cluster* kewangan. Jadi di abad-21, ia tidak boleh lagi hendak jadi satu hab di sini letak satu bank, tidak mahu begitu. Dia perlu ada satu *cluster*. Jadi, itu yang kita hendak bina. Itu satu.

Kedua, untuk melaksanakan itu kita perlu kepada rakan strategik. Siapa rakan strategik kita? Apabila melibatkan 1MDB sebagai agensi kepada kerajaan, ia boleh dapat G2G punya hubungan. Begitu juga dia boleh dapat rakan strategik, umpamanya Jimah. Bagaimana dia boleh menang tender tersebut, kerana dia buat *joint venture* dengan *Toshiba*. Satu syarikat yang mempunyai kepakaran yang begitu tinggi untuk melaksanakan projek itu. Jadi, projek ini adalah berlainan daripada projek-projek lain Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Kepala Batas.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Saya menyatakan tadi dari segi hutang, saya sudah mengatakan bahawa hutang ini kita boleh lihat dari segi diri kita Tuan Yang di-Pertua. Kita hutang tinggi, kita beli rumah. Kemudian kita tidak mampu bayar, tiba kita



bawa anak kita tolong kita bayar. Dalam konteks syarikat, apabila kita membiayai satu projek, ia ada dua sumber pembiayaan. Satu, hutang dan satu lagi ekuiti.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Jadi yang ini, IPO tersebut akan ada *new capital injection* yang akan melonjakkan ekuiti daripada RM1 bilion lebih kepada RM13 bilion. Ini yang akan mengurangkan pinjaman tadi kerana akan berlaku pembayaran sebanyak RM10 bilion...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Menteri, Kepala Batas mohon mencelah.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Okey.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak *on the same point, just* sedikit sahaja. Saya kalau Yang Berhormat Menteri ini menjawab, saya berasa seronoklah. Akan tetapi hari ini saya hendak tahu, tadi ada soalan yang ditanya Yang Berhormat Menteri tidak jawab lagi bahawasanya diberi kepada 1MDB tanah dan nilainya sekian tetapi dijual dengan tanpa tender. Itu yang— sekiranya ditender, mungkin pendapatan kepada 1MDB lebih lagi. Itu soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat sebentar tadi belum dijawab.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Kepala Batas, mohon mencelah. Kepala Batas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkaitan dengan hutang yang ditanggung oleh 1MDB sekarang dengan dia punya *gearing ratio* sebanyak 15 kali. Ini kerana 1MDB sering diasak tentang soal hutang ini. Cuma saya hendak tanya, setuju atau tidak Yang Berhormat Menteri bahawa hutang ini perlu dilihat daripada dua perspektif. Ini kerana kadang-kadang beliau diasak fasal hutang ini seakan-akan hutang ini menjadi benda yang begitu salah, seakan-akan seperti berdosa pula. Sedangkan hutang ini memang dalam Islam pun dibenarkan dan diizinkan. Malahan dalam al-Quran pun Allah SWT sebut... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Islam pun benar bila kamu hendak berhutang dengan jumlah hutang tertentu, pada waktu tertentu, maka tulislah. Maknanya, perlu ada hutang, perlu ada jumlah dan perlu ada kontraknya. Itu Islam ajar dalam Quran.

Persoalan yang wajar dijawab oleh Menteri adalah tentang soal pengurusan hutang. Soalan saya, apakah dengan *gearing ratio* 15 kali itu ataupun *15 times of gearing ratio*, pada waktu dan saat ini, *has 1MDB ever defaulted* dalam *any of the borrowing payment*? Pertama. Keduanya, tentang pembelian ataupun penjualan tanah TRX, apakah pihak kerajaan melihat dengan penjualan yang diberi kepada 1MDB dengan harga yang dikatakan jauh lebih rendah daripada *market price* bertujuan untuk dilihat secara *multiplier effects*, bukan hanya pada soal *real estate play*. Maknanya, jual dan beli sahaja semata-mata, keuntungannya hanya bersifat sementara tetapi hendak melihat secara *multiplier effect as spin-off effect* untuk jangka masa yang lebih panjang. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, pertama tentang tanah yang dimaksudkan tadi. Saya ingat lebih kurang lapan hektar kalau tidak silap. Ia dalam proses. Dia sebenarnya, kita mesti lihat apa dia matlamat Tun Razak Exchange. Saya kata tadi kita hendak buat *cluster*. Bila kita kata *cluster* itu, apa kita hendak buat? Kita akan bina bangunan dan akan disewa. Ada juga syarikat-syarikat yang mahu buat bangunan dia sendiri. Jadi, ini berbeza dari segi kita buat tender sebab kita hendak melahirkan satu *cluster* kewangan untuk jadi *multiplier effect* seperti Yang Berhormat katakan tadi, untuk jadi *financial hub*. Itu dia Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, Yang Berhormat mengatakan tentang hutang tadi. Saya menyatakan, kalau kita lihat sekarang ini, katakan kita lihat pada tahun 2013, dia punya *year end* 31 Mac 2013. Hutang pada masa itu RM36.25 bilion keseluruhannya. Pada bulan September 2013, maknanya terkeluar daripada *financial year end* 31 Mac, maknanya akan masuk dalam *financial year end* 31 Mac 2014, dia berupaya bayar RM1.4 bilion. Jadi, hutang yang masih berbaki adalah RM34.85 bilion. Jadi, bermakna bukan sahaja dia tidak pernah *default* tetapi kemampuannya untuk membayar hutang tersebut. Saya menyatakan tadi, apabila kita buat *restructuring* dari segi *financing*, ada bahagian hutang, bahagian ekuiti, *injection*, *net worth* dipanggil. Jadi, apabila kita buat IPO nanti, IPO ini akan melonjakkan bahagian *net worth* bila kita kata *gearing* nanti akan turun kepada 2%. Ini akan terlibat pembayaran sebanyak RM10 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, GST salah satu isu lagi. GST ini kita telah bincang banyak kali. Antara perkara yang dibangkitkan tentang GST ini yang selalu menjadi isu kekhuatiran kepada Ahli Parlimen dan kepada rakyat adalah berkenaan dengan kos yang dikatakan akan lebih tinggi. Pertama sekali, kita akan menggantikan *sales and services tax* dengan GST. Ini berbeza dengan Singapura. Singapura apabila memperkenalkan GST, itu adalah cukai baru. Apabila ada 160 buah negara telah melaksanakan GST, kita membuat penilaian dan kajian semua. Selepas daripada itu, kita kaji pula secara terperinci dari segi kesannya kepada CPI dan kita kata bahawa kesan kepada CPI adalah 1.8%. Kita mesti ingat 1.8% bukan melibatkan semua produk. Ini kerana ada produk-produk *essential* tersebut yang langsung *zero rated* dari segi GST.

Kedua, kita buat dengan lebih mendalam lagi sampai kita lihat dari segi sektor perumahan, banyak mana kesannya. Kita bawa sektor kesihatan sampai kepada peringkat *dialysis centre*, *caesarean birth*, ortopedik, kita lihat berapa. Ini kerana ada sebenarnya individu kadangkala tidak tahu bahawa sekarang sebenarnya mereka membayar cukai, *sales and services tax*. Seolah-olah sekarang ini kosong, bila ada GST dikenakan, maka akan tinggi kenaikan harga tersebut. Kita telah buat kajian tersebut dan kita berani memberi perakuan bahawa kenaikan itu tidak akan tinggi atau sesetengahnya akan langsung tidak ada kenaikan. Umpamanya, dari segi *dialysis centre*, kita dapati bahawa kosnya akan menjadi lebih murah. Ini kerana setengah daripada produk yang dibeli, item yang dibeli adalah pada 10%. Ini bermakna kalau di bawah GST, ia menjadi 6%...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Seheinggakan kita membuat kajian pula kepada isi rumah, *household* punya *expenditure*. Kita buat *survey* dari segi *household expenditure*.

■1200

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Soalan, soalan.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah:** Nanti. Katalah orang yang berpendapatan RM2,000. Bagaimanakah *pattern* perbelanjaannya? Paten perbelanjaan lebih kepada *essential* item. Kita dapati bahawa individu yang pendapatannya RM2,000 satu bulan keluarganya, dia akan membayar. Sekarang dia bayar *sales service taxes* RM36. Bila kita kenakan GST, ada harga-harga yang naik sedikit, dia akan bayar RM51 satu bulan. Ini bermakna satu bulan dia akan bayar lebih daripada sekarang RM15. Dikali dengan 12, makna RM180 dan ini yang kita bagi bantuan RM300. Maknanya ada lagi *saving* lebih kurang RM120.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Dua soalan Yang Berhormat Menteri. Soalan yang pertama ialah adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di bawah senarai barang-barang yang dikecualikan daripada cukai jualan ataupun *sales tax* ini adalah jauh lebih banyak daripada barang-barang yang dikecualikan daripada cukai GST? Saya telah membuat kajian bahawa lebih kurang 250 muka surat barang-barangan yang dikecualikan daripada cukai jualan tetapi di bawah cukai GST, hanya 21 muka surat sahaja yang ada di mana barang-barang disenaraikan yang dikecualikan.

Soalan yang kedua ialah bertentangan dengan kajian yang dibuat oleh kementerian, adakah kementerian membuat kajian secara statik di mana kalau sesebuah barangan itu dikurangkan dari segi cukai jualan 10% kepada GST enam peratus, adakah ini bermakna bahawa mana-mana syarikat ataupun kedai yang menjual barangan ini akan *pass the saving* kepada *consumer*? Saya rasa sebagai seorang peniaga, memang ada kemungkinan yang besar dia akan ambil *the difference between sales tax and the GST* dan menyerapnya dan ambilnya sebagai keuntungan sendiri dan tidak akan *pass down* kepada *consumer*. Jadi, adakah kementerian ada buat kajian seperti itu?

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah:** Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, ada berkaitan sedikit.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah:** Okey.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu tentang kajian daripada kementerian, bagaimana dengan kesedaran di antara peniaga-peniaga terutama SME? Ini kerana masih ada banyak keraguan dan termasuk dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Serdang iaitu soalan yang kedua, iaitu memang terdapat perbezaan yang besar tentang barang-barang yang dikecualikan dari *sales tax* dan juga dari GST. Bagaimana dengan kesedaran? Saya nampak ini memang kemungkinan kita perlukan masa lebih panjang untuk SME yang menyediakan sendiri untuk menghadapi pelaksanaan GST ini. Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Boleh satu lagi?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sambung sedikit Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa ada sesetengah orang mungkin dapat menjimatkan perbelanjaannya selepas pelaksanaan GST. Akan tetapi, mengikut apa yang dikatakan oleh Ketua Setiausaha daripada Kementerian Kewangan, kalau kita bandingkan dengan kutipan pendapatan kerajaan, di bawah sistem sekarang iaitu cukai jualan dengan sistem GST, dalam satu tahun kerajaan akan mengutip lebih RM11 bilion satu tahun selepas pelaksanaan GST. Takkan duit itu datang dari bank atau dari mana-mana sumber? Kecualinya duit itu *additional*, tambahan pengutipan cukai itu akan datang daripada pengguna-pengguna, rakyat jelata yang di *classified as* pengguna. Bukankah ini satu beban yang berat ke atas rakyat jelata? RM11 bilion tambahan pengutipan pendapatan untuk kerajaan yang datang daripada rakyat.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sekali, kah?

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah:** Ya, ya. Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, ini tentang GST. Apakah kementerian tidak berhasrat untuk menyenaraikan semua barang keperluan harian mereka yang berpendapatan RM3,000 dan RM2,000 ke bawah? Ini kerana, perkara ini telah *dipoliticize* kan di bawah dan rakyat sentiasa dibelenggu oleh kebimbangan dan keraguan. Jadi, dengan adanya mungkin penyenaian, kita mungkin panggillah seluruh rakyat jelata tanya apakah keperluan harian mereka setiap hari di kampung-kampung, di bandar-bandar, di pekan-pekan. Apabila mungkin 200, kah, 300 jenis barang keperluan harian rakyat, inilah yang kita kecualikan daripada GST dan dengan ini mungkin tidak perlulah kita membuat *road show* tentang GST tetapi rakyat faham bahawa niat murni kerajaan itu untuk membantu meringankan beban rakyat. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, pertama berkenaan dengan dikecualikan, ya? Saya ingin jelaskan di sini ya, pada peringkat ini kita belum lagi mengeluarkan order. Makna belum keluarkan order, maknanya *list* produk itu belum lagi masuk dalam order tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada 950 lebih kurang *basket of goods*. Dalam konteks pelaksanaan GST ini, kita telah putuskan 689 produk tersebut akan masuk bawah GST di mana: beras, tepung, ayam dan lain-lain dikenakan sifar peratus; sewa tol bas kita kecualikan; pelbagai jenis ikan dan sebagainya, kalau dahulu lima peratus, sekarang sifar peratus; Nescafe apa semua, ini dahulu lima peratus, sekarang ini enam peratus dan selepas itu kita tetapkan pada enam peratus. Kemudian restoran, enam peratus. Kemudian minuman berkarbonat dan sebagainya, daripada 10% kepada enam peratus. Yang ini paling besar. Ia ada 273 produk, kalau dahulu 10%, sekarang ia jadi enam peratus. Ini termasuklah kereta kita, kita bayar cukai

jualan sekarang 10%, akan datang ia akan jadi enam peratus. Kemudian ada 255 produk yang sekarang ini masih dalam kajian kita sejauh mana ia akan dilaksanakan ataupun tidak.

Kemudian berkenaan dengan isu yang sama sahaja daripada Yang Berhormat Bandar Kuching dan Yang Berhormat Serdang, isu yang sama. Yang Berhormat Serdang tadi bercakap tentang kesedaran. Jadi, ini kita akan teruskan. Kita terima hakikat bahawa sehingga ini kita telah menemui hampir 300,000 badan-badan NGO, SME dan sebagainya dan kita akan teruskan. Kita ada jawatankuasa pemantau atau pelaksanaan. Selepas sahaja GST ini dipersetujui akhirnya diluluskan, kita akan *all out* melaksanakan tugas yang dinyatakan.

Berkenaan dengan penjimatan tadi, GST, betul kata Yang Berhormat, akan ada pertambahan. Pada tahun 2015, oleh sebab kita adakan GST ini pada suku tahun kedua dan pada masa itu pelbagai insentif kita bagi, pada tahun itu akan dapat pertambahan RM3 bilion lebih. Pada tahun seterusnya, RM9 bilion lebih. Bagaimanakah kita hendak capai itu?

Satu, kita kena lihat dari segi *efficiency*. Dalam konteks *sales and service tax*, kita tahu daripada *supplier* kepada *manufacturer* kepada pemborong kepada *retailer* kepada *consumer*. Di bawah sistem sekarang, *sales tax*, *sales tax* dikenakan pada peringkat *manufacturer*. Katalah kena 10%, bermakna bahawa 10% telah difaktorkan di peringkat *manufacturer*. Bila *manufacturer* jual kepada pemborong, dia sudah faktorkan kos produk, dia punya margin dan *sales tax*.

Pemborong dari segi dia punya *based costnya*, akan masuk cukai jualan daripada *manufacturer* tadi. Ini akan dibawa sampai kepada *consumer*. Jadi, akhirnya *consumer* bayar RM120 lah kita kata, kerajaan kutip cukai hanya kecil sahaja. Akan tetapi dalam sistem ini, daripada *supplier* pergi *manufacturer*, dia kena cukai. *Manufacturer* boleh *refund*, kemudian daripada *manufacturer* pergi ke pemborong boleh *refund*. Jadi, akhirnya harganya mungkin sama tetapi cukai yang dikutip oleh kerajaan lebih tinggi. Itu satu.

#### ■1210

Kedua, konsep *compliance* bila *compliance*, mana-mana syarikat yang tidak berdaftar mereka tidak akan dapat *refund* ini. Ia akan merugikan syarikat. Jadi dari segi *compliance* kita percaya kalau sekarang kita punya SME ada lebih kurang hampir 200,000 syarikat kita percaya mereka akan mendaftar. Ini menguntungkan mereka.

Ketiganya, kita kena terima hakikat ekonomi kita akan capai pertumbuhan. Bila capai pertumbuhan, bermakna *revenue* akan bertambah. Kemudian Yang Berhormat Kinabatangan, saya setuju beliau minta supaya kita senaraikan dan kita akan senaraikan. Yang Berhormat Kinabatangan kita akan senaraikan nanti. Kemudian menyentuh mengenai dengan BR1M, BR1M ini sebagaimana kita...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri. *Last question* berkenaan GST. *Simple* sahaja. Bilakah Akta GST akan ditable dalam Parlimen? Sesi ini atau sesi depan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi. Tuan Yang di-Pertua disebut bahawa harga barang mungkin sama tapi cukai yang diperoleh oleh kerajaan adalah lebih. Saya tidak dapat *compute* benda itu. Macam

mana kalau cukai yang dikutip itu bertambah, harga barang itu kekal sama? Lanya hanya boleh berlaku sekiranya pembuat ataupun pemborong ataupun peruncit mengurangkan keuntungan mereka. So, kalau boleh saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan bagaimana cukai boleh naik tetapi harga kekal sama.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan bahawa di GST satu kadar 6% yang amat tinggi berbanding dengan negara maju. Bila Singapura dan Jepun melaksanakan GST hanya 3% ke 4% sahaja. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa satu kadar 6% yang amat tinggi berbanding dengan negara maju. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya yakin keputusan kerajaan untuk mengimplementasikan GST pada tahun depan adalah satu perkara yang baik yang akan mengukuhkan ekonomi negara. Kebimbangan yang saya hendak sampaikan ialah rasanya agak tidak lama itu sebenarnya. Adakah kita *confident*, yakin mungkin kita boleh menyampaikan penerangan dengan *software*, dengan izin, ataupun latihan kepada peniaga dan rakyat. Sebabnya di televisyen sebagainya media menceritakan tentang positif kebaikan dan keuntungan GST tetapi ada juga menceritakan tentang negatif dan keburukannya. Jadi dia *takes time*, dengan izin. Bagaimana itu Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat mungkin Yang Berhormat Shah Alam tidak nampak secara *visualize*. Oleh sebab itu saya kata mungkin sama sebab saya kata tadi ada yang 5% naik kepada 6% akan lebih sikit. Yang 10% kepada 5% itu akan kurang. Itu saya gunakan mungkin sama.

Kemudian saya sentuh tadi tentang peringkat itu tadi. Bila dari *supplier* dia bayar cukai, kemudian dari segi *manufacturer*, cukai dibayar oleh *supplier* itu dia tidak kena sudah. Jadi tidak ada *factor* dalam dia punya *cost of production*. Jadi mungkin kalau lebih jelas nanti kita duduk berbincang kerana berbincang ini tidak dapat jelas.

Yang Berhormat Bukit Bintang menyentuh tentang *rate*. Saya ingin mengingatkan dari segi negara yang melaksanakan GST pada 5% sekarang ini sebenarnya ini hanya lima negara sahaja. yang melaksana 7% ada lebih kurang tiga buah negara. Manakala yang lain semua lebih daripada 10% ada sampai 40% secara *average* lebih kurang 16%. Apabila kita lihat kepada negara yang melaksana GST pada tahun 2011 ke atas semua 16%, yang saya kata 40% Gambia. Makna dunia berubah. Singapura melaksanakan pada tahun 1993 dan itulah adalah cukai baru bukannya cukai mengganti kepada GST. Jadi *we must moved with time*.

Kemudian Yang Berhormat Bagan Serai menyentuh tentang soal penerangan ini. Penerangan ini saya tidak percaya sebab kita telah buat melalui TV, akhbar, *engagement*. Kita hendak sampai kepada 28 juta rakyat tidak mungkin. Akan tetapi kita kena teruskan usaha kita agar apabila dilaksanakan, sebahagian besar daripada rakyat akan memahami GST. Kalau kita buat semua *it is impossible*, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan BR1M kita tahu bahawa penerima BR1M adalah seramai 6.4 *million* orang. Ada beberapa isu yang dibangkitkan. Pertama mengenai dengan kelayakan BR1M.

Dengan ini kita maklum isi keluarga ada dua status. Satu antara RM3,001 hingga RM4,000 dapat RM400. Ini termasuk i-BR1M. Kemudian RM450 termasuk i-BR1M. Kemudian RM3,000 ke bawah dapat RM700 termasuk i-BR1M. Individu yang umur 21 tahun, pendapatan kurang daripada RM2,000 dapat RM300.

Saya ingin nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat sekiranya ada permasalahan, terus hantar ke pejabat saya dan kita tahu ada individu yang tidak dapat, tidak puas hati dengan dulu dapat RM650 sepatutnya dapat tidak dapat, dapat RM450. Ini adalah berasaskan kepada kerja-kerja yang dijalankan oleh LHDN dengan *linking* dengan EPF, KWAP, JPJ dan sebagainya itu keputusan yang diberi. Jadi, kita membuka rayuan kepada mereka. Ada isu tentang tuntutan untuk i-BR1M. Tuntutan ini boleh dilaksanakan melalui menerima borang daripada Persatuan Takaful Malaysia dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Kemudian kita bercakap tentang *Malaysian Airlines System* Tuan Yang di-Pertua, ini ringkas sahaja. *Malaysian Airlines System* ini memang betul menerima kerugian sebanyak RM1.174 bilion. Satu ingin saya nyatakan kepada Parlimen, industri penerbangan ini adalah satu industri yang cukup mencabarkan. Margin dia rendah. Sekali naik harga minyak boleh menghapuskan keuntungan. Selain daripada *Malaysia Airlines System*, kita dapati bahawa *Thai Airlines* sudah rugi lebih kurang sama sahaja daripada beberapa tahun lalu. Begitu juga *Korean Airlines*.

Dalam konteks *Malaysia Airlines System* ini dia ada dua. Saya setuju apa yang dikatakan Yang Berhormat tadi *paper profit* ataupun *paper loss*. Dia satu dari segi bilangan penumpang naik 17% akan tetapi dari segi pendapatan naik hanya 10%. Tidak ada *matching*. Ini sebabnya adalah kerana persaingan besar terutama dengan *Gulf Airways* tiketnya murah, jadi MAS terpaksa kurangkan harga tiket. Ini kesan kepada pengurangan *revenue* tersebut.

Di samping itu oleh kerana *Malaysian Airlines* membeli minyak berdasarkan kepada USD bukan ringgit (RM). Jadi kenaikan USD mengakibatkan pembayaran yang lebih. Akan tetapi yang lebih penting di sini adalah bahawa *depreciation* sebanyak RM8.17 juta. Lepas itu *unrealized forex loss*. Dia *unrealized forex loss* ini dia jadi bila kita meminjam dalam *balance sheet* sekarang ini di bawah FRS32, dulu FRS22 dan FRS29 sekarang sudah FRS32. Syarikat mesti mempamerkan *figure* dia berasaskan kepada *market price*.

Jadi bila hutang tersebut sebenarnya dari segi *valuency* sebanyak dia katakan dengan dia buat *current based on current price*, bila naik USD sedikit ini menjejaskan sebanyak RM194 million.

#### ■1220

Jadi di sini sahaja lebih kurang hampir RM1 bilion berpunca daripada *book lost not actual lost*. Kemudian kita pergi kepada...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Menteri, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lama tidak jumpa Tuan Yang di-Pertua. Rindu pula. Menteri, walau apa pun maklumat dan juga penerangan daripada Menteri Kewangan berkenaan dengan kerugian yang dialami oleh MAS itu, saya ingin menegaskan bahawa tidak boleh secara totalnya

maklumat yang saya terima menyalahkan pekerja atas *manpower* yang sebegini. Ini kerana mengikut laporan yang diterima, *manpower* itu sendiri pun kalau dilihat daripada pendapatan mereka sebagai pramugari, 10 tahun bekerja, baru RM1,100. *Allowance flight* yang mereka terima baru RM8. Setakat AirAsia RM35, Firefly RM30.

Jadi, saya tidak bersetuju kalau sekiranya *lost* itu diberikan beban kepada pekerja seperti mana yang Menteri cakap tadi tetapi yang lebih fokus ialah urus tadbir itu sendiri, mengawal selia tentang pendapatan dan juga perbelanjaan atas MAS itu. Saya hendak tegaskan bahawa ini maklumat yang saya terima bahawa mereka hendak mengurangkan *manpower* atas kerugian yang berlaku dan ini tidak boleh berlaku. Saya harap Menteri Kewangan dapat sedikit sebanyak menegur pengurusan pentadbiran yang saya kira terlalu banyak pemborosan berlaku dalam proses pentadbiran itu sendiri. Mohon Menteri atas penjelasan ini. Terima kasih.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Menteri, ada satu juga berkenaan cara urus tadbir di MAS. Kalau kita pandang setelah MAS menyertai *royalty program, some of the one work*. Saya dapati penerbangan *load factor* di domestik dan juga di antarabangsa telah meningkat. *Revenue per seat available* itu sudah meningkat. Adakah Menteri bersetuju bahawa banyak lagi item-item dalam *cost operational* dapat dikaji semula umpamanya Brahim Catering yang diberikan kontrak berlanjutan tahun itu sama ada dalam penerbangan domestik, hidangan *refreshment* itu bagi setiap penumpang sebanyak RM27 walaupun secawan minuman jus dan juga kacang. Akan tetapi kalau di penerbangan perantauan bagi satu hidangan nasi lemak, harga yang di caj oleh Brahim Catering itu sebanyak RM120. Kalau silap, sila perbetulkan saya, Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri...

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Yang Berhormat Kepong dulu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat perlu sedar bahawa dengan penerbangan seperti MAS ini kos minyak adalah 40%. Seperti Yang Berhormat terangkan tadi kalau itulah masalah kita, bagaimana Yang Berhormat anggap cara yang terbaik untuk memperbaiki keadaan MAS memandangkan itu syarikat-syarikat seperti Qantas pun menghadapi masalah yang sama dan mengambil keputusan mungkin tidak akan teruskan dengan syarikat itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri saya hendak tanya. Saya agak terkejut bahawa rupa-rupanya pekerja-pekerja MAS dibayar dengan gaji yang begitu rendah dan timbul persoalan bahawa apakah gaji-gaji yang pengurusan MAS dapat? Saya hendak tanya *Board Chairman* dibayar berapa elaun? *Board Members* dapat berapa elaun? Gaji CEO berapa dan Timbalan CEO berapa. Minta Menteri jawab. Terima kasih.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Menteri, Kepala Batas. Yang Berhormat Menteri, saya hendak sambung apa yang ditanya oleh rakan-rakan tadi tentang kerugian MAS. Kalau diambil kira adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa antara *contributing factor to the operating cost* ini *food and beverages* hanya sekadar menyumbang 1.5% daripada keseluruhan kos operasi. Sebaliknya kos yang paling besar adalah minyak dan



juga sebagaimana yang dinyatakan, staf sebanyak 17%. Soalan saya apakah *industrial norm* dari segi *percentage* untuk staf? Itu satu.

Kedua, ada juga dakwaan mengatakan antara penyebab kerugian ini adalah kerana MAS *has been dumping the price*, menyebabkan kita melihat penerbangan boleh dikatakan penuh dalam tempoh tiga hingga empat bulan yang lalu. Namun, *fuel*, staf, *operating expenditure* yang lainnya bersifat *fixed cost*. Namun oleh kerana *there has been dumping price*, maka *there is no yield*. Tidak ada *yield*. Bila tidak ada *yield* bererti ia juga merupakan antara **eroding** factor pada *profitability*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Menteri. Menteri belum menjawab. Yang Berhormat Shah Alam duduk dulu. Saya ingin buat satu pengumuman. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini delegasi dari New Zealand yang diketuai oleh *Honorable Dr. Pita Sharples*. [Tepuk] *I am sorry if I mispronounced that name. New Zealand Minister of Maori Affairs* serta sembilan orang delegasi. Kepada *Honorable Dr. Pita* dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran ke Dewan yang mulia ini. *Thank you*. [Tepuk] Sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, seperti mana yang disebutkan tadi, di antara kos elemen yang tertinggi ialah harga minyak. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri, penjimatan yang telah MAS capai apabila kontrak pembelian minyak dipindahkan daripada Petronas ke Petron sekiranya benar ia telah dipindahkan? Apakah penjimatan yang telah tercapai? Baik, ini yang pertama.

Kedua, saya pun mendapat maklumat bahawa banyak aspek operasi MAS yang telah mula diswastakan, seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Jelutong soal makanan. Dulu MAS Catering, dia sendiri. Selepas itu diserahkan *outsourc*e kepada pihak Brahim Catering dan sebagainya. Adakah ia telah terhenti di situ? Saya difahamkan bahawa persoalan *transport*, persoalan *handling baggage* dan sebagainya, banyak kerja-kerja yang selama ini dilakukan oleh kakitangan MAS itu sendiri telah di *parcel out* dan diswastakan. Adakah dengan penswastakan ini, ia telah benar-benar menjimatkan kos operasi bagi MAS ataupun sebaliknya? Sekiranya ia telah menjimatkan kos operasi maka harap Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu dan memberikan perbandingan sebelum ia diswastakan berapa dan selepas ia diswastakan berapa dan penjimatan yang telah tercapai? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali berkenaan dengan kakitangan. Sebenarnya MAS tidak bercadang hendak membuang kakitangan. Dalam mesyuarat saya beberapa hari sudah, ini bukan salah satu daripada agenda. Kedua, mengenai dengan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Jelutong tentang kontrak makanan. Ini sedang dalam proses MAS untuk berunding dari segi harga.

Yang Berhormat Kepong membangkitkan tentang soal kos minyak, cara untuk perbaiki MAS. Ini penting Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini MAS ada pajakan kapal terbang, kapal terbang pajakan ini jenis lama. Kalau kita tahu lama itu, dia punya kepak itu *straight*. Yang baru dia macam itu. [Menunjukkan isyarat tangan] Maknanya bila Tuan Yang di-Pertua naik kapal

terbang, tengok yang *straight* itu, rasa takut sedikit. Yang macam ini itu, kita berani sedikit pasal yang baru. Jadi, apa yang dilakukan oleh MAS sekarang ini, dia sedang dalam proses untuk menggantikan yang *lease* itu dengan yang baru. Yang baru ini dijangka dapat menjimatkan antara 20% hingga 30% daripada kos penggunaan minyak, yang ini MAS begitu *confidence* bahawa kewangan mereka pada masa hadapan akan lebih baik.

Mengenai dengan pekerja tadi saya sudah sentuh ya. Yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kepala Batas tadi mengenai dengan *norm* dalam industri.

■1230

Dari segi makanan memang ia bukan masalah, yang besar adalah minyak yang telah saya sentuh tadi, dan juga kakitangan MAS memang ramai. Akan tetapi tujuan hendak keluar tidak ada. Contohnya, kita ambil dari segi *seat factor*. Ia *increase by 6.3%* dan *yield drop 13% to 23 cent by 13%* pada 23 sen. Maknanya memang betul kata Yang Berhormat Kepala Batas, bertambah dari segi mereka naik kapal terbang tetapi oleh kerana kos bagi satu penumpang itu lebih tinggi berbanding dengan penerbangan lain. Dengan itu *yield* nya kurang.

Kemudian yang diminta oleh Yang Berhormat Shah Alam, minyak kita sudah sentuh. Saya tidak dapat kepastian, yang saya tahu MAS beli dengan Petronas, di luar negara ia akan beli dengan syarikat lain. Ini saya tidak dapat kepastian sama ada tukar, yang itu kita tidak ada berbincang. Akan tetapi apabila saya tanya, Petronas kata kita beli daripada Petron. Kemudian dari segi aspek penswastaaan, ini saya perlu maklumat lain lah. Butirnya tidak ada pada saya, kerana ini tidak dibangkitkan semasa perbahasan tersebut.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal judi ini, adakah kita beri lesen baru ini? Tidak. Kita...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, Gaji CEO dan timbalan CEO...

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Okey, nanti kita kemudian lah ya. Saya tidak ada *figure*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Satu lagi soalan yang saya hendak tanya adalah, adakah dengan kes MH370, adakah MAS akan mengalami – ia kena ganti rugi atau kepada – kita doakan supaya semua selamat. Akan tetapi, kalau *the worst case happen*, adakah MAS terpaksa ganti rugi kepada kaum keluarga, *next of kin's* dan berapa *estimated* kerugian yang kita terpaksa tanggung bersama dengan mungkin *lawsuit* dan sebagainya. Saya cukup khuatir dengan masa depan MAS sebab dengan *you know airlines*, ia punya margin *already very low* dan sekarang dengan pelbagai masalah ia memang *take a hit on the company*. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat. Saya ingat dari segi kehilangan kapal terbang, saya tidak mahu sentuh ini fasal kita sudah ada kita punya *focal point* ini adalah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Jadi biar Menteri Pengangkutan buat kenyataan. Akan tetapi saya ingat ini akan melibatkan *legal* punya *matter*. Ini biarlah mereka jawab.

Yang Berhormat Kuantan sentuh tentang *gender budgeting*. Saya terima cadangan beliau. Bermakna pada bajet tahun 2015 kita akan melibatkan *caucus* wanita di dalam bajet *consultation* nanti. Itu janji saya lah. Kalau kita lihat dalam konteks negara kita, adakah kita memberi kelebihan kepada wanita? Tidak. Kalau kita lihat dari segi bajet negara-negara, kita ambil negara maju sebenarnya mereka amat kurang mengenai dengan gender wanita, kerana apa? Apabila kita kata gender bajet bermaksud bahawa tujuannya untuk memberi peruntukan lebih kepada wanita adalah untuk *to reach the gap*, antara lelaki dan wanita. Di negara-negara membangun umpamanya, kaum wanita susah dapat pekerjaan. Tidak dapat masuk universiti dan persekolahan, tidak dapat *health care*. Jadi ini yang di bagi oleh kerajaan-kerajaan tersebut.

Dalam konteks negara kita, kalau kita lihat dari segi universiti umpamanya 60% wanita, yang bekerja dalam kerajaan pun wanita. Maknanya tidak ada *gap* di situ. Akan tetapi kerana kesedaran kita, ada keperluan wanita, dalam konteks kesihatan kita luluskan beberapa inisiatif untuk wanita. Jadi dalam bajet tahun ini untuk 2015, kita akan masukkan *caucus*. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sudah duduk Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Bukan. Ada beberapa isu yang kita bahas semasa perbahasan tidak dijawab. Boleh saya tanya satu? Sebab tentang cukai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh. Okey, sila.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, semasa saya ambil bahagian dalam perbahasan, saya ada bangkit tentang perintah duti hiburan. Pengecualian untuk taman tema yang pembatalan telah dibuat pada – saya ingat enam, tujuh tahun sebelum ini. Sekarang ia dikuatkuasakan semula, sebab itu saya ingin tanya apakah asas pertimbangan Yang Berhormat Menteri tentang penguat kuasa lagi untuk mengutip 25% untuk setiap tiket masuk untuk taman tema? Itu yang pertama.

Kedua, yang saya ada bangkit tentang itu kutipan itu *charge* untuk pemeriksaan kuarantin untuk *tortoise*, *snake* dan lain-lain yang di import dari luar negara. Mengikut ia ada setiap ekor, bukan lagi satu *charge* yang munasabah untuk keseluruhan ini. Ini kerana mengakibatkan ada harga iaitu *charge* RM50 seekor ini lebih mahal dari nilai atau untuk seekor *tortoise* yang lain yang di pasaran. Oleh sebab itu saya ada bangkit kedua ini, saya tidak nampak ada penjelasan dan pendapat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sikit. Saya pun ada membangkitkan satu isu mengenai kriteria yang disediakan untuk membenarkan kod potongan gaji kepada kakitangan awam, untuk mereka syarikat ini berhubung dengan bank, membolehkan mereka membuat pinjaman peribadi dan sebagainya. Jadi kalau boleh dapat sikit penjelasan daripada kementerian.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya ada bangkit di dalam ucapan saya berkenaan dengan cukai tiga peratus yang dikenakan kepada peniaga-peniaga PLUS. Setiap jualan yang dijual di mana peniaga-peniaga terpaksa membayar tiga peratus kepada pihak PLUS. Jadi kita hendak minta, apakah bentuk cukai namanya tadi?

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cukai hiburan ini, betul jangkaan Yang Berhormat ini kita telah kecualikan selama lebih kurang tujuh tahun dan tahun ini kita perkenalkan. Ia disebabkan dalam Majlis Kewangan Negara yang dianggotai oleh semua Menteri Besar, mereka yang minta supaya kita adakan balik kerana cukai ini akan diperolehi oleh kerajaan negeri. Kita tahu bahawa kerajaan negeri tidak cukup bajetnya. Kita ambil contoh macam Selangor, bajet tahunan ada RM1.7 bilion. Manakala bajet yang Kerajaan Persekutuan bagi kepada negeri, belanja mengurus, belanja – RM17 bilion. Jadi menyedari keadaan ini, mereka memerlukan lebih bajet jadi kita bersetuju atas permintaan mereka.

Mengenai dengan *tortoise*, kura-kura saya perlu – dan ular ini saya perlu dapat maklumat kerana ini saya pun – nanti *I will get the information, I'll give it to you*. Ya? Okey. Kemudiannya...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Menteri tentang tadi katakan itu *charge 25%* dengan itu tiket masuk. Cukai itu diserahkan kepada negeri lah?

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Beri pada negeri.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Adakah pihak kementerian buat kajian tentang ia punya kesan-kesan terhadap pelabur-pelabur asing dan tempatan akibat daripada kutipan 25% ini? Bagaimana ia akan menjejaskan usaha kita pada tahun ini, tahun melawat Malaysia? Oleh sebab dengan *charge 25%*, saya anggap banyak tiket masuk taman tema ini akan naikan harga untuk ia punya tiket masuk. Ini akan membebankan pengunjung-pengunjung ke taman-taman ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan negeri mohon dan kita buat kajian kita, kita percaya ia tidak akan menjejaskan. Kalau harga tiket RM80 naik dalam RM16 ia jadi RM96. Pendatang dari segi *tourist* mereka mampu untuk membayar.

Kemudian mengenai cukai tiga peratus PLUS tersebut, sebenarnya ini bukan daripada kerajaan. Penyemakan kita, PLUS yang kenakan kepada mereka. Akan tetapi ini saya perlukan maklumat lebih *detail* lagi kerana saya hendak tahu mekanisme, adakah berasaskan kepada jualan yang dikenakan tiga peratus atau pun berasaskan kepada keuntungan. Maklumat ini perlu lagi. Kod potongan gaji, saya minta maaf, saya bagi secara bertulis nanti. Terima kasih.

■1240

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat..

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, ada seorang lagi yang saya bangkitkan. Maaf Yang Berhormat Menteri, saya baru masuk. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri ada jawab tentang ini atau tidak.

Ini adalah berkaitan dengan pelantikan Bank Dunia pada tahun 2011 untuk *public expenditure review* untuk melihat, meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan sektor awam. Bank Dunia, saya tidak tahu sama ada membuat apa-apa cadangan ataupun tidak. Kalau ada, apakah cadangan-cadangan yang dibuat dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan dan memantapkan pengurusan sektor awam dan perbelanjaan berkaitan hal ini? Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sudah jawab tentang perkara ini atau tidak. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, ini akhir ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Kajian daripada *World Bank*, kita sebenarnya yang melantik mereka kerana dalam konteks Kerajaan Malaysia, kita tidak mahu syok sendiri. Bermakna kita lantik badan lain untuk membuat penilaian ke atas perbelanjaan kita dan antara yang dicadangkan ialah konsep *value for money*.

*Value for money* ini bermakna RM1 kita dapat *value* sampai RM1. Apa yang kita laksanakan sekarang kalau kita lihat ya, dari segi tender umpamanya, kita buat tender terbuka. Ia rundingan terus hanya untuk keselamatan saja tetapi yang lain kita buat secara tender terbuka dan ia melalui satu proses yang panjang daripada kementerian-kementerian pelaksana, ia ada tender komiti, ia ada bahagian *procurement* untuk buat kajian. Kemudian dibawa ke Kementerian Kewangan sebagai *check and balance*, bahagian *procurement* akan buat kajian dan kemudian baru dibawa kepada satu komiti yang meluluskan.

Komiti ini bermakna bahawa empat dalam komiti - kalau jadi pengerusi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Perdana Menteri lah. Kemudian saya sendiri, KSP dan Timbalan KSP dan dihadiri sekurang-kurangnya 12 pegawai yang akan buat pembentangan dan sebagainya. Malah sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembentangan, kita tidak lagi bagi kertas. Kita hanya terima laporan itu melalui teks ini. Apabila masuk itu, kita buka baru tahu. Maknanya kita tidak tahu apa langsung yang akan dibentangkan. Hasil daripada itu kita dapati bahawa sebahagian besar 80% tender kita adalah bawah harga. Manakala yang lain 15%, ia ikut harga biasalah, anggaran daripada kementerian.

Malah, lebih daripada itu, kita letak dalam *website* kita. 8,700 tender itu semua ada di *website*. Itu sebab saya apabila ada tuduhan kata kita kroni dan sebagainya, saya hanya minta, kalau kita rajin kita pergi *website*, tengok 8,700, kita pergi satu per satu yang mana kroni. Daripada kita bercakap kosong macam itu, akhirnya tidak datang faedah apa-apa. Jadi, ini antara yang kita laksanakan dan kita akan laksanakan *Outcome Based Budgeting* yang mana kita telah laksanakan di tiga kementerian. Tahun depan kita tambah lima dan tahun 2016, kita akan buat semua.

Apa yang berlaku bawah *Outcome Based Budgeting*, kita telah pun mengeluarkan *MyResult*. Melalui *MyResult* ini, kita dapat mengukur. Apabila kita lulus perbelanjaan, ia pergi kepada program, program pergi kepada aktiviti, kita dapat mengukur secara spesifik dari segi

*performance* program tersebut dan aktiviti tersebut. Dengan cara ini saya percaya bahawa perbelanjaan kita yang saya kata RM1 dapat *value* RM1 itu akan tercapai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum saya menjemput Kementerian Pendidikan untuk berhujah menjawab kepada persoalan-persoalan yang bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sewaktu perbahasan, ingin saya membuat respons kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching. Jadi, saya tidak ada di waktu itu. Saya cuma dapat membaca daripada surat-surat khabar dan daripada *Hansard* yang telah dikemukakan kepada saya. *Initial response* saya iaitu respons saya yang mula-mula ini peringkat pertama. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk merujuk seseorang Ahli Yang Berhormat itu kepada suatu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Perkara 36(12) mesti memenuhi tiga prasyarat.

Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum iaitu pertama kenyataan yang dibuat itu adalah salah, *factually wrong*. Kedua, apabila disedari kesilapan itu sama ada yang membuat kenyataan itu sedar sendiri ataupun disedarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, apabila disedari bahawa kenyataan itu adalah salah, pihak yang membuat kenyataan itu tidak berusaha ataupun membuat sesuatu untuk memperbetulkan kenyataan yang dibuat itu.

Prasyarat yang ketiga iaitu Ahli Yang Berhormat yang membuat kenyataan itu daripada mulanya mempunyai niat jahat untuk menyeleweng Dewan ataupun agenda yang tertentu. Jadi apabila saya, kalau ada perkataan begini, mengaplikasikan prasyarat ini kepada hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri melalui bacaan saya daripada *Hansard* dan kenyataan yang dibuat oleh beliau di surat-surat khabar, saya tidak boleh buat keputusan pada hari ini kerana telah pun kita juga buat sebelum ini bahawa kalau ada pertikaian seperti begini, pihak menuduh dan pihak yang tertuduh mesti ada sama-sama saya dengar.

Jadi sebelum saya buat keputusan, mengambil kira prasyarat yang ketiga itu dengan perkataan atau hujah yang dipertikaikan, saya perlu mahu dengar kembali secara verbal daripada Yang Berhormat Bandar Kuching mana hujah-hujah yang menyalahkan Peraturan Mesyuarat. Selepas itu, saya akan panggil Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk membalas kepada hujah, baru saya buat keputusan. Jadi saya harap Yang Berhormat Bandar Kuching bersabarlah sehingga Timbalan Menteri berkenaan datang..

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, nampaknya itu Timbalan Menteri tidak hadir hari ini dan bila dia akan hadir?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia akan hadir Yang Berhormat. Itu sebab dia tidak tahu bahawa saya pun hadir pada hari ini untuk buat keputusan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Nanti, nanti..

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia akan hadir juga.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Nanti dia hadir, Tuan Yang di-Pertua tidak hadir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak Yang Berhormat. Saya akan pastikan Yang Berhormat bahawa dia akan hadir.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bolehkah kita tentukan satu..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, *[Disampuk]* jangan pertikaikan apa yang sudah saya sebut.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya tidak pertikai untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. *He will come.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bolehkah kita *fix a time* untuk beliau menghadirkan diri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang apabila saya berhujah ini pun, Yang Berhormat berkenaan akan dimaklumkan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan dimaklumkan, sabar Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sudah kita bersama selama enam tahun.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini amat banyak komen yang *adverse* terhadap perkataan beliau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu Yang Berhormat. Sebagai seorang peguam Yang Berhormat, itulah sebab kenapa saya memberi tadi tiga prasyarat mengambil itu. Kalau saya buat keputusan sekarang tanpa Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, mungkin keputusan saya tidak baik kerana saya belum mendengar hujah beliau. Kalau pun ada sesuatu yang diperbetulkan, macam mana dia perbetulkan kalau dia tidak ada. Sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila mohon tarikh itu, tepat Tuan Yang di-Pertua. Takut Tuan Yang di-Pertua hadir, Yang Berhormat Timbalan Menteri hadir, dia pula yang tidak hadir. Susahlah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat ini *[Merujuk kepada Yang Berhormat Bandar Kuching]* dan Ahli Yang Berhormat itu *[Merujuk kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri]* dua-dua dari Sarawak, di Kuching. Sebenarnya mereka ini boleh selesaikan masalah ini di VIP Lounge. Akan tetapi mereka sengaja bawa dalam Dewan, menghabiskan masa kita.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, ini isu semua seluruh Malaysia *concern*. Kita hendak satu tarikh saja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak boleh saya tetapkan tarikh kerana mungkin tarikh yang saya kehendaki itu adalah Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bertugas. Fahamlah Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau saya kata esok, Ahli Yang Berhormat pula yang berkenaan ada hal lain macam mana? Ataupun lusa macam mana? Jadi biarlah saya buat kerja saya, kamu buat kerja kamu. Saya tentukan bahawa dia ada. Apabila pula nanti dia ada, Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching pula tiada kerana dia akan berkempen di Balingian bukan? Sila Yang Berhormat Menteri.

**12.49 tgh.**

**Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu pendidikan yang berlangsung dari 11 hingga 20 Mac.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 56 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan pelbagai perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya akan cuba menjawab dan memperjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan dengan merujuk kepada lapan kluster utama:-

- (i) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia;
- (ii) profesion perguruan;
- (iii) pentaksiran berasaskan sekolah atau (PBS);
- (iv) pendidikan Islam;
- (v) pengajian tinggi;
- (vi) prasarana pra fizikal;
- (vii) pembangunan modal insan; dan,
- (viii) Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Yang Berhormat daripada Gerik, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Setiu ada membangkitkan tentang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan bertanya tentang program-program perancangan dan juga rintangan dan halangan yang dihadapi dalam melaksanakan program ini. Sebenarnya untuk pengetahuan, untuk ulangan bahawa PPPM atau Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia merupakan satu pelan pembangunan ataupun *blueprint* untuk pendidikan negara kita yang telah dikaji sejak tahun 2011 lagi. Ia berdasarkan kepada pandangan rakyat di mana rakyat merasakan bahawa sistem pendidikan kita ini terlalu berorientasikan peperiksaan.

Bahawa pelajar-pelajar kita ini kemampuan memikir dan komunikasinya agak rendah. Isu penggunaan bahasa Inggeris, penguasaan bahasa Inggeris oleh pelajar-pelajar kita di samping isu-isu kualiti guru, peranan PIBG, infrastruktur dan sebagainya. Untuk itu kementerian telah membuat kajian sejak tahun 2011 lagi, mengambil pandangan Bank Dunia, mengambil pandangan OECD, pakar-pakar di luar dan di dalam negara, mengadakan perjumpaan-perjumpaan terbuka Town Hall, melihat memorandum dan juga artikel-artikel sama ada dalam media konvensional ataupun media sosial.

Keseluruhannya mengambil pandangan 55,000 orang rakyat Malaysia untuk mengeluarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang telah dilancarkan pada September yang lalu. Untuk itu beberapa program telah dilaksanakan antaranya PBS ataupun Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang banyak mendapat teguran yang saya akan bincang secara terperinci selepas ini dan juga dalam PBS ada penghapusan PMR yang akan digantikan juga dengan Pentaksiran Tingkatan 3 dan juga saya akan ulas dengan lebih terperinci selepas ini.



Latihan-latihan dalam bahasa Inggeris menggunakan *Cambridge Placement Test*, pengambilan guru yang lebih hebat dan juga program-program KBAT ataupun Kemahiran Berfikir Aras Tinggi untuk pelajar-pelajar kita di sekolah. Dengan itu memang kita menghadapi beberapa rintangan di mana semua program, katakanlah program pembangunan, latihan kepada 40,000 orang guru-guru bahasa Inggeris ini akan memakan masa dan juga penerapan soalan-soalan pemikiran aras tinggi juga di dalam pemeriksaan juga akan memakan masa, di mana pada masa-masa akan datang kita akan melihat pelajar-pelajar kita akan mampu untuk mengatasi isu-isu pemikiran dan juga isu-isu komunikasi dengan lebih baik.

Berhubung dengan profesion keguruan, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Kangar dan juga Yang Berhormat Parit. Memang hasrat kementerian untuk memastikan agar profesion guru dimartabatkan.

Sebab itulah kalau bila kita lihat gurulah merupakan orang yang amat beruntung kerana kenaikan pangkat mereka yang cemerlang berasaskan kepada *time based*. Di mana seorang guru yang menjadi guru pada lapan tahun pertama akan dapat – lepas tahun kedua akan terus meningkat menjadi Gred 44. Lapan tahun lagi meningkat kepada Gred 48. Lapan tahun daripada Gred 41 kepada Gred 44, lapan tahun daripada Gred 44 kepada Gred 48. Enam tahun daripada Gred 48 kepada Gred 52 sebenarnya. Ini mengatakan dalam masa 25 tahun, guru-guru yang berumur hampir 48 tahun telah mencapai Gred 52.

Ini merupakan satu pengiktirafan kepada guru untuk memastikan mereka dimartabatkan. Begitu juga dengan pengambilan guru-guru...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah juga mungkin disebabkan dengan bukan mudah tetapi dengan promosi yang begitu hebat di kementerian ini, maka sekarang ini macam ada perlumbaan untuk mendapatkan jawatan perguruan itu sendiri. Apabila selepas graduan tidak ada pilihan lain melainkan menjadi guru ataupun jadi pengajar. Jadi mungkin inilah salah satu faktor di mana kadang-kadang kita melihat bahawa permohonan untuk menjadi guru berlebihan tetapi sebetulnya di kampung-kampung banyak yang kekurangan guru.

Jadi apa mekanisme yang direncanakan oleh kementerian supaya guru-guru ini diselaraskan di antara wilayah, jangan diberi tumpuan kepada bandar-bandar di mana guru dia, sekolah dia sudah hebat, guru dia pun berlebihan sementara di kampung-kampung mereka pula mula-mula mahu masuk dan selepas satu tahun, hendak keluar sudah. Jadi macam mana hendak menghalang ikatan yang sedemikian ataupun mungkin kementerian mencadangkan okey kita bagi *trial* 5 tahun, baru boleh minta tukar.

Sebab kalau tidak akhirnya apabila dia minta tukar keluar, sekolah itu sudah kekurangan guru semula, mencari lagi dan yang menjadi mangsa pelajar-pelajar di kampung-kampung, anak-anak ini sebab guru dia leka, kekurangan dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang benar bahawa proses pengambilan guru telah berubah. Dimana terkemudian ini hanya pelajar-pelajar yang SPM yang 30% terbaik dipilih untuk menjadi guru. Jadi memang terkemudian ini hanya mereka yang sekurang-kurangnya mendapat 5A boleh menjadi guru. Dahulu oleh kerana kita perlukan ramai guru dan kita kekurangan guru hampir semua mereka yang memohon untuk menjadi guru boleh menjadi guru. Sehingga kini ada di dalam opsyen-opsyen tertentu, ada yang mereka mendapat 7A dan 8A juga tidak menjadi guru kerana opsyen-opsyen tersebut telah hampir tepu antaranya opsyen Matematik dan sebagainya.

Kita berharap dengan adanya cara-cara pemilihan guru itu, guru akan menjadi satu profesion pilihan, bukan pilihan untuk semua orang tetapi pemilihan kepada 30% yang terbaik dan juga guru akan menjadi satu profesion yang mulia dan dihormati selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan untuk memastikan sistem yang berkualiti wujud dalam profesion perguruan ini. Memang betul kata Yang Berhormat tadi, memang terkemudian ini kementerian memastikan agar lebih ramai— kita akan lebih ramai mengambil guru-guru dari Sabah dan Sarawak. Ini isu yang dihadapi sekarang ini kerana kekurangan guru. Ramai guru-guru Semenanjung terpaksa— anak-anak gadis terpaksa— Sabah Sarawak ini juga menimbulkan satu isu apabila mereka dihantar ke kawasan-kawasan pedalaman.

Kementerian sedang mengambil inisiatif untuk memastikan mereka tidak – kita akan mengambil lebih ramai guru daripada Sabah dan Sarawak untuk memastikan penukaran-penukaran ini, mereka daripada Semenanjung tidaklah ramai yang terpaksa berhijrah ke Sabah dan Sarawak untuk bertugas.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Silakan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya agak keliru sedikit mengenai dengan masalah guru ini. Ini kerana kita dapati juga sama ada betul atau tidak, saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri lebihan lambakan guru lepasan daripada institut pendidikan tinggi awam (IPTA). Maksudnya ramai lepasan daripada IPTA ini tidak mendapat penempatan menyebabkan ia berlaku lambakan.

Ia mungkin berlaku kerana difahamkan apabila kita melaksanakan beberapa pendekatan misalnya melanjutkan tempoh perkhidmatan, guru pencen diberi dilanjutkan tempoh perkhidmatan dan sebagainya. Sama ada ini betul, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Kemudian, apakah kementerian apabila melihat bahawa lambakan ini berlaku kepada guru-guru lepasan IPTA ini, tidakkah boleh dirangka supaya mereka yang belajar

ini dapat diberi tambahan kemahiran di dalam bidang-bidang lain supaya mereka mempunyai pilihan.

Tidak dapat menjadi guru mereka boleh ke kerjaya lain. Jadi apakah kementerian ada perancangan tentang perkara ini. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Temerloh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum ini saya juga ada bangkitkan satu isu berkaitan dengan perkara yang sama dalam melihat lambakan guru dan kekurangan guru di kawasan-kawasan tertentu di pedalaman iaitu bagaimana guru-guru ataupun mereka yang mengambil, yang telah tamat pengajian lebih kurang dalam setahun lebih tetapi mereka tidak mendapat penempatan di mana-mana penempatan sebagaimana yang dijanjikan oleh pihak kementerian. Sehingga ada di kalangan mereka menganggap seperti mereka ini digantung tidak bertali.

Lebih daripada setahun mereka telah tamat tetapi tidak ditempatkan. Saya merujuk satu kes sebagai contoh pelajar TESL di bawah tajaan Kementerian Pendidikan di United Kingdom. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, saya bagi opsyen sama ada Menteri mahu respons kepada isu oleh Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Temerloh sekarang atau pun sebelah tengah hari nanti? Mana satu?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya ingat saya jawab yang ini dulu selepas itu saya terus...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, selepas respons kepada perkara ini kita akan tangguhkan sehingga tengah hari nanti baru hujah sambung. Sila respons kepada dua tadi.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Untuk berhubung dengan lambakan guru ini berlaku kerana selepas sejak tiga tahun yang lalu kita mempunyai ramai guru-guru GSTT. Guru-guru yang mengajar, guru sementara yang mengajar dan tidak terlatih. Pada tahun 2011, kita telah mengambil 7,539 orang guru GSTT diserapkan dalam sistem pendidikan. Lanjutan usia selama dua tahun itu mewujudkan lambakan guru-guru, sebab itulah kita lihat sebilangan besar mereka tidak dapat ditempatkan. *Alhamdulillah*, mereka semua yang bergraduan pada tahun 2013 *insya-Allah* telah ditemu duga dan *insya-Allah* akan ditempatkan keseluruhannya pada tahun ini.

Untuk guru-guru yang sememangnya dikatakan yang berlebihan ini sememangnya kementerian memastikan mereka diwujudkan dua saluran mengajar ataupun Program PITO di mana guru-guru ini bukan hanya diberi satu aliran pengkhususan sahaja dengan ada dua pengkhususan, *insya-Allah* mereka akan mendapat ditempatkan dengan sewajarnya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**2.32 ptg.**

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Gerik, Kota Kinabalu, dan juga Yang Berhormat Batu Gajah sebenarnya kerajaan menghormati legasi sistem pendidikan di negara kita di mana sejak merdeka yang telah diamalkan sejak daripada merdeka lagi. Dalam legasi ini kita lihat melalui Akta Pendidikan 1996, ia telah menetapkan bahawa semua sekolah menengah kebangsaan sama ada sekolah kerajaan mahupun bantuan kerajaan hendaklah menggunakan kurikulum kebangsaan dan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar. Kita harap di sekolah menengah akan wujudnya satu gabungan di kalangan pelbagai kaum di mana penggunaan kurikulum kebangsaan digunakan dengan sepenuhnya dan Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa penghantar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat bangun Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri boleh saya dapat tahu, saya telah hujah mengenai perkara tersebut tetapi khususnya mengenai kurikulum yang dipakai di sekolah-sekolah menengah. Baru-baru ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengagihkan satu tanah untuk pembinaan satu sekolah tinggi Tamil. Apakah pendirian kerajaan dalam hal ini? Adakah kerajaan akan membina sekolah Tamil itu walaupun dalam 56 tahun ini kerajaan telah berkata jika ada tanah, sekolah menengah akan dibina. Sekarang memandangkan ada tanah, apakah pendirian dan bilakah ia akan dibina? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Akta Pendidikan 1996 jelas mengatakan bahawa untuk sekolah menengah, ia perlu menggunakan kurikulum kebangsaan dan juga menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar. Itulah yang dikatakan- menggabungkan untuk memastikan ada wujudnya integrasi di kalangan kaum untuk semua sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjung dan juga Yang Berhormat Batu Kawan...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bukan Yang Berhormat. Minta maaf.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Jadi soalan saya tidak dijawab. Bukan...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya katakan merujuk sekolah menengah Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, menggunakan kurikulum tidak ada bantahan itu. Saya setuju kepada semua mengikut akta-akta tersebut. Akan tetapi untuk pembinaan

sekolah Tamil itu di mana dahulu kerajaan kata kalau Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi tanah, kita akan bina. Sekarang tanah telah diagihkan. Jadi apakah pendirian kerajaan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya katakan tadi...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya tidak ada halangan mengenai kurikulum dan sebagainya, *not that issue*.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dalam Akta Pendidikan 1996, jelas mengatakan bahawa semua sekolah menengah kebangsaan mahupun sekolah bantuan kerajaan, perlulah menggunakan kurikulum kebangsaan dan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar utama. Itu sahajalah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Jadi sekolah Tamil apa? *No problem on that issue*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kita sekarang ada lebih daripada 50 buah sekolah Cina, tidak ada masalah mengenai perkara itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ayer Hitam bangun Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak ada masalah mengenai perkara itu.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ia akan dibina mengikut keperluan dari semasa ke semasa melihat keutamaan-keutamaan dan juga kemampuan kerajaan untuk membina sekolah-sekolah tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ayer Hitam hendak beri Yang Berhormat?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya, sila.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Sebenarnya saya rasa mungkin ada sedikit kekeliruan dari segi pihak yang tertentu yang hendak mengusulkan supaya sekolah Tamil dibina.

Akan tetapi dalam konteks sekolah menengah, apa yang ada ialah ia bukan SMJK(C), tidak- 'C' itu tidak pernah wujud. Ia adalah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) yang mana asal usulnya *confirmation school* pada tahun 1991. Jadi saya tidak pasti apa yang dimaksudkan oleh pihak sana tadi yang mengatakan 'T' itu sebenarnya untuk sekolah menengah, ia memang ikut kurikulum kerajaan KPM sepenuhnya. Cuma semua subjek kalau sembilan subjek, semua ikut, cuma dari segi waktu P&P bagi bahasa Cina itu, lazimnya di SMK tiga waktu tetapi untuk sekolah sebegini, SMJK *confirming school* seperti mana yang dijanjikan pada tahun 1961 ialah sebanyak lima atau tujuh waktu. Itu sahaja perbezaan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Jadi nampaknya MCA bantah kepada pembinaan sekolah. Ini pendirian MCA.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *No*, saya tidak cakap. Saya cuma kata... *[Disampuk]* Saya cuma- tengok, ini perangan tidak betul ini. Saya cuma kata kalau ada disebut untuk Tamil, apa yang ada sekarang ialah 80 buah SMKJK *confirmation school*. Jadi dia ikut

sepenuhnya *syllabus* tetapi tambahan waktu P&P. Saya pun cakap saya tidak pasti apa yang diutarakan Yang Berhormat tadi. Maksudnya 'T' itu untuk apa?

Jadi saya cuma hendak tanya Yang Berhormat, apa yang saya tidak pasti melalui Menteri, kadangkala perlu satu *clarification*. Akan tetapi jangan buat andaian bukan-bukan. Saya tidak kata sokong atau tidak. Saya cuma katakan apa yang ada adalah sistem sebegini yang mana masyarakat Cina pun dari semasa ke semasa di bawah Menteri Yang Amat Berhormat Menteri pun sudah pernah lulus. Satu di Pulau Pinang, SMJK Jit Seng 2 dan satu lagi SMJK Chung Hwa 2. Ini berlaku pada dua tahun yang lalu. Ya, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, biar saya sambung sedikit lagi kerana ada rayuan kepada usul-usul yang diungkit tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjong dan juga Yang Berhormat Batu Kawan, kedudukan SKJ(C) dan SJK(T) tidak perlu dipertikaikan kerana Akta Pendidikan 1996 jelas menerangkan kedudukan sekolah-sekolah berkenaan. Dalam sistem pendidikan negara, SJK(C) dan juga SJK(T) dikategorikan sebagai sekolah jenis kebangsaan. Seksyen 2, Akta Pendidikan 1996 menerangkan sekolah jenis kebangsaan bererti sekolah rendah kerajaan ataupun sekolah rendah bantuan kerajaan dan kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun menggunakan bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa penghantar utama dan juga menjadikan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib. Memang ada peruntukan di dalam Akta Pendidikan 1996 untuk sekolah-sekolah rendah di bawah SJK(C) dan juga SJK(T).

Untuk makluman Yang Berhormat...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian ada satu penganjuran, katalah dalam jangka lima tahun semua sekolah rendah ini akan dijadikan sekolah aliran kebangsaan, ada atau tidak perancangan itu di bawah kementerian? Terima kasih.

#### ■1440

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Memang sekolah rendah ini memang sekolah kerajaan. Sudah saya katakan tadi, sekolah SJK(C) dan SJK(T) memang adalah sekolah kebangsaan di bawah Akta Pendidikan 1996, memang sekolah kerajaan dan diberi peruntukan-peruntukan bajet di bawah kerajaan.

Saya sambung, untuk makluman Yang Berhormat Rasah dan juga Yang Berhormat Labis, sijil *Unified Examination Certificate* ataupun UEC bukanlah persijilan peperiksaan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sijil tersebut dianugerahkan kepada mereka yang mengikuti pendidikan di sekolah menengah persendirian Cina, bukan *conforming schools*. Ini kerana sejak daripada merdeka lagi sudah wujud 74 sekolah *conforming schools* yang mengikut ciri-ciri kerajaan yang dibantu sepenuhnya oleh kerajaan.

Antara sebab mengapa sijil berkenaan tidak diiktiraf ialah kerana UEC adalah merupakan Anugerah Persijilan Peperiksaan yang dikelolakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, *Malaysia Independent Chinese Secondary School* atau pun MICSS dan tidak akur kepada dasar pendidikan kebangsaan dan standard kurikulum UEC adalah tidak sama dengan kurikulum kebangsaan. Sukatan pelajaran UEC adalah tidak setaraf dengan SPM mahupun STPM dan piawaian dan kawalan ke atas peperiksaan UEC adalah berlainan dengan piawaian sistem peperiksaan kebangsaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak mengawal taraf piawaian peperiksaan UEC...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri boleh minta sedikit penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah bangun.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Kalau tidak silap saya pada tahun lepas bulan April, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu telah pun mengadakan satu pertemuan dengan pihak Dong Zhong dan selepas itu dalam banyak surat khabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberi kenyataan bahawa beliau sendiri akan meminta supaya Kementerian Pendidikan Tinggi untuk mengkaji supaya mengiktiraf sepenuhnya Sijil UEC.

Saya hendak minta penjelasan daripada Dewan yang mulia ini, kalau sebelum PRU-13 janji hendak iktiraf sepenuhnya tetapi selepas PRU-13 tiba-tiba pula kata UEC tidak boleh diterima sebab alasan-alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Satu perkara lagi, katakan negara kita sendiri tidak mengiktiraf Sijil UEC, saya hendak tanya, kalau kita tidak iktiraf, mengapa Universiti Kerajaan Singapura boleh iktiraf, di UK boleh iktiraf tetapi di Malaysia sendiri tidak boleh diiktiraf? Itu persoalan saya.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kita mempunyai lembaga peperiksaan kita sendiri dan saya katakan tadi di bawah Dasar Pendidikan Kebangsaan, Akta Pendidikan 1996, ia tidak selaras. Sebagaimana saya telah katakan tadi bahawa apabila tidak selaras dengan Akta Pendidikan 1996, jadi kerajaan tidak boleh mengiktiraf. Janji-janji itu saya kena lihat kerana saya konsisten dalam saya membuat jawapan di Parlimen. Dua tiga bulan yang lalu pun saya mengatakan bahawa itulah dan setahu saya Menteri Pendidikan sendiri iaitu Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat jawapan yang sama sejak dahulu lagi.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tidak. Timbalan Perdana Menteri beri jawapan yang lain. Timbalan Perdana Menteri kata tidak akan iktiraf tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bertemu dengan Dong Zhong dan sendiri memberi kenyataan bahawa pihak kerajaan akan iktiraf dengan sepenuhnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Dengar jawapan Menteri dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya di sini masih ada lagi keratan surat khabar daripada Perdana Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** MCA diam.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Perdana Menteri mengelirukan.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Itu saya perlu semak kenyataan tersebut kerana saya tidak ada maklumat tentang kenyataan tersebut.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Okey Yang Berhormat Menteri, cuma satu penjelasan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Jadi, maksudnya Kerajaan Barisan Nasional tidak akan mengiktiraf UEC, betul? Betul atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Betul.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Betul? Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya sudah jawab tadi dua kali mengatakan kerana ia tidak selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Oleh sebab itulah kementerian tidak mengiktiraf UEC. Jelas. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kepong, untuk memartabatkan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah melalui Program MBMMBI memang kerajaan akan meningkatkan lagi bahan ilmuwan, akan memastikan meningkatkan lagi kajian-kajian penerbitan dalam Bahasa Malaysia. Mengadakan program audit bahasa dan juga bulan bahasa di samping pertandingan Bahasa Malaysia untuk meningkatkan lagi bahasa Malaysia di sekolah-sekolah.

Saya juga ingin menyentuh tentang PBS yang juga menjadi satu persoalan hangat di Dewan yang telah diungkit oleh Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Tebrau dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai.

Di sini kita lihat dalam penambahbaikan PBS yang telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan pada minggu yang lalu kita lihat bahawa Dokumen Standard Prestasi atau DSP dipermudahkan. Ini bermakna bahawa beban guru akan berkurang sebanyak 80%. Berikutan sistem pengurusan PBS ataupun SPPBS secara *online* digantikan dengan sistem perekodan secara *offline*. Bermakna, ia *totally offline*. Ini tidak lagi timbul isu guru terpaksa bangun tengah malam untuk mengisi ataupun memasukkan data-data pelajar-pelajar mereka.

Begitu juga dengan peperiksaan PMR digantikan dengan Pentaksiran Tingkatan 3 atau PT3 menerusi PBS. Ia perlu kerana dalam membuat penilaian ini, kita lihat ada tiga perkara yang harus ditaksir oleh guru. Satu, semasa belajar atau *S-learning*. Kedua, untuk apakah yang akan dipelajari, *for learning* dan juga *off learning* atau apakah yang telah dipelajari oleh mereka. Kita lihat sistem *off learning* ataupun apa yang telah dipelajari itu, itulah apa yang digunakan oleh PMR yang kita telah pastikan ianya dilaksanakan peringkat sekolah...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang bangun.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Menteri, Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa PT3 ini akan menggantikan PMR. Saya hendak mendapatkan sedikit pengesahan sahaja daripada Menteri. Adakah PT3 ini bermakna



bahawa hanya satu peperiksaan akan dijalankan di peringkat sekolah yang akan diperiksa dan dimark dan digredkan oleh guru-guru di dalam setiap sekolah?

Adakah ini bermakna bahawa semua Pentaksiran Berasaskan Sekolah, *marking offline* itu, yang diambil mungkin sekali dua minggu ataupun sebulan, semua ini tidak akan digunakan atau akan digunakan untuk menggantikan PMR sebagai sebahagian daripada PT3? Jadi, satu peperiksaan ataupun gabungan satu peperiksaan dengan semua Pentaksiran Berasaskan Sekolah? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Dengan pengumuman mengatakan bahawa PMR tidak ada, bermakna setiap tingkatan akan mengadakan peperiksaan mereka. Untuk Tingkatan 1, di panggil PT1 ataupun Pentaksiran Tingkatan 1. Untuk Tingkatan 2, akan wujud PT2 atau Pentaksiran Tingkatan 2. Sama juga Tingkatan 3 ada PT3, PT4 dan selepas itu baru SPM. Jadi, bermakna pentaksiran itu akan dilaksanakan di peringkat sekolah.

Oleh sebab itulah PBS ialah Pentaksiran Berasaskan Sekolah ataupun *School-Based Assessment* kerana pentaksiran itu akan dilaksanakan di peringkat sekolah. Untuk memastikan agar ia dapat ditaksir dengan baik, memang pada tahun ini Lembaga Peperiksaan akan menyediakan satu bank soalan yang banyak akan dihantar ke sekolah-sekolah yang dalam tiga bentuk. Satunya, soalan-soalan yang senang, soalan-soalan yang sederhana dan soalan-soalan yang susah.

Sekolah diminta untuk memilih daripada bank-bank soalan tersebut, 1/3 soalan yang senang, 1/3 soalan yang sederhana dan 1/3 soalan yang susah untuk memastikan adanya penarafan yang baik seluruh negara apabila PT3 ini dilaksanakan. Oleh itu saya juga ingin mengatakan bahawa PBS merupakan satu dasar pentaksiran yang holistik terhadap pencapaian murid yang menggunakan empat komponen.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Jadi, untuk markah-markah *offline* itu, adakah ia akan digunakan untuk digabungkan sebagai markah *final* selepas Tingkatan 3 yang akan digunakan untuk buat *streaming* ke Tingkatan 4?

■1450

Itu saya belum dapatkan kepastian daripada pihak kementerian kerana sekarang Lembaga Peperiksaan tidak akan menggunakan satu *centralised system* untuk *exam* Tingkatan 3 tetapi sekarang ini untuk PBS ini, ada komponen yang berasaskan peperiksaan dan juga ada yang berasaskan *regular assessment*. Jadi saya tidak tahu apakah komponen-komponen yang akan digabungkan supaya boleh menjadikan satu markah akhir yang akan digunakan untuk *streaming*. Itu saya masih lagi keliru. Kemungkinan banyak Ahli di Dewan ini juga keliru termasuk ibu bapa di luar. Terima kasih.

**Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]:** Boleh saya sambung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat? Ya, sila Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Ini persoalan Pentaksiran Berasaskan

Sekolah yang diterjemahkan atau dilanjutkan akhirnya tidak ada peperiksaan Tingkatan 3 ya, semuanya berdasarkan sekolah. Persoalan yang saya hendak timbulkan, bagaimanakah kementerian mahu memastikan bahawa peperiksaan itu dapat dilaksanakan secara adil? Bagaimanakah kompetensi guru khususnya dalam pentaksiran ini dapat diletakkan searas bagi seluruh negara? Juga beberapa hal yang lain untuk memastikan ada soal keadilan terhadap para pelajar.

Saya ingin berikan contoh ya. Masa kita laksanakan, ini masa saya dalam sistem ini lagi dulu, ada sistem SSB. Ini dibagikan institusi untuk melaksanakan- dalam gred 1 hingga 10. Jadi ada Pengarah Pendidikan yang memberi semuanya *grading* itu, tengah-tengah saja- 4-5, 4-5, 4-5. Kalau letak tujuh dengan lapan, kata dia sudah sama dengan saya sebagai pengarah. Jadi yang kita bimbangkan nanti, ini yang berlaku pada pelajar. Kalau letak tinggi nanti, katalah grednya skala sampai enam, kalau letak enam nanti sama dengan cikgu. Jadi letak tengah-tengah saja. Jadi bagaimana kebimbangan kita dapat diatasi oleh kementerian dengan ribuan sekolah, ratusan ribu murid, ratusan ribu guru untuk memastikan sistem ini terlaksana dengan baik dan tidak menimbulkan kezaliman kepada pelajar-pelajar yang dididik? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh bagi tambahan mengenai isu ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat penjelasan juga daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana kekhuatiran ibu bapa dan juga cikgu-cikgu sekarang ialah bahawa tidak ada satu standard mutlak tentang keputusan murid-murid. Saya telah diberitahu oleh guru-guru bahawa Pejabat Pendidikan Daerah akan meminta guru-guru memberi markah semak semula jika mana-mana kelas dalam sekolah yang berlandaskan PBS ini memohon mereka semak semula markah kalau keputusan kelas itu tidak baik. Maksudnya tidak mencapai tahap yang dikehendaki oleh Pejabat Pendidikan Daerah. Ini bermaksud standard dia berubah-ubah mengikut kehendak Pejabat Pendidikan Daerah dan bukan tahap yang telah dicapai oleh murid tersebut.

Begitu juga dengan keputusan PMR, SPM, tidak ada satu pengumuman mutlak tentang markah yang perlu seseorang murid itu untuk mendapat 'A', 'B' atau 'C' dan selanjutnya. Ini bermaksud ada banyak tuduhan sekarang ialah bahawa markah mereka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Ataupun pencapaian 'A', 'B', 'C', 'D' ini tidak mencerminkan pencapaian yang sebenarnya murid-murid tersebut. Jadi maksudnya dengan izin, *this is not reflect the ability and capability of the children.*

**Dato' Seri Idris Jusoh:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ingat saya jawab dululah fasal benda itu. Saya tidak habis jawab lagi ini. Soalan-soalan yang perlu saya jawab, sebenarnya itu yang ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk memberitahu apa jawapannya.

PBS, saya hendak ulangi, Pentaksiran Berasaskan Sekolah ataupun dengan izin, *School-Based Assesment* di mana pada peringkat terdahulu ramai rakyat yang mengatakan

bahawa pelajar-pelajar kita ini terlalu berorientasikan peperiksaan. Kita tidak mahu terlalu banyak peperiksaan ini. Lepas Tingkatan 1, Tingkatan 2, Tingkatan 3 terus periksa. Tingkatan 4 *relax* sekejap, Tingkatan 5 terus periksa. Jadi apabila pelajar-pelajar kita tidak ada masa untuk mengembangkan sahsiah mereka, tidak ada masa untuk menajamkan pemikiran mereka, pemikiran aras tinggi dan tidak ada masa untuk perkembangan-perkembangan yang lain, jadi rakyat semua mengatakan bahawa kita patut menilai sistem peperiksaan kita.

Akan tetapi tidak mengatakan tidak ada peperiksaan, Yang Berhormat. Sebab, sekolah-sekolah masih boleh melaksanakan ujian-ujian bulanan yang sentiasa diadakan di sekolah-sekolah. Cuma yang tidak ada hanyalah PMR. PMR adalah satu peperiksaan yang ditadbir oleh Lembaga Peperiksaan sebagaimana UPSR dan juga SPM. Yang tidak ada tengah-tengah saja. Ada UPSR, ada SPM. Bukan tidak ada. Cuma yang tidak ada ialah PMR agar memberi ruang.

Oleh sebab itu PBS ada empat komponen. Satu komponen ialah Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Kedua, komponen Pentaksiran Berasaskan kepada Pusat. Ada, memang ada. Bukan tidak ada langsung. Cuma adanya ialah Tingkatan 5. Jadi memang ada. Bukan kita tidak boleh buat pentaksiran bulanan, boleh. Tiga bulan sekali boleh. Itu berasaskan kepada sekolah. Juga, ada PAJSK ataupun Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Ko-kurikulum. Kalau dahulunya tidak ada ko-kurikulum dimasukkan secara menyeluruh tapi sekarang... Sebab itu saya katakan PBS adalah satu pentaksiran yang lebih holistik.

Satu lagi elemen yang baru ialah psikometrik, agar kita boleh melihat apakah kecenderungan pelajar-pelajar sejak daripada bangku sekolah lagi. Adakah dia lebih mirip kepada akademik ataupun dia lebih mirip kepada kesenian ataupun lebih mirip kepada industri dan sebagainya. Dengan itu, apabila kita mengadakan *streaming*, dengan izin, selepas Tingkatan 3, apabila mereka masuk ke Tingkatan 4, mereka boleh diletakkan sama ada mereka itu layak ke sekolah biasa, sekolah sains, sastera, hendak buat *accountancy* ataupun sekolah-sekolah vokasional. Sebab itulah dengan adanya PBS ini, kanak-kanak, pelajar-pelajar itu boleh dinilai secara keseluruhan dan tidak ketinggalan kemampuan mereka dalam bidang ko-kurikulum, pembangunan sahsiah mereka, adanya kebat ataupun kemahiran pemikiran aras tinggi agar sistem pendidikan kita adalah lebih menyeluruh.

Saya hendak ulang apa yang saya katakan tadi bahawa dalam peperiksaan PT3 ataupun Pentaksiran Tingkatan 3 sebagaimana wujudnya PT1, PT2, PT3, PT4 iaitu Pentaksiran Tingkatan 1, Tingkatan 2, Tingkatan 3 dan Tingkatan 4 di mana untuk Tingkatan 3 ini, Lembaga Peperiksaan untuk memastikan adanya keseragaman supaya senang adanya verifikasi dan juga koordinasi, Lembaga Peperiksaan akan menyediakan satu bank soalan yang saya telah katakan tadi. Makna antaranya soalan yang berbentuk senang, soalan yang berbentuk sederhana dan soalan yang berbentuk susah. Jadi guru-guru perlu ambil soalan-soalan tersebut agar pentaksirannya dapat diadakan cara saksama untuk seluruh pelajar.

Dengan itu, oleh kerana sudah tidak ada *evident* ataupun *descriptor* yang perlu diisi oleh guru kerana ianya, kita katakan bahawa tidak perlu lagi ianya *online*, kerana pentaksiran PBS ini ialah *totally* ataupun seluruhnya *offline*, jadi tidak perlu, saya katakan tadi, bahawa guru perlu

bangun tengah malam. Fail pelajar juga sudah tidak perlu simpan. Cuma yang perlu disimpan ialah fail-fail yang tertentu.

Saya juga ingin menyentuh apa yang...

■1500

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Menteri, minta sedikit penjelasan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu berkenaan dengan PBS ini, iaitu satunya memang penilaian yang dibuat berasaskan sekolah. Adakah pihak kementerian sedar ataupun hendak membuat satu unjuran supaya setiap kelas pelajar-pelajar di seluruh negara ini sekurang-kurangnya ada satu kelasnya 25 orang baru agak relevan di dalam soal pelaksanaan PBS. Itu satu.

Yang keduanya, berkenaan dengan bebanan guru. Kadang-kadang terpaksa mereka mengajar lebih daripada 30 masa di dalam seminggu. Adakah mereka boleh membuat satu penaksiran kepada pelajar-pelajar itu dengan baik dengan bilangan masa kelas yang mereka lakukan. Ini dalam konteks P&P, tidak termasuk lagi dalam bentuk mereka terpaksa melaksanakan kerja-kerja lain seperti mana menjadi guru kokurikulum dan sebagainya. Kadang-kadang terpaksa bawa pelajar ke hospital, kadang-kadang setengah jadi bomoh.

Jadi itu yang kita katakan tadi ialah adakah pihak kementerian perlu kita harapkan supaya dalam soal kita menyediakan program PBS ini, perlu juga pihak kementerian perlu memikirkan soal berkenaan dengan prasarana yang cukup kepada guru-guru terutama di segi bilangan guru dan juga di segi bilangan bebanan tugas guru ini tadi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat itu. Memang apa yang telah diwujudkan di kementerian ialah di mana guru-guru memang diberi pembantu-pembantu seperti pembantu tadbir (perkeranian), pembantu pengurusan murid, juruteknik, juruteknik komputer, pembantu am pejabat, penyelia asrama dan juga pembantu makmal. Memang adalah ideal sebagai sekolah-sekolah kita ini mempunyai 25 orang murid setiap kelas. Itu bukan hanya cita-cita Yang Berhormat, cita-cita saya pun begitu jugalah sebenarnya.

Kita hendak pastikan juga agar beban guru tidak berat. Sebab itu dalam pelaksanaan PBS, sebab itulah saya telah katakan tadi bahawa beban mereka telah dikurangkan sebanyak 80%. Kita tidak mahu guru dibebankan dengan tugas-tugas harian yang lain selain daripada mengajar pengajaran dan pembelajaran. Betul Yang Berhormat, sebab itulah kita dalam PBS, pembaikan PBS ini kita pastikan agar guru memberi fokus kepada pengajaran dan pembelajaran.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Menteri, sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Pasal ini berkaitan dengan apa saya bangkitkan di dalam ucapan saya Titah Diraja dahulu. Adakah pihak kementerian hendak

mengadakan pembantu guru, pembantu guru seperti mana pembantu makmal. Kerana guru makmal dia ada seorang pembantu yang akan membantu guru yang berada di makmal.

Adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan satu pembantu guru, kita katakan seorang pembantu yang bertaraf perkeranian yang mungkin seorang untuk menjaga 20 guru untuk *key-in* data dan sebagainya, tugas-tugas perkeranian yang tidak lagi perlu dibuat oleh guru-guru supaya guru-guru ini dapat meningkatkan di segi sudut P&P tadi supaya tidak beban tugas, walaupun *offline* ini satu benda yang apa yang dibuat tadi. Namun sekurang-kurangnya soal untuk hendak *key-in* data dan sebagainya perlu kita harapkan supaya ada atau tidak perancangan daripada pihak Kementerian untuk mengadakan pembantu guru dalam konteks perkeranian tadi. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Seperti mana yang saya katakan tadi, memang guru adalah satu profesion yang mulia. Sebab itu kita hendak pastikan. Saya telah katakan tadi guru memang di dalam kategori kenaikan pangkatnya menggunakan sistem *time-base* dan kita juga untuk pastikan bahawa apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi menjadi kenyataan.

Akan tetapi sememangnya peruntukan masih berkurangan dan *insya-Allah* masa-masa yang akan datang apabila kemampuan wujud, kerajaan akan terus membantu dan pastikan i guru tidak akan dibebankan dengan kerja-kerja tersebut. Tidak timbul lagi dikatakan tadi yang dikatakan *key-in*, *key-in* ini sudah tidak timbul lagi isu kerana kita beban mereka untuk memasukkan data-data PBS sudah tidak ada. Ini kerana PBS adalah *completely offline*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak bagi lagi Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Susulan kepada penambahbaikan. Memandangkan Kementerian sudah membuat penambahbaikan kepada sistem PBS di mana aspek-aspek yang membebankan guru dan menimbulkan kontroversi telah pun dikurangkan, tidakkah tindakan ini membuktikan bahawa rungutan dan bantahan yang dibuat oleh segolongan guru termasuk NGO, suara guru masyarakat Malaysia adalah betul dan berasas. Sekiranya ya, adakah Kementerian bercadang untuk membatalkan arahan pindah sekolah yang telah dikenakan ke atas guru tersebut termasuk Ketua SGMM iaitu Mohd. Nor Izzat Johari. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kita mendengar pandangan-pandangan guru-guru, bukan hanya daripada guru, juga daripada ibu-bapa. Pandangan-pandangan juga daripada pelajar-pelajar. Pandangan-pandangan profesional dan sememangnya kerajaan akan terus membuka telinga kita untuk memastikan kita memberi yang terbaik bukan hanya untuk guru tetapi juga untuk pelajar-pelajar pada masa-masa yang akan datang. Tentang apa juga tindakan yang diambil, saya ingat itulah tindakan yang diambil di peringkat- saya sudah jawab baru-baru ini, peringkat daerah. Kita tidak masuk campur dengan keputusan-keputusan tersebut.

Berhubung dengan isu ranking universiti seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah dan juga Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu, saya ingin mengatakan bahawa mungkin kalau kita lihat secara keseluruhannya dalam *QS World University Rankings*, memang angka-angka ranking universiti kita tidaklah sehebat yang dikatakan, memang benar.

Akan tetapi juga kita jangan lupa bahawa dalam *QS World University Ranking by Subject* tahun 2013, *by subject*, iaitu USM menduduki ke tempat ke-38 dalam bidang kejuruteraan kimia. Ini *world ranking*, 38 dalam bidang kejuruteraan kimia dan tempat ke 30 dalam bidang sains alam sekitar. Juga untuk *QS World Ranking by Subject* tahun 2014, USM terus meningkat lebih baik menduduki tempat ke-28 di dunia. Kalau kita lihat UKM pula telah mencatat kecemerlangan apabila menduduki tangga ke-19 terbaik di dunia. Saya mengatakan bahawa UKM telah mencatat kecemerlangan apabila menduduki tangga ke-19 terbaik dunia bagi universiti yang berusia 50 tahun ke bawah dalam penilaian *QS University Rankings: Top 50 Under 50*. Ia kerana universiti kita ini merupakan universiti-universiti yang masih lagi muda usianya dan...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Penjelasan, penjelasan dalam perkara ini. Dalam tahun 2005, semasa itu Timbalan Perdana Menteri yang sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada buat satu pengumuman atau satu cabaran kepada Universiti Malaya dan universiti-universiti tempatan supaya boleh menjadi universiti yang terbaik antara 50 universiti terbaik di dunia- *the best 50 universities*.

Dalam satu tahun nampaknya kita sudah mundur ke belakang dan bukan mara ke depan. Adakah kementerian yang berkenaan, Kementerian Pendidikan atau Pelajaran sudah *give-up* dengan maklumat ini bahawa tak mungkinlah datang tahun 2020, Universiti Malaya bolehlah antara 50 buah universiti yang terbaik di dunia. Atau adakah ini matlamat masih menjadi matlamat kementerian?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kita telah mengatakan tadi. Nanti, saya tak habis menjawab itu tadi, okey? Dalam *top 50, under 50*...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ada jawapan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti dulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya hendak jawapan. Apa itu jawapan? Adakah..

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti dulu, nanti dulu. Saya menggulung, nanti dulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Adakah kementerian telah *surrendered*.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *Surrendered* maklumat itu, adakah?... [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat, saya telah...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Soalnya sangat, Yang Berhormat memberi jalan, jawab! Kalau *give-up, give-up. Surrender, surrender*. Kenapa takut untuk mengakui?... [*Dewan riuh*]

## ■1510

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti dahulu, saya sedang hendak jawab. Dia, eh! Bangun. Hebat betul orang ini. Okey, saya tidak habis lagi ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Okey, baik.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tidak habis baca lagi. Okey, bawah *top 50, under 50*. Saya katakan tadi, UKM 19 yang terbaik di dunia. Bukan tidak ada.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Bukan subjek... Tidak faham antara subjek dan universiti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Universiti di dunia. Bukan subjek... [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti dulu! Nanti dulu Yang Berhormat!

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Faham tetapi tidak mahu faham.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Eh! Eh! Ewah, ewah!

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Universiti bukan satu subjek.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Duduk dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Itu yang saya minta! Apabila Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *Cool down, cool down!*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Cakap tahun 2005, dia bukan cakap mengenai aliran mata pelajaran. Universiti sepenuhnya! Adakah Yang Berhormat faham?... Tidak faham?

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti, nanti Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Apa ini? *All the cyber troopers!*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti sekejap. Saya tidak habis jawab lagi. Yang Berhormat yang hebat. Jangan bangun. Nanti saya sudah habis jawab, hendak bangun boleh. Okey?

UKM saya katakan tadi. Tadi saya kata tadi USM, 38 keturunan Kenya dalam bidang subjek dan telah *improve* dengan izin, ke tangga 28. Tadi UKM tangga ke-9. Universiti *top 50, under 50*, di peringkat Asia pula kedudukan universiti penyelidikan atau pun *research university* kita, UKM, UPM, USM dan juga Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah mempunyai QS *University Ranking* dari tahun 2010 ke tahun 2013 berada dalam kedudukan 80 yang terbaik. Ini untuk peringkat Asia, 80 yang terbaik.

Contohnya pada tahun 2013, UM duduk di tangga ke-33, UKM duduk di tangga 57, USM di tangga 61, UTM di tangga 68.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mengelirukan Dewan ini. Dunia, bukan Asia!

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti dulu!

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *You are misleading the House!*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti, nanti dulu Yang Berhormat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ini mengelirukan. Dunia, bukan Asia.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh :** Saya hendak beritahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri sedang menjawab persoalan yang dibangkitkan sebelum ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Dia jawab tetapi jawab dunia bukan Asia dan bukan mata pelajaran.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Itu pun ditanya Ahli Parlimen Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Bukan. Dia faham atau tidak faham?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *You just wait!* Tunggu!

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** UMNO MP tidak faham tidak mengapa. Yang Berhormat Menteri patut faham.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti kejap Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti kejap. Yang Berhormat ini patutnya makin tua makinlah lebih sopan sedikit... *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ini oleh kerana Yang Berhormat Menteri makin berumur makin tidak boleh faham!

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Lebih kita makin berumur makin sopan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Subjek, Asia, dunialah!

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti dulu. Saya mengatakan bahawa dalam banyak bidang, dalam bidang penerbitan, dalam bidang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dengar saya Yang Berhormat. Semua yang dijawab ini adalah persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli semasa perbahasan. Ya, tidak salah pun. Tidak salah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dalam bidang penerbitan, mengikut Laporan *SCImago Journal & Country Rank* bahawa kita telah mengatasi Singapura, di mana kita duduk di tangga keenam dengan dokumen sebanyak 20,000 dibandingkan dengan Singapura di tangga ketujuh dengan dokumen hanya 16,000. Kita lebih baik daripada Hong Kong, lebih baik daripada Thailand dari segi penerbitan. Cuma saya hendak memberi sedikit penjelasan di sini bahawa kalau kita lihat apa yang dikatakan oleh ramai Yang Berhormat ialah dalam bentuk *QS World University Ranking* sahaja.

Dalam kita membuat penyelidikan ranking ini bukan hanya *QS World Ranking* sahaja. Ada *SCImago Institutions Rankings*, ada *Universitas 21 Ranking*, ada *Webometrics Ranking*,



ada *Times Higher Education Ranking* dan ada *Shanghai Jiao Tong Academic Ranking of World Universities*. Bukan satu sahaja. Jadi, dalam kita membuat apa-apa juga perbandingan...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Adakah Malaysia dalam *Jiao Tong University Ranking*?... [Dewan riuh] *Jiao Tong University Ranking*, adakah Malaysia? Antara 400 terbaik, adakah Malaysia dalam *Jiao Tong University*? Tiada, bukan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dalam kita...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Apa sebut tiada. Langsung tiada?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dalam kita membuat apa-apa penilaian Yang Berhormat, kita pastikan *ranking* bukanlah segala-galanya dan sebab itulah saya memberi gambaran-gambaran tentang kedudukan universiti-universiti kita mengikut *ranking* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya *QS Ranking* hanya melihat 40 peratusnya berasaskan kepada *academic peer review*. Ianya berbentuk persepsi dan 10 peratusnya kepada global...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** ...*Academic review*- 50%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan mencelah dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Bahawa jawab tidak menumpukan mengenai isu-isu yang berkenaan. Ini mengelirukan Dewan! *Jiao Tong University*, adakah di dalam? Yang Berhormat ada sebut *Jiao Tong University*. Adakah *ranking*? Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gelang Patah, sabar Yang Berhormat. Cukuplah.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dia tidak mengelirukan Dewan. Yang Berhormat yang mengelirukan Dewan. Saya memberi penjelasan kerana dalam *ranking*... [Dewan riuh]

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya, *great is leader*.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ada *ranking* Asia, ada *ranking under 50 years*, ada *ranking* subjek Yang Berhormat. Bukan satu *ranking* sahaja. Ada beberapa *ranking agencies* Yang Berhormat. Jadi, bukan untuk mengelirukan. Yang Berhormat yang mengelirukan Dewan.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kita tahu. Kita cakap mengenai universiti.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya memberi penjelasan kepada Dewan kerana *ranking* nya banyak. Yang Berhormat pegang satu *ranking*, beritahu pada dunia seolah-olah kita ini teruk sangat. Seolah-olah kita ini tidak ada tempat langsung dalam dunia, tidak ada tempat langsung dalam Asia, tidak ada tempat langsung- universiti kita baru Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Universiti kita baru Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *Ministry of Education* memang Menteri ada perangai seperti inilah. *The future of new education is very big*...

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gelang Patah, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kalau kita lihat kita membanding. Universiti kita kebanyakan umurnya bawah 50 tahun. Kalau kita banding di Thailand sendiri pun, Thammasat sudah 50 tahun, Chulalongkorn hampir 100 tahun. Jadi, saya kena beri, hendak menyatakan universiti kita telah meningkat *performance* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini.

Jadi itulah, saya perlu memberi satu jawapan yang lengkap kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana kita tidak mahu *to be deceived all the time* dengan izin, dengan jawapan-jawapan yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat kita dari semasa ke semasa.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang hendak bangun. Hendak beri Yang Berhormat?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Saya hendak respons pasal ranking tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau pihak sini tidak ikut peraturan, Yang Berhormat ikut peraturan?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ya, minta izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang *QS World University Ranking* di mana universiti-universiti kita berlegar pada kedudukan yang kalau dilihat kepada QS ini memang 200 atau 300 kedudukan kita. Cuma kita tahu pandangan daripada QS ini terbahagi kepada dua sebenarnya. Kalau dilihat yang pertama, penilaian universiti-universiti dunia ini adalah suatu yang positif kerana ia boleh memberikan satu bentuk ukuran pada tahap pencapaian sesebuah universiti. Akan tetapi kalau kita lihat pada pandangan yang kedua pula, penilaian ini juga adalah satu bentuk eksploitasi di mana kriteria-kriteria yang digunakan tidak tepat dan tidak memberikan gambaran sebenar pencapaian dan falsafah penubuhan sesebuah universiti [*Tepuk*]

Malah ada pihak yang menyatakan *ranking* yang dikeluarkan oleh *QS World University Ranking* ini adalah satu strategi pemasaran bertujuan untuk merendah-rendahkan kemampuan universiti-universiti dari negara-negara membangun dan membanggakan seterusnya mempromosikan universiti-universiti negara maju. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapatkan penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Penjelasan. Isu yang kita hendak bincangkan di sini ialah sama ada universiti-universiti kita sudah meningkat pencapaiannya atau tidak. Isunya sekarang ialah dalam tahun 80-an, Universiti Malaya dikatakan antara universiti ke-40 terbaik di

seluruh dunia. Isunya sekarang ialah di manakah ranking Universiti Malaya sekarang? Isunya ialah kita mahu tahu sama ada kualiti universiti-universiti kita meningkat atau menurun. Itu isunya. Oleh sebab itu kita hendak dapat satu jawapan dari Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Itulah jawapan yang telah saya katakan tadi bahawa keseluruhannya dengan usaha-usaha universiti kita yang kebanyakannya hanya dalam lingkungan tidak sampai 50 tahun, keadaan kita tidaklah seteruk yang digambarkan. Ada saya katakan tadi bagaimana kita telah mencapai banyak pencapaian di peringkat antarabangsa dari segi subjek tadi dalam angka belasan, 28, 30 dan juga di peringkat Asia, angkanya begitu kecil sekali.

■1520

Sememanglah kalau kita kira usia universiti-universiti, kalau dikira dengan universiti-universiti luar negara yang umurnya bukan lebih 100 tetapi 200, 300 tahun, kita sedang memastikan agar di antaranya *research university* kita mencapai satu keadaan, kedudukan yang baik dari satu masa ke semasa. Saya beritahu tadi angka *publication* kita pun, kita telah menunjukkan satu prestasi yang baik. Kalau dulunya kita lebih teruk daripada Singapura dan juga Thailand, sekarang kita telah mengatasi mereka dengan adanya program-program *research university* oleh kerajaan. Ini tidak boleh kita nafikan, kita tidak boleh memburuk-burukkan kerajaan oleh kerana adanya satu angka. Saya katakan tadi dari segi ranking ini, bukan hanya satu ranking sahaja, ada banyak ranking *institutions* yang...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap ya.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti, saya tak jawab habis lagi, saya boleh beri jalan tetapi nanti sekejap. Kita pastikan apabila kita melihat adalah tidak adil apabila kita hanya melihat satu aspek semata-mata dan buat penilaian dan memburuk-burukkan. Ini bukan tempat lain, tempat anak-anak bangsa kita belajar. Saya percaya, kita mempunyai komitmen dan kita bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan agar universiti kita ini akan terus maju, akan terus memberi kualiti yang diperlukan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya rasa Menteri salah faham, *don't be defensive*. Kita tidak pertikai apa yang baik yang telah dijalankan, ada banyak usaha. Akan tetapi yang kita nampak adalah *the continuous dropping* dari segi kualiti dan juga ranking berbanding dengan rantau ini dan juga seluruh dunia. Seperti Ahli Yang Berhormat Beruas kata, dulu bagus di rantau Asia, *top ten in Asia*, sekarang kita sudah *drop* begitu banyak. Walaupun *effort* diletakkan tetapi tidak cukup.

Sekarang kita *compare* dengan Singapura. Universiti Malaya dengan NUS itu adik-beradik, dulunya sama tetapi sekarang Singapura telah menjadi *top 20 in the world* tetapi Malaysia, Universiti Malaya *top 200 in the world* pun tidak sampai. Ini persoalannya, ini adalah isu fundamental sebab kongkongan kerajaan terhadap universiti dan juga dasar-dasar yang tidak *promote academic freedom*, lantik profesor-profesor 'kangkung' seperti Ridhuan Tee. Ini isu kita tidak boleh biarkan profesor-profesor atau *continuous to* kongkong universiti sehingga mereka tidak dapat berjaya dari segi akademik. Itu adalah persoalan pokok. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nampaknya Yang Berhormat tidak mahu menerima kerajaan. Apabila kerajaan mewujudkan universiti penyelidikan ataupun *research university* empat tahun yang lalu, kita lihat di mana penyelidikan-penyelidikan telah diberi tumpuan. Jadi sebab itu kita lihat ranking banyaknya telah mula meningkat. Saya telah katakan tadi bahawa di USM sendiri saya katakan tadi bahawa rankingnya meningkat, bukan tidak meningkat. Dari segi *publicationnya*, *citationnya* telah meningkat. Jangan kita ambil hanya satu angka dan *generalize* daripada angka-angka tersebut.

Di sini kita lihat juga Profesor Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd. Yusoff, UPM, ialah merupakan rakyat Malaysia Asia Tenggara pertama yang menerima *The Carlos J Finlay Prize for microbiology* daripada UNESCO pada tahun 2005. Dia seorang pakar *microbiology*. Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman, Universiti Malaya merupakan pakar pencegah rawatan dan penyelidikan berkaitan penyakit berjangkit HIV/AIDS. Profesor Datin Paduka Dr. Aini Idris, Universiti Putra Malaysia dilantik oleh Persatuan Veterinar Poltri Sedunia atau *World Veterinary Poultry Association- WVPA*, menjadi anggota. Banyak lagi saya hendak baca yang mana profesor-profesor juga kita dilantik, bermakna pengiktirafan pada sistem pendidikan kita.

Saya tidak mengatakan, saya bukan hendak *defensive* tetapi saya hendak mengatakan tidak adil bagi kita untuk mengatakan bahawa sistem pendidikan kita tidak dapat melahirkan graduan-graduan yang baik masa kini. Jadi sebab itulah kita mengadakan penambahbaikan kepada sistem pendidikan kita dari masa ke semasa.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas tadi, mengenai Universiti Malaya. Memang rakyat Malaysia, sesiapa yang belajar di Universiti Malaya merasa bangga satu ketika dulu. Kalau dia graduan daripada Universiti Malaysia memang rasa cukup bangga untuk diperkatakan bahawa dia adalah seorang graduan Universiti Malaya. Akan tetapi rankingnya di peringkat dunia, di manakah ranking Universiti Malaya sekarang? Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut berdasarkan subjek tetapi saya tidak dengar Universiti Malaya ada fakulti undang-undang, ada fakulti perniagaan, ada fakulti sains, ada fakulti pendidikan, ada banyak fakulti, ada banyak subjek. Dalam satu subjek mana saya hendak tengok Universiti Malaya ranking apa di peringkat dunia. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya tidak ada maklumat *detail* tentang setiap universiti tetapi saya mengatakan tadi di antara pencapaian-pencapaian yang telah kita capai. Dalam apa juga penilaian, ianya harus dibuat di peringkat keseluruhannya. Jadi sebab itulah saya sekali lagi ingin mengatakan bahawa universiti kita masih lagi di peringkat permulaan, *top under 50 ranking* yang mana usianya masih lagi muda. Percayalah dengan program-program *research university* yang sedang dilaksanakan di universiti-universiti ini. Kita melihat *publication* kita telah meningkat, saya katakan tadi *citation* kita telah meningkat dan juga kita lihat kemenangan-kemenangan subjek, memang keseluruhannya dan ada ranking-ranking lain.

Ranking-ranking saya katakan tadi kalau *QS ranking* itu 50% daripada markahnya ialah dalam bentuk persepsi. Saya lihat banyak lagi negeri yang memberi tumpuan kepada ranking

tetapi tidak mengatakan kita menolak ranking sepenuhnya, mereka belanjakan duit yang banyak untuk memastikan ranking mereka tinggi dan ada banyak universiti di negara-negara tersebut telah memastikan agar mereka memberi tekanan kepada subjek-subjek mereka itu lebih baik. Bukan hanya melihat sistem ranking semata-mata.

Untuk Yang Berhormat daripada Pasir Mas yang mengatakan berhubung dengan sekolah-sekolah menengah agama. Untuk sekolah-sekolah menengah agama ataupun sekolah-sekolah swasta, jika mereka ingin mendapatkan bantuan daripada kerajaan dalam bidang mereka, saya harap mereka boleh memastikan agar sekolah-sekolah tersebut akan berdaftar dengan kerajaan kerana kita lihat dari masa ke semasa memang ada peruntukan yang telah dikemukakan oleh kerajaan untuk membantu sekolah-sekolah agama seluruh negara.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam mengkaji...

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada satu perkara yang berbangkit sebelum ini iaitu berkait dengan penyertaan negara kita Malaysia dalam program *Programme for International Student Assessment* (PISA) dan juga *Trends in International Mathematics and Science Study* pada tahun yang sama. Jadi prestasi murid Malaysia dilihat turun dalam sains dan matematik, disusuli pula dengan penurunan kedudukan negara. Malah dalam keputusan PISA ini, dilihat 35% hingga 38% murid Malaysia gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam matematik dan sains. Malaysia dilihat duduk di kelompok sepertiga di bawah dari kalangan negara-negara peserta PISA. Jadi seperti melihat standard pendidikan negara kita masih jauh ketinggalan. Bagaimana penjelasan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan dan kementerian amat sedar tentang keadaan tersebut. Jadi sebab itulah dalam PBS ada penaksiran berasaskan sekolah, kita memastikan kanak-kanak kita diberi ruang untuk berfikir aras tinggi. Apabila kita membuat kajian, kelemahan-kelemahan kita ialah kelemahan-kelemahan pelajar kita untuk berfikir aras tinggi ataupun HOTS iaitu *higher order thinking skill*. *Insya-Allah* dengan adanya pemikiran aras tinggi ini dan penekanan kepada mata pelajaran Matematik dan Sains, kita harap mereka akan terus berjaya. Sekali lagi, terima kasih ...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri, saya ada ringkas sahaja.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sila.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Pertama saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah dapat memperkasakan sektor pendidikan. Akan tetapi apa yang saya hendak tanya pada Menteri, universiti- UiTM pada satu ketika menjadi kebanggaan orang-orang Melayu. Cukup cemerlang tetapi akhir-akhir ini pencapaian UiTM merosot. Jadi, saya mohon kalau boleh penerangan daripada Yang Berhormat Menteri.

■1530

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, ini juga berasaskan kepada ranking yang telah keluar. Dalam ranking itu, memang ada faktor-faktor

seperti *academic peer review* saya katakan tadi. Ada faktor-faktor seperti global, *employer review*, ada faktor-faktor *international student ratio to the local students*. Kalau kita lihat dari segi *ranking* tersebut, itulah yang membuat angka *ranking*nya tidak meningkat sebagaimana yang dikatakan. Sebab itu kalau kita hendak pastikan agar *ranking* kita tinggi, ini perlu diambil kira. Saya katakan tadi juga bahawa ia lebih merupakan satu *perception based*, dengan izin daripada *factual based*. Sebab itulah ada lagi institusi lain memastikan agar setiap *ranking* ini dilaksanakan lebih kepada *evidence based*...

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sandakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri. Kita dapat tahu bahawa Kementerian Pendidikan telah menurunkan lebih banyak kuasa atau autonomi kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah pada awal tahun ini. Jadi, kita minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan bagaimana, apa kuasa yang lebih itu yang dikuasai kepada pendidikan Sabah? Ini penting. Apa yang kita dapat tahu bahawa satu contoh yang kita dapat tahu daripada *Auditor General* yang keselamatan yang dikuasai oleh ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan bawa isu baru Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya, sama ini sebab ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tahu. Sabah saya ada di Sabah tetapi isu baru jangan dibawa.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya di Sabah, sebab di Sabah keselamatan itu yang semua dikuasai di Semenanjung. Sekolah-sekolah di Sabah tidak ada *company* yang menguasai keselamatan itu semua dari Semenanjung, jadi, pengetua atau guru-guru besar susah mahu memantau, mahu menjaga masalah-masalah itu, satu perkara yang serius sekarang ini.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ini perlu jawab Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kalau isu baru, tidak perlu jawab.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Akan tetapi tidak apa, saya jawablah untuk menghormati Yang Berhormat yang tanya soalan tersebut...

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kita memahami isu-isu tersebut. Oleh sebab itulah bila dikatakan bahawa kita akan memberi lebih kepada autonomi kepada negeri dan juga kepada daerah, ini merupakan satu daripada anjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Untuk memastikan perkara-perkara yang boleh diatasi di peringkat daerah dan negeri, tidak perlulah kita di peringkat pusat mengambil bahagian. Itulah antara perkara-perkara yang

kita akan ambil dan pastikan agar perkara-perkara yang boleh diselesaikan di peringkat bawah, tidak perlu di bawa ke peringkat pusat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Ya.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya tentang sekolah-sekolah swasta yang tidak didaftarkan bersama dengan kerajaan tetapi didaftar kepada majlis agama atau yayasan negeri, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah. Ini disebabkan sekolah-sekolah ini banyak di negeri saya di Kelantan, sekolah-sekolah swasta ini khususnya kerana mereka ini mendidik berasaskan kepada pengajian Islam.

Persoalannya ialah adakah di sana bantuan perkapita yang selalunya diberikan kepada pelajar-pelajar mengikut bilangan pelajar di sekolah itu kepada tiap-tiap pelajar? Hujahnya ialah kerana pelajar-pelajar ini ialah rakyat Malaysia dan mereka ini juga adalah masa depan kita, pendidikan. Hanya mereka ini tidak bersama dengan sekolah-sekolah bantuan kerajaan sahaja. Pendidikan yang diajar juga sebenarnya tidak jauh daripada pendidikan yang dibawa *the mainstream* sekolah-sekolah kerajaan kerana mereka itu membawa pengajaran yang sama di sekolah-sekolah kebangsaan sama ada UPSR ataupun PMR dan lain-lain. Hanya ditambah dengan pendidikan Islam yang lebih yang mana ini menarik ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ini kepada sekolah-sekolah ini.

Hasil daripada pencapaian sama ada di peringkat UPSR atau PMR mereka ini, setanding atau tidak lebih daripada sekolah-sekolah kerajaan. Jika dilihat pada masalah gejala sosial dalam kalangan pelajar-pelajar ini cukup rendah sehingga mereka ini juga dibandingkan dengan sekolah-sekolah kerajaan yang jauh mereka ini mencapai tahap yang lebih baik khususnya dalam akhlak pelajar-pelajar ini. Jadi persoalan saya, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menilai semula, untuk memberi sedikit bantuan perkapita kepada pelajar-pelajar ini? Itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kerajaan ada menyumbang bantuan kewangan secara *one-off* kepada sekolah agama rakyat pada tahun 2011 sebanyak RM95 juta dan pada tahun 2014 sebanyak RM50 juta. Walau bagaimanapun, langkah yang terbaik untuk sekolah-sekolah agama swasta tadi adalah untuk mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ataupun (SABK) bagi melayakkan sekolah tersebut mendapat bantuan seperti sekolah-sekolah yang lain.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tambahan. Sebenarnya sekolah-sekolah ini inginkan kebebasan supaya tidak didaftarkan kepada SABK.

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ini rakyat ini. Mereka membayar cukai. Ibu bapa mereka membayar cukai. Kita sebagai kerajaan yang prihatin sepatutnya memberi. Kita ambil contoh misalnya di negeri jiran kita, diberikan kepada semua pelajar, tidak kira dia belajar di mana. Kenapa kita tidak boleh buat macam itu kepada rakyat kita? Kenapa

dipilih-pilih rakyat? Di bawah pentadbiran kerajaan sahaja yang kita hendak beri. Sedangkan sekolah-sekolah ini membantu kerajaan, memberikan persaingan yang sihat, yang baik ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** ...Dan mengeluarkan pelajar-pelajar yang *insya-Allah* akan menjadi pemimpin masa depan kepada negara kita. Contohnya banyak. Anak saya sendiri belajar di sekolah demikian dan sekarang sudah jadi doktor pun ada, sudah jadi pemimpin pelajar di universiti pun ada. Berjaya dan kebanyakannya mereka ini tidak dibantu sedikit pun oleh kerajaan. Sepatutnya kerajaan prihatin dan memberi sedikit bantuan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** ...Walaupun mungkin tidak banyak kepada mereka ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya hendak ulang apa yang saya katakan tadi. Bukan tidak ada beri, ada beri. Saya sudah ulang tadi bahawa pada tahun 2011 sebanyak RM95 juta telah diberi secara *one-off*. Tahun 2014, sebanyak RM50 juta juga telah diberi, bukan tidak diberi. Memang kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya membelanjakan duit rakyat yang keluar daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan. Lebih baik mereka juga diberi sedikit autonomi tetapi jika mereka bergabung di bawah sistem Sekolah Agama Bantuan Kerajaan *insya-Allah*, mereka akan mendapat.

Apa salahnya? Tidak ada masalah sebenarnya kalau mereka juga berdaftar kerana autonominya kekal tetapi tidak sepenuhnya. Memang kalau kita hendak pastikan kerajaan membantu kita, tidak bolehlah kita melaksanakan apa yang kita ada dahulu dan mengharapkan kerajaan membantu kita sepenuhnya. Akan tetapi hendak mengatakan "*Tidak ada*" - ayat Yang Berhormat tadi "*Tidak ada*", tidak boleh. Kena tarik balik ayat itu.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih. Akan tetapi kalau macam ini macam mana Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kerana saya ulang tadi mengatakan kerajaan ada membantu tetapi kerajaan tidak boleh membantu sepenuhnya kerana ialah sekolah swasta.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Bolehkah sekolah-sekolah ini membuat permohonan kepada kementerian untuk perkapita ini dan kementerian menilai sama ada mereka ini layak atau tidak untuk diberikan. Bolehkah mereka buat demikian? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Mereka boleh memohon. Saya katakan tadi memohon untuk mendaftar sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Ia bukan sekolah kerajaan sepenuhnya tetapi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Mereka *insya-Allah* akan dibantu oleh kerajaan dan sebagaimana banyak sekolah yang lain.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam menggulung Titah Tuanku dan sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.



**3.39 ptg.****Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 24 Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tujuh isu berkaitan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

**■1540**

Isu-isu tersebut meliputi jerebu, banjir, hakisan pantai, penilaian kesan kepada alam sekeliling ataupun EIA, pelupusan buangan berjadual, hidupan liar dan pembalakan haram. Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Bakri telah menyentuh isu jerebu yang melanda negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, fenomena jerebu yang melanda negara baru-baru ini adalah berikutan cuaca panas dan kering yang luar biasa yang telah menyebabkan berlakunya pembakaran terbuka di tanah gambut dan di tanah pertanian. Antara tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar ataupun JAS dalam menangani masalah jerebu adalah seperti berikut:

- (i) mengambil tindakan penguatkuasaan bagi kes-kes pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
- (ii) meningkatkan aktiviti-aktiviti rondaan darat terutamanya ke kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti mudah terbakar ataupun *fire prone areas* dan; dan
- (iii) mengeluarkan secara serentak surat-surat arahan kepada pihak majlis berkuasa tempatan yang bertanggungjawab ke atas tapak pelupusan sampah supaya mengambil langkah pencegahan serta sentiasa mengawal rapi dan memastikan tapak-tapak pelupusan sampah tidak terbakar.

Bagi negeri-negeri yang melaksanakan Projek Pencegahan Pembakaran Terbuka Di Tanah Gambut Mudah Terbakar iaitu Selangor, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah, pemantauan yang lebih ketat dilaksanakan di kawasan tanah gambut yang mudah terbakar mengikut SOP yang berkenaan. Jabatan Alam Sekitar juga membuat pengawasan rapi status kualiti udara melalui 52 stesen pengawasan kualiti udara yang ditempatkan di seluruh negara. Selain itu, Jabatan Alam Sekitar turut mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas pelepasan asap daripada kenderaan bermotor dan pelepasan dari industri.

Dari 1 Januari 2014 sehingga 20 Mac 2014, sebanyak 130 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 58 kes telah dikeluarkan notis amaran. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Bakri mengenai dua telaga tiub di Parlimen Bakri yang dibina pada tahun 2014. Untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua telaga adalah dalam keadaan baik dan bersedia untuk digunakan bagi kebakaran tanah gambut. Telaga pertama dibina pada tahun 2012 berkedalaman 70 meter dengan luahan ataupun *yield* air 2000 gelen satu jam. Manakala

telaga kedua dibina pada tahun 2013 berkedalaman 65 meter dengan luahan ataupun *yield* 5000 gelen satu jam.

Yang Berhormat Sipitang telah membangkitkan isu banjir di Keningau, Tenom dan Beaufort di Sabah yang berlaku dalam bulan Februari 2014. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir yang berlaku pada 13 hingga 17 Februari 2014 ini di daerah Keningau, Tenom dan Beaufort adalah merupakan kejadian banjir yang luar biasa di mana paras air di Sungai Padas, Beaufort yang dicatat pada 14 Februari 2014 adalah melebihi tempoh pulangan 30 tahun iaitu *30 years return period of event of similar flood magnitude within 30 years interval*. Untuk langkah jangka panjang, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah menjalankan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Padas yang telah siap pada 2011.

Kajian ini merangkumi lima buah daerah iaitu Beaufort, Tenom, Tambunan, Keningau dan Sipitang. Hasil kajian ini telah mengesyorkan cadangan untuk tindakan teknikal yang harus diambil oleh kerajaan secara berperingkat. Cadangan-cadangan kerja menangani masalah banjir memberi keutamaan untuk kawasan-kawasan komersial dan kawasan kritikal di daerah-daerah yang saya telah sebut.

Yang Berhormat Limbang membangkitkan mengenai projek pengorekan ataupun *dragging bay* muara Sungai Limbang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu reka bentuk untuk kerja-kerja di muara Sungai Limbang telah disiapkan pada tahun 2011. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah memohon peruntukan bagi pelaksanaan kerja-kerja pengorekan di muara Sungai Limbang dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh namun tidak diluluskan. Kerja-kerja pengorekan di muara Sungai Limbang akan dilaksanakan sekiranya kelulusan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas diperoleh kelak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom bangun, Yang Berhormat.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Siapa?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tenom, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ha Tenom ataupun Tenom, samalah.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tenom, sama sahaja itu.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Silakan Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kajian telah dilaksanakan bagi menangani masalah banjir terutama di Sungai Padas. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kajian-kajian yang telah siap dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Adakah ianya juga turut melihat kepada faktor-faktor runtuh tebing sungai yang saya kira menjadi keutamaan juga kerana kalau di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, banyak kampung yang saya lihat menjadi ancaman dan sehingga hari ini ada beberapa buah kampung itu sudah tidak selamat untuk didiami sekiranya berlaku banjir dan juga apabila berlakunya banjir Tuan

Yang di-Pertua, tanah runtuh akan berlaku. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih sahabat saya daripada Tenom. Kajian yang telah pun dibuat merangkumkan semua fakta yang menyebabkan banjir di daerah-daerah saya sebutkan tadi termasuk Tenom. Ini juga termasuk perkampungan di tebing sungai kerana amat penting kita mengetahui apakah yang berlaku sebenarnya. Pertama, *of course* hujan lebatlah. Kedua, keadaan hidrografi sungai dan lain-lain. Oleh itu dengan kajian seperti ini, maka Jabatan Pengairan dan Saliran boleh membuat pelan struktur yang amat sesuai untuk kita menangani masalah banjir ini.

■ 1550

Baru-baru ini berlaku memang kita tahulah di Beaufort itu pada bulan Februari. Ini adalah satu faktor dalam *once in thirty years* berlaku di Beaufort baru-baru ini. Walaupun demikian, sebelum itu berlaku Jabatan Pengairan dan Saliran sudah pun membuat kajian supaya perancangan rapi untuk struktur yang sebaik-baiknya dibina nanti kalau kelulusan sudah pun diperoleh daripada EPU...

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Ada lagi?

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** Ya, Limbang Limbang.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Oh! Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang pembaikan Sungai Limbang. Saya rasa pada penggal lepas telah pun dibuat kajian dan *EIA Report* sebagaimana diperlukan oleh negara jiran telah pun dibuat dan telah pun lulus dan pada penggal lepas telah diluluskan RM10 juta untuk pengorekan. Jadi sekarang EIA sudah diluluskan, Brunei pun sudah terima tetapi saya takut nanti kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri setelah beberapa tahun situasi suasana di muara Sungai Limbang sekarang sudah jadi pulau depan muara, pokok-pokok kayu sudah pun tumbuh sudah besar-besar jadi pulau sudah. Jadi keadaan suasana Sungai Limbang sudah berubah.

Saya risau nanti kalau makin lambat nanti *EIA Report* yang telah pun diterima pakai oleh Brunei ini akan *laps*. *The situation change* nanti hendak minta ubah lagi sampai bila dan sekarang ini pun banjir yang lepas ini dalam setahun Limbang kena banjir dua kali pada tahun ini sahaja. Dua kali *round* banjir dua kali tempat yang tidak pernah banjir, yang tidak pernah kena pun kena juga. *Not only because of the rain* tetapi sungai yang mendap memainkan peranan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu keadaan yang berlaku sekarang di Sungai Limbang. Jadi kita mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri *please push for us the important of this project*. Terima kasih.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih sahabat daripada Yang Berhormat Limbang. Yang Berhormat, saya memang tahu keadaan di Sungai Limbang. Saya tahu keadaan

hidrografi di muara Sungai Limbang juga kerana pada tahun 80-an saya buat penyelidikan hutan bakau dan pada masa itu tidak ada pulau itu lagi di muara Sungai Limbang. Oleh kerana *sedimentation very serious* di Sungai Limbang maka terkumpullah kelodak ataupun *sediment* di muara Sungai Limbang.

Banjir berlaku jika hujan lebat, yang pertamanya. Kedua, apabila air pasang berjaya masuk ke dalam sungai walaupun sudah ada pulau itu maka air yang mengalir ke laut agak perlahan, agak lambat. Inilah yang menyebabkan limpahan sungai yang menyebabkan banjir. Walaupun demikian, kementerian akan terus berusaha untuk mendapatkan peruntukan untuk *dredging* muara Sungai Limbang.

Yang Berhormat Bintulu telah membangkitkan keperluan kerja-kerja pengorekan di Sungai Kemena, Sungai Sibiu dan muara Sungai Kemena. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Laut Malaysia telah melaksanakan kajian bertajuk *Coastal Hydraulic and Sedimentation Study for this Assessment of Dredging Requirements for Ports and River Mouths in Malaysia; Volume 4 Kuala Kemena*.

Kajian ini telah siap pada November 2010. Kementerian telah pun memohon peruntukan untuk menjalankan kajian dan reka bentuk terperinci bagi muara Sungai Kemena dan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Bintulu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi tidak diluluskan. Kementerian mengambil maklum usul yang dicadangkan dan akan memaklumkan kajian terlebih dahulu sebelum mengemukakan usul untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Berhubung banjir kilat di Sungai Sibiu untuk makluman Ahli Yang Berhormat ia berpunca daripada sampah sarap yang tersepit disebabkan pembinaan jambatan di Sungai Sibiu. Sebagai permulaan sebanyak RM500,000 telah diluluskan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Sungai Sibiu di Bintulu. Yang Berhormat Rantau Panjang membangkitkan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu bangun.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** ...Isu tebatan banjir di Sungai Golok. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyiapkan reka bentuk terperinci bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Golok pada akhir tahun 2010 yang meliputi kawasan dari Sungai Lanas di jajahan Jeli sehingga ke muara Sungai Golok di Pangkalan Kubur Tumpat dengan anggaran kos sebanyak RM1.04 bilion. Jabatan Pengairan dan Saliran telah memohon peruntukan di bawah projek baru tahun 2015 bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Golok Fasa 1 yang berjumlah RM345 juta. Sekiranya permohonan ini diluluskan projek dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2015 dan disiapkan pada tahun 2019...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Bintulu, silakan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri telah jawab apa yang saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Saya difahamkan kita buat *hydro study* pada tahun 2010 pun sudah siap tetapi kita minta peruntukan tidak dapat kelulusan di Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya hendak terus terang kepada kementerian memang daripada Rancangan Malaysia Kesembilan pun sudah minta kata sudah lulus. Rancangan Malaysia Kesepuluh kata Rancangan Malaysia Kesembilan tidak dapat dielakkan sebab *dredging hydro study* belum siap. Masuk Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Itu hari saya dengar bekas Menteri yang jaga kementerian ini ada bagi tahu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dia cuma di *Rolling Plan* hendak dapat sedikit peruntukkan dahulu dibantu dilaksanakan projek di muara Sungai Kemena. Akan tetapi hari ini saya dengar lagi mahu sampai Rancangan Malaysia Kesebelas. Kementerian faham kali ini banjir kilat ini, *flash flood* sudah berapa rakyat kena. Berapa kerugian mereka ada? Kenapa kita tidak boleh ambil perkara ini diutamakan dan disegerakan bagi *dredging* dijalankan. Janganlah kita sudah kena barulah kita lompat cari peruntukan bagi selesai.

Tuan Yang di-Pertua, isu lagi kata Sungai Sibi. Saya dengar ini saya tidak tahu. Pegawai kementerian dia tidak faham ini Sungai Kemena berapa panjang ataupun apa sudah berlaku di Sungai Sibi ini. Sungai Sibi sana macam mana RM500,000 cukup dikorek? Yang Berhormat Timbalan Menteri marilah kita sama-sama turun padang saya ajar boleh main bola di dalam sungai bila air sudah surut. Macam mana RM500,000 boleh cukup? Saya hari itu mesyuarat di Bintulu sudah beritahu kaji betul-betul. Di *dredge* satu kali barulah boleh selesai. *That is the main discharge* untuk satu kawasan Bintulu- *one of the main discharges*. Lain-lain punya kecil sahaja. Ini *main discharge* tetapi ini *discharge* melalui Sungai Sibi kita boleh main bola. *So, how to discharge?* Rakyat sekarang sudah berapa kerugian? Berapa kita boleh bantu? Jadi, haraplah kementerian ambil perkara ini serius.

■1600

Kalaulah *you* ambil ini RM500,000 pergi buat, saya cadang lagi bagus kita tidak usah buat. Itu masalah apa pun tidak boleh buat. / ingat kita *clear* itu sungai punya pokok-pokok pun RM500,000 tidak cukup. Berapa puluh kilo? 10 kilo lebih itu sungai. Saya minta Menteri bagi satu jawapan yang baik. Minta kita punya kementerian jangan kongkalikung sama kita punya rakyat di Bintulu itu. Jawab jangan syok sendiri sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Bharu bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Sekali, sekali. Sebelum ini Yang Berhormat sudah sebut mengenai Sungai Golok ya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Nanti, nanti...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Sekalilah, sekalilah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Tidak, tidak. Nanti saya terlupa pula.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Nanti lupa.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey, Yang Berhormat Bintulu. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Bintulu tetapi kementerian minta tahun demi tahun dalam *rolling plan*, yang meluluskan ialah Unit Perancangan Ekonomi (EPU). Ini untuk *dredging* tetapi kita terus minta juga dalam *rolling plan* tahun 2015. So, ini adalah harapan demi harapan. Akan tetapi untuk Sungai Seaview, yang RM500,000 adalah untuk permulaan. Sebenarnya dahulu, sebelum jambatan itu dibuat di Sungai Seaview, sebelum BDA membina jambatan itu. Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak telah pun membesarkan di tempat itu, sungai itu, membesarkan tebing di sungai itu. Apabila BDA masuk, oleh kerana kerja pembinaan itu, membuat *piling* dan sebagainya, maka di jambatan itu tempatnya sudah sempit, di situ lah sampah sarap terkumpul.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh bagi laluan Timbalan Menteri?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Sila silakan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Timbalan Menteri, saya terus terang, ini maklumat tidak betul. Maklumat sungai ini, belum lagi usik apa-apa daripada kementerian. Kalau tidak percaya Timbalan Menteri, kita boleh bila-bila masa turun padang, esok pun boleh turun padang. Saya kasi ajak Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita guna bot itu kita naik tengok berapa jauh sekarang kita boleh pergi. Tengok berapa tempat kita boleh main bola sana. Ini bila jadi kementerian tidak pernah korekkan ataupun buat *maintenance*, penyenggaraan itu sungai, tidak pernah. Itu cerita punya di kawasan darat, bukan di kawasan sungai. *Now I talking about river situation. Issue river situation* macam mana kita hendak selesai. Kita mesti mahu ada peruntukan dikorek. Sekurang-kurang sana saya tidak tahulah berapa jutakah, puluh jutakah, mahu guna korek Sungai Seaview sana, itu sungai besar bukan sungai kecil. Sungai besar sekarang pun boleh main bola, apa lagi sungai kecil.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Baguslah Yang Berhormat, nanti saya akan turun padang bersama dengan Yang Berhormat, kita main bola. Tolong beli baju Manchester United dengan Liverpool nanti ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terus terangkan ini bukan perkara yang main-main. Kita mahu main bola sama saya di sungai itu tiada masalah. Cuba kita Yang Berhormat Timbalan Menteri, di saya punya kawasan kita jawab macam itu, tengok apa jadi. Nanti kena jadi, tengok apa jadi sudah? Janganlah kita cuma main-main sahaja, kata mari kita sama-sama main, ini serius. Itu satu rumah sekurang-kurang kali ini sudah *flash flood*, satu rumah kerugian RM30,000 hingga RM40,000. Berapa ratus rumah kena. Janganlah macam itu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah dapat laluan untuk tanya tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Badan dia besar Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Badan besar di depan, kalau *you* dari belakang, susah dapat laluan. Sila teruskan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih atas jawapan ataupun penggulungan kementerian tadi. Saya hendak dapat hari ini betul-betul punya kepastian daripada Yang Berhormat, bukan main-main punya. Ini sebab perkara ini mengenai tebatan banjir di Sungai Golok, Kerajaan Persekutuan mengikut rekod telah mengatakan ada peruntukan untuk membangun sejak RMKe-7 lagi sekarang sudah RMKe-10. Setiap kali timbulnya banjir, ada Menteri datang ke Kelantan mengatakan tebatan banjir hendak dibuat. Akan tetapi sehingga sekarang ini, daripada hari ini Yang Berhormat juga memberi maklum kepada Dewan ini RM1.4 bilion telah diperuntukkan. Tahun 2011 menunjukkan rekod yang saya ada, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa itu iaitu Yang Berhormat Padang Rengas menyatakan peruntukan RM2 bilion telah diperuntukkan.

Saya hendak tahu hari ini oleh kerana saya tengok Yang Berhormat Menteri seorang yang ikhlas, saya hendak jawapan yang seikhlas-ikhlas mungkin. Bila projek tebatan banjir di Sungai Golok yang menjadi sempadan antarabangsa antara Thailand dengan Malaysia benar-benar akan diadakan, akan dijalankan? Bila mungkin ianya akan disiapkan? Terima kasih.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Menteri, Menteri. Bersamaan dengan rancangan tebatan banjir juga. Saya pernah berdiri pada tahun 2008, meminta di Dewan Rakyat yang sama supaya diberikan peringatan kepada kementerian yang berkenaan tentang peruntukan sebanyak RM150 juta. Ini bukan bilion-bilion, cuma RM150 juta untuk rancangan tebatan Sungai Pinang di Jelutong bagi fasa kedua. Fasa yang pertama telah siap selesai pada tahun 1999, sekarang kita sudah masuk langkah ke tahun 2014. Walaupun peruntukan itu seperti mana yang dijawab kepada saya oleh Menteri yang berkenaan pada penggal yang lepas. Di mana peruntukan itu sepatutnya ada di Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi oleh kerana kesulitan yang pelbagai, peruntukan itu telah pun dipindah ke Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Agak-agaknya sekarang kita sudah masuk sudah *half way road*, jalan pertengahan sudah untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh. Jadi, hendak tanya kalau tahun lepas berlaku banjir di Terengganu dan Kemaman, RM400 juta telah diberi dengan begitu pantas sekali. Bagaimana pula peruntukan untuk rancangan tebatan banjir Sungai Pinang fasa kedua di Jelutong yang telah dijanjikan pada tahun 1999 sampai sekarang duit itu tidak sampai-sampai. Jadi, mintalah janji itu haruslah ditepati. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyentuhkan Sungai Golok dan Sungai Jelutong tadi. Pertamanya, Sungai Golok ini, RM1.04 bilion adalah anggaran untuk keseluruhan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Golok. Untuk tahun 2015 bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Golok fasa satu yang berjumlah RM340 juta. Sekiranya permohonan kementerian ini diluluskan, maka bermulalah projek Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Golok. Anggaran yang RM1.04 bilion itu adalah untuk pelbagai. Pertamanya, di Sungai Golok kita sudah tahu bahawa air yang mengalir ialah 500 *cubic*

*metres per second*. Ini yang menyebabkan limpahan air di tebing-tebing sungai yang menyebabkan banjir. Jadi, yang kita sudah rancang adalah satu lencongan terus ke laut supaya kita boleh membahagikan pengaliran ini ke lencongan supaya terus ke laut.

Kedua, kita akan membina ban. Ban setakat ini mengikut jalan raya yang sedia ada adalah sampai Pasir Maskah di situ bukan? Ada Pasir Mas, jadi di situ sahaja. Oleh itu ianya akan tambah sampai ke penghujung nanti. Selain daripada itu ada beberapa lagi cabang Sungai Golok itu yang perlu juga kita membina ban. Ini sebab kalau tidak membina ban, air yang melimpah daripada Pasir Mas itu ia boleh masuk ke Sungai Golok sebelah hilir, nanti dia menjadi 'banjir termenung'- 'banjir termenung' boleh berada di situ sampai satu bulan kadangkala. Jadi inilah permasalahan dan kita mesti...

■1610

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak bagi maklumat sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya, apa lagi?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat bahawa banjir yang melimpah masuk ke Malaysia di Pekan Rantau Panjang masa waktu banjir disebabkan oleh ada tebatan banjir di sebelah Golok. Di sebelah Malaysia tidak ada. Pada masa banjir di Rantau Panjang, hampir semua pekan itu tenggelam. Pekan Sungai Golok tidak ada apa-apa sebab dia ada tebatan banjir. Jadi Yang Berhormat hendak buat ban kah, hendak buat lencongan dan sebagainya, itu perancangan dibuat tetapi pokoknya bila hendak buat? Lagi lambat, selagi itulah akan banjir di sebelah Malaysia. Itu persoalannya. Thailand sudah buat. Malaysia belum buat lagi. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang disebut tadi, Yang Berhormat, RM325 juta itu untuk tahun 2015. Untuk tahun 2015. Itu fasa satu- permulaan. Lebih cepat kita bina, lebih baik lagi untuk Sungai Golok kerana ia melibatkan Rantau Panjang, Pasir Mas dan apa lagi di hulu itu saya pun sudah lupa. Saya sudah pergi, Yang Berhormat. Saya sudah pergi Sungai Golok untuk menilai sendiri. Jadi ini akan terus dibuatlah. Diharapkan EPU akan meluluskan permintaan kita, permohonan kita ya, Yang Berhormat. Memang kita berusaha.

Yang Berhormat Jelutong telah membangkitkan mengenai kelewatan pelaksanaan rancangan tebatan banjir di Jelutong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelewatan pelaksanaan RTB Sungai Pinang Fasa 2 sebelum ini adalah disebabkan isu penempatan penduduk di lokasi cadangan projek, antaranya ialah:

- (i) penduduk terlibat tidak membuat tuntutan sugu hati (*ex-gratia*) yang menyebabkan kerja perubahan tidak dapat dijalankan;
- (ii) penduduk gagal mendapatkan rumah untuk penempatan semula disebabkan masalah pinjaman bank; dan
- (iii) penduduk tidak berpuas hati dengan bayaran *ex-gratia* yang ditawarkan.

Isu penempatan penduduk tersebut dijangka selesai pada tahun ini iaitu tahun 2014. Tindakan merobohkan bangunan di atas rizab telah bermula pada 28 Disember 2013.



Peruntukan bagi projek RTB Sungai Pinang Fasa Dua telah dipohon dalam RMKe-10. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan, Projek RTB Sungai Pinang Fasa Dua dapat dilaksanakan dalam tahun 2015. Kita tunggu tahun 2015.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Salam kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasihlah. Saya dengar seakan-akan ada sedikit ketetapan. Akan tetapi mengikut apa yang telah disampaikan kepada kita oleh pihak Pengarah JPS di Pulau Pinang, keadaan terkini ialah setingan-setingan terlibat itu hanya tinggal cuma satu kelompok yang kecil. Jadi kalaulah kita dengar tadi jawapan Menteri bahawa permohonan telah pun dibuat di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan kalau tiada aral melintang, jadi saya hendak tanya juga apa lagi yang harus kita buat supaya peruntukan itu dapat diperturunkan pada tahun ini juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Pada tahun ini, Yang Berhormat, sudah terlewat kecuali kita pohon *supplementary budget*. Akan tetapi kita memang sudah memohon untuk tahun 2015 juga. Walaupun tahun ini kita telah pun pohon, tetapi ia tidak lulus tahun ini tetapi kita sudah pohon tahun 2015.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Kalau begitu, berbanyak-banyak terima kasih. Akan tetapi saya hendak tanya satu lagi. Oleh kerana rancangan tebatan banjir untuk Sungai Pinang Fasa 2 di kawasan Parlimen Jelutong itu kita sudah tunggu selama 15 tahun iaitu sejak 1999, tahun reformasi dulu, jadi saya hendak tanya adakah seluruh peruntukan sebanyak RM150 juta yang dijanjikan itu akan tetap turun dengan angka yang penuh dan tidak lagi dianggap sebagai *supplementary*? Saya rasa rancangan tebatan banjir fasa kedua ini adalah merupakan satu permohonan yang mutlak dan ia tidak harus dianggarkan sebagai satu *supplementary*.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas maklumat yang diberi. Ini boleh membuatkan saya berbincang lagi dengan pihak yang memberikan peruntukan. Ini kerana, apa yang dipercepatkan haruslah dipercepatkan. Jadi inilah yang kita boleh buat. Jadi untuk segelintir penduduk yang belum dipindah, diharapkan perkara ini boleh diselesaikan untuk tahun ini. Ini memang sedang pun diambil tindakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kuantan telah menyentuh mengenai rancangan tebatan banjir di Kuantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah banjir di Kuantan, kerajaan telah melaksanakan projek pembinaan ban kawalan banjir di Sungai Isap dan di tapak projek perumahan PAKR Kuantan yang dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Peruntukan sebanyak RM50 juta juga telah diluluskan dalam tahun 2013 bagi melaksanakan kerja-kerja mengatasi masalah banjir di Bandar Kuantan yang kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Yang Berhormat Sekijang ingin mengetahui status rancangan tebatan...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum pergi ke Yang Berhormat Sekijang, boleh saya...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Kuantan?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kuantan, Kuantan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey. Okey, silakan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan ban kawalan banjir di Sungai Isap, orang ramai tahu bahawa ban di Sungai Isap terutamanya di Sungai Isap Damai, pecah sewaktu banjir besar. Jadi saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan bagaimana berlaku perkara tersebut sehinggakan air naik terlalu deras dan naik ke paras dada dalam masa yang singkat dan menyukarkan penduduk-penduduk keluar mengharung air hingga sampai ke penempatan banjir? Jadi ada banyak *rumors* dengan izin, yang mengatakan ia dipecahkan, ada yang mengatakan pam hilang, ada yang mengatakan pam dicuri, ada yang mengatakan pecah sendiri, ada yang mengatakan dipecahkan atau diletupkan. Jadi saya pohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya warga Kuantan tahu dengan jelas sebenarnya apa yang berlaku di ban banjir Sungai Isap Damai. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu adalah satu makluman yang baik sebab kita tidak menerima aduan tentang semua ini. Akan tetapi banjir di Kuantan sebenarnya yang berlaku untuk tahun ini adalah disebabkan hujan lebat selama tiga hari, 600 milimeter dan selain daripada itu, disebabkan air pasang raja. Air pasang raja di Kuantan pada tahun ini terlalu tinggi. Walaupun sekiranya tidak ada hujan kerana Kuantan dia dekat muara dan tanah rendah, air pasang raja pada lima hari itu adalah di antara tiga meter dan 3.8 meter ketinggian dari paras kalau bukan air pasang. Jadi ini teramat tinggi. Memanglah kalau saya hendak menjelaskan pun disebabkan *climate changelah*, perubahan iklim.

■1620

Sekarang jangan kita main-main lagi sebab perubahan iklim ini menyebabkan air pasang. Paras air pasang ataupun ketinggian air pasang lebih tinggi lagi lebih-lebih di waktu hujung tahun di musim *Northeast Monsoon* ini, terlalu tinggi. Jadi inilah satu masalah. Oleh itu perancangan tebatan banjir kita buat semua, kita buat ban yang kedua, kita buat kolam takungan air tetapi kolam takungan air ini mesti ada pam. Oleh sebab apabila dia sudah sampai ke tahap pam ini boleh beroperasi sendiri untuk mengeluarkan air ke dalam sungai ataupun terus ke laut.

Jadi inilah yang kita buat gabungan untuk semua. Bukan negara kita juga, negara-negara lain seperti di United Kingdom mereka pun berbuat demikian sekarang. Oleh itu perancangan kita kali ini mestilah lebih rapi lagi daripada yang dahulu. Disebabkan terlalu frekuensi air pasang raja ataupun *king tides* yang berlaku dan ketinggiannya sudah lebih tinggi juga daripada yang dulu-dulu kalau dibandingkan 10 tahun, 20 tahun yang lepas. Terima kasih Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pohon satu. Saya faham bahawa masalah di Sungai Isap Damai itu mungkin tidak sampai kepada pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya susah hendak faham sedikitlah. Saya tahu tetapi saya susah hendak faham bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu berkenaan ban itu pecah yang menyebabkan air naik mendadak.

Jadi saya pohon penjelasan secara bertulis sebab saya tahu tidak ada maklumat di sini. Penjelasan secara bertulis secara terperinci apa sebenarnya yang berlaku di ban tersebut.

Sungai Isap Damai ya Yang Berhormat. Sungai Isap Damai ada ban yang pecah sebelah dengan masjid yang tiba-tiba di tengah malam memang bunyi kuat, air menderu masuk dan air naik begitu laju dan *alhamdulillah* kita tidak ada kemalangan jiwa. Jadi orang terpaksa mengharung keluar. Sebenarnya Sungai Isap Damai ke dalam dan sekolah yang terdekat itu mereka terpaksa mengharung dengan air yang dalam. Ada yang ibu dalam pantang, ada yang sebagainya di tengah-tengah malam, kegelapan malam.

Jadi saya pohon penjelasan bertulis, *detail* kenapa pecah dan apa yang menyebabkan pecah? Adakah benar apa yang dikatakan oleh orang-orang di Sungai Isap bahawa pam itu dicuri ataupun hilang ataupun kontraktor tidak *supply*, itu saya tidak tahu saya pohon penjelasan. Ya, saya dengar sahaja tetapi saya tidak dapat penjelasan sebenar. Saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong berikan penjelasan secara bertulis supaya warga Kuantan tahu apa yang berlaku. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam kerja rumah ya, Yang Berhormat. Jawapan secara bertulis dan *in details*. Yang Berhormat, berbahas seperti begini jangan bangkitkan perkara-perkara yang belum dibangkitkan sewaktu perbahasan. Ini kerana apabila dibangkitkan begitu tidak adil bagi Menteri yang menjawab kerana isu yang dibangkitkan baru bagi beliau, satu. Kedua, jangan oleh sebab saya tidak tegur sewenang-wenang berdiri selepas itu berdialog. Bukan begitu berbahas. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini untuk Kuantan ini saya akan beri jawapan yang bertulis tetapi sebelum saya beri jawapan yang bertulis saya akan turun padang untuk membuat pemantauan sendiri saya dan analisa seperti apa yang saya telah buat di Sungai Golok. Saya memang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum cukup lagi Yang Berhormat kalau bertulis, *in details*.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** *In details*, kalau *in details* saya mesti turun padang saya sendiri untuk menilai. Ini yang akan saya buat [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat Kota Raja di sebelah kiri. Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kota Raja. Saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab soalan saya tentang tebatan banjir di Klang mengenai kajian yang mengatakan kalau hendak mengatasi masalah banjir di Klang maka JPS mengemukakan satu jumlah iaitu lebih kurang RM1 bilion lebih. Adakah ini ada di dalam perancangan JPS Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey Yang Berhormat daripada Klang. Yang Berhormat Kota Raja kan? Yang Berhormat Kota Raja telah membangkitkan isu mengenai banjir kilat di Klang, Selangor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dalaman di kawasan bandar adalah tanggungjawab Majlis Perbandaran serta kerajaan

tempatan. Jabatan Pengairan dan Saliran membantu menyediakan laporan pelan induk perparitan iaitu *master drainage plan*.

Kerja-kerja pembinaan operasi dan penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab Majlis Perbandaran. Jadi kementerian membantu merekalah untuk membuat semuanya ini.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya kita juga ada masalah penyelenggaraan parit-parit di bawah JPS yang selama ini mereka hanya ada peruntukan untuk mungkin dua kali setahun dengan kejadian hujan yang semakin lebat dan juga air pasang raja Yang Berhormat sebut tadi. Adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi peruntukan untuk tujuan pembersihan parit-parit yang diselenggarakan oleh JPS.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Kalau parit-parit yang diselenggarakan oleh JPS kita memang ambil kiralah. Tentang sekarang tentang frekuensi untuk penyelenggaraan sebab sekarang masa hujan sudah pun berlebihan. Jadi kita pun akan buat penyelenggaraan tentang parit jika itu tanggungjawab JPS. Jika di bawah tanggungjawab PBT itu tanggungjawab merekalah, mereka buat. Okey, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Sekijang ingin mengetahui status rancangan tebatan banjir di sekitar Sekijang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan adalah projek rancangan tebatan banjir RTB Segamat melibatkan kerja-kerja lencongan banjir, pelebaran sungai memang sungai ini seharusnya dilebarkan dan menaik taraf jambatan.

Pakej 1 yang melibatkan projek menaik taraf Sungai Genuang telah siap. Manakala dua projek menaik taraf Sungai Chodan dan Sungai Segamat serta projek menaik taraf jambatan Sungai Genuang adalah dalam pelaksanaan. Manakala projek lintasan banjir di Segamat, Sungai Genuang akan bermula pada bulan Mac 2014. Keseluruhan projek RTB Segamat dijangka akan siap pada tahun 2015. Projek RTB ini menyebabkan pelebaran sungai maka semua lintasan melintasi jajaran sungai ini perlu dinaiktarafkan termasuk landasan kereta api yang melintasi Sungai Genuang.

Sehubungan dengan itu projek landasan kereta api berkembar ini sememangnya memainkan peranan penting dalam menjayakan projek RTB Segamat. Yang Berhormat Setiu telah...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Sekijang.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Sekijang. Okey, silakan.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum di Sekijang ataupun di Segamat ini Sungai Genuang itu untuk Fasa 1 memang sudah siap. Cuma apa yang membimbangkan kami ialah apabila ia melalui sebuah jambatan ataupun landasan kereta api yang agak sempit, apabila sungai itu sudah lebar tiba dekat jambatan kereta api itu dia akan sempit. Jadi hendak tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sebab saya dapat makluman JPS tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan projek berkaitan dengan landasan kereta api tersebut.

## ■1630

Adakah pihak kementerian ada berbincang dengan Kementerian Pengangkutan, bilakah agaknya Kementerian Pengangkutan boleh melaksanakan projek ini atau adakah pihak JPS boleh berbincang dengan pihak kementerian untuk mengeluarkan peruntukan membesarkan laluan lintasan kereta api tersebut? Itu sahaja.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat. Makluman seperti inilah yang saya sendiri perlukan kerana jika ada makluman sebegini, senang kita berbincang dengan kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk jambatan dan juga pohon untuk landasan kereta api nanti supaya semuanya akan siap dibina pada tahun 2015. Ini adalah penting untuk Sungai Segamat dan Sungai Genuang itu tadi supaya Rancangan Tebatan Banjir akan siap dan banjir tidak lagi berlaku di situ.

Yang Berhormat Setiu telah membangkitkan mengenai Rancangan Tebatan Banjir di Setiu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran telah memohon peruntukan bagi menaik taraf Sungai Chalok dan Sungai Bari sebanyak RM10 juta di bawah *Rolling Plan* Keempat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu pada tahun 2015. Jadi, diharapkan bahawa peruntukan ini akan diluluskan supaya projek ini boleh dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Paya Besar mengesyorkan agar kerajaan menambah baik model ramalan dan sistem amaran awal banjir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa meneruskan usaha menambahbaikkan sistem amaran banjir dengan menambah bilangan stesen pemantauan hidrologi seperti stesen hujan dan aras air serta sistem siren bagi amaran banjir. Kementerian juga akan menambah model ramalan banjir di kawasan-kawasan baru yang sering dilanda banjir serta menambah baik sistem model amaran sedia ada bagi mendapatkan ketepatan data yang lebih baik.

Yang Berhormat Tanjong Piai telah membangkitkan isu berkaitan dengan hakisan pantai di kawasan Parlimen Tanjong Piai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menangani masalah tersebut, Jabatan Pengairan dan Saliran akan menilai jenis kawalan hakisan yang terlibat iaitu secara *soft structure*. Antaranya, penggunaan kaedah *beach nourishment* dengan izin, bagi kegunaan pantai pelancongan dan *hard structure* kepada pembinaan struktur kekal seperti lapis dinding batu, *rock revetment*- dan tembok pemecah ombak. Bagi kawasan Tanjong Piai, Jabatan Pengairan dan Saliran akan melaksanakan projek mencegah hakisan pantai di Tanjong Piai, Mukim Serkat Pontian, Johor dengan peruntukan berjumlah RM20 juta bagi tahun 2014.

Yang Berhormat Gelang Patah membangkitkan mengenai kajian EIA bagi projek penambakan laut yang dijalankan di perairan Selat Johor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar, didapati projek penambakan laut di sebelah barat perairan Selat Johor di Tanjong Kupang ini adalah berkeluasan kurang daripada 50 hektar dan tidak tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Penjelasan boleh? Sini Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Gelang Patah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Mengenai penambakan laut Yang Berhormat Menteri kata kajian menunjukkan bahawa tidak seluas yang perlu EIA. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ini satu bahagian daripada rancangan yang lebih daripada 2,500 ekar yang tentulah memerlukan EIA dan menjejaskan kehidupan nelayan-nelayan? Apakah tindakan diambil oleh jabatan yang berkenaan supaya keperluan EIA tidak dielakkan daripada tindakan-tindakan di mana bahagian-bahagian untuk menambak laut dipecah daripada plot-plot yang sendiri tidak perlu EIA tetapi pada keseluruhannya yang perlu EIA?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas maklumat itu. Kalau ia 2,500 ekar keluasan projek itu, maka ia memang memerlukan EIA. Akan tetapi Jabatan Alam Sekitar di dalam pemantauannya, mereka mengatakan bahawa kawasan ini adalah kurang daripada 50 hektar. Walaupun demikian, walaupun ia kurang daripada 50 hektar, namun Jabatan Alam Sekitar ada satu lagi usaha untuk memastikan bahawa kualiti alam sekitar di situ akan dipantau melalui satu perancangan dan pengurusan. Jadi, perancangan dan pengurusan inilah, semua pemaju projek mesti memberi laporan. Jadi dalam hal ini, ia juga boleh dipantau. Akan tetapi kalau 2,500 hektar itu, EIA sememangnya diperlukan. Kalau itulah keluasan projek itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa dia sendiri akan mengambil tahu isu ini kerana ini satu projek raksasa yang besar, yang kita tidak patut membelakangkan sesiapa untuk mengelakkan daripada keperluan EIA. Yang Berhormat Menteri yang sangat prihatin mengenai masalah alam sekitar akan memberi perhatian sendiri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Tentang projek seperti itu yang besar, saya lagi tidak boleh hidup kalau kualiti alam sekitar tidak dapat dijaga dan terjamin kerana ini adalah darah daging saya. Sudah beberapa tahun, jadi akan terus dibuat. Yang Berhormat, nanti saya akan pantau sendiri juga. Saya suka turun padang. Kalau rakan-rakan Ahli Yang Berhormat menjemput saya untuk masuk ke kawasan, silakan. *You are most welcome* sebab saya mahu meninjau dan menilai sendiri tentang masalah-masalah yang berlaku.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Rasah telah membangkitkan isu lesen operasi pusat pengurusan sisa buangan berjadual bersepadu yang diberikan kepada Kualiti Alam Sendirian Berhad. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pusat tersebut dilengkapi dengan loji rawatan fiskal dan kimia, loji stabilisasi, loji penuaian atau *incinerator*, loji rawatan *leachate*, loji-loji rawatan sokongan dan tapak pelupusan selamat.

■1640

Kualiti Alam Sendirian Berhad telah mula beroperasi di situ sejak tahun 1995. KASB telah diberikan hak eksklusif iaitu jaminan oleh kerajaan bahawa Jabatan Alam Sekitar tidak

mengeluarkan lesen baru kepada mana-mana pihak lain yang berhasrat membina dan mengoperasi kemudahan pengelolaan dan pelupusan yang sama di Semenanjung Malaysia, dengan kemudahan yang disediakan oleh KASB bagi mengemas kini kapasiti buangan terjadual mencukupi untuk kemudahan KASB.

Hak eksklusif untuk melaksanakan dan mengendalikan kemudahan bersepadu ini adalah selama 15 tahun iaitu bermula pada 1 Mac tahun 2000 sehingga 28 Februari 2015. Selama 15 tahun. Walau bagaimanapun, perkhidmatan KASB akan diteruskan bagi memastikan semua jenis sisa buangan yang dihasilkan oleh pihak industri di negara ini termasuk sisa buangan terutamanya yang tidak komersial, yang tidak *economical* untuk dirawat atau dibuat pemerolehan kembali dapat dikendalikan dengan selamat iaitu *recycling* pun dibuat.

Setakat ini pihak kerajaan belum ada perancangan untuk mengenal pasti tapak baru memandangkan keluasan tapak sedia ada selepas ditambah baik dianggarkan masih dapat menampung 80,000 tan metrik setahun untuk 15 tahun lagi...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Soalan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** *Oh, you go ahead.*

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Silakan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ketika perbahasan saya telah pun membangkitkan memandangkan kilang memproses nadir bumi di Kuantan ini masih belum lagi mengumumkan bagaimana mereka melupuskan sisa-sisa mereka, jadi adakah Pusat Kualiti Alam yang berada di Bukit Nenas Sendayan ini akan menjadi tapak pelupusan sisa bagi kilang Lynas?

Kedua, sebenarnya pada bulan November 2013, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan sendiri telah pun mengumumkan bahawa pihak kerajaan negeri akan meminta pihak Pusat Kualiti Alam untuk berhenti operasi di Sendayan. Jadi, saya hendak dapatkan satu *confirmation* daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sebab kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan dengan pihak Kementerian Alam Sekitar ini memang bercanggah.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua pertanyaan itu tadi. Yang pertama nadir bumi. Nadir bumi daripada Kuantan itu tidak akan dihantar ke Kualiti Alam. Kedua, pengumuman Menteri Besar itu kita belum berbincang lagi. Kalaulah kerajaan negeri sememangnya bertegas bahawa Kualiti Alam Sendirian Berhad seharusnya tidak lagi melupuskan sisa-sisa terjadual di situ iaitu sisa-sisa toksik, maka kementerian akan ambil kira tentang perkara ini Yang Berhormat, ya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Satu lagi. Sebenarnya semua penduduk yang tinggal di sekitar situ telah pun menantikan. Oleh sebab kalau tidak silap, kilang tersebut telah pun dibenarkan beroperasi dari tahun 1995 sehinggalah tahun depan. Akan tetapi, kebanyakan

daripada mereka memang berharap kilang tersebut ataupun Pusat Kualiti Alam itu dapat dipindahkan. Oleh sebab, memang selama ini kita terima banyak aduan daripada penduduk. Ada yang mengadu pencemaran udara, ada yang mengadu menghidap penyakit asma dan juga penyakit kulit.

Jadi dalam perkara ini saya berharap pihak kementerian dapat mengambil kira kepentingan seluruh penduduk di Sendayan. Sebenarnya kedudukan Kualiti Alam ini ia lebih kurang 20 kilometer daripada Seremban. Sekarang tidak kira Seremban ataupun Sendayan, sebenarnya pembangunan di situ agak pesat. Jadi, saya mohonlah jasa baik kementerian, kalau boleh pindahlah pergi tempat yang lebih sesuai sebab kita dari Negeri Sembilan, kita tidak mahu Negeri Sembilan terus menjadi tempat membuang sampah. Jadi, tong sampah Malaysia. Kita tidak mahu. Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Penjelasan tambahan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tahu selepas kontrak Kualiti Alam ini luput pada tahun 2015 ini, adakah kementerian ataupun kerajaan akan buat satu *open tender* untuk satu kontrak yang baru yang akan diberikan kepada syarikat ataupun pihak yang memberikan tawaran yang terbaik sekali? Itu soalan nombor satu.

Penjelasan soalan nombor dua ialah, tahukah Yang Berhormat Menteri berapa kali satu tahun tahap *dioxin* di ambil di loji insinerator di Bukit Nanas ini? Hal ini kerana sememangnya merupakan satu perkara yang penting. Kalau *dioxin* tahap ini tidak diambil dengan kekerapan yang sesuai, memang ini akan mengurangkan pemantauan yang sesuai di loji insinerator di Bukit Nanas ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya tentang ini lagi KASB di Bukit Nanas itu, 20 kilometer daripada Seremban ya? 20 kilometer. Sekarang kalaulah kerajaan negeri memang tidak puas hati dengan operasi itu, maka kita menunggu perbincangan dengan kerajaan negeri, dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang perkara ini.

Kedua tadi, cadangan untuk *open tender* ini. Saya setuju dengan Yang Berhormat cadangan untuk *open tender*, sebab sekarang banyak lagi teknologi yang baru untuk kita melupuskan sisa-sisa toksik seperti mana yang kami buat di Kuching, Sarawak. Semuanya kita menggunakan teknologi yang terbaru untuk melupuskan sisa-sisa toksik. Untuk memantau pengeluaran *dioxin* daripada insinerator itu, itu memang dibuat. Itu dibuat setiap bulan satu kali. Selama ini *dioxin* itu di bawah *international standard*. Memang di bawah *international standard*. Oleh itu, ianya akan terus dipantau.

Walaupun demikian, teknologi baru untuk tapak pelupusan seperti ini adalah penting supaya ianya lebih efisien lagi. Macam mana negara-negara lain, lebih-lebih lagi di negara maju sudah pun buat Yang Berhormat...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma satu perkara lagi lah.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Satu perkara lagi?



**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Seperti apa yang saya katakan tadi, penduduk yang tinggal di sekitar situ telah pun bertahan selama 20 tahun tetapi sekarang pihak kementerian memberi jawapan akan disambung 15 tahun lagi. Saya rasa jawapan yang sebegini tidak begitu adil dan tidak begitu menjaga kepentingan penduduk yang tinggal di situ. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya telah sebut tadi, kalau kerajaan negeri berbincang. Tadi Yang Berhormat kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar memang sudah tidak berapa setuju lagi dengan tapak pelupusan itu. Oleh itu, kalau berbincang dengan kementerian, kita ambil lain keputusan tentang perkara seperti itu.

Yang Berhormat Gerik telah membangkitkan mengenai masalah gangguan gajah yang dialami oleh penduduk-penduduk kampung di daerah Gerik.

■1650

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011, Jabatan PERHILITAN telah membina projek pagar elektrik sepanjang 12 kilometer di Rancangan Penempatan Semula Banun dengan kos sebanyak RM432,000 dan sepanjang 10 kilometer di kawasan Bersia dengan kos sebanyak RM354,000 pada tahun 2013. Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mewujudkan *sanctuary* gajah di Gerik, Perak, buat masa ini, kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk mewujudkan *sanctuary* gajah tersebut. Walau bagaimanapun, pihak kementerian menyambut baik dan menyokong penuh jika adanya inisiatif daripada pihak kerajaan negeri untuk mewujudkan *sanctuary* gajah tersebut.

Yang Berhormat Kota Tinggi juga telah membangkitkan isu gajah liar di kawasan Parlimen Kota Tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 86 aduan gangguan gajah telah diterima pada tahun 2013. Jabatan PERHILITAN telah menjalankan kawalan pemantauan sebanyak 78 kali dan melakukan tembak halau sebanyak 29 kali. Dua ekor gajah telah berjaya ditangkap pada tahun 2011 dan pada tahun 2013, gajah-gajah ini telah dipindah ke Taman Negara Endau Rompin dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Lanchang, Pahang.

Pada 23 Mac 2014, tiga ekor gajah lagi telah berjaya ditangkap di Kampung Mawai dan Jabatan PERHILITAN bercadang untuk memindahkan gajah tersebut ke Taman Negara Endau Rompin. Pada Disember tahun 2013, satu projek pembangunan sistem pagar elektrik gajah sepanjang 18 kilometer telah disiapkan di Kampung Mawai.

Yang Berhormat Sik telah membangkitkan isu gangguan babi hutan terhadap penduduk kampung... [*Menyampuk*] [*Ketawa*] Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2013, Jabatan PERHILITAN telah menerima sebanyak lima aduan mengenai gangguan babi hutan di Parlimen Sik. Kesemua aduan tersebut telah diambil tindakan dengan menjalankan kawalan pemantauan serta memasang perangkap di Kampung Gajah Putih, Jeneri, dan MADA Resort Kota Aur. Manakala di lokasi-lokasi lain, tindakan pemantauan kawalan bagi tujuan tembak mati telah dijalankan.

Bagi tahun ini sehingga 20 Mac 2014, sebanyak dua aduan diterima dan tindakan telah diambil termasuk tindakan susulan sebanyak lapan kali. Satu operasi bersepadu telah diadakan

dengan pihak FELCRA Pulau Belantik pada 10 Mac yang lalu dan hasilnya, sebanyak tiga ekor babi hutan berjaya ditembak mati. Manakala pada 11 Mac 2014, seekor babi hutan telah ditembak mati di Kampung Melaka, Gulau.

Yang Berhormat Penampang dalam celahannya telah membangkitkan mengenai kematian *Pygmy Elephant* di *Tabin Wildlife Reserve*, Kalabakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sampel-sampel tisu daripada organ dalaman, cecair dalam perut, darah dan najis telah diambil dan dikirim untuk analisis mikrobiologi bagi mengesan kehadiran bakteria, virus dan parasit serta pemeriksaan toksikologi ke beberapa institusi di dalam dan luar negara.

Menurut pakar patologi daripada Universiti Putra Malaysia dan Thailand, mereka menegaskan bahawa terdapatnya bahan toksik yang mengakibatkan kerosakan pada sistem penghadaman gajah-gajah tersebut. Analisa beberapa buah terhadap buah pinggang, limpa dan *lymphoid* semua boleh dilihat menyokong fenomena ini. Laporan toksikologi dari Australia, sampel hati daripada dua ekor gajah dan sampel serbuk putih yang dijumpai berdekatan dengan salah seekor gajah yang mati menunjukkan paras logam berat seperti arsenik, *cadmill*, besi dan kromium yang amat tinggi.

Yang Berhormat Jelebu juga dalam celahannya telah membangkitkan isu gangguan kera dan beruk... [*Menyampuk*] [*Ketawa*] Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2013, Jabatan PERHILITAN telah menerima lapan aduan gangguan beruk dan kera di Parlimen Jelebu. Kera dan beruk yang terlibat adalah dipindah ke lokasi yang bersesuaian dan jauh dari situ.

Yang Berhormat Kalabakan telah membangkitkan mengenai pembalakan haram di kawasan Gunung Rara hingga ke Maliau Basin di Kinabatangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui rondaan udara yang dijalankan dan disahkan oleh juruaudit bebas, didapati tidak ada bukti pembalakan haram berlaku di kawasan tersebut. Manakala aktiviti pembalakan pula adalah di dalam kawasan yang dibenarkan dan mempunyai lesen pembalakan yang sah. Kawasan berkenaan sedang dipulihkan melalui penanaman semula dan *silviculture*.

Kawasan yang didakwa berlaku pembalakan haram iaitu Hutan Simpan Gunung Rara adalah tapak projek biodiversiti *conservation in multiple used for landscape* yang dibiayai oleh UNDP-GEF. Pelaksanaan projek konservasi ini melibatkan penyertaan pelbagai *stakeholders* termasuklah agensi antarabangsa, badan-badan bukan kerajaan ataupun NGO dan sebagainya. Kawasan tersebut meliputi lebih kurang 261,000 hektar yang menghubungkan kawasan perlindungan dari Maliau Basin dan Imbak ke Lembah Danum dan Ulu Segama dan Malua.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja terutamanya...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** ...Yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum menggulung saya hendak minta satu penjelasan yang cepat sahaja. Yang Berhormat Menteri, bagi Serdang. Di sini Serdang, Serdang!

■1700

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Mana, mana?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Serdang. Sini, sini!

**Tuan Yang di-Pertua:** Serdang, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Serdang, Serdang.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sini, sini.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Oh sana.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sini, sini.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Silakan, silakan.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey, okey. *I'll go first.*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Serdang, ada monyetkah Serdang?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi jawapan di Dewan yang mulia ini di mana tahap *dioxin* ini dipantau atau diambil satu kali setiap bulan di loji *incinerator* Bukit Nenas. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh rujuk kepada pegawai-pegawai, kerana saya baru diberitahu bahawa mengikut *EIA Report*, EIA punya panduan, *dioxin* ini hanya diambil satu kali setiap tahun. Jadi saya harap jikalau ada maklumat *dioxin* yang diambil oleh kementerian setiap bulan, saya berharap Menteri boleh memberikan maklumat ini kepada saya ataupun kepada Yang Berhormat Rasah, lebih baik jikalau boleh terbitkan dalam laman web DOE. Terima kasih.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ada lagi?

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ada, ada. Bukit Bendera.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Silakan.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Soalan saya Yang Berhormat Menteri tidak dijawab mengenai pencemaran di Sungai Batu Ferringhi, Pulau Pinang. Pada 9 Februari, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu Yang Berhormat Cameron Highlands telah melakukan lawatan kerja ke Sungai Batu Ferringhi dan beliau telah mengakui bahawa salah satu punca pencemaran adalah loji rawatan kumbahan, IWK. Kemudian, beliau telah mengatakan bahawa dan berjanji untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas mereka yang bertanggungjawab dalam masa seminggu atau dua minggu. Ini sudah hendak masuk dua bulan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tahu sama ada tindakan sudah diambil dan juga dalam ucapan saya, saya membuat cadangan agar audit luaran dilakukan ke atas semua loji rawatan kumbahan di Pulau Pinang untuk memastikan bahawa ia semuanya mematuhi standard dalam akta yang berkenaan. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey. Yang Berhormat yang bertanya tentang ini pemantauan *dioxin* tadi. Ini saya akan menetapkan dengan pegawai tetapi di Kuching, Sarawak kerana saya yang membuat perancangan itu, kita memantau setiap bulan. Di Kuching dan ini diluluskan juga oleh Jabatan Alam Sekitar. Loji ini di Kuching. So, nanti saya akan berbincang dengan pegawai.

Mengenai soalan tentang Batu Ferringhi. Batu Ferringhi itu sebenarnya apa yang berlaku adalah loji rawatan air kumbahan IWK. Setahu saya ia tidak mengeluarkan air kumbahan yang tidak terawat ke dalam sungai tetapi di situ banyak lagi seperti restoran, bengkel kenderaan ataupun *garages* yang bertapak di tebing sungai itu dan banyak lagi premis *business* yang tidak masuk air kumbahan mereka ke dalam loji itu. Itulah sebabnya Jabatan Alam Sekitar membuat lawatan untuk mengesahkan dan ini adalah satu penguatkuasaan dan Jabatan Alam Sekitar juga telah pun membuat satu laporan supaya ia dihantar ke mahkamah tetapi tindakan mahkamah belum diambil. Masih di dalam proses sekarang. Bukan hanya dua minggu. Saya bukan *lawyer*, saya tidak tahu berapa lama prosedur atau protokol mahkamah akan mengambil masa seperti ini. Jadi ini adalah satu perkara yang sentiasa dipantau kerana ini menyebabkan pencemaran sungai dan pencemaran pantai juga.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma kalau menurut laporan daripada JPS di Pulau Pinang, mereka mendapati bahawa paip air efluen yang mengeluarkan air efluen daripada loji rawatan kumbahan IWK adalah amat keruh. Mengeluarkan air yang amat keruh dan berwarna gelap. Ini daripada laporan JPS sendiri. Terdapat juga rakaman video yang juga menunjukkan bahawa air yang keluar memang sangat keruh dan berwarna gelap serta berbau busuk. Jadi saya rasa tidak mungkin bahawa paip daripada IWK tidak mengeluarkan air yang tidak dirawat. Saya rasa paparan video yang kita lihat itu amat jelas Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Itu kita ambil kira, bahkan saya sendiri pun ingin membuat tinjauan dan penilaian kerana saya tahu perkara seperti ini langkah yang betul-betul perlu diambil. Standard yang diguna pakai ialah standard 'B' daripada *affluent regulation* ini- standard 'B'. Bagi pendapat saya masih lagi tercemar. Apa yang kita perlu ialah standard 'A', Yang Berhormat. Laporan siasatan telah dihantar ke pejabat Peguam Negara. Sekarang dalam tindakan perundangan. So, kita kena tunggu lagilah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja terutamanya yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah saya jawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu yang dibangkitkan dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pelancongan.

**5.07 ptg.****Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sepanjang perbincangan Titah Diraja peringkat dasar pada Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ke-13 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Gerik telah mencadangkan agar kementerian mengoptimumkan potensi Gerik sebagai destinasi pelancongan. Yang Berhormat juga memohon agar Jabatan Warisan Negara menyiasat sejauh manakah kebenaran cerita mengenai Hang Tuah yang melarikan diri dari Melaka ke Gerik, Perak. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sedar akan potensi Gerik sebagai destinasi pelancongan di negeri Perak dan bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri jika terdapat permohonan untuk membangunkan kawasan Gerik sebagai daya tarikan warisan.

Berhubung dengan cerita Hang Tuah, Raja Bersiung adalah- Raja Bersiung. Berhubung dengan cerita Hang Tuah setakat ini pihak Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Warisan Negara tidak mempunyai sebarang rekod, dokumen atau kajian yang boleh mengesahkan kesahihan cerita mengenai Hang Tuah yang melarikan diri dari Melaka ke Gerik, Perak. Ini cerita baru ini. Rekod atau dokumen yang paling awal yang disimpan oleh pihak Arkib Negara Malaysia adalah sekitar tahun 1600 iaitu selepas Melaka diduduki oleh Portugis dan Belanda.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai mencadangkan destinasi pelancongan di Bagan Serai iaitu Pulau Orang Utan dijadikan salah satu tarikan pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Pulau Orang Utan memang merupakan salah satu destinasi yang menjadi tarikan pelancongan di bawah ikon pelancongan negeri Perak. Ia terletak berhampiran dengan kawasan tarikan pelancongan lain seperti Taiping, kawasan ekopelancongan Hutan Paya Bakau Kuala Sepetang, Lenggong yang diiktiraf oleh UNESCO sebagai tapak warisan dunia dan Kuala Kangsar sebagai Bandar Diraja.

**■ 1710**

Dengan itu ke semua produk pelancongan ini termasuk Pulau Orang Utan merupakan destinasi tarikan pelancong yang dipromosikan bagi Tahun Melawat Malaysia 2014. Di samping itu, Pulau Orang Utan juga menjadi tarikan kepada pakar akademik bagi menjalankan kajian konservasi *ex-situ* iaitu *off site conservation*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Melaka...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Oh! Bagan Serai. Okey.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menambahkan lagi dua destinasi yang saya kira mempunyai potensi untuk destinasi pelancongan dan juga tarikan pelancong dalam dan luar negara, dan juga boleh dijadikan tempat kajian.

Pertama, ialah Kuala Gula *Bird Sanctuary*, dengan izin. Di sini terdapat hutan paya bakau yang unik, yang menyediakan habitat yang cukup baik untuk menyediakan makanan bagi burung-burung dan hidupan laut. Terdapat beratus-ratus ribu burung yang berhijrah daripada tempat-tempat yang jauh seperti daripada China, *Siberia* dan sebagainya untuk menuju ke Selatan ke Australia akan transit, akan berehat di Kuala Gula ini. Di sini tempat mereka mendapat makanan dan juga membiak.

Seperkara lagi ialah tentang Projek Pemeliharaan Ikan Arowana di kawasan Bukit Merah. Juga menjadi satu tarikan yang unik kerana air tasik Bukit Merah ini adalah air yang cukup sesuai, cukup unik untuk ternakan dan sangat sesuai untuk ikan arowana. Jadi tempat-tempat begini dapat menunjukkan kita memberikan pengalaman, *experience*. Pengalaman untuk melihat bagaimana pemeliharaan ini, bagaimana ikan arowana yang dihasilkan ini dapat memberikan pulangan pendapatan yang baik dan juga satu tarikan pada pelancong dalam dan luar negara. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Bagan Serai itu. Saya pun memang pernah melawat Kuala Gula dan juga tempat penternakan ikan arowana ini. Saya percaya memang ini mempunyai potensilah. Jadi pegawai saya ada dekat belakang itu dia akan ambil maklum pada tahun depan kita masukkan sebagai kita punya ikon lawatan ke negeri Perak ya. Kita akan maklumkan juga Kerajaan Negeri Perak. Yang Berhormat Kota Melaka, meminta kementerian menyatakan apakah usaha-usaha dan program-program tambahan bagi menjayakan Program Tahun Melawat Malaysia 2014?

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah merancang beberapa program dan aktiviti di seluruh negara bagi mencapai sasaran ketibaan seramai 28 juta pelancong dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM76 bilion ke dalam negara. Bagi memastikan penggiat industri pelancongan bersedia menerima kedatangan pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah pun menganjurkan sesi taklimat dan dialog bersama penggiat industri di setiap negeri pada tahun 2013. Termasuk di negeri Melaka pada 26 Julai 2013 yang turut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka. Melalui program tersebut, penggiat industri pelancongan berpeluang mengetahui strategi kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 dan bertukar pandangan serta idea bagi memantapkan persiapan kempen tersebut.

Susulan daripada program tersebut, kementerian juga telah menganjurkan kursus khas dengan izin, *we are the host*, kepada *frontlines* yang melibatkan pihak pengusaha pelancongan, penyambut tetamu di hotel, pemandu pelancong, pengusaha *homestay* dan agensi kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Imigresen Malaysia. Kursus tersebut memberi pendedahan berkenaan cara-cara menyambut tetamu dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelancong yang berkunjung ke negara ini. Setelah menamatkan kursus ini, diharapkan agar barisan *frontlines* yang dilatih dapat menjadi lebih yakin dan lebih berpengetahuan, lebih mesra pelancong dan mengamalkan budaya dengan izin, *'think VMY, act VMY'* bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2014...

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Minta penjelasan. Bukit Bintang

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Okey, okey. Bagi Yang Berhormat Bukit Bintang dulu.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan insiden kehilangan MH370, sedikit sebanyak ini akan menjejaskan imej negara. Ia akan juga ada kesan atas pendatang pelancong asing khususnya dari negara China. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata dalam 28 juta pelancong asing akan datang melawat Malaysia. Saya ingin tahu, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa sasaran 28 juta pelancong asing tidak akan berkurang? Apakah langkah akan diambil oleh kementerian memastikan pelancong-pelancong asing akan terus datang ke Malaysia melalui MAS atau apa-apa pesawat dari negara asing? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan iaitu peristiwa MH370 ini telah pun sedikit sebanyak menjejaskan kedatangan pelancong-pelancong luar ke negara kita khususnya pelancong-pelancong daripada negara China. Pada waktu ini tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan adalah seperti mana Yang Berhormat sedia maklum dilaporkan di dalam akhbar. Namun bagi kami di Kementerian Pelancongan, kita buat seketika ini sehinggalah kita akan dapat mengetahui tentang di mana sebenarnya MH370 ini. Sehingga itu saya mengambil keputusan supaya tidak mengadakan apa-apa *road show* terutama di negara China memandangkan perkara ini amat sensitif.

Ini kerana selagi MH370 ini kita tidak dapat tahu apakah ia punya akhir ceritanya, maka selagi itu sukar untuk kita mengadakan rancangan untuk menarik pelancong-pelancong ke negara kita. *I think we have to respect.* Kalau sekiranya kita ada *road show* ini sebagai tidak mempunyai perasaan sensitif terhadap keluarga-keluarga, *passengers* yang ada di situ. Jadi setakat ini kita tidak bercadang untuk memperhebatkan usaha untuk menarik perhatian pelancong khususnya daripada negara China ke negara kita. Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selepas perbincangan atau di antara kerajaan negeri dan kementerian Yang Berhormat Menteri ini, bolehkah Dewan ini dimaklumkan berapakah peruntukan tambahan yang akan disalurkan kepada negeri Melaka untuk mencapai usaha kementerian?

Ini kerana kita tidak boleh nafikan bahawa negeri Melaka ialah salah satu negeri yang paling penting untuk kita menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2014 ini. Saya juga ingin tanya tentang Kampung Morten iaitu satu kampung tradisi yang begitu penting kedudukannya di bandar Melaka. Saya dapat tahu hanya hadapan kampung ini, sepanjang sungai telah dikatakan di baik pulih atau diindahkannya tetapi masih terdapat banyak, rumah kampung itu perlu saya ingat bukan saya sudah tunjuk bukan hanya muka di hadapan sahaja tetapi Kampung Morten ini boleh jadi satu kampung *homestay* saya ingat lebih sesuai kalau kita boleh bangkit itu. Ada dua perkara

yang saya bangkitkan tentang Jonker Walk dan Kampung Portugis, saya harap Yang Berhormat Menteri juga boleh bagi sedikit pandangan. Bilakah Yang Berhormat Menteri hendak lawat Jonker Walk ini, mungkin pandangan dan maklum balas, saya ingat nasihat ini kita dapat mengukuhkan atau pun tambah baik destinasi pelancongan yang utama di negeri Melaka.

■1720

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya jawab tentang peruntukan dulu ya. Yang Berhormat, peruntukan ini yang kita beri ialah berdasarkan kepada permintaan daripada negeri berkenaan tentang projek-projek tertentu. Kalau sekiranya ada negeri meminta sesuatu berkenaan dengan projek yang hendak diadakan, maka permohonan itu dibuat kepada kita. Jika perbelanjaan itu agak tinggi, maka kita akan cuba buat permintaan di bawah Rancangan Malaysia yang akan datang.

Jadi, untuk saya hendak menyatakan pada tahun ini berapakah peruntukan yang diberikan kepada negeri Melaka, itu agak sukar kerana saya tidak tahu pada tahun ini apakah yang merupakan permintaan daripada negeri Melaka. Akan tetapi kalau yang tahun lepas mungkin saya boleh rujuk kepada pegawai saya, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat tentang peruntukan yang telah diberikan kepada negeri Melaka.

Keduanya, saya setuju iaitu di Kampung Morten. Memang ia merupakan sebuah kampung tradisional ala Melaka dan ia juga menunjukkan tentang kebudayaan asli negeri Melaka. Jadi, saya rasa sememangnya ia merupakan tarikan kepada pelancong-pelancong dan saya bersetuju kalau kita hendak mempromosikan Kampung Morten itu sebagai tarikan pelancongan. Ia tidak mencukupi kalau kita hanya memastikan rumah-rumah di hadapan sahaja, macam *window dressing* sahaja.

Jadi, saya harap kalau Kampung Morten ini dalam kawasan Yang Berhormat Kota Melaka, kumpulkanlah penghuni-penghuni di Kampung Melaka atau pun pemilik rumah ini. Kalau mereka berminat untuk menjadikan ia sebagai *homestay*, maka eloklah dipanggil beberapa orang ini kerana kita perlukan kepada kebenaran daripada mereka untuk menjadikan rumah mereka itu kepada *homestay*. Jadi, kalau kumpul, boleh kita pastikan supaya pegawai saya akan turun dan memberikan taklimat tentang *homestay* dan mengajak mereka mengambil bahagian dalam program *homestay* ini.

Juga ada maklumat Kampung Morten, terdapat pelbagai latihan dan promosi telah dilaksanakan kepada pengusaha-pengusaha *homestay*, termasuk *homestay* Kampung Morten. Promosi dilaksanakan ke Singapura, Jepun dan Australia untuk meningkatkan pelancongan di sana. Jadi, saya cadangkan Yang Berhormat kalau ada lagi rumah-rumah yang tertinggalkah, yang tidak dicat, atau apa-apa, Yang Berhormat boleh siasat dan boleh mengajak pemilik rumah itu untuk mengambil bahagian dalam *homestay*. Kita sedia membantu. Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan Tahun Melawat Malaysia. Tadi bila disebut bahawa kita ada peristiwa MH370, Yang Berhormat saya nampak macam begitu lemah



sikit la maknanya hendak hadapi kempen Tahun Melawat Malaysia. Seolah-olah dengan peristiwa itu sebagai satu yang boleh menjejaskan kedatangan pelancong yang dianggarkan 28 juta pelancong pada tahun ini.

Akan tetapi saya katakan bahawa sepatutnya Yang Berhormat Menteri ini kena melihat secara yang lebih positif daripada peristiwa tersebut untuk menampilkan lagi warna-warna Malaysia yang lebih baik untuk menjadi destinasi pelancongan. Saya tunjuk contoh, bagaimana Thailand meninggalkan kita Malaysia ini dari segi industri pelancongan ini, kedatangan pelancong ini pada tahun 2013. Walaupun Thailand, khususnya Bangkok, bergolak dalam dua tiga tahun ini, bergolak. Demonstrasi hari-hari, tukar Menteri, tukar Perdana Menteri, tidak ada masalah. Kita di sini demonstrasi sikit, 'oh, orang kata pelancong tidak boleh mari'. Akan tetapi Thailand demonstrasi hari-hari tetapi dari sudut pelancongan, dia potong Malaysia, dia *beat* Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya katakan bahawa kita tidak boleh tengok bahawa sesuatu yang negatif...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah, ya lah. Yang Berhormat Pokok Sena. Tidak saya dengar pun bahawa tukar Menteri hari-hari.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidaklah, itu contohlah. Bukan saya kata hari-hari tetapi maknanya berlakulah kekerapan dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, contoh [Ketawa]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia bantai saja itu, maklumat tidak ada.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, saya katakan bahawa Yang Berhormat harus melihat secara yang lebih positif. Bagaimana tahun 2014 ini...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Salah fakta.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Strategi kementerian Yang Berhormat untuk hendak pastikan bahawa kita boleh *beat* Thailand balik. Sebab kalau ini saya lihat sendiri bila di Berlin, di iTV kah? [Disampuk] [Ketawa] Saya lihat bahawa dari segi destinasi pelancongan yang dalam negara kita, negeri-negeri. Keseriusan negeri-negeri ini tidak begitu bersungguh untuk menyertai tim kementerian Yang Berhormat. Tidak bersungguh berbanding dengan negara-negara lain, khususnya Thailand, Indonesia, hatta Myanmar sendiri, negeri yang baru hendak pulih daripada suasana yang agak teruk. Jadi, begitu juga dengan penglibatan swasta. Saya tidak tahu macam mana keyakinan penglibatan swasta kepada Kementerian Pelancongan atau pun bagaimana Kementerian Pelancongan Yang Berhormat ini untuk hendak *coordinate* dengan pihak swasta sendiri supaya mereka juga turut terlibat.

Sebab hari ini kalau kita melihat bahawa di iTV itu, maknanya penglibatan swasta begitu-dan penglibatan pihak-pihak berkuasa, pihak-pihak pelancongan, umpamanya di Kedah- LADA, tidak bersungguh. Padahal Langkawi itu adalah satu destinasi pelancongan yang cukup hebat. Akan tetapi penyertaan LADA itu tidak cukup pedas bagi saya. Jadi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua- *microphone* ini boleh merajuk, lama tidak bercakap. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak perbetulkan sikit Yang Berhormat sebut tentang demonstrasi ini. Saya sebenarnya tidak pernah kata disabitkan oleh kerana demonstrasi yang berlaku di negara kita menyebabkan pelancong tidak datang [*Disampuk*] Ya, bukan saya ya, okey. Saya selalu kata itu produk pelancongan. Fasal dia sebut kata itu, kan. Bukan saya ya? [*Disampuk*] Ya bukan, bukan.

Sebab pada saya, saya memang menggalak untuk orang datang hatta- tadi sebut hatta, hatta Myanmar, kan? [*Ketawa*] Hatta sekali pun berlaku demonstrasi. Ini kerana kalau pelancong datang, demonstrasi berlaku, saya sebut senang saja. Saya kata saya ini demonstrasi *is alive and healthy* sebab itu boleh ada demonstrasi semua. Jadi, saya tidak pernah kata demonstrasi menghalang pelancong Yang Berhormat ya. Orang lain cakap, orang lain. Okey, okey.

Kedua Yang Berhormat, ada perbezaan antara peristiwa di Thailand dengan apa yang berlaku kepada kita, MH370. Di Thailand, ini *self inflicted*, bermakna apa yang berlaku di negara itu adalah di atas kehendak sendiri rakyat di situ. Jadi, sekali pun dia berlaku demonstrasi secara besar-besaran, dia boleh mempromosi pelancongan dia tanpa dia merasa ada apa-apa rasa kesalahan. Ini kerana demonstrasi berlaku hasil daripada perbuatan dia sendiri. Akan tetapi MH370 ini berlaku dianggap sebagai satu peristiwa malang dan sehingga hari ini pun kita tidak tahu di manakah pesawat ini. Manakala untuk kita tidak mempedulikan MH370 dan terus dengan kita punya *roadshow*, nampak sangat kita tidak sensitif tentang nasib yang dihadapi oleh keluarga-keluarga kepada *passenger* kapal terbang itu.

Jadi, ia tidak ada *closure* lagi. Oleh sebab itu ia berbeza Yang Berhormat, ia berbeza. Oleh kerana kalau kita buat *road show* tanpa kita mempedulikan, memang saya rasa dunia akan mengatakan yang bahawa kita ini tidak mengisahkan tentang nasib orang ini dan terus dengan usaha untuk menggalak orang datang melancong ke negara kita. Jadi, saya rasa berbeza Thailand dengan Malaysia. Thailand- *self inflicted*, dia berdiri dan kematian dia itu bukan merupakan- kalau ada bergaduh kah, tertembak kah, itu *self inflicted* sesama mereka. Akan tetapi ini Yang Berhormat, apatah lagi Negara China merupakan negara yang keempat besar menyumbangkan pelancong ke negara kita dan sebahagian besar daripada 200 lebih *passenger* dari kapal terbang itu adalah orang-orang daripada rakyat negara China.

#### ■1730

Kalau kita tengok pada hari ini pun Yang Berhormat, rakyat Malaysia lebih bertenang tetapi kalau tengok reaksi rakyat negara China, sama ada di Beijing ataupun di sini, reaksi mereka terhadap peristiwa ini berbeza. Mereka lebih emosi kuat dan kita faham. Jadi kalau kita buat juga *road show* terutama jikalau saya pergi ke negara China buat *road show* mari dan melawat ke Malaysia, tapi yang ini tidak selesai, saya rasa itu satu tindakan yang cukup tidak sensitif kementerian terhadap mangsa-mangsa inilah. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita perlu sensitiflah, kita perlu maknanya melayan khususnya untuk memastikan supaya jangan

ada satu prasangka masyarakat asing kepada kita seolah-olah kita tidak mengambil berat terhadap MH370. Akan tetapi saya katakan tadi bahawa Yang Berhormat kena ada *positive thinking*lah. Dalam masa yang sama, kita tunjukkan- perlu ada perimbanganlah. Jangan sampai kita tinggal daripada sasaran apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat sendiri iaitu kedatangan pelancongan sebanyak 28 juta orang. Itu satu.

Keduanya, saya maksud tadi bahawa kempen itu bukan hanya untuk China, kena bukalah pasaran di tempat yang lain walaupun China yang keempat tetapi di negara-negara yang tidak terlibat menjadi mangsa kepada kehilangan MH370, itu mesti diteruskan. Saya katakan bahawa matlamatnya, macam saya katakan tadi bahawa macam mana kita hendak memastikan bahawa kita *beat* Thailand. Sebab saya katakan bahawa kalau tidak ada MH370 pun, bagi saya bahawa saya lihat penglibatan negeri-negeri, swasta, lemah. Macam saya katakan tadi umpamanya agensi-agensi negeri tempat pelancongan hatta di Terengganu dan sebagainya...

Akan tetapi hebatlah Yang Berhormat pasai masuk siaran *National Geographic* nanti sebagai pelakon utama. Nick Beker, pelakon utama dengan gambar dengan tongkat tapi bukan buluh teropong itu ya, bomoh itu. Tetapi memang hebatlah sebab saya pun terkejut saya ingat pelakon mana. Saya tengok, hai, Menteri Pelancongan sudah jadi seorang pelakon. Bukan pelakon tambahan, pelakon utama...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Produser, produser?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Produser orang lainlah *[Ketawa]* Itu saya fikir bahawa perlu dilihat secara positif. Macam mana umpamanya masalah pihak swasta, saya tengok pihak swasta lemah, hatta MAS sendiri. Hatta MAS sendiri. Penilaian saya, saya tengok MAS pergi hendak banding dengan *Thai Airways, Thai International, Garuda, MAS* pergi hanya satu sudut *dok* ceruk itu, panggil media *mai* jamu sate dengan nasi himpit. Jadi takkan hendak promosi syarikat penerbangan- saya bukan tidak prihatin dengan staf MAS yang sedang mengalami peristiwa MH370 tetapi saya hendak katakan bahawa tanpa MH370 ini, saya lihat bahawa perkembangan MAS itu terlalu lemah. Tidak taulah *kot* dengan MH370 ini kerajaan hendak membankrapkan MAS pula. Hendak ambil kesempatan untuk hendak tutup syarikat MAS. *Wallahuallam*lah. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat itu betul dia cakap sebab memang kita tidak boleh mengelak. Kalau dekat ITB itu, kita boleh membandingkan pavilion kita- pavilion satu hal lah. Iaitu aktiviti di kawasan kita dengan aktiviti di tempat-tempat yang lain, saya sendiri melihat memang kerancangan itu berlaku di Thai punya tempat, kerancangan itu berlaku juga di Myanmar punya pavilion. Jadi saya berharap supaya pihak-pihak swasta dan juga kerajaan-kerajaan negeri akan mengambil maklum apa

yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena ini kerana sememangnya kalau kita banding, memang betul-betul kerancakan di pavilion-pavilion lain itu adalah lebih daripada kita.

Cuma saya hendak sebut di sini, kita punya order, maknanya tempahan yang dibuat di ITB adalah bertambah baik. Mungkin dari segi kerancakan itu tidak nampak dari segi kegiatan tetapi dari segi tempahan, ini sebelum MH370 Yang Berhormat ya, kita dekat sana memang tempahan lebih. Saya juga hendak maklumkan bahawa pavilion kita dapat nombor dua. Nombor satu Korea, nombor dua kita. Lagu kita, video lagu '*Malaysia Truly Asia*' *champion* menang *Golden Gate Award* mengalahkan 30 negara yang lain.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Pavilionlah, kecantikan pavilion kita, nombor dua. Nombor satu Korea.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bab cantik ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ha. Okey.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak mendapat penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat, baguslah itu, saya ucapkan tahniahlah pavilion kita dapat nombor dua. Sebelum ini pun MAS pun dapat award hebat-hebat semua. Akan tetapi... [*Membuat bahasa badan*] Bukan kapal itu menjunam tetapi maknanya dia punya *business* dia rugi dan sebagainya. Dapat *award* semua hebat-hebat seluruh dunia diiktiraf oleh persatuan penerbangan seluruh dunia. Jadi saya hendak katakan kepada Yang Berhormat bahawa tidak cukup hanya itu, pavilion itu cantik, buat rumah nampak lawa dan sebagainya, tetapi dari segi kesungguhan macam saya katakan tadi itu tidak ada.

Kedua Yang Berhormat, saya *dok* tengok kalau dari segi penjanaan ekonomi, pengaliran kemasukan wang ini, jikalau tidak silap saya sebelum ini RM60 bilion daripada inilah, tapi saya tengok bajet kementerian Yang Berhormat itu sikit sangat. *Pasai* apa Menteri Kewangan ini *dok* berkira, kedekut? Padahal beri pulangan yang cukup besar pada negara ini. Bajet RM2 bilion. RM2 bilion untuk kementerian, untuk pelancongan dalam RM600 juta, RM700 juta saya ingat, saya *dok* tengok dalam buku bajet itu. Jadi macam mana kementerian yang akan buat program yang boleh bawa pulangan ekonomi pengaliran kemasukan wang itu besar kepada negara kita, tiba-tiba bajet dia sikitkah Yang Berhormat tidak minta, tidak buat kerja kah, tidak minta langsungkah? Takut daripada Menteri Kewangan? Tengok bajet tambahan pun tidak ada apa. Jadi minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Itulah sebenarnya kehebatan kementerian saya yang diakui oleh Yang Berhormat sendiri. Walaupun bajet sikit tapi aliran kewangan masuk banyak tetapi tidak mengapalah, kita tengok mungkin tahun depan festival, *year of festival* mungkin bajet itu akan dinaikkan lagi. Akan tetapi kita bersedia menerima apa-apa juga peruntukan, namun yang penting kita akan pastikan kita akan lakukan yang terbaik.

Cuma Yang Berhormat lihat tadi kerancakan, saya setuju, saya sendiri pun tengok memang dari segi kerancakan itu nampak tetapi saya sebut sebentar tadi, dari segi tempahan, ia amat memuaskan. Malah, tempahan itu adalah lebih daripada apa yang kita peroleh pada tahun

lepas. Itu maklumat yang saya terimalah. Jadi saya tengok Yang Berhormat Kuala Terengganu dia bangun dulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Sepang ada jawapan, tunggulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa jua yang kita kata, saya rasa MAS adalah sinonim dengan Malaysia dan MAS sudah menjadi *ambassador* untuk negara kita. Apa jua yang berlaku selepas ini, selepas peristiwa MH370, MAS hendaklah diselamatkan dengan sebaik-baiknya. Ada ura-ura yang menyatakan MAS mungkin akan di *privatize* sekali lagi. Kalau kerajaan akan membuat keputusan sedemikian rupa, mestilah satu tindakan yang bijaksana dibuat untuk menyelamatkan MAS dalam jangka masa yang panjang. Sesiapa juga *management* yang dipilih untuk mengurus MAS selepas ini mestilah mengambil satu langkah untuk kepentingan MAS.

Kita tidaklah mahu berulang sekali lagi di mana apa-apa tindakan untuk memulihkan segala hutang MAS yang dahulu kala untuk memulihkan kewangannya telah diselesaikan tanpa pengetahuan orang ramai iaitu tidak ada *transparency* yang sepatutnya kerana MAS adalah Malaysia. Mintalah apa-apa yang berkaitan dengan MAS termasuk juga komen oleh Chef Wan baru ini bahawasanya nasi lemak kita pun mesti menjaga imejnya. Biarlah nasi lemak kita ada kacang dan bilis kerana itulah juga di antara ikon kita yang tersendiri mempamerkan keunikan dan *heritage* Malaysia ini. Saya rasa MAS perlulah diberi perhatian yang sewajarnya termasuk juga kebajikan pekerja dan *long terms servant*. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

■1740

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat, tidak apa. Ini saya harap supaya Yang Berhormat Kuala Terengganu akan mengulangi soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang akan menjawab nombor lima nanti, ya. Dia akan datang sebentar nanti. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin meminta penjelasan, apabila pihak kementerian mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2014, sudah pasti kita ada sasaran dari segi pengeluaran untuk kita menjanakan pendapatan negara. Saya ingin tahu berapakah kita punya *forecast*, ya, ramalan kita untuk kita punya pendapatan yang akan dapat dijanakan berdasarkan Tahun Melawat Malaysia ini. Kalau mungkin berdasarkan perbandingan tahun-tahun yang sebelum ini, kita mesti ada sasaran, berapa pendapatan dan berapa perbelanjaannya. Jadi dalam keadaan berlakunya isu pesawat MH370 ini saya pasti memang sedikit sebanyak akan menjejaskan promosi Tahun Melawat Malaysia ini.

Saya pun telah membaca dalam NST kalau tidak silap saya, sudah ada khusus syarikat-syarikat *travelling agency* ini yang mengadu bahawa banyak tiket-tiket penerbangan telah pun dibatalkan khususnya yang *business class*. Jadi sedikit sebanyak ini mempengaruhi. Jadi setuju atau tidak Yang Berhormat Menteri dengan saya apabila saya katakan bahawa tragedi akan berlaku dalam mana-mana negara pun. Ini benda yang tidak boleh dielakkan. Akan tetapi cara kita menangani atau mengendalikan tragedi ataupun krisis ini khususnya di peringkat awal. Adakah itu sedikit sebanyak akan menyebabkan pemulihan untuk kita hendak memulihkan keyakinan orang luar untuk datang negara kita ini akan menjadikan satu yang sukar?

Saya hendak beri contoh, satu perkara kita tahu isu kapal terbang ini bukan sahaja berlaku di dalam negara kita, banyak lagi negara-negara lain. Akan tetapi saya rasa satu uniknya di Malaysia ini yang tidak ada di negara-negara lain ialah adanya bomoh. Macam manakah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan boleh terasa- tidak adakah kita terfikir apabila isu seserius ini kita menjadikan seolah-olah benda itu tidak serius. Bila kita benarkan bomoh masuk dalam *airport*, dibenarkan siarkan ke luar negara. Ini benda yang saya rasa Yang Berhormat Menteri pun boleh bersetuju dengan saya, cara kita menangani ini seolah-olah dilihat tidak serius. Saya tidak kata kita tidak boleh panggil mereka tetapi tidak ada dalam negara lain saya percaya yang mereka akan gunakan benda ini. Jadi ini sedikit sebanyak mempengaruhi.

Jadi pengendalian kita itu akan menyebabkan dan menjejaskan juga keyakinan orang luar untuk datang ke negara kita sebab mereka merasakan kalau ada satu tragedi, kita tidak menanganinya dengan serius. Kalau lihat saya beri contoh dalam blog Khalid Jassin, beliau menyatakan bahawa pada permulaan isu ini timbul dia kata, *statement* yang dibuat. Dia kata kadang-kadang bahasa yang digunakan pun macam rancangan *mind your language*. Ini benda yang orang lihat kalau berlaku dalam *domestic flight*, melibatkan penumpang Malaysia sahaja kita mungkin boleh senang hendak *handle*, tetapi melibatkan imej seluruh dunia. Jadi kita janganlah- saya rasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan terjejas dengan cara pengendalian itu. Setuju atau tidak? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama sasaran pada tahun ini ialah RM28 juta. Kehadiran pelancong ke negara kita dan pendapatannya ialah *insya-Allah* sebanyak RM76 bilion. Saya rasa *insya-Allah* usaha ini kita akan cuba untuk mencapai sasaran yang telah kita tetapkan. Soalan kedua itu, tanyalah Menteri Pengangkutan sekejap lagi. Dia boleh menjawab kerana dia yang mengeluarkan segala kenyataan. Industri pelancongan akan berkembang sebanyak tiga kali ganda dan menyumbang pendapatan RM3 bilion setiap minggu kepada negara pada tahun 2020. Kita ada *target* sampai tahun 2020 iaitu *target* kita pada tahun 2020 ialah sebanyak 36 million kehadiran dan pendapatannya kalau tidak silap saya RM186 bilion.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi Yang Berhormat Menteri tadi yang RM28 bilion itu untuk tahun 2014?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak, saya kata ini tahun 2020.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tahun 2020.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sehingga tahun 2020 sasaran pendapatan itu?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tahun ini RM76 bilion.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Perbelanjaan yang kita belanjakan untuk promosi berapa?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Itu nanti saya mintalah, saya tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tolong Yang Berhormat Menteri, ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jadi saya hendak berbalik kepada...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri sedikit sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, okey.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini bab fasal MAS tadi. Ini berkaitan dengan kementerian Yang Berhormat tetapi tentang bomoh tadi itu saya melihat positif sebab seluruh dunia- terkenal. Orang lihat Malaysia ini hebat daripada kempen kementerian Yang Berhormat. Dia teropong sahaja habis satu dunia. Barack Obama pun terkejut. Maknanya saya lihat positif kerana dia mempromosikan Malaysia itu sendiri... [Disampuk] Akan tetapi saya hendak tanya macam mana kementerian ataupun Yang Berhormat sendiri, *coordinate* untuk pastikan bahawa agensi penerbangan atau syarikat-syarikat penerbangan yang ada dalam negara kita seperti Malaysia, AirAsia, kemudian *Malindo* dan *Firefly* ini supaya mereka juga boleh berperanan sebagai agensi pelancongan sebab pelancong hendak datang.

Kalau saya katakan tadi bahawa macam mana *Thai Airways*, *Thai International*, Garuda, syarikat penerbangan Filipina, dan sebagainya. Mereka berperanan berfungsi seperti mereka itu sebagai agensi pelancongan. Jadi ini yang menunjukkan bahawa satu penglibatan pihak swasta seperti mana syarikat-syarikat penerbangan. Jadi macam mana kementerian Yang Berhormat sendiri hendak korek walaupun dia duduk di bawah Kementerian Pengangkutan. Itu dari segi ini. Oleh sebab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mestilah hendak jadikan mereka itu bagi satu agensi pelancongan untuk hendak membantu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau kita promosikan pelancongan, maka bermakna yang pelancong datang itu dari luar negara sudah tentu datang dengan penerbangan. Jadi mereka juga akan mendapat keuntungan, syarikat-syarikat penerbangan ini. Jadi kita ada *smart partnership* dengan mereka. Sebagai contoh dengan kapal terbang yang pergi dari Subang Airport itu *Firefly*. *Firefly* kita ada *smart partnership* dengan mereka di mana *Firefly* mengiklankan di dalam kapal terbang mereka itu pusat-pusat pelancongan di negara kita. Jadi bila orang naik kapal terbang itu orang akan tengok di manakah mereka boleh pergi. Dengan MAS pula kita juga ada pengiklanan yang kita lakukan dengan MAS. Kita ada juga *smart partnership* dengan mereka dan juga mana-mana syarikat kapal terbang yang bersedia untuk bekerjasama dengan kita. Kita ada *smart partnership* dengan merekalah.

Dalam *Tourism Malaysia*, dalam lembaga itu kita juga tidak bolehlah masuk semua wakil-wakil daripada syarikat penerbangan ini dalam kita punya lembaga itu sebab jumlah ahli lembaga pun terhad. Akan tetapi ada syarikat penerbangan dahulunya MAS ada, sekarang AirAsia. Jadi di situ juga mereka akan dapat memberikan pandangan dan kerjasama bagaimana untuk hendak mempromosikan pelancongan kerana mereka juga duduk di dalam Lembaga *Tourism Malaysia* ini. Jadi memang kita mempunyai hubungan rapat dengan syarikat-syarikat penerbangan ini kalau syarikat ini sanggup bekerjasama dengan kita. memang kita ada, ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada sebut kata dalam lembaga, *Tourism Malaysia* itu MAS tidak ada, dulu ada. Sekarang ini AirAsia. Jadi saya fikir bahawa macam mana kita boleh mengutamakan kepada satu syarikat swasta daripada syarikat MAS yang dimiliki oleh kerajaan? Jadi bila tidak ada koordinat ini, dia tidak duduk itu yang menyebabkan keadaan imej itu sendiri dia tidak dapat hendak jaga untuk membantu Kementerian Pelancongan khususnya pelancongan Malaysia. Jadi saya fikir bahawa sepatutnya kedua-dua- sebab ini dua syarikat penerbangan yang besarlah iaitu MAS dan juga AirAsia. Seharusnya diberikan seimbang supaya mereka duduk dalam lembaga *Tourism Malaysia*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya sebut sebentar tadi untuk bawa industri *player* ini banyak. Ia bukan syarikat penerbangan sahaja.

■1750

Hotel hendak kena ada wakil juga, *airport* hendak kena ada wakil juga, negeri hendak kena ada wakil juga. Jadi, keahlian kita terhad. Tidak mengapa, boleh tambah. Itu kita boleh bincang dan tengok macam mana. Oleh sebab itu, dari segi syarikat penerbangan ini kita *rotate* sepenggal AirAsia dan kita ambil kira juga Firefly, kita hendak ambil kira juga Malindo. Jadi, keempat-empat hendak duduk dalam itu agak susah. Kita cuba *rotate*. Akan tetapi sememangnya MAS dahulu ada wakil di dalam Lembaga *Tourism Malaysia* kita.

Jadi, ada jawapan kepada Yang Berhormat. Perbelanjaan promosi *Tourism Malaysia* ialah sebanyak RM200 juta. Pada tahun 2013, industri pelancongan menyumbang RM52 bilion kepada pendapatan kasar negara. Jadi, RM200 *million* ROI nya RM52 bilion, ini tahun 2013. Kita belanja RM200 juta. Akan tetapi pulangan RM52 bilion. Kira hebatlah. Okey, saya hendak sambung Yang Berhormat Kota Melaka. Ini mana?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Bayan Baru? Okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Menteri. Saya ucapkan tahniahlah kerana Menteri datang menjawab di sini. Akan tetapi kita nampak Menteri Pengangkutan masih belum sampai lagi. Kita tertunggu-tunggu. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua beritahu Menteri Pengangkutan nanti datang di sini jawab MH370.



Okey, balik kepada pelancongan. Tadi Menteri bangkitkan tentang isu Lembaga Pelancongan. Saya hendak beritahu soal ambasadur untuk pelancongan Malaysia itu satu bab. Akan tetapi apabila pelancong-pelancong masuk ke Malaysia *experience* nya cukup penting sebab mereka juga bakal akan jadi ambasadur untuk Malaysia. Dia akan pergi *promote* untuk datang ke Malaysia sebab bagus, *service sector* kita baik, teksi kita hebat, semuanya tidak ada isu dan sebagainya.

Jadi, orang akan tertarik dengan cerita-cerita ini terutamanya dunia sekarang adalah dunia *Facebook, Twitter* dan sebagainya. Akan tetapi saya ingin bangkitkan untuk pengetahuan Menteri bahawa ada masalah sedikit tentang industri pelancongan kita sebab ada isu. Ada ramai yang bangkitkan kepada saya mengatakan Pulau Pinang *rely on* pelancongan tetapi dalam sektor pelancongan ada segelintir kartel-kartel yang mereka hanya cuba memerah, *I would say, squeeze everything out of the tourist*. Apabila mereka masuk, katakan mereka naik satu teksi. Dia kata dia hendak 'pau' teksi itu sehari. Teksi itu akan kata murah sahaja mungkin RM50 atau RM100. Mereka rasa murah, okey.

Akan tetapi apabila pagi selepas mereka pergi ke suatu tempat, dia akan terus bawa mereka ke suatu tempat untuk beli-belah. Beli-belah itu dia macam *targeted tourist* sahaja. Akan tetapi apabila pelancong itu beli, dia akan *share 30% sales* kepada teksi. Jadi, ini adalah isu yang *experience* oleh *tourist* bahawa "*Kenapa saya kena beli di sini? Ia lebih mahal daripada luar*". Padahal mungkin pelancong pun tidak tahu tetapi hakikatnya mereka telah beli sesuatu yang lebih mahal daripada luar. Sekarang *tourist* pun bukan bodoh. Mereka tahu berapakah harga yang sepatutnya. Jadi, ini adalah isu-isu kartel yang monopoli sektor pelancongan yang pelancong-pelancong itu terpaksa pergi ke tempat-tempat yang mereka tidak minat. Itu bab teksi.

Ada isu tentang *tourist guide agent*. Walaupun mereka caj dengan rendah, sama modus operandinya. Dia akan pergi ke tempat jual kain batik yang lebih mahal, pergi beli coklat yang lebih mahal daripada pasaran, kualiti tidak baik dan sebagainya. Akhirnya apabila sesetengah tempat pelancongan yang memang mempunyai potensi, apabila mereka minta teksi atau agensi pelancongan itu pergi, mereka kata tidak mahu sebab mereka akan memburuk-burukkan tempat pelancongan itu. Contohnya dia kata "*Terlalu jauh, tidak ada orang pergi, ada bahaya*" dan sebagainya.

Jadi, saya rasa apabila pelancong datang ke Malaysia, mereka jangan diperbodohkan, jangan ditipu. Saya minta supaya— mungkin ia bukan di bawah Kementerian Pelancongan tetapi *enforcement* terhadap teksi, *enforcement* terhadap agensi pelancongan, ejen-ejen, itu cukup penting. Kalau tidak, *experience* mereka datang sini teruklah, ditipu, dibawa pergi ke tempat-tempat yang kita tidak mahu. Dahulu di Thailand macam itu. *You* pergi, dia bawa *you* pergi beli makanan, yang *jewelry shop* dan sebagainya. *I* tidak suka langsung. Itu masalah apabila naik teksi di Bangkok, memang kena pergi ke *jewelry shop*. Jadi, *the same things are back to Malaysia*. Jangan kita memperbodohkan *tourist* dan saya minta supaya Menteri boleh *enforce* supaya *we have got to revamp the tourism sector*. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut, yang mana kita ada kuasa untuk mengambil tindakan, kita ambil tindakan. Sebagai contoh satu perkara berlaku *zero fare tourism* di mana pelancong-pelancong daripada negara China telah datang ke negara kita. Kemudian, seperti Yang Berhormat sebut, apabila sampai di sini sahaja, *tourist agent* akan bawa kepada syarikat-syarikat yang mana dia kenal dan dia sudah pun ada ikat janji untuk mereka beli barang.

Akhirnya pembelian barang itu lebih daripada harga tiket datang ke Malaysia. Jadi, macam ini, Kerajaan China sendiri telah mengambil tindakan iaitu *no more zero fare*. Okey, itu diambil tindakan. Bagi kita, yang mana kita boleh ambil tindakan kita akan ambil tindakan. Macam Yang Berhormat sebut, kalau satu *travel agent* ataupun *tourist guide* membuat tindakan sedemikian, dilaporkan kepada kita, kita akan *blacklist* dia dan kita akan ambil tindakan.

Paling penting ialah supaya orang ramai akan memaklumkan kepada kita. Tidak payah hendak tunggu *tourist* yang buat kompelin. Kalau Yang Berhormat dengar ada kawan-kawan jadi *tourist* ataupun *tourist* buat kompelin, Yang Berhormat tolong beritahu dengan penuh maklumat semua. *Agent* mana, *tourist guide* mana, mesti kita ambil tindakan terhadap mereka.

Kementerian kita memang bersetuju iaitu kita tidak mahu memperlekeh, memperbodoh *tourist* kerana pelancong-pelancong adalah orang yang menyumbang kepada ekonomi negara kita. Semestinya kita mesti menjaga kebajikan dan kepentingan mereka. Saya mengalu-alukan mana-mana laporan daripada Ahli Yang Berhormat yang dapat tahu dan beritahu kepada kita. *Certainly* kita akan ambil tindakan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sedikit sahaja. Menteri, terima kasih kerana bangkitkan *zero fare policy* yang diamalkan di negara China. Kalau di negara China yang begitu besar, mereka pun boleh laksanakan *zero fare*. Bolehkah Malaysia juga menjalankan polisi yang sama sebab saya dengar mereka memang *crackdown on this cheating*. Sekarang industri mereka *reform itself* dan jadi lebih bagus dan saya rasa kalau boleh Malaysia – saya yakin dengan kepimpinan Menteri. Saya yakin dengan Menteri, *you* boleh. Yang lain seperti Dato' Sri Ng Yen Yen itu saya tidak berapa yakin tetapi saya yakin dengan Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kita mengawal ketat pembaharuan pelesenan dan juga pemberian lesen. Kita mempunyai syarat-syarat yang tertentu kalau sekiranya ada syarikat yang hendak mengambil bahagian dalam pelancongan ini. Perkara itu saya boleh beri janji di sini, sememangnya pegawai kita memang mengawal ketat pemberian lesen. Kalau sekiranya di antara perkara yang mereka lakukan ialah *zero fare*, katalah kita tidak tahu secara tidak langsung dia mengamalkan *zero fare* di kalangan pelancong-pelancong yang dibawa masuk. Kalau kita dapat tahu maklumat, kita akan ambil tindakan.

#### ■1800

Kita tidak mahu pelancong-pelancong datang ke negara kita kemudian dipaksa untuk melakukan perkara yang mereka tidak mahu lakukan. *No way*. Jadi oleh kerana itu saya sebut sebentar tadi mana-mana maklumat Yang Berhormat ada, bagi tahu. *Insya-Allah* kita akan ambil tindakan terhadap mereka. Hendak lagi?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sikit lagi ya. Saya bangkitkan isu ini sebab saya difahamkanlah daripada *tourism industry* punya *insider*. Budaya untuk memeras atau *cheating the tourist* sudah lama di Malaysia. Dia memang macam Bangkok. Memang dengan caranya sama modus operandi sama. Oleh sebab *player* ini terlalu lama, mereka adalah *our cartel* atau ini dia memang sudah lama dan dia sudah menjadi *chairman of the tourism association*, *president of the travel agency*. Dia sudah duduk dalam mungkin dalam Lembaga Pelancongan Malaysia okey, yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri. Mereka memang sudah *the rich, the top*. Dia tidak akan- di depan Yang Berhormat Menteri mereka akan kata, "Okey, kita support ini" tapi belakang mereka jalankan yang sama.

Jadi *it's about enforcement, it's about the political will to crack down* baru kita boleh *reform* kita punya *tourism*. Oleh sebab taiko-taiko ini sudah masuk dalam, dia sudah *reaching the top*. Mereka sudah jadi presiden *travel agency association*. Pengerusi Tourism Teksi dan sebagainya. *They are big taiko*. Saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh, tengoklah macam mana boleh *reform*. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh ambil tindakan berdasarkan kepada *hear say*. Jadi Yang Berhormat kena bantu saya, kena bagi maklumat yang penuh sama ada dia taiko kah, dia ekor kah, kita tidak peduli sudah. Kena hendak jaga kebajikan pelancong-pelancong kita. Jadi kalau Yang Berhormat betul, ada maknanya bukti yang sah kita boleh ambil tindakan, kita akan ambil tindakan. *Nobody will be spade*. Saya harap Yang Berhormat percayalah tapi bagi maklumat ya, sebab bila kita ambil tindakan, kita hendak ambil tindakan betul dan Yang Berhormat Tumpat *sorry* ya, tadi hendak tanya apa tadi? Ada tanya? Tidak apalah. Okey. Jadi bagi maklumat.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya boleh bagi jaminan kita akan ambil tindakan sebab kita tidak mahulah pelancong-pelancong kita datang ini dan kita kena jaga kebajikan mereka. Kita ada kursus *We Are The Host* lah, macam-macam kita buat tapi perkara ini seperti Yang Berhormat sebut, kata berlaku juga. Tapi kita tidak tahu kerana kita tidak ada bukti. Mungkin Yang Berhormat yang bergaul di kalangan di bawah ini, lebih tahu, kalau ada, bagi tahu pada kita. Saya mempunyai pegawai-pegawai yang saya rasalah mereka mempunyai pengalaman yang lama dalam pelancongan. Daripada kerja-kerja yang saya lihat pada hari ini, saya sebenarnya sebagai Yang Berhormat Menteri pun, walaupun akhirnya Yang Berhormat Menteri yang memberi kelulusan tetapi saya banyak bergantung kepada pegawai-pegawai saya yang buat penyiasatan untuk mendapat sokongan daripada mereka sama ada seseorang itu harus diteruskan lesennya ataupun tidak. Sebab kita ada unit yang menyiasatnya. Ya.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saja sekadar untuk kongsi hendak tanya soalan jugalah sambil-sambil. Dalam konteks pelancongan hari ini kita sedar ianya menjadi salah satu *earning* yang terbesar dalam negara dan diucapkan tahniah kepada Kementerian Pelancongan. Jadi ikut jangkaan pada 2014 ini, pendapatan melalui *tourism* ini akan menjadi RM76 bilion melalui 28 juta pelancong. Cumanya adakah ini hanya betul-betul

daripada *international arrivals* yang kita dapatkan datanya daripada *airports* ataupun pintu-pintu masuk negara, Jabatan Imigresen ataupun juga daripada domestik *tourist* melalui data-data yang kita dapat daripada hotel dan menjadikan ianya 28 juta.

Kemudian kita juga sedar di dalam industri *tourism* ini, ianya akan melibatkan pelbagai pihak dalam industri *players*. Antaranya ialah *hotels owners* ataupun *hotels association* ini juga *transporters* termasuk juga *airlines* dan juga *domestic transport* serta juga *local agent* sama ada *ground handlers* dan juga ejen-ejen yang menjual tiket dan sebagainya. Adakah RM76 bilion ini juga termasuk dalam *shopping list* yang mereka belanja di Malaysia ini? Ataupun RM76 bilion ini hanya betul-betul perbelanjaan untuk ke Malaysia dan seterusnya berbelanja di negara ini dengan tempat tidurnya, makannya dan juga mungkin domestik *handling* dan juga apakah *amusement people* ini, *amusement park* semua ini terlibat dalam RM76 bilion ini juga.

Jadi sudah tentulah apa yang dilakukan oleh kementerian mungkin sama ada ianya akan mencapai sasaran kesan daripada MH370 ini, sudah tentu akan menjadi cabaran, namun kita harapkan *arrivals* daripada *tourist* antarabangsa ini akan terus kekal dengan *figure* yang telah disasarkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kemasukan dan kehadiran pelancong ke negara kita ini berdasarkan kepada banyak sumberlah. Imigresen satu daripadanya. Kemudian kita punya pembelian tiket, duduk di hotel. Semua kita masuk sekali. Namun selalunya lah kita tidak selalu mempunyai angka yang melebihi. Saya rasa selalu kita punya angka ini adalah kurang sebagai contoh kalau macam imigresen. Kadang-kadang komputer rosak. Bila komputer rosak, dia pakai *main handle*, tulis saja, jadi *manpower* saja. Jadi kadang-kadang dia tidak termasuk. Jadi kita cuma ambil daripada komputer sahaja. Jadi sebab itu saya kata, kalau kita kata RM26 juta, mungkin lebih tapi RM26 juta itu sudah pasti. Ia bukan satu angka yang kita ambil daripada langit kah, anggaran kah. Oleh sebab angka-angka ini mesti diluluskan oleh UNWTO. Kalau kita merupakan negara yang ke-10 yang dilawati, yang banyak dilawati pada tahun 2013, itu adalah angka yang disahkan oleh UNWTO. Jadi bermakna ia angka yang sahihlah. Bukan satu angka yang kita ikut suka hati kita saja.

Kemudian berkenaan dengan hasil. Hasil ini kita berdasarkan kepada perkataan belanjalah. Dia belanja. Kalau duduk hotel pun dia belanja. Makan di hotel dia belanja. Dia beli barang dia belanja. Jadi yang mana yang mempunyai resit kalau kadang-kadang itu pun kurang. Kadang-kadang teksi kita naik, bukan ada resit pun tapi apa yang angka-angka yang kita peroleh ini adalah angka-angka yang sahih dan yang disahkan oleh UNWTO.

Jadi dia termasuk perbelanjaan penginapan, *shopping*, perjalanan dan dia tidak termasuk domestik. Ini kerana perbelanjaan dan kehadiran pelancong domestik kalau dalam negara, domestik ini selalu kalau daripada unit satu, kita punya pelancongan luar negara ini satu pertiga saja. Kalau maknanya kehadiran 28 juta, pelancongan itu adalah pelancongan asing. Yang domestiknya kali dua. Maknanya 28 kali dua, 56 juta. Itu *movement* negara. Begitu juga perbelanjaan domestik. Dia melebihi perbelanjaan pelancong luar negara.

Jadi itu jawapan kepada Yang Berhormat Ia ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jadi belanjanya tadi, *shopping*, perjalanan, penginapan, jadi ini bila dia belanja. Tapi ini cuma yang luar negara ya. Ya, sila Yang Berhormat Kota Bharu.

■1810

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bawa kepada *angle* lain sikit mengenai Tahun Melawat Malaysia 2014 ini. Saya percaya Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan sayalah bahawa dalam aspek menarik pelancong luar ke negara kita ini, sebahagian besar daripada perbelanjaan yang terpaksa kita gunakan adalah untuk promosi, mempromosikan program atau projek yang kita buat ini.

Jadi saya hendak tahu, sejauh manakah Yang Berhormat Menteri dan kementerian telah mengguna sepenuhnya, bukan sahaja tenaga *industry players*, dengan izin dalam pelancongan ini sahaja untuk mempromosikan Tahun Melawat Kelantan, Tahun Melawat Malaysia. [*Ketawa*] [*Dewan riu*] Maaf. Kelantan pun Malaysia jugalah. Tahun Melawat Malaysia ini bukan sahaja dalam kalangan *industry players* tetapi juga seluruh rakyat Malaysia lebih-lebih lagi rakyat kita yang melancong ke luar negara.

Jadi pelancong kita, rakyat kita yang melancong ke luar negara, saya berpandangan, patut diberikan satu motivasi kepada mereka untuk mereka juga mempromosikan Tahun Melawat Malaysia ini supaya mereka umpamanya, jemaah haji ataupun umrah kita yang ramai tiap-tiap kali cuti sekolah, berpuluh-puluh ribu pergi ke Mekah, mereka berjumpa dengan orang ramai dari negara-negara lain di Mekah. Begitu juga penganut agama lain.

Saya pergi India baru-baru ini, jumpa atas kapal terbang, satu kumpulan 100 orang penganut agama Buddha pergi- dia cakap hendak pergi umrah jugalah di India. Jadi mereka ini merupakan duta-duta pelancongan kepada program Tahun Melawat Malaysia 2014 ini. Apa perancangan yang telah dibuat oleh kementerian untuk mengguna pakai penglibatan rakyat kita? Terima kasih. Saya sendiri sebagai Ahli Parlimen pun baru dapat *badge* Tahun Melawat Malaysia. Tadi di luar saya beritahu kepada Yang Berhormat Menteri, terus pegawai daripada kementerian bagi. Saya syorkan bagi semualah kepada semua Ahli Parlimen kita ini pakai pergi ke mana-mana. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul. Maknanya, kalau dalam hendak mempromosi. [*Disampuk*] Ya? Banyak sangat jaket saya. Saya tukar hari-hari. *Badge* ada dua sahaja. Jadi, hari ini pakai *coat* lain sini. Ia untuk Tahun Melawat Malaysia ini, kita sebenarnya, kita punya kelebihan kita ialah rakyat Malaysia ini kita berbahasa Inggeris. Bila kita berbahasa Inggeris, orang datang ke Malaysia, dia tidak rasa susah untuk hendak berkomunikasi. Keduanya, rakyat Malaysia ini, kita punya hospitaliti adalah tertinggi. Kita ini kalau orang luar datang ke negara kita minta tolong, memang orang Malaysia terkenal

*Malaysian* punya hospitaliti. Ini dua perkara yang merupakan tarikan kuat, faktor yang kuat, yang menyumbang kepada pelancongan kita. Hatta, bermakna rakyat Malaysialah.

Jadi, bila rakyat Malaysia ini mempunyai ciri-ciri begini, maka kerajaan mengambil peluang daripada ciri-ciri yang ada pada rakyat Malaysia ini untuk melibatkan rakyat Malaysia dalam pelancongan ke negara kita. Oleh sebab itu kita ada program *We Are The Host*. Bermaknanya, kita cuba untuk mendekati seberapa ramai orang untuk kita menjayakan *Visit Malaysia Year 2014* sebagai *We Are The Host*. Kita juga menjadikan *Visit Malaysia* ini sebagai *the national mission*. Setiap kita ini, rakyat kita ini, akan dilibatkan untuk menjadi tuan rumah yang baik kepada pelancong-pelancong.

Jadi, Yang Berhormat, dalam usaha ini, maka rakyat Malaysia yang berada di luar negara, pelajar-pelajar, aspek Malaysia di luar negara, memang kita mempunyai program untuk menjadikan *ambassador* pelancong-pelancong kita, pelajar-pelajar di Australia, di UK dan juga penduduk di sana. Akan tetapi Yang Berhormat sebut ini, yang tadi itu bagus. Maknanya yang *pilgrim* ini, sebagai contoh. Maknanya, ini pula pelancong Malaysia ke luar negara menjadi *ambassador tourism*. Itu betul.

Jadi dalam kata macam- sebab itu Tabung Haji selain daripada untuk keselamatan *pilgrims* ini, dia gunakan perkataan 'Malaysia' pada beg dia atau apa-apakah- jadi saya rasa, ini satu aspek yang harus kita lihat bagaimana kita hendak menjadikan juga pelancong Malaysia sebagai duta pelancongan kita. Saya setuju. Betul itu, macam *pilgrims* Buddha yang pergi ke satu tempat di India, mereka ada *religious*. Di India ia ada banyak tempat keagamaan Buddha, Hindu. Dia pergi sana, sebenarnya kalau kita juga boleh mempromosi, kita bagi dia begkah atau apa-apakah, biar dia pegang, '*Visit Malaysia*' kah apakah? Itu satu aspek yang saya rasa kita kementerian boleh ambil kesempatan untuk menggalakkan promosi pelancongan ke negara asing menerusi pelancong-pelancong kita. Jadi saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya akan bincang perkara ini dengan pegawai-pegawai saya yang mana saya fikir bahawa apa Yang Berhormat sebut itu adalah betul.

Kursus *We Are The Host* saya sebut tadi, kementerian telah melatih seramai 16,400 orang *frontliners* pada tahun 2013. Kementerian sasarkan untuk melatih seramai 20,000 *frontliners* bagi tahun 2014. Jadi soalnya, apakah kementerian mengambil kesempatan daripada pelancong kita itu ataupun rakyat Malaysia mempromosikan pelancongan, ya. Akan tetapi sudah tentulah *the maximum* itu tidak kita capai setakat ini kerana banyak lagi ruang yang boleh kita gunakan untuk mempromosi pelancongan ke negara kita.

Jadi saya pergi ke soalan Yang Berhormat Kota Melaka. Sehubungan itu, bagi meningkatkan mutu perkhidmatan produk-produk pelancongan di Malaysia, pihak kementerian telah memperkenalkan *Malaysia Tourism Quality Assurance*. Klasifikasi MyTQA ini, *Tourism Quality Assurance* menggariskan tahap piawaian kualiti yang tinggi demi memuaskan kehendak dan jangkauan pelancong domestik dan antarabangsa. Klasifikasi piawaian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai satu alat pengukur sistematik yang mampu meningkatkan keyakinan para

pelancong ke atas mutu perkhidmatan produk pelancongan kita sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Tuan Yang di-Pertua, pada tarikh 1 Januari 2014, bagi menaikkan semarak sambutan Tahun Melawat Malaysia 2014 di seluruh negara, pihak kementerian telah mengadakan *VMY 2014, grand reception* di 37 buah pintu-pintu masuk utama negara merangkumi lapangan terbang utama, stesen kereta api, terminal bas, terminal kapal persiaran dan kompleks CIQ bagi menyambut kumpulan pelancong pertama yang mengunjungi negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kota Melaka, bagi negeri Melaka, sambutan telah diadakan di Kompleks CIQ Kota Laksamana dan di Plaza Tol Ayer Keroh, Melaka pada 1 Januari 2014. Kementerian juga telah melancarkan kempen Tahun Melawat Malaysia pada 4 Januari 2014 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan disaksikan oleh lebih 30,000 pengunjung tempatan dan pelancong luar negara. Pada peringkat negeri, sepanjang Tahun Melawat Malaysia 2014, kementerian akan menganjurkan acara-acara khas yang mencakupi empat konsep utama iaitu cita rasa, citra warna, festival seni dan festival muzium.

Keempat-empat program acara ini akan menonjolkan keunikan budaya dan seni negara dalam bentuk festival dan akan mempamerkan budaya 1Malaysia, kepelbagaian makanan, seni serta sejarah Malaysia. Tourism Malaysia juga telah melancarkan program *VMY 2014 Car Sticker Photo Contest* pada 19 Disember 2013 di lokasi-lokasi terpilih seluruh negara bagi mempromosikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 dalam kalangan pengguna jalan raya.

Melalui promosi kempen tersebut, pelancong domestik berpeluang memenangi hadiah berupa pakej percutian domestik di seluruh negara. Selain daripada penganjuran acara-acara pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia telah melancarkan *Cuti-Cuti 1Malaysia 1,001 packages* yang meliputi 1,001 pakej pelancongan domestik yang ditawarkan kepada pelancong asing dan tempatan.

#### ■1820

Sebanyak 1001 pakej pelancongan tersebut adalah pakej yang menawarkan percutian ke tempat-tempat menarik di seluruh negara. Yang Berhormat Kota Melaka juga mencadangkan agar Jonker Walk dan Perkampungan Portugis dikekalkan sebagai salah satu tarikan pelancongan ke negeri Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan kerajaan negeri telah mengiktiraf Jonker Walk dan Perkampungan Portugis sebagai ikon pelancongan dan destinasi tarikan pelancongan di negeri Melaka. Bersempena dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menyenaraikan acara Fiesta San Pedro yang akan diadakan pada 23 hingga 29 Jun 2014 di Perkampungan Portugis, Melaka di dalam kalendar acara pelancongan Tahun Melawat Malaysia 2014 bagi menarik lebih ramai pelancong.

Yang Berhormat Kota Melaka juga memohon kementerian membaik pulih pagar besi yang telah berkarat di sepanjang *sea front walk pavement* dan lampu jalan yang tidak berfungsi di

kawasan Perkampungan Portugis tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sektor pelancongan dan kebudayaan merupakan salah satu penyumbang kepada pendapatan ekonomi negara dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sentiasa memberi perhatian ke atas pembangunan pelancongan dan kebudayaan di seluruh negara yang mempunyai daya tarikan dan potensi untuk dimajukan. Melaka telah diperuntukkan sebanyak RM116.04 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang merangkumi pelbagai program seperti peningkatan kemudahan pelancongan, ekopelancongan, penyelenggaraan dan *homestay*.

Mengikut rekod Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, di bawah RMKe-8 kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan pelancongan di Perkampungan Portugis. Komponen-komponen yang terlibat adalah landskap, papan tanda, pentas serba guna, laluan pejalan kaki dan sebagainya. RM3 juta ya di bawah RMKe-8. Berhubung dengan maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat Kota Melaka berkenaan terdapat pagar besi yang telah berkarat dan lampu jalan yang tidak berfungsi di Perkampungan Portugis, Kerajaan Negeri Melaka boleh mengemukakan permohonan peruntukan kepada kementerian ini untuk pertimbangan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang meminta kementerian menyatakan sejauh mana kementerian memberi penerangan kepada pegawai-pegawai yang ditempatkan di perjawatan luar negara tentang sensitiviti masyarakat dan undang-undang sesebuah negara seperti peristiwa yang berlaku ke atas pegawai Tourism Malaysia di Sweden. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap pegawai yang berkhidmat di pejabat Tourism Malaysia di luar negara terdiri dari kalangan pegawai yang dipilih oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia peringkat jabatan. Mereka dipilih berdasarkan kriteria tertentu antaranya pengalaman dan prestasi kerja. Prasyarat kepada prosedur penempatan di pejabat Tourism Malaysia luar negara, pegawai diwajibkan mengikuti kursus persediaan penempatan di luar negeri yang dikendalikan oleh jabatan.

Kandungan kursus adalah termasuk peraturan-peraturan khidmat luar negeri, pengurusan akaun, peraturan tempatan dan undang-undang pekerjaan tempatan, pengurusan pejabat, pengucapan awam, kemahiran pemasaran pelancongan, perundingan, etiket dan sosial dan pengayaan diri. Mulai penghujung tahun 2009 di bawah Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia di luar negeri, Wisma Putra telah mewajibkan kursus prapenempatan anjuran *Institute of Diplomacy and Foreign Relation* dengan izin, bagi pegawai dan pasangannya yang pertama kali berkhidmat di luar negeri atau pegawai yang belum pernah menghadiri kursus tersebut sebagai melengkapi pegawai dengan kemahiran dan pengetahuan perkhidmatan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepang pula mencadangkan satu projek pelancongan dirancang di kawasan Kampung Batu Laut, Tanjong Sepat, Sepang bagi membantu ekonomi masyarakat setempat. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah diperuntukkan sebanyak RM10.7 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi melaksanakan projek-projek pembangunan pelancongan di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kementerian ini tiada menerima sebarang permohonan untuk



melaksanakan projek pelancongan di kawasan Kampung Batu Laut, Tanjong Sepat, Sepang. Sekiranya terdapat keperluan untuk membangun dan menaik taraf kemudahan pelancongan di kawasan Kampung Batu Laut, kementerian ini bersedia untuk menimbangkannya jika ianya mempunyai potensi.

Untuk makluman Yang Berhormat Sepang, kementerian ini ada memperuntukkan sebanyak RM255,000 bagi melaksanakan projek pembangunan pelancongan di Parlimen Sepang iaitu projek menaik taraf kemudahan Homestay Banghurus, Selangor. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 25 Ogos 2012.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sekejap lagi. Tunggu habis dahulu. Yang Berhormat Kuala Nerus mencadangkan satu projek pelancongan dirancang di kawasan pinggir pantai Kuala Nerus bagi membantu ekonomi masyarakat setempat yang kebanyakannya nelayan. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, sebanyak RM100,000 telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek menaik taraf kemudahan Homestay Telok Ketapang di Parlimen Kuala Nerus. Pada tahun 2013 melalui program *homestay* ini ianya telah menjana pendapatan sebanyak RM217,020 kepada 44 orang peserta *homestay* tersebut yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Kementerian ini sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan daripada pihak Yang Berhormat atau kerajaan negeri sekiranya ada keperluan lain bagi menaik taraf kemudahan pelancongan di Pantai Kuala Nerus yang berpotensi untuk dibangunkan dan sesuai bagi membantu ekonomi masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Tinggi mencadangkan supaya satu projek warisan diadakan di Kota Tinggi bagi menarik pelancong di kawasan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Jabatan Warisan Negara telah pun mewartakan Kota Batu atau pun Kota Johor Lama sebagai tapak warisan pada tahun 1981 di bawah Akta Benda Purba 1976, kini dikenali sebagai Akta Warisan Kebangsaan 2005. Jabatan ini juga telah menjalankan kerja-kerja menyelenggara tapak warisan tersebut yang terletak di Kota Tinggi sejak tahun 2006 hingga kini bagi memelihara dan melindunginya. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, pertamanya saya mengucapkan terima kasih di atas jaminan daripada pihak Yang Berhormat Menteri yang bersedia untuk menimbangkan jika ada permintaan tentang Kampung Batu Laut itu dan saya *insya-Allah* akan cuba menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri secara rasmi dan juga ADUN di situ iaitu ADUN Tanjung Sepat yang akan cuba berurusan dengan pihak kementerian Yang Berhormat Menteri.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya juga berharap oleh kerana di Kampung Batu Laut itu setiap tahun ada pertandingan perahu layar antarabangsa. Saya berharap bolehlah program sukan layar itu dijadikan sebahagian daripada kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 supaya boleh menarik minat orang untuk ke sana. Cuma keadaan di kampung itu agak daif dan infrastrukturnya pun tidak begitu baik, jadi saya harap dengan adanya program itu kementerian ini boleh menolong untuk memperbaiki infrastruktur di sana.

Ketiganya Yang Berhormat Menteri, kita tahu bahawa pintu masuk ke Malaysia ini melalui kapal terbang adalah di Sepang. Jadi ada beberapa kampung di pinggir Lapangan Terbang KLIA itu ada – yang sebenarnya saya harap kepada pihak kementerian boleh menolong untuk membangunkan kawasan-kawasan yang berdekatan di situ untuk membantu ekonomi penduduk setempat. Sebagai contoh Kampung Labu Lanjut. Itu adalah kampung Rancangan Tanah Belia (RTB) di mana mereka-mereka ini adalah kebanyakannya penduduk-penduduk orang Melayu yang telah lama duduk di situ dan apabila pendapatan mereka telah pun berkurangan kerana kelapa sawit mereka diambil untuk pembangunan KLIA.

Jadi mereka ini kalau diberi ganti rugi yang tidak begitu baik, sekarang ini mereka ada juga membuat antara lain *homestay*. Saya berharap kementerian boleh menolong bagaimanakah untuk memajukan kampung-kampung di sekitar KLIA itu supaya mereka ini boleh dipromosikan–pelancong-pelancong yang datang selain mereka boleh tidur di hotel, juga boleh tidur di kawasan situ. Mungkin pihak kementerian boleh bina *homestay* di situ untuk menolong penduduk di situ. Mereka juga ada menghasilkan produk-produk kampung yang kita boleh tolong. Kita berharap kementerian boleh melihat perkara ini.

Begitu juga di kawasan Tanjung Sepat itu ada beberapa kawasan Orang Asli khususnya di pekan Tanjung Sepat itu yang mereka ini mempunyai kemahiran-kemahiran yang agak tinggi untuk menghasilkan seni-seni yang baik tetapi malangnya apa yang mereka hasilkan itu tidak dipasarkan. Saya berharap kementerian boleh melihat perkara ini dan mungkin bina sebuah gerai di luar untuk membantu Orang-orang Asli ini sebab mereka ini mempunyai skil dan sebagainya. Akan tetapi mereka tidak diberi peluang untuk memajukan atau memasarkan barang-barang mereka dengan lebih berkesan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Rilekalah. Bagilah jawab dulu. Tidak sabar, gelojoh. [Ketawa] Hatta Yang Berhormat Sepang, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini segala apa potensi yang ada di satu-satu tempat, *insya-Allah* kita bersedia untuk membantu.

■1830

Yang Berhormat sebut Orang Asli, Mah Meri di Pulau Carey itu sekarang menjadi tumpuan kepada pelancong yang naik kapal, *cruise* daripada Singapura berhenti di Pelabuhan Klang dan di antara tempat yang mereka pergi ialah ke Kampung Mah Meri di Pulau Carey yang membuat semua hasil tangan yang disebut oleh Yang Berhormat. Jadi dalam perkara ini, saya rasa Yang Berhormat kena beritahu kepada kita mana-mana kampung, mereka mesti proaktif

bermakna mereka kena memaklumkan kepada kita apa kehendak mereka. Bagi kementerian ini, selagi peruntukan yang ada pada kita yang membolehkan kita membantu, tiada sebab mengapa kita tidak belanjakan peruntukan ini. Kalau Yang Berhormat tulis kepada kementerian menerusi saya, *insya-Allah* kita akan *evaluate* apa yang disebut dan dengan peruntukan yang ada, kita boleh membantu seperti mana Yang Berhormat sasarkan sebentar tadi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kuala Krai dulu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dia jambu sebab itu saya bagi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri tarik balik, bukan tarik balik, ulang balik. [Ketawa] Satu lagi peraturan mesyuarat tidak boleh sebut nama, ini Hatta, Hatta.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri ada menyebut jawapan kepada Yang Berhormat Rantau Panjang mengenai kes pegawai *tourism* kita di *Sweden* yang sedang dibicarakan di mahkamah sana. Menteri telah menjawab bahawa mereka ini sebelum pergi diberikan kursus, penerangan yang berkaitan dengan tugas-tugas mereka di luar negara. Akan tetapi ada pegawai-pegawai kita yang terlalu lama berada di luar negara dan tidak dipanggil balik misalnya untuk *rotation*, berada sebentar di negara, keluar balik. Sehingga kadang-kadang mereka menghadapi suasana perubahan negara ke satu negara yang lain itu secara mengejut dan mungkin tidak dapat menyesuaikan diri dengan negara yang baru. Ini mungkin antara faktor yang berlaku kepada pegawai kita di *Sweden* tersebut.

Jadi soalan saya, bagaimana tentang kursus-kursus *refresher* bagi pegawai-pegawai ini, adakah mereka dipanggil balik secara berkala untuk diberikan maklumat baru atau penerangan baru. Kalau dibiarkan lama, saya rasa mereka akan terputus dengan beberapa keadaan semasa bukan hanya di negara kita, di tempat-tempat lain di seluruh dunia. Berkaitan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, dalam tinjauan saya ke beberapa buah tempat termasuk di *Mexico City*, *Google* sahaja bukan susah sangat. *Mexico* ini sebuah negara yang besar, penduduknya ratusan juta, seratus juta lebih.

Saya dimaklumkan duta kita yang berada di sana menjaga enam negara serentak, negara-negara kecil di sekitar *Caribbean*. Di kedutaan kita semasa tinjauan kita di sana, mereka berikhtiar untuk menjayakan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 ini tetapi dengan jumlah kakitangan di kedutaan tersebut yang sangat rendah dan juga Yang Berhormat Seremban boleh sokong pandangan saya ini, dan dengan negara yang mereka jaga lebih dari satu, jadi sudah tentulah mereka tidak mempunyai cukup kakitangan untuk melaksanakan kempen tersebut.

Jadi antara perkara yang dibangkitkan oleh mereka kepada rombongan yang dipimpin oleh kedua-dua Tuan Yang di-Pertua kita, menyatakan hasrat untuk mereka lebih berperanan dalam urusan menjual Malaysia di sana. Walaupun mungkin *Mexico* bukan sasaran kita terutamanya tersangat jauh, keduanya *Mexico* bukan sebuah negara kaya yang mempunyai jumlah rakyat yang boleh melancong ke tempat yang jauh. Akan tetapi mereka ada kelompok-kelompok yang boleh melancong. Kita ada seorang *council* kehormat kita di sana yang boleh

memainkan peranan. Jadi adakah kementerian bercadang untuk menambah baik perkhidmatan promosi pelancongan di negara-negara tersebut termasuk *Mexico* ini pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertama berkenaan dengan *refresher course*, sebenarnya Yang Berhormat sebut itu betul. Pegawai kita di *Sweden* itu sebenarnya dia *cross*, dia telah dihantar ke Afrika Selatan. Kemudian tanpa dipanggil pulang, dia terus diarah untuk pergi ke *Sweden*. Bermakna dia berada di luar negara selama hampir tujuh tahun tetapi sebenarnya kesannya bukan sangat kepada pegawai itu, kesannya kepada anak-anak mereka yang pergi ke sekolah antarabangsa. Sudah tentu apabila pergi ke sekolah antarabangsa, maka budayanya berbeza dengan budaya kita.

Jadi mungkin di sekolah antarabangsa ini, kanak-kanak itu digalakkan untuk bangun, bercakap dan tidak duduk diam sahaja kalau ditegur atau sebagainya. Itu saya rasa antara penyebab mengapa peristiwa di *Sweden* itu berlaku. Akan tetapi saya ingat selepas ini saya hendak maklumkan kepada *Tourism Malaysia*, tidak boleh *cross* lagi, bermaknanya selepas tiga tahun, kena balik. Jadi tidak perlulah ada *refresher course* kalau itu dilaksanakan. Jadi saya setujulah dengan apa Yang Berhormat sebut.

Keduanya, *Mexico* ini, *Tourism Malaysia* ini saya rasalah kita tidak mempunyai wakil di Amerika Selatan. Saya kena *check* dengan pegawai saya. Jadi betul Yang Berhormat sebut, mereka jauh, mungkin negara itu pendapatannya kurang untuk membolehkan mereka melawat ke negara yang jauh tetapi kita tidak akan *unrated* mana-mana pihak. Kita akan pastikan pelancong ini daripada mana sekalipun kalau mereka mahu melawat *Malaysia* kita mesti mempromosikan. Jadi cadangan Yang Berhormat itu supaya maknanya kita memperhebatkan lagi kita punya promosi di sana, sudah tentu kita akan lakukan tetapi sudah tentulah promosi itu saya agak untuk hendak sampai kepada begitu ramai orang-orang di Amerika Selatan, ia lebih kepada pengiklanan, *advertising*.

Kita akan imbang di antara hendak menempatkan satu pegawai ataupun kita punya *director tourism* di *Mexico City* dengan impak pengiklanan, kita akan imbangkan yang mana datang lebih manfaat kepada kita. Jadi itu kita akan tengok. Walau bagaimanapun Yang Berhormat punya cadangan itu baik. Sebenarnya tadi saya kata dia jambu, dia suruh saya ulang balik sebab dia ini bukan jambu, kalau dia jambu, orang kata saya gilalah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tarik balik, tarik balik, minta maaf.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kalau kata dia gila itu, saya rasa kekalkanlah itu, tidak apa, tidak ada masalah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** [Ketawa] Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya hendak sambung tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sepang tadi. Sebenarnya kawasan Sepang memang ada potensi untuk kita memperkembangkan industri pelancongan. Saya masih ingat pada tahun lepas bila saya pergi buat *pay respect*, kunjung

hormat seorang ayah kepada kawan saya meninggal dunia. Waktu saya hadir di situ, sudah ada orang tanya dia sama ada selepas bapa dia mati, sama ada rumah itu boleh sewa kepada mereka untuk jadi *homestay* atau tidak.

Begitu laku sekali *homestay* di Sepang dan kawan saya beritahu saya memang pada waktu cuti sekolah ataupun hujung minggu, ramai pelancong pergi ke sana. Mereka pergi ke Sepang untuk makan *seafood* dan juga mereka suka beli pau di sana yang sangat masyhur, kena order dulu baru boleh beli. Bila saya pergi sana kerana sesat, saya dapati ada beberapa kilang walaupun ia bukan di *main road* tetapi di dalam sudah ada beberapa bas sekolah dengan murid-murid sekolah masuk beli buatan tempatan macam beberapa jenis makanan. Bila saya lihat semua ini, saya rasa bila saya pergi ke Taiwan, melancong ke Taiwan. Bila kita pergi ke *suburb*, *outskirt* yang kerajaan memang membantu industri-industri kecil yang membuat kuih-muih atau "*moci*" dan sebagainya.

#### ■1840

Mereka jadikan tempat itu yang bas pergi sana dalam satu *environment* yang enak sekali. Mereka boleh pergi tengok cara pembuatan dan cuba produk dan bila kita keluar kita ada banyak jenis produk bersama. Jadi, satu cadangan ialah mungkin kementerian boleh fikir dekat kawasan Sepang itu, mungkin kita tepi jalan, kita cakap dengan Sime Darbykah, kita buat satu *hawker centre* yang pelbagai jenis makanan bagi *tourist* untuk pergi ke sana. Ini kerana Sepang memang dekat dengan KLIA dan juga LCCT. Adalah senang bagi kita untuk membangunkan sebagai satu tempat pelancongan.

Ini satu cadangan dan juga tetapi sekarang satu masalah ialah jalan di kawasan Sepang iaitu Sungai Pilek itu agak sempit. Jadi, semua ini nampaknya kalau kita hendak mengembangkan lagi pelancongan dekat Sepang, kita perlu besarkan jalan dan juga sebenarnya perlu bantuan daripada kementerian lain, ini satu.

Yang kedua ialah tentang promosi pelancongan di Malaysia. Adakah kementerian juga fikir kita pilih mungkin negara, contohnya Korea. Korea dulu pernah ada satu drama TV yang memang popular di negara China, yang mana tempat itu selepas ditayangkan, yang mereka membuat filem itu ataupun *TV series* itu, ia dijadikan satu tempat pelancongan yang paling banyak diminta oleh orang China yang tidak pernah pergi ke Korea.

Jadi, yang kita tahu yang drama TV Korea itu memang sangat popular di banyak tempat di dunia ini. Mungkin kita boleh bincang dengan pihak *producer* dengan pihak Korea dan mungkin kita jemput mereka untuk dekat di Sepangkah, di Port Dickson kah, atau mungkin di Kelantan. Mereka buat filem ataupun *TV series*, jadi supaya Malaysia ini, nama kita ini melalui projek macam ini boleh dipopularkan di negara Korea dan di tempat-tempat lain. Adakah kementerian ada cadangan macam itu?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Pertama sekali, saya ada sebut tadi dekat Sepang, Yang Berhormat Sepang pun sudah keluar. Orang kampung itu mesti proaktiflah. Mestilah dia mahu untuk menjadikan kampung itu sebagai *homestay*kah. Kemudian kita kena ingat, rumah kosong tidak boleh jadi *homestay* sebab rumah kosong tidak ada orang duduk, *no*

*host*. Dia boleh jadi *lodging* bolehlah. *Homestay* ini *owner* itu kena duduk sekali sebab *homestay* ini dia akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti harian di situ. Itu baru *homestay*. Jadi, dia perlu kepada mungkin 10-15 *house owner* duduk *together*, duduk sekali, bincang.

Kementerian tidak ada masalah, di Seputeh kalau adapun kita boleh buat dekat Seputeh. Akan tetapi Seputeh dia lebih banyak flatlah, banyak flat. Kemudian, Yang Berhormat sebut tentang filem-filem ini, memang betul. Kita menjemput dan juga menerima tawaran daripada filem-filem produser luar negara sebab kita tahu dia memang mengiklankan negara kita.

Jadi, cara pengiklanan menerusi drama ini sudah menjadi trend sekarang. Kalau kita tengok cerita detektif di United Kingdom ke apa, dia punya cerita itu kes bunuh itu semua dekat luar bandar, memang cantik. Dekat kampung-kampung, *village-village*, dia macam itu. Jadi, dia sebenarnya mengiklankan perkampungan itu. Saya setuju, kita mana-mana ada tawaran daripada mana-mana pihak, kita akan cuba.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** [*Bangun*] Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kita *evaluatel*ah tengok. Kalau datang daripada negara kecil tidak ada gunalah. Kalau negara China, Korea, India datang hendak buat filem Jepun sudah tentu kita akan- ini *last* ya sebab Yang Berhormat sudah bersedia hendak menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak bertanya tentang apakah langkah-langkah dan peranan yang telah diambil oleh Kementerian Pelancongan untuk membantu industri hotel-hotel bajet. Jadi, sekarang ini kalau kita tengok banyak pengunjung-pengunjung ataupun pelawat-pelawat yang datang ke negara kita ini terdiri daripada *backpackers*. Pada mereka, hotel-hotel bajet inilah yang menjadi tumpuan. Jadi, apakah usaha-usaha yang telah kerajaan buat untuk membantu industri perkembangan hotel bajet. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Tasek Gelugor ini, kita tidak boleh membantu daripada segi kalau harta itu merupakan harta daripada pihak swasta secara peribadi. Kita tidak boleh membantu dengan geran tetapi kita menyediakan, orang kata *softloan* yang kita *parkkan* di SME Bank. Di mana kalau sekiranya ada permohonan untuk membaik pulih hotelkah, apakah, kita boleh bantu. Kita akan buat siasatan dan kita boleh *recommend* untuk hotel itu mendapat *loan*lah, pinjaman dengan *interest* yang rendah untuk membaik pulih bangunan itu. Itu yang kita sediakan.

Yang lain-lain itu kita boleh masuklah kalau dia merupakan *3-star hotel*, kita boleh masukkan dalam kita punya *directory*kah, apakah. Sebagai tempat yang *direcommend* kepada pelancong-pelancong untuk mereka tinggal. Kita juga mengadakan program-program tertentu seperti dalam kalendar. Kalau ada program tahunan kita masuk, dengan cara itu kita membantu *3-star, 4-star hotel* ini supaya *backpacker* boleh duduk di situ. Jadi, itu secara tidak langsung

yang boleh kita bantu pihak *3-star hotel* ini. Akan tetapi daripada segi kata kita hendak bagi geran untuk sesuatu, itu tidak boleh diberikan kerana hak milik bangunan itu bukan kepada kerajaan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak dan saya ucap sekali lagi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Saya jemput Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **6.47 ptg.**

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin rakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja. Khususnya yang berkaitan dengan kementerian saya yang pada keseluruhannya dapatlah saya simpulkan terdapat tujuh isu yang telah diutarakan yang berlegar sekitar penyalahgunaan internet dan media sosial, program penerangan GST, perkhidmatan dan liputan telekomunikasi, ketelusan dan kebebasan media digital Malaysia dan rukun negara, juga pengurusan krisis bencana negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyalahgunaan internet dan media sosial. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Simpang Renggam dan Yang Berhormat Seputeh yang telah membangkitkan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk ini.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan beberapa kali sebelum ini bahawa perkara-perkara yang berlegar di dalam dunia alam siber kita, ianya adalah tertakluk kepada pelbagai undang-undang. Bukan sahaja undang-undang dalam Akta Komunikasi dan Multimedia sebagaimana yang kita tahu tetapi juga ada undang-undang lain, termasuklah Akta Hasutan, Akta Fitnah, Kanun Keseksaan dan sebagainya.

Sehingga sekarang ada banyak aduan yang telah diterima, ada 20 tindakan, termasuk membawa perkara ini ke mahkamah dan sebagainya. Jadi, kita tahu bahawa ada perkara yang boleh kita buat, ada perkara yang memerlukan sokongan dari segi bahan bukti dan sebagainya yang tidak semudah sebagaimana yang telah disebutkan.

Kita sedar dalam isu MH370 misalnya, terdapat begitu banyak sekali isu-isu yang ditimbulkan berlegar di dalam alam siber kita termasuk menyelar, termasuk mengeluarkan tohmahan, mengeluarkan berita-berita yang tidak benar dan mempersendakan usaha yang dibuat. Semua perkara ini kita menerima aduan khusus. Terdapat 18 aduan khusus dan sehingga sekarang ini ada satu yang diteliti tetapi namun begitu pada asasnya SKMM - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia buat masa ini lebih menumpukan kepada usaha bantu pihak-pihak yang berkenaan untuk mencari penerbangan kapal terbang yang hilang berasaskan

kepada teknologi ataupun khidmat nasihat yang berasaskan kepada sistem komunikasi itu sendiri.

■1850

Akan tetapi soal-soal yang ditimbulkan berasaskan kepada aduan yang berkaitan penyalahgunaan sosial, sudah tentu akan diteliti. Akan tetapi sekali lagi saya sebutkan, tumpuan kita lebih kepada usaha untuk mencari kapal terbang atau pesawat yang hilang itu. Itu adalah merupakan prioriti ataupun keutamaan yang kita berikan.

Namun begitu, saya percaya bahawa pada hari ini semangat yang kita tunjukkan, kita masih berpegang teguh pada *MSC Malaysia Bill of Guarantees* dengan izin, dan peruntukan seksyen 33 AKM 1998 bahawa kerajaan memperakui bahawa aliran maklumat melalui internet adalah suatu yang kita sanjungi, kita hargai dan kita hormati. Selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang, tidak ada lagi satu dasar kita sekarang ini untuk katakan mengharamkan *Facebook*, *Twitter* sebagaimana yang dibuat di setengah-setengah negara lain seperti China, Turki hari ini dan sebagainya. Ini adalah merupakan jaminan yang diberikan oleh kerajaan bagaimana kita menguruskan internet pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menerima pandangan daripada Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Johor Bahru yang berkaitan dengan perlunya penerangan yang menyeluruh tentang kita memperkenalkan sistem GST. Semua ini kita telah gerakkan sama ada kita membantu Kementerian Kewangan itu sendiri dalam menyebarkan risalah-risalah penerangan mengenai GST ataupun kita menggunakan platform RTM itu dalam membuat pelbagai bicarawara ataupun *talk show* untuk menerangkan. Sudah tentulah pada hari ini apa-apa perkara yang baru yang diperkenalkan, ramai rakyat tidak faham, tambah pula ada pihak-pihak yang cuba memperlekehkannya, tetapi *insya-Allah*, rakyat sedar mana yang baik dan mana yang buruk. Saya percaya bahawa akhirnya rakyat semua akan menerima apa yang telah kita rancangkan melalui pelbagai program penerangan yang telah kita lakukan.

Isu-isu yang lain sebagaimana yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Lawas, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Kota Samarahan dan Yang Berhormat Gerik yang berkaitan dengan perkhidmatan dan liputan telekomunikasi. Ini soalan-soalan yang saya menerima rintihan daripada semua pihak tentang perkara ini yang berkaitan dengan di tempatnya belum ada perkhidmatan 3G dan kalau ada pun perlahan, *broadband* yang tidak pantas dan sebagainya. Sebagaimana yang kita telah tahu yang telah dibentangkan dalam ucapan belanjawan yang lepas, kita akan memasuki fasa yang kedua dalam program *high speed broadband* kita yang kedua di mana tumpuan akan diberikan untuk memberikan kelajuan yang sepatutnya kepada kawasan bandar, kawasan pinggir bandar dan kawasan luar bandar.

Persoalan-persoalan yang ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan kawasan-kawasan di Sarawak dan sebagainya, kita tahu bahawa program membina *tower* ataupun menara komunikasi sudah pun mula dikeluarkan tendernya kerana rancangannya untuk 100 menara komunikasi yang akan dibina. Kita berikan tumpuan misalnya di kawasan FELDA



misalnya, untuk Yang Berhormat Jempol. Di kawasan Sarawak kita berikan tumpuan misalnya, daripada 1,000 menara tersebut, 200 ialah untuk Sarawak. Dalam fasa yang pertama dimulakan 400 tender yang pertama dikeluarkan, 170 kalau tidak silap saya dimulakan dengan Sarawak. Ini menunjukkan bahawa kita sedar dan prihatin bahawa negeri-negeri yang mempunyai kawasan yang luas, yang mempunyai kawasan pedalaman yang besar sebenarnya diberikan keutamaan supaya khidmat telekomunikasi yang dikehendaki oleh rakyat akan bertambah baik.

Kita sedar pada hari ini bahawa, kalau dahulu orang bercakap kalau memerlukan kelajuan *broadband* misalnya dapat dua megabait per saat adalah satu perkara yang dianggap sudah hebat, tetapi hari ini dua megabait per saat, empat megabait per saat, 10 megabait per saat pun adalah merupakan suatu perkara yang sudah berlalu. Kita sedar menurut kajian yang dibuat, pada tahun 2018 ataupun tahun 2020 nanti, keperluan bagi rakyat Malaysia secara puratanya kita memerlukan perkhidmatan ataupun tuntutan data yang diperlukan, kita memerlukan kira-kira 50 megabait per saat.

Ini adalah merupakan satu cabaran yang besar dan *insya-Allah* kita akan berusaha, sama ada melalui kerajaan ataupun melalui syarikat-syarikat swasta yang menjadi rakan kongsi kita untuk memastikan usaha untuk melebarkan, meluaskan jaringan ini akan dapat dicapai. Di kawasan bandar misalnya kita akan utamakan supaya dapat sampai 100 megabait per saat. Begitu juga di kawasan luar bandar, kemampuan ini kita harapkan akan dapat dicapai kepada tahap yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ditanya tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kebebasan media dalam negara kita. Saya adalah antara penyokong kuat kepada kebebasan media, kebebasan berakhbar ataupun *press freedom* dalam negara kita. Oleh sebab itulah sebagaimana yang selalu saya sebutkan bahawa, misalnya prosiding ataupun perbahasan kita di Parlimen sekarang ini disiarkan secara langsung. Tidak ada lagi apa yang perlu disembunyikan, tidak ada lagi yang perlu dirahsiakan. Kita boleh tengok sama ada melalui televisyen ataupun melalui IPTV, melalui internet dan sebagainya. Tidak ada lagi yang perlu kita sembunyikan. Sebaliknya, begitu juga dalam selain daripada kita sudah memperkenalkan siaran langsung ini yang tidak ada lagi disekat ataupun diedit dan sebagainya, kalau pembangkang bercakap, pembangkang akan dapat siaran ini.

Malahan dalam pelbagai program bicarawara di RTM, kita telah mengundang banyak kali pemimpin-pemimpin daripada parti pembangkang misalnya untuk dijemput menjadi ahli-ahli panel. Kalau saya dapat senaraikan, banyak sekali nama seperti Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Batu dan sebagainya di samping rakan-rakan kita daripada parti kerajaan. Namun begitu, ada juga yang dijemput tetapi tidak hadir, jadi janganlah marah pada kita semua. Kita rasakan ini adalah merupakan suatu perkara yang kita rasakan adalah sebahagian daripada usaha kita. Kita yakin bahawa negara yang beralih kepada sistem yang lebih demokratik, ianya memerlukan satu alam sekitar, suasana kebebasan dalam bersuara, berhimpun dan juga untuk membuat laporan, bermedia dan sebagainya. Kita yakin tentang perkara ini.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ya, silakan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri kerana datang jawab sendiri di sini dan saya harap juga menteri-menteri lain, terutamanya Menteri Pengangkutan akan datang nanti untuk jawab tentang MH370. Tadi Menteri kata kita haruslah tingkatkan *broadband service* di negara kita. Saya baru *check broadband speed* dekat Parlimen. Saya harapkan yang lebih baik. Menteri kata dua megabait per *second* tetapi saya baru *check* hanya 14 megabait per *second* sahaja. Jadi *I think* saya rasa Parlimen juga perlu pertingkatkan daripada segi *broadband service* di Parlimen. Memang ada *improvement* dari tahun lepas tetapi memang tidak cukup lagilah daripada segi *performance* dia. Itu isu nombor satu.

#### ■1900

Kedua, saya mengalu-alukan Menteri kata hendak lebih *open* dan sebagainya. Akan tetapi pendirian Yang Berhormat Menteri saya *salute* lah kepada Yang Berhormat Menteri sebab lebih *open and young and energetic* Yang Berhormat Menteri. Itu saya menyahut. Akan tetapi pagi tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kata baru memberi amaran kepada kakitangan kerajaan bahawa rahsia-rahsia kerajaan tidak boleh disebar. Kalau tidak akan mengambil pendirian yang tegas. Ini nampak ada percanggahan. Yang Berhormat Menteri lebih *open* tapi Menteri lain dia lebih konservatif. Dia hendak balik kepada Mahathir era hendak semuanya ditutup, tidak boleh pertikaikan kerajaan, *no transparency, no accountability*.

Jadi saya nampak ada perbezaan pendapat *even* dalam Kabinet yang sama di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun kata hendak *the best democracy in the world* tapi apa yang kita nampak tidak *tally*. Saya hendak ambil contoh, pertama, akhbar *The Heat* hanya melaporkan apa yang berlaku di Parlimen perbelanjaan isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tidak begitu jimat walaupun dia kata berjimat sejak lahir. Akan tetapi diambil tindakan. Permitnya *disuspend*.

Isu yang kedua macam *Suara Keadilan* sudah lama tidak beri permit. Sudah tiga hingga empat tahun tidak bagi permit. Walaupun kita sudah jawab pergi jumpa dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tetapi sekarang masih tidak ada jawapan tentang *Suara Keadilan*. Ini macam tidak *open* sebab pihak kerajaan boleh ada *Utusan Malaysia* tetapi *Suara Keadilan* untuk *member* Parti Keadilan tidak diberi hak yang sama. Begitu juga bagi *warning* kepada *The Rocket*, bagi *warning* kepada *Harakah*. Ini bercanggah. Saya nampak tidak berapa betul.

Jadi saya memang sokong Yang Berhormat Menteri kalau boleh lebih *openers* sebab dunia sudah berbeza. Dia sudah jadi lebih *open* dengan internet. Satu isu Yang Berhormat Menteri tadi bangkitkan isu yang ketiga iaitu MH370 mengapa ada banyak *false news*. Mungkin berita-berita daripada internet. Ini adalah disebabkan oleh sikap kerajaan yang tidak *open, not accountable*. Tidak berani untuk berdepan dengan media yang lebih kritikal. Walaupun di *Malaysia* mungkin *Utusan Malaysia* dia hari-hari *yes sir*, cium tangan Yang Berhormat Menteri

tapi untuk media-media luar negara itu adalah tahap akauntabiliti yang tinggi yang perlu kerajaan jawab soalan terutamanya masa krisis. Itu sebab banyak berita yang dikatakan *false news* itu *turn up to be true*.

Saya ambil contoh berita bahawa kapal terbang belok balik ke Malaysia itu datang dari luar negara bukan dari Malaysia. Yang Berhormat Menteri pun tidak jawab ini. Satu minggu, tujuh hari baru Yang Berhormat Menteri - saya mengalu-alukan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. [*Merujuk kepada Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein*] Bagus datang ke Dewan untuk jawab. Bagi satu tepukan. [*Tepuk*] Jadi saya nampak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Tujuh hari baru kita jawab. Itu pun dari luar negara bukan daripada Yang Berhormat Menteri. Jadi *I think* isunya adalah bolehkah kerajaan ambil *principal* yang lebih seperti...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Bayan Baru ini...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih *open accountable*. Terima kasih.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri bagi Yang Berhormat Bayan Baru ini ceramah perdanakah apa ini? Cukuplah di Kajang. Ini apa Yang Berhormat Menteri bagi lama sangat ini? Ini macam ceramah di Kajang pula ini. Soalan tidak ada. Daripada semua hendak pusing.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Baling kerana menghentikan Yang Berhormat Bayan Baru tadi. Sebagaimana prinsip *openness* tadi saya benarkan apa hendak tanya, tanya. Ada dua tiga perkara yang telah disebut. Yang pertama sekali tentang *broadband speed* ataupun kelajuan *broadband* di Parlimen. Kita akui bahawa sekarang sudah baik. Yang dahulu lebih baik pada hari ini, hari ini lebih baik yang dahulu. Saya percaya esok akan lebih baik daripada hari ini. Inilah janji Kerajaan Barisan Nasional sentiasa lebih baik daripada yang lepas.

Saya sebutkan bahawa 17 megabait atau 20 megabait yang disebutkan itu tidak mencukupi. Kita sedar semakin lama memerlukan keperluan tetapi kita kena tahu bahawa untuk memperbaiki setiap perkhidmatan itu memerlukan pembangunan infrastruktur yang besar dan ini bergantung kepada kemampuan yang boleh disediakan oleh pihak Parlimen itu sendiri.

Yang keduanya beberapa perkara yang berkaitan dengan *openness* tadi. Kalau kita lihat daripada dahulu hingga sekarang, daripada dahulu zaman Ketua Pembangkang berada dalam kerajaan dahulu kita akan lihat bahawa *openness* atau keterbukaan sekarang ini jauh lebih baik. Dahulu OSA antaranya disokong oleh Ketua Pembangkang sendiri waktu beliau berada dalam kerajaan dan ini tidak ada kena mengena dengan soal ini kerana soal melindungi rahsia kerajaan itu adalah merupakan undang-undang yang sememangnya terpakai kepada mana-mana pegawai kerajaan. Ertinya apakah ada dalam dunia misalnya seorang pegawai atau kakitangan kerajaan boleh menceritakan apa sahaja rahsia kerajaannya. Saya rasa tidak ada termasuk di Amerika

dan sebagainya mereka menganggap bahawa perkara-perkara yang menjadikan rahsia kerajaan adalah sesuatu perkara yang penting yang tidak boleh didedahkan begitu sahaja.

Namun prinsip yang saya sebutkan tadi bahawa kita percaya kepada kebebasan akhbar adalah sebahagian daripada prasyarat kepada suatu sistem yang demokratik dan saya sebutkan tadi senarai bagaimana RTM sudah terbuka, bagaimana Parlimen ini kita boleh tonton secara terbuka. Saya sendiri sebenarnya gusar juga. Misalnya saya lihat dalam ranking negara dalam *press freedom index* yang dikeluarkan oleh *reporters without borders* yang menyenaraikan senarai nama-nama negara. Kita merosot. Saya bimbang. Merosot dahulu 145 tidak silap saya, turun 147. Sebelum itu 122.

Akan tetapi saya tengok macam mana ini kita sudah terbuka. Misalnya dahulu permit surat khabar kena setiap tahun. Sekarang ini tidak ada lagi permit setiap tahun. Secara automatik permit itu diluluskan kecuali didapati ia telah melanggar peraturan. Tidak ada semestinya untuk memperbaharui permit setiap tahun pada akhbar-akhbar yang berkenaan kecuali akhbar ialah semua. Bila disebutkan akhbar sudah diberi permit tidak perlu lagi. Ini antara perkara yang dianggap progresif tetapi kenapa ranking kita jatuh menjadi 147.

Jadi saya baca dan sebagainya diberitahu bahawa tanggapan orang ramai yang menganggap bahawa *press freedom* ataupun kebebasan akhbar musuhnya ialah kerajaan tidak semestinya betul. Kalau orang menganggap musuh kepada *press freedom*, musuh kepada kebebasan akhbar adalah kerajaan tidak semestinya betul. Ada negara seperti Philippine misalnya dia sudah tidak ada permit-permit ini tetapi dalam ranking, dia duduk bawah pada kita. Indonesia sejak apa yang disebutkan reformasi setelah habisnya rejim Suharto misalnya tidak adalah kata dia melambung apabila sudah siapa hendak buat surat khabar buat. Kalau bagus laku, tidak bagus kena tutup. Tidaklah tinggi mana 130 lebih. Di Thailand pun begitu semua orang boleh, 130 lebih, 140 lebih kurang kita sahaja. Dalam Asian yang baik sedikit pada kita yang betul-betul nampak ialah Timor-Leste tapi apakah kita hendak jadi Timor-Leste sebagai model kita.

Rupanya antara dikatakan bahawa perlu dilihat dalam sesebuah negara itu bukan sahaja *press freedom* ini daripada segi aspek permit tetapi suasana kerja, keyakinan, rasa bebas atau tidak seorang pemberita atau jurnalis itu dalam membuat liputan. Misalnya kalau di negara tersebut sekejap-sekejap kena saman, sekejap-sekejap kena saman.

#### ■1910

*You ask, I saman* misalnya. *You* tanya, *I* saman. Sikit-sikit nak saman. Itu telah menurunkan kita punya *press freedom index* kita. Siapa yang selalu tanya? *You* tanya, *I* saman. Sikit-sikit nak saman orang. Itu pun, bukan kena-mengena dengan kerajaan. Misalnya Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pernah tulis beritahu *Utusan Malaysia* tak boleh membuat liputan. Ini tak ada kena-mengena dengan Kerajaan Pusat. Ada sebuah parti politik, depan pejabat dia tulis "*Utusan, TV3 tak boleh masuk*". Ini tak ada kena-mengena dengan kerajaan, ini telah menurunkan *press freedom index* kita, tidak ada kena-mengena. Misalnya, saya beritahu

Yang Berhormat, saya terkejut misalnya ada membuat laporan di *Sin Chew Jit Poh* pada 26 dan 27 Februari, sebulan yang lepas. Ini bulan Mac, bulan Februari yang lepas, pada 26 dan 27.

Berita yang sama tetapi tajuknya berbeza iaitu tajuk yang berkaitan dengan nama Ketua Menteri Pulau Pinang, ceritanya sama tajuk dia kena ubah tetapi cerita sama. Pernah tak berlaku mana-mana surat khabar? *Utusan* kah apa? Berlaku di surat khabar berbahasa Cina, *Sin Chew Jit Poh*. Jadi orang tanya kenapa? Ini kerana bila buat tajuk yang pertama, 26 Februari dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the headline* dia berbunyi "*Lim Guan Eng: RM1,200 no problem. Cash aid can be increased by MAS if MAS does not incur losses*". Maknanya kalau... Esok keluar cerita yang sama kena tukar "*Lim Guan Eng: If losses incurred by MAS, were to be used on 1Malaysia cash... bla, bla, bla*" kena tukar.

Macam mana? Katanya kerana dalam surat khabar Cina ada daripada Pejabat Ketua Menteri telefon "*Betulkan, saya tak setuju dengan ini, kena tukar*". Tukar! Ini tidak ada kena-mengena dengan kerajaan. [*Tepuk*] Ini tidak ada kena-mengena dengan kerajaan. Kalau perlakuan yang dibuat termasuk di kalangan pemimpin parti pembangkang, belum ada kuasa pun, sudah menggunakan pengaruhnya ataupun istilah yang selalu digunakan oleh kawan-kawan sebelah sana, 'ketoktekongannya' pun orang takut. Terpaksa editor surat khabar tulis dan apakah ini yang dikatakan sebagai perjuangan untuk *press freedom*? Ini belum ada kuasa. Jadi, kalau kita katakan kenapa *press freedom index* menurun, ini antaranya. RTM dah berubah tetapi di sana belum lagi. Ini sebagai contoh kita sebutkan, kita cuba.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kakanda saya, Yang Berhormat Menteri. Untuk berlaku adillah, saya rasa kita perlu mengakui ada pembaharuan ataupun ada perkembangan yang baik daripada segi *media freedom* di dalam negara kita ini termasuklah TV dan radio di Malaysia ini. Namun demikian, saya nak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, kalau kita tengok *World Press Freedom Index* dalam tahun 2013, memang *ranking* Malaysia 145 iaitu jauh di belakang Bangladesh dan juga *Cambodia*. Thailand ini lagi banyaklah, bawah daripada kita.

Mungkin kah salah satu daripada faktor yang menyebabkan turunnya *press freedom index* kita ini kerana masih lagi kurang akses pihak-pihak selain daripada parti pemerintah terhadap media. Sebagai contohnya, kalau kita lihat sebelum PRU ke-13 yang lalu, mantan Menteri Penerangan mengatakan bahawa setelah didesak oleh semua pihak, parti pembangkang, satu parti diberi masa 10 minit sahaja dalam RTM untuk menyatakan apa dia punya manifesto dan sebagainya. Sedangkan kajian dibuat, dalam satu hari sebelum Pilihan Raya Umum ke-13, Barisan Nasional mendapat sebanyak 233 minit dalam satu hari untuk mereka berkempen di dalam media massa arus perdana.

Jadi, mungkinkah ini perbezaan ataupun ketidaksaksamaan yang diberikan kepada parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya ini juga menyumbang ke arah turunnya *freedom index* dalam *press* kita di Malaysia ini? Apakah mungkin Yang Berhormat Menteri yang saya kenal

sejak 30 tahun dahulu seorang yang amat mempunyai pemikiran yang terbuka dan suka kepada perbincangan, perbahasan. Satu masa kita dengar Yang Berhormat Menteri berbahas dengan Yang Berhormat Permatang Pauh dalam televisyen. Apakah sebagai Menteri sekarang ini, Yang Berhormat berhasrat untuk membuka lebih banyak ruang kepada semua pihak terutamanya pimpinan yang dipilih dalam pilihan raya kita, terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tadi telah saya sebut tentang kemerosotan kita, kita sekarang ke tahap 145. Saya pun sedih, bawah pada Bangladesh, bawah pada *Cambodia*. Indonesia pun tak banyak beza, 139. Thailand pun tak banyak beza, Singapura teruk daripada kitalah. *Philippines* teruk daripada kita juga, 147. Sebagaimana yang saya beritahu tadi, yang orang menganggap musuh kepada kebebasan akhbar itu ialah kerajaan, tak semestinya betul. Macam yang saya beritahu tadi kalau asyik-asyik nak saman sahaja, asyik-asyik nak saman. "You ask, I saman". Apa, macam mana bunyi ayat itu? "Awak tanya, saman". Itu pun merendahkan dan kita kalau nak tanya, saya telah senaraikan tadi berapa banyak Yang Berhormat pembangkang kita sudah jemput untuk mengeluarkan pandangan. Ada pandangan, keluar.

Persidangan Parlimen ini dah kita buat dan *insya-Allah* apabila kita pergi kepada era digital yang akan bermula hujung tahun ini di peringkat *pilot* atau di peringkat percubaan dan dua tahun lagi, RTM Parlimen *insya-Allah* akan menjadi satu realiti sebagaimana BBC Parlimen. Semua ini akan kita tengok daripada pagi sampailah ke malam, semua ada. Ini antara azam saya yang kita lihat dan saya beritahu tadi tentang apa yang disebutkan tempoh berkempen 10 minit, *political broadcast*.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Menteri.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Kalau kita pergi ke BBC pun dia tak beri banyak-banyak juga, 10 minit. Kita beritahu, mungkin seminggu dia akan buat tetapi ini adalah satu perkara perkembangan baru, dulu tak ada. Waktu Yang Berhormat Permatang Pauh duduk dalam kerajaan dulu dia tak bantu benda ini semua, sekarang kita dah buat perkara itu dan kita harapkan ia bantu. Kalau tak ada lagi telefon daripada Pejabat Ketua Menteri paksa tukar *headline* misalnya dibuat ataupun marah orang itu, marah orang ini dan sebagainya. Ini yang berlaku di negeri-negeri seperti Thailand, yang berlaku di negeri seperti *Philippines*. *Philippines* tak ada permit, semuanya bebas pun masih di peringkat yang bawah lagi.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Menteri.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ya, Yang Berhormat Jelutong silakan.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih. Saya berdoa semoga Menteri kekal jadi Menteri Komunikasi dan Multimedia sebab saya juga rasa kalau pada dua tahun kemudian TV Parlimen itu termaktub, itu satu petanda yang baiklah demi demokrasi berparlimen bagi Malaysia. Walaupun begitu, tadi Menteri semasa menjawab berkata bahawa media *freedom index* kita itu jatuh terjunam oleh kerana ada pihak-pihak tertentu yang "you publish, I sue" dan sebagainya. Akan tetapi saya juga dapat kutip daripada laporan, daripada akhbar yang banyak juga pemimpin yang *sue the politician* dan *Utusan Malaysia*. Ramai telah pun merangkul *compensation* kerana

saman malu, mereka berjaya. Jadi, itu juga satu petanda yang baik, menunjukkan bahawa kalau siapa-siapa yang telah ditindas, masuk ke saluran guaman itu, kadangkala ada juga keadilan itu dapat ditegakkan.

Yang tadi Menteri telah berkata bahawa sekarang kita beralih kepada satu zaman yang lebih terbuka jadi, saya pun rasa kalau di bawah kementerian yang sama ada satu agensi, agensi itu ialah SKMM atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Menerusi agensi ini sebagai *regulator industry* ialah agensi yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan lesen-lesen bagi empat kategori iaitu CASP, NSP, NFP dan juga ASP. Yang penting itu ialah *individual license* untuk CASP atau *content applications service provider*.

#### ■1920

Siapa-siapa hendak dirikan stesen televisyen ataupun stesen radio harus dapatkan lesen *individual license* daripada SKMM dalam kategori CASP. Nampaknya inilah satu ujian bagi Kerajaan Barisan Nasional rasa saya. Ini kerana semenjak tahun 2008 kalau tidak silap saya, negeri Selangor telah memohon kepada SKMM untuk diberikan lesen individual bagi CASP supaya TV Selangor itu dapat disiarkan secara siar raya. *Open terrestrial broadcast*.

Namun begitu, sampai sekarang masih belum dikeluarkan CASP. Bukankah ini satu gejala yang mengatakan ini adalah demokrasi yang kuku besi? Ini kerana lesen yang dia kontrol tetapi orang minta lesen dia tidak bagi. Macam mana hendak dirikan sebuah televisyen secara *terrestrial* yang mungkin tidak diletakkan di Media Prima. Kalau kita lihat sekarang, TV3 bawah Media Prima, TV8 bawah Media Prima. RTM dan sebagainya tidak tahulah. Kalau *dikopratakan*, barangkali masuk juga Media Prima. Sekarang semua termasuk juga analog *switch over*. Sampai sekarang SKMM sudah bagi kertas kerja sejak tahun 2003. Perkara ini dibincangkan sekali lagi pada tahun 2010. Akan tetapi sampai sekarang analog *switch over* masih belum berkuat kuasa.

Jadi macam mana kita hendak menghala maju kepada dunia lebih terbuka, lebih liberal dan sebagainya. Sedangkan SKMM menjadi satu agensi yang mengontrol dan mengawal pengeluaran lesen individual kepada mana-mana organisasi yang hendak menerbitkan rancangan dan juga kandungan mereka tanpa terkongkong di bawah Media Prima dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sebenarnya, ini adalah dasar tentang peranan yang dimainkan oleh *regulator* dalam konteks negara kita ialah Suruhanjaya Komunikasi Multimedia. Apa model yang kita hendak pakai? Misalnya negara yang demokratik seperti Britain, apakah dia benarkan setiap daerah misalnya hendak ada stesen televisyen masing-masing misalnya. Tidak semestinya. Ada negara yang buat demikian. Indonesia sebagai contoh di mana negeri kecil seperti Bengkulu pun ada stesen televisyennya. Negeri seperti Sumatera Barat dia ada stesen televisyennya. Ada banyak yang tertentu ada.

Akan tetapi mereka juga ada masalah yang tertentu kerana televisyen memerlukan satu *audience* yang besar untuk *survive*. Sama juga dengan *regulator* kita. Apakah kita hendak bagi siapa sahaja misalnya hendak menjadi operator kepada perkhidmatan celco. 010, 012. Siapa

hendak buat, buat. Dia akan berhadapan dengan negeri seperti India. Dia bertanding sama sendiri, dia tekan harga bagus pada peringkat awal, kita dapat perkhidmatan yang lebih murah tetapi dia tidak ada untung. Semua hendak bankrap. Itu pun susah juga. Apakah kita hendak jadi seperti – sebab itu saya sebutkan Indonesia tadi. Akhirnya setiap parti politik ada stesen dia sendiri. Di Amerika tidak. Di Britain tidak ada. Dia ada Sky TV, dia ada i-TV, dia ada BBC dan sebagainya. Tidak semestinya negara yang demokratik itu diukur dengan berapa banyak stesen televisyen yang di belakangnya ada parti-parti politik. Tidak semestinya. Jadi ini kita serahkan kepada kebijaksanaan untuk melihat dari segi praktikalitinya. Itu satu.

Kedua, *free to air* ataupun menggunakan sistem *terrestrial analog* sebagaimana TV1, TV2 yang guna aerial tulang ikan yang disebutkan itu. Kita berhadapan dengan keterbatasan frekuensi ataupun spektrum. Kita kena faham tentang perkara ini. Setiap stesen radio itu sudah penuh. Televisyen pun sudah penuh. Tidak boleh kita hendak bagi mudah semua orang, sudah tidak ada tempatnya. Oleh sebab itu sekarang ini kita buat program pendigitalan. Pendigitalan, semua itu akan– macam mana kalau saya beri analogi, kita tengok Kuala Lumpur tengah-tengah bandar itu ada Kampung Baru. Tidak praktikal Kampung Baru itu kalau dibenarkan rumah-rumah biasa sebab tanahnya mahal. Patutnya kita susun balik, buat *high rise*, tempat yang lain itu boleh kita buat untuk pembangunan-pembangunan yang lebih praktikal.

Ini dipanggil sistem pendigitalan. Kemudian dia ada kata digital dividen di mana spektrum yang lain boleh digunakan secara lebih efisien sama ada untuk syarikat-syarikat telekomunikasi ataupun untuk tujuan keselamatan, untuk askar, polis dan sebagainya. Itu yang diperlukan. Sebab itu kalau setiap orang minta, kita bagi. Setiap orang minta, kita bagi, kita akan berhadapan dengan kekangan spektrum yang sekarang ini sangat terbatas. Ini berhadapan dengan negara-negara lain. Misalnya dikatakan sepatutnya kita kena buat analog *switch off*. Maknanya televisyen analog kena tutup sudah. Amerika sudah tutup tahun 2012, negara lain sudah tutup tahun 2010. Ada negara tutup tahun 2014. Kita tidak boleh tutup lagi. Tidak mula lagi. Singapura pun tidak boleh mulakan kerana negara jirannya tidak mula.

Ini kerana pemancarnya akan terus mengganggu negaranya. Kita tidak boleh mula kalau Thailand pun tidak buat. Pemancar daripada sana akan mengganggu kita. Indonesia akan mengganggu kita. Jadi ini juga perkara yang perlu diuruskan dengan baik. Kita kena bincang dengan mereka. Kita sudah hendak mula ini tetapi kalau kamu tidak mula, kami tidak boleh mulakan. Kalau kamu menggunakan *band* ini, kita tidak boleh guna *band* yang sama. Nanti *crest cross*. Dia akan saling bersilang antara satu sama lain. Jadi tidak semudah sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tentang perkara itu.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri.



**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Boleh saya mencelah sedikit?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Sudah panjang tadi. Ucapan sudah tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Duduk, duduk, duduk. Tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** ...Soalan fasal MH tadi, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang saya anggap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya sebut MH tadi, Menteri Pengangkutan ada di sini.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sedikit.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya sebutkan tadi. Biar saya habiskan ayat tadi. Saya hendak ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang saya kira mengendalikan isu ini dengan baik [*Tepuk*] walaupun ada pembangkang— saya dengar Yang Berhormat Shah Alam berucap dalam *YouTube*. “Apa ini? Kapal terbang sebesar itu boleh hilang”. Hei, 26 buah negara hendak cari tidak jumpa, Yang Berhormat Shah Alam kata benda ini mudah. Tidak semudah itu, Yang Berhormat. Silakan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak patah balik sikit tadi tentang masalah orang kampung yang ada kaitan dengan penyiaran *channel-channel* yang percuma ini. Jadi kalau kita lihat pada realitinya, semua saluran percuma ini telah terkait dengan Astro. Jadi apabila pemasangan saluran-saluran ini, apabila ada masalah hujan ataupun masalah orang kampung tidak membayar Astro, maka saluran-saluran yang kononnya percuma ataupun hak mereka mendapat saluran percuma ini telah berkurangan ataupun tidak mendapat hak untuk saluran-saluran percuma ini. Bagaimana kita boleh menyelesaikan perkara ini? Adakah dalam bentuk penguasaan apabila kita memasang *channel-channel* itu bersama dengan Astro. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya jawab yang itu dulu. Saya rasa yang ini tidak ada kena mengena.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Selepas itu bagi saya, ya. Selepas itu bagi laluan ya pasal sudah sebut nama. *Gentlemen* sedikit.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Yalah boleh, boleh, boleh. Boleh, silakan. Silakan. Yang Berhormat Kuala Kangsar, sebenarnya negara kita Astro itu dianggap sebagai satu sistem yang selalu saya sebutkan hibrid. Hibrid kepada sistem *free to air* iaitu yang tidak berbayar sepenuhnya dengan yang berbayar. Kalau negara lain kalau kita ambil stesen berbayar, dia tidak ada lagi cerita-cerita yang macam saluran-saluran percuma. Tidak ada. Kena tengok yang itu sahaja. Kalau luar negara, luar negara sahaja. Kalau yang *free to air*, dia tidak boleh tengok yang ini tetapi Astro membuat sistem hibrid. Di dalam pakej Astro itu, boleh tengok yang *free to air* iaitu RTM, TV3, TV8, TV9, Al-Hijrah dan sebagainya. Itu saya sebutkan tanpa bayaran. Ertinya 40 *channel* yang pertama, 22 video, 20 audio percuma. Tidak payah bayar.

Akan tetapi walau macam mana pun, orang kalau tidak mahu pilih menggunakan Astro pun tidak apa. Dia boleh pakai yang biasa. Kalau orang tempat lain dia boleh pakai tetapi orang tidak mahu pakai. Oleh sebab itu yang dikatakan orang tidak mahu pakai. Akan tetapi *insya-Allah* apabila pendigitalan ini dibuat, semua yang ini akan menggunakan platform baru yang percuma yang menjadi pilihan kepada penerimaan siaran melalui sistem satelit Astro sebagaimana yang ada.

#### ■1930

Ini adalah merupakan kaedah yang akan dibuat, *insya-Allah*. Silakan Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam duduk jauh tadi saya nampak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hairan kenapa Menteri Penerangan ini tidak berapa terang tentang apa yang telah saya sebut dalam *YouTube*. Mungkin ini di antara sebab kenapa TV Selangor patut ada lesen supaya boleh faham betul-betul apa yang kita sampaikan. *[Ketawa]* Saya tidak pernah pertikai kenapa tidak jumpa kapal terbang. Saya pertikai, kenapa apabila kapal terbang itu hilang di radar, pihak DCA tidak memaklumkan dengan segera?

Malahan, waktu hilang dalam radar pun bercanggah maklumatnya di antara DCA dengan MAS. MAS kata 2.40, DCA kata 1.30. Selepas itu buat PC, hanya pada pukul 7.25. Saya rasa Yang Berhormat Menteri Penerangan ini hendak kena betul-betul faham apa yang diucap dan kekeliruan yang sebegini mungkin tidak akan berlaku kalau kita ada lesen sendiri. Boleh kita jelaskan pandangan kita. Usaha untuk mencari kapal terbang MH370 tidak ada siapa yang pertikaikan, tidak ada siapa yang perlekehkan. Akan tetapi masalah apabila hilang di radar, *response time* yang ditunjukkan. Nombor satu.

Nombor dua, ini tidak apa. Saya beri *preview* kepada Menteri Pengangkutan supaya dia pun bersedia untuk hendak menjawab. Kenapa apabila TUDM mengesan berlakunya *u-turn*, hanya diberitahu dua hari selepas itu? Sedangkan radar yang berjalan setiap saat. Kenapa peristiwa pada ketika ia berlaku tetapi dimaklumkan hanya dua hari selepas itu? Apabila dimaklumkan pula, ia tidak diterima sebagai satu bukti yang sah dan seolah-olah ditarik balik pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, soalan itu baik untuk Pengangkutan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, ini saya hendak beri dia *preview*, nombor satu. Nombor dua, saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sekarang Komunikasi Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, saya hendak jelaskan kepada Menteri Penerangan pasal dia keluarkan kenyataan yang tidak tepat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Salah tempat, salah tempat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidakkah sepatutnya pihak TUDM apabila mengesan kapal terbang yang tidak dikenali di radar nya, bertindak dengan segera.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Salah kementerian ini. Itu kementerian lain.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu yang saya pertikaikan [*Disampuk*]. Saya tidak pertikaikan dan tidak pernah saya pertikaikan, kenapa tidak jumpa lagi. Ini kerana ia sememangnya apabila kita sudah tidak tahu kapal terbang itu pergi ke mana, amat sukar untuk dicari. Lalu saya harap Menteri Penerangan perbetulkan kenyataan dia, baca ataupun dengar balik *YouTube* dan kalau hendak lebih jelas, beri lesen pada TV Selangor [*Ketawa*]. Saya boleh berikan penerangan, buat *interview*, buat forum, buat *discourse*, buat sesi diskusi ...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau beri lesen lagi banyak silap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya boleh jelaskan apa sebenarnya pendapat dan pendirian kita. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jangan beri lesen, lagi banyak silap.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Selepas ini - ini dia promosilah pada video klip dia ataupun *YouTube* dia. Kita pakat tengok apa yang dikata dinafikan hari ini, apa yang dicakapkan hari itu [*Dewan riu*]. Hari itu semua [*Merujuk kepada blok pembangkang*] perlekehkan kerajaan. Hari itu semua [*Merujuk kepada blok pembangkang*] menjadi pakar kepada penerbangan termasuk Yang Berhormat. Kita tengok balik, tidak payah kita *discuss*. Saya rasa orang boleh tengok.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya rasa bukan pakar penerbangan, pakar SAR.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Semua hendak jadi pakar. Semuanya mudah ... [*Dewan riu*].

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Search and rescue*.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Sudah, sudah, duduk, duduk. Cukuplah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Malahan dalam ucapan Titah Diraja pun saya timbulkan isu yang sama.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Yang Berhormat, saya tidak mahu melangkah. Ini *preview* sebab ramai datang hendak dengar ini. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak pernah saya tahu dia tidak tidur untuk mengendalikan perkara ini. Saya kagum setiap perkara yang hendak dibuat, bukannya dapat satu maklumat, dia cakap, satu maklumat, dia cakap. Dia gunakan perkataan perlu *verified, to be corroborated* untuk disahkan, untuk dibandingkan dan sebagainya. Itu saya serahkan kepada Menteri Pengangkutan kita dalam soal itu.

Akan tetapi saya tahu Yang Berhormat semua hendak jadi. Sebab itu kadang-kadang ada orang kata, benda hendak cari kapal terbang ini senang. Kadang-kadang hendak cari jam pun susah. Betul atau tidak? *[Dewan riuh]* Padahal ada pelbagai. Termasuk saya, jam saya. Saya banyak kadang-kadang jam saya hilang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jam apa itu, jam apa itu? Omega, Omega.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya pernah hilang jam. Tidak tahu mana saya letak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jam ada radarkah, jam ada radarkah?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Dia kata, "*Senang sahaja benda ini*". Kadang-kadang tidak jumpa-jumpa hendak cari. Bukan, tidak semudah itulah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya tidak kata siapa-siapa. Saya pernah hilang jam dalam soal ini. Janganlah hendak bangun ini *[Ketawa]*.

Yang Berhormat Parit Sulong, terima kasih di atas soalan yang dikemukakan berkenaan dengan ekonomi digital kita. Saya sangat menghargai segala pandangan yang telah dikemukakan Yang Berhormat Parit Sulong yang mana kita fokus bahawa untuk melihat negara kita lebih maju sekarang ini, bukan sahaja kita beredar daripada kita katakan zaman ekonomi berasaskan pada pengetahuan K-ekonomi kepada ekonomi yang berasaskan digital, *digital economy*. Sekarang ini satu lagi tahap orang akan sebut ekonomi berasaskan kepada data. *Data economy*. Itu adalah zaman data dan sebagainya akan menjadi suatu tajuk yang akan dibincangkan di masa yang akan datang dan sebagainya.

Kita mempunyai kehendak kita iaitu rancangan kita iaitu kita mahu sumbangan ekonomi digital kita dapat ditingkatkan daripada 13% pada tahun 2010 kepada 17% komponen ekonomi digital kepada Keluaran Dalam Negara Kasar kita. Kita tahu bahawa kita meningkatkan kedudukan dalam *ranking* antarabangsa kita melalui peningkatan dalam prestasi indikator yang berkaitan dengan ICT. Misalnya kedudukan negara dalam *World Economic Forum, Global IT Report* telah meletakkan negara kita meningkat daripada kedudukan ke-28 dalam tahun 2011 kepada kedudukan ke-20 daripada 138 buah negara menjelang tahun 2020.

Sumbangan kepada kedudukan negara dalam IMD dengan izin, *International Institute for Management Development, World Competitiveness Scoreboard* daripada kedudukan ke-16 dalam tahun 2012 kepada kedudukan ke-10 teratas daripada 59 buah negara menjelang tahun

2020. Jadi semua ini adalah merupakan *indicators* yang kalau saya terperinci saya boleh berikan secara terperinci bagaimana kita memfokuskan kepada banyak sub sektor termasuk pembuatan, termasuk perkhidmatan, termasuk *e-Trade*, termasuk *e-Commerce*. Yang paling besar yang kita ingin tumpukan kepada *content development*. Kita tahu bahawa ini adalah masa depan negara. Kita keluarkan banyak filem, banyak aplikasi mobil, kita bantu pembangunan untuk orang hendak buat *jammings* misalnya. Ini adalah merupakan bidang-bidang yang besar di hadapan dan *insya-Allah*, dengan segala pihak MDeC nya, sekarang sudah ada *Pinewood Studios* dan sebagainya, negara kita, kita akan letakkan negara kita di dalam peta dunia, dalam mengeluarkan *content* kreatif bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan lain yang berkaitan dengan Rukun Negara yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Parit misalnya, saya ucapkan terima kasih. Kita akan terus memainkan peranan bagi meningkatkan lagi semangat patriotisme dalam apa juga keadaan bagi rakyat negara kita.

Yang Berhormat Paya Besar, saya faham Yang Berhormat Paya Besar yang berhadapan dengan krisis bencana banjir, sama dengan tempat saya baru-baru ini. SOP biasa terutama sekali SOP Penerangan bagaimana untuk memaklumkan bila air naik, keadaan dan sebagainya perlu diubah. Sebab itu pihak Majlis Keselamatan Negara sudah pun mengadakan beberapa perbincangan dan kita masukkan salah satu daripada SOP bukan sahaja menghantar bekalan, menghantar bantuan dan sebagainya tetapi juga bagaimana untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan menguruskan juga persepsi orang setiap kali bencana banjir ini timbul. Kali ini banjir adalah luar biasa. Banyak perkara yang kita tidak duga dan kita pastikan bahawa cara kita menguruskan jentera komunikasi kita akan lebih baik lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ya. Yang Berhormat Kota Melaka, sila.

#### ■1940

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini satu filem tempatan *The Journey* yang berjaya memberikan rekod. Saya ingin tanya, adakah kementerian bercadang untuk membantu filem ini membuka lebih pasaran di luar negara memandangkan ini dapat membayangkan atau menunjukkan cara hidup dan kebudayaan Malaysia yang unik ini dan lebih-lebih lagi tahun ini *Tahun Melawat Malaysia 2014*. Adakah kementerian bercadang untuk memberi bantuan baik kewangan ataupun kemudahan yang lain untuk dipasarkan di antarabangsa? Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka di atas pengiktirafan. Kita menganggap bahawa *The Journey* adalah suatu kejayaan bersama, kejayaan negara di mana filem yang tidak semestinya berbahasa Melayu, sudah mencecah satu tahap baru di dalam industri perfileman kita. Saya tidak tahu kutipan yang terakhir. Saya difahamkan sudah RM16 juta kutipan. Ini luar daripada kebiasaan, tidak banyak filem-filem kita. Saya ucap tahniah kepada pembuat, penerbit dan pengeluar filem *The Journey* ini dan *insya-Allah* kita akan

bersama-sama membawa filem *The Journey* ini untuk dipasarkan ke dalam pasaran antarabangsa. Saya rasa tidak ada masalah dan *insya-Allah* ini juga adalah satu perkara yang perlu kita berikan pengiktirafan. Ia telah mengatasi KL Gengster dan sebagainya. Dahulu orang menganggap bahawa orang bukan Melayu tidak minat untuk menonton filem tempatan, *The Journey* adalah sebagai satu contoh di mana ia adalah suatu perkara yang lain daripada yang lain.

Akhir sekali saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Pasir Mas dan juga Yang Berhormat Bukit Katil yang telah membangkitkan isu berkaitan dengan penganjuran Konsert Future Malaysia.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan rasa kesal dan sedih saya tentang apa yang berlaku terutama sekali apabila enam orang mati kerana mengambil dadah yang berlebihan. Dalam soal ini, peranan kementerian adalah memberikan permit kepada penyanyi atau artis-artis luar di bawah Jabatan PUSPAL (Persembahan Artis Luar Negara). Benda ini banyak. Setiap tahun kita keluarkan kecuali jika kita mendapati ada kes-kes yang kita jelas. Penyanyi tersebut misalnya Erykah Badu dahulu yang membawa *tattoo* Allah dan sebagainya. Konsert Kesha yang dia mengaku bahawa dia adalah penyembah syaitan misalnya. Kita tahu kalau dibawa masuk ke sini, ia memberikan implikasi yang tidak baik. Itu kita hentikan.

*Life in Color* misalnya, hendak simbah-simbah cat yang hendak dibuat pun kita kata tidak sesuai dalam soal ini. Akan tetapi apabila dilihat nama-nama penyanyi yang dikeluarkan untuk pergi ke konsert tersebut, pihak mereka yang meneliti perkara tersebut melihat tidak ada suatu yang dianggap luar biasa. Akan tetapi malangnya kerana ada penonton yang pergi ke sana mengambil dadah, ini melibatkan banyak pihak dan pihak kita bukan mengingatkan sahaja tetapi juga memberi amaran keras kepada penganjur.

Kita akan menyemak kembali apakah SOP negara-negara lain. Misalnya apa yang dibuat oleh negara kita sama seperti di Amerika, konsert yang hampir sama apabila terdapat kes begitu, dia terus menghentikan pada persembahan yang seterusnya. Itu juga telah dibuat oleh negara kita. Jadi saya lihat perkara ini, saya juga harapkan pihak penganjur akan lebih bertanggungjawab pada masa-masa yang akan datang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri jelaskan tadi bahawa peranan kementerian adalah untuk memberikan permit berkaitan dengan artis. Cuma saya ingin mendapatkan penjelasan, selepas ini apakah ada penelitian yang lebih cermat dari segi permit artis ini? Apakah dasar kementerian dari segi ingin mempromosikan artis-artis yang membawa ciri-ciri dan budaya

Malaysia dan apakah ada satu keseragaman di antara jabatan atau kementerian terlibat dalam memastikan agar konsert-konsert selepas ini tidak terlalu liar yang akhirnya menyebabkan berlaku kejadian-kejadian yang tidak diinginkan? Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Susah hendak kata Yang Berhormat sebab memberi permit kepada artis, kita tidak memberi permit kepada penonton. Pihak yang buat hal ini penonton, bukan artis. Kalau kita kata, siapa hendak jadi penonton ataupun pengunjung pada artis mesti minta permit, kita boleh *check* satu-satu, tetapi artis. Kalau artis itu tidak ada masalah, tidak ada masalahlah. Kecuali kita lihat nama seperti Erykah Badu, ada masalah, kita hentikanlah. *No showcase*, ada masalah kita hentikan. Kesha Warrior, dia kata dia ada hubungan dengan syaitan, dia pemuja syaitan, itu ada masalah. Berbagai-bagai orang melobi kita supaya teruskan, apalah sangat ini dan sebagainya, kita hentikan dalam soal ini. Akan tetapi penonton kita tidak ada permit.

Ia seperti di negeri Selangor, siapa yang banyak beri permit rumah-rumah urut misalnya. Jadi tidak ada kena-mengena. Orang kata tidak baik. Saya tidak tahulah, saya tidak pergi rumah urut. Orang kata. Permit diberi, ada orang cerita macam-macam yang dibuat. Di Selangor, apakah tidak ada penyanyi luar? Apakah tidak ada semacam kelab malam, *discotic* yang membolehkan perkara-perkara ini berlaku misalnya? Tidak ada jaminan. Tidak ada jaminan, misalnya semua *diskotik* di Selangor, di Damansara, macam-macam boleh senarai kita cari di *Google*, rumah urut di Selangor masa dahulu lebih kurang 800, sejak kerajaan...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Kita fokus kepada program Yang Berhormat Menteri. Program konsert ini mendapat permit daripada kementerian.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tidak apalah, lebih kurang sahaja. Konsep, prinsipnya sama. Duduk dahulu Yang Berhormat. Saya beritahu prinsip sama. Janganlah marah. Saya tahu. Sekarang ini orang kompelin kata di pekan kecil seperti Sekinchan ada rumah urut sampai 4,000 lebih di Selangor. Dia mula, dia kata urut kaki. Akan tetapi orang kata definisi kaki daripada mana ke mana kita tidak tahu, misalnya. Dia *leg*, Melayu *leg*, kaki. Orang tahu semua perkara ini.

Jadi kalau hendak kata hendak jaga setiap pengunjung jangan sampai – tidak semudah yang kita kata. Mudah perkara itu berlaku, tetapi kita berhati-hati dalam soal ini. Ini kerana kalau kita kata kita hanya membenarkan konsert zapin sahaja, mak inang sahaja, M. Daud Kilau sahaja, ini cita rasa orang muda. Sekarang ini dia pergi *hip hop*, dia pergi *techno*, dia pergi pada *electro*, dia pergi pada *electronica*. Ini zaman siber *world* ini, kadang-kadang selepas filem Matrix itu, dia kata *music and emotion must go together* dengan izin. Maknanya yang dikatakan muzik bukan sahaja terpaksa menggunakan alat-alat muzik, tetapi sesuatu yang melalui sintesis daripada komputer itu sendiri menghasilkan bunyi itu. Itu kegemaran orang muda, genre baru yang berlaku. Akan tetapi setakat mana kita kata salah, tidak salah, ini antara perkara yang perlu kita teliti dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertanya. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang mengambil bahagian pada hari ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pengangkutan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**7.49 mlm.**

**Menteri Pertahanan [Merangkap Menteri Pengangkutan] [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 29 orang Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh dan melibatkan bidang kuasa Kementerian Pengangkutan di Dewan ini. Saya memohon untuk memulakan penggulungan Kementerian Pengangkutan dengan merakam rasa dukacita di atas insiden kehilangan pesawat MAS MH370 di Dewan yang mulia ini walaupun saya menyedari bahawa hampir kesemua maklumat yang bakal saya nyatakan, termasuk segala usaha pencarian yang sedang dijalankan sudah diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

■1950

Izinkan saya merekodkan di dalam *Penyata Rasmi (Hansard)* di Dewan yang mulia ini kerana kejadian ini merupakan insiden yang amat kompleks dan tidak pernah berlaku dengan izin *unprecedented* dalam sejarah penerbangan di dunia.

Oleh yang demikian, saya mulakan dengan membentangkan kronologi insiden kehilangan pesawat MAS MH370. Tuan Yang di-Pertua, pada pagi Sabtu 8 Mac 2014, negara dikejutkan dengan insiden kehilangan pesawat MAS MH370 yang berlepas dari KLIA pada jam 12.41 pagi dan dijadualkan tiba di Beijing pada 6.20 pagi.

Pada jam 1.19 pagi, apabila menghampiri IGARI, iaitu Kuala Lumpur *Flight Information Region* (KLFIR) Malaysia, Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) telah menyerahkan kawalan dan pemantauan pesawat tersebut kepada Pusat Kawalan Trafik Udara Ho Chi Minh (HCMATCC) Vietnam.

Sepanjang penerbangan pesawat MH370 di dalam KLFIR, pesawat tersebut telah dapat dilihat di paparan radar KLATCC sehinggalah ia memasuki *Flight Information Region* (HCMFIR) ruang udara Vietnam. Namun begitu, pada jam 1.21 pagi, radar label pesawat MH370 telah hilang daripada paparan radar.

Pada jam 1.38 pagi, pihak KLATCC telah menerima panggilan daripada HCMATCC iaitu Kawalan Trafik Udara Ho Chi Minh yang memaklumkan bahawa mereka tidak menerima sebarang komunikasi dari pesawat MH370. Susulan itu, KLATCC telah membuat penilaian situasi semasa di mana penyelia KLATCC telah menjalankan *standard operating procedure* (SOP) yang telah ditetapkan.

Setelah semua percubaan untuk mengesan dan menjejaki pesawat tersebut menemui jalan buntu, maka mengikut peraturan penerbangan antarabangsa dan selaras dengan *International Aeronautical and Maritime Search and Rescue*, IAMSAR, ICAO, dokumen 9731, dan ICAO dokumen 444, *Air Traffic Management* dan *Manual Air Traffic Services*, Pusat



Penyelarasan Mencari dan Menyelamat *Rescue Coordination Centre* dengan izin, SAR telah diaktifkan pada jam 5.30 pagi.

Sehubungan itu, pihak MAS telah mengeluarkan makluman awal mengenai kemungkinan kehilangan pesawat MH370 pada jam 7.40 pagi. Setelah berpuas hati dengan semua maklumat yang diperoleh tentang kehilangan MH370, pihak MAS telah memaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenainya. Justeru, pengumuman rasmi tentang kehilangan MH370 telah dibuat pada umum pada jam 11.30 pagi sebagai pengesahan kepada pelbagai persoalan yang wujud ketika itu.

Sebaik pengumuman rasmi dikeluarkan pada 8 Mac 2014, sebuah pasukan kerja teknikal telah ditubuhkan serta-merta bagi menyelaras operasi mencari MH370. Pasukan ini dipengerusikan Ketua Pengarah Penerbangan Awam dengan keanggotaan seramai sebelas orang iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Setiausaha Majlis Keselamatan Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, Panglima Tentera Udara, Panglima Tentera Laut, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pengarah Urusan MAS dan Pengarah Urusan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) serta Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

Pasukan kerja teknikal dipecah kepada tiga kumpulan iaitu Pasukan Diplomatik diketuai oleh Kementerian Luar, Pasukan Penempatan Aset dan Logistik yang diketuai oleh Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Kumpulan Teknikal yang mengekalkan kawalan keseluruhan operasi diketuai oleh DCA. Pasukan ini bermesyuarat setiap hari bagi mengumpulkan segala data dan maklumat bagi membantu usaha pencarian termasuk meneliti sebarang kemungkinan penemuan baru. Pasukan teknikal ini juga bertanggungjawab menyelaras segala gerak kerja dan apa jua arahan. Segala perkembangan dan hasil penemuan terbaru dimaklumkan melalui kenyataan rasmi dan sidang media yang diadakan setiap hari.

Operasi ini masih diteruskan sehingga hari ini yang telah memasuki hari ke-17. Pihak DCA bertanggungjawab sepenuhnya ke atas operasi SAR sementara MAS bertanggungjawab terhadap kebajikan keluarga penumpang dan anak kapal MH370. Sementara itu, kami sentiasa mengadakan taklimat untuk anggota keluarga penumpang dan anak-anak kapal MH370 di Kuala Lumpur. Taklimat ini adalah untuk memaklumkan perkembangan terkini kepada anggota keluarga serta menjelaskan sebarang kekeliruan.

Selain itu, sebuah pasukan tertinggi dari Malaysia telah dihantar ke Beijing untuk memberi taklimat kepada sanak saudara penumpang MH370. Setakat ini sudah tiga taklimat daripada pasukan tertinggi ini yang telah dilakukan. Berhubung kenyataan Yang Berhormat Batu yang menyatakan bahawa pesawat berpatah balik dan kerajaan membiarkan aktiviti SAR dijalankan di Laut China Selatan selama seminggu, saya ingin menjelaskan bahawa segala usaha SAR ini adalah mematuhi SOP dan standard piawai antarabangsa.

Kumpulan pakar penyiasat penerbangan terdiri daripada DCA, MAS, *Federal Aviation Administration* (FAA), *National Transportation Safety Board* (NTSB) dengan izin, *Air Accidents*

*Investigation Branch* (AAIB). Pihak pakar penyiasat perlu mengkaji dan meneliti segala data dan maklumat termasuk kemungkinan pesawat MH370 berpatah balik. Sementara itu, usaha pencarian ditumpukan di Laut China Selatan. Ini kerana ia merupakan laluan asal MH370 di mana perhubungan terakhir yang berlaku. Memandangkan kemungkinan pesawat MH370 berpatah balik, maka kita juga memulakan usaha pencarian di Selat Melaka. Dalam hal ini, kita perlu melaksanakan operasi SAR di kedua-dua perairan kerana keutamaan kita ketika itu adalah untuk mencari pesawat, penumpang dan anak kapal secepat mungkin.

Selepas seminggu kumpulan pakar penyiasat menganalisis segala data dan maklumat, mereka telah memaklumkan kepada pasukan kerja teknikal bahawa pesawat MH370 berkemungkinan terbang sama ada di Utara atau ke Selatan sebagaimana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri semasa sidang akhbar pada 15 Mac 2014. Susulan itu, operasi SAR di Laut China Selatan dan Selat Melaka dihentikan.

Koridor utara merentasi sebelas buah negara bermula dari bahagian Utara Thailand hingga ke sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan manakala koridor selatan merentasi dua buah negara iaitu Indonesia dan Australia bahagian selatan Lautan Hindi. Mengikut maklumat terkini SAR pada 22 Mac 2014, sebanyak 26 negara merangkumi 36 pesawat dan 21 kapal terlibat dalam operasi mencari MH370. Pencarian juga dilakukan dengan menggunakan satelit dari Amerika Syarikat, daripada United Kingdom, daripada Australia, daripada China dan daripada Perancis.

Pengurusan dan pengendalian operasi SAR merupakan satu usaha yang amat mencabar memandangkan skop pencarian yang amat luas di Lautan Hindi dan jauh dari tanah daratan serta keadaan cuaca yang tidak menentu. Walaupun kerajaan berhadapan dengan aktiviti penyelarasan yang kompleks di kalangan 26 buah negara, pengurusan operasi SAR dapat diselaraskan dengan tersusun dan lancar. Kerjasama yang ditunjukkan oleh negara-negara yang terlibat dalam usaha pencarian MH370 merupakan sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam sejarah penerbangan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan, pemahaman Ahli Yang Berhormat Bintulu serta Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang terus memberi sokongan malahan menyarankan agar kenyataan-kenyataan berhubung isu kehilangan MH370 tidak dikeluarkan sehingga kesahihan dikenal pasti.

#### ■2000

Sebagaimana kita maklum, kehilangan MH370 telah menarik perhatian seluruh dunia di mana media antarabangsa memberi liputan berita yang meluas. Pihak media melaporkan pelbagai teori, spekulasi, andaian dan pandangan daripada banyak pihak termasuk pakar dalam bidang yang berkaitan. Justeru, di sini saya ingin menegaskan bahawa selaku pihak yang bertanggungjawab, segala maklumat dan penemuan terkini hanya dimaklumkan kepada umum setelah mendapat pengesahan dan kolaborasi daripada pihak-pihak yang terlibat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menghabiskan, kemudian soal jawab?

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih atas penjelasan mengenai kronologi dan sememangnya peristiwa ini memang satu peristiwa yang amat menyedihkan. Seperti mana Yang Berhormat Menteri sebut, ianya merupakan pengalaman yang pertama di mana kapal terbang MAS hilang dan hingga ke hari ini tidak dapat dikesan.

Saya alu-alukan segala usaha untuk menemui kapal terbang itu. Akan tetapi dari sudut kronologi yang dinyatakan tadi saya ingin persoalkan dari segi apa yang disebut sebagai *standard operating procedure*. Seperti mana yang dalam ucapan saya semasa membahaskan Titah Diraja. Saya dengan pengalaman dalam bidang *search and rescue* (SAR) saya difahamkan bahawa dalam apa-apa jua operasi SAR, *time is of the essence* iaitu waktu itu atau masa itu adalah yang terpenting. Lagi lama kita menunggu, lagi lama kita membiarkan keadaan tanpa ada apa-apa tindakan, maka semakin sukar untuk kita hendak menyelamatkan mangsa dalam sesuatu kemalangan ataupun tragedi.

Dengan fakta itu sebagai panduan kita, saya melihat bahawa kalau mengikut kronologi yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, radar ataupun MH370 telah hilang daripada dikesan oleh radar pada 1.21 pagi, kalau tidak silap saya. Pada 1.30 pagi lebih kurang, Ho Chi Minh City telah memberitahu bahawa mereka tidak lagi dapat mengesan MH370 dan tidak menerima kapal terbang itu di dalam ruang udaranya.

Akan tetapi saya lihat bahawa DCA telah hanya memulakan operasi SAR ini hanya pada pukul 5.30 pagi iaitu sudah empat jam. Pihak MAS membuat pengumuman rasmi hanya pada pukul 7.40 pagi iaitu sudah enam jam. Pengesahan tentang hilangnya MH370 secara rasminya hanya dibuat pada pukul 11.30 pagi iaitu 10 jam.

Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa kita telah bertindak mengikut SOP antarabangsa dalam menangani keadaan. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri beritahu, sekiranya ada kapal terbang komersial hilang di radar, berapa lama baru kita hendak bertindak dan memaklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Bagi pandangan saya, di antara pihak yang patut diberitahu dengan segera semestinya pihak TUDM yang kita semua tahu mempunyai radar sendiri yang tidak bergantung kepada radar DCA. Apabila kapal terbang itu telah hilang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Pada 1.30 pagi, kenapa - *[Disampuk]* Ada pula ceramah. Ini soalan. *[Dewan riuh]* Kenapa tidak di...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bubuh dalam *YouTube*. *YouTube* ada. Masuk *YouTube* sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Saya tahu Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kita terikat dengan peraturan. Terlalu panjang tidak boleh juga, sebab itu mereka bising Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, betul. Saya rasa isu ini isu yang penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tahu. *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akan tetapi soalan tidak penting. Yang Berhormat Shah Alam tidak penting. Isu penting. Soalan dia tidak penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Saya faham. Oleh sebab itu saya katakan, ringkaskan Yang Berhormat, fasal ramai yang mungkin hendak tanya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Oleh kerana itu bila saya hendak tanya soalan itu, saya *repeat* balik kronologinya. Tidak ada bunga-bunga. *Straight to the point. [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *Yes, straight to the point.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kapal terbang hilang pada 1.21 pagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri sudah faham itu Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa SOP nya? Kenapa tidak dimaklumkan kepada TUDM supaya TUDM itu pun *on standby*. Supaya apabila pada 2.40 pagi dikesan ada kapal terbang yang tidak dikenali, maka pada ketika itu TUDM akan bertindak. Lalu saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan tentang persoalan *timing* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Bagi Yang Berhormat Menteri jawab dulu Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Bagi Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Seperti yang saya sebutkan tadi ini merupakan satu insiden yang *unprecedented*. Di mana kita melihat kepada satu pesawat komersial yang telah menyerahkan kawalan dan pemantauan pesawat tersebut kepada pusat kawalan trafik udara Ho Chi Minh (HCMATCC). Ini bermakna bahawa apa jua SOP yang saya senaraikan tadi, *International Aeronautical and Maritime Search and Rescue (IAMSAR)*, *IKO Document 9731* dan *IKO Document 4444, Air Traffic Management and Manual Air Traffic Services*, Pusat Penyelarasan Mencari dan Menyelamat atau *Rescue Coordination Centre (RCCSAR)* telah pun diaktifkan pada masa yang saya telah nyatakan tadi. Saya tidak mempertikaikan kepakaran Yang Berhormat daripada Shah Alam dalam SAR.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Malah dalam hal ini apabila ianya telah pun diserahkan kepada HCMATCC, kita kena kenal pasti dari segi status kapal terbang tersebut. Malah kalau dalam kes jam hilang pun kita hendak tahu jenama jam yang hendak dicari.

Ini masuk kepada soalan kedua iaitu berhubung kait dengan tindakan TUDM. Di mana di bawah *primary* radarnya dan ini tidak dikesan oleh pihak *Civil Aviation*. Di mana *primary* radar apabila kita kaji semula menunjukkan kemungkinan ada pesawat yang buat *air turn back*. Ia tidak membuktikan bahawa ia merupakan pesawat berkenaan, MH370. Oleh sebab itu apabila ada kemungkinan kapal terbang itu melakukan *air turn back*, bermakna ada kemungkinan pesawat berkenaan berada di dua lokasi iaitu di Selat Melaka atau di Laut China Selatan.

Kita membuat keputusan untuk membuat *search and rescue*, carian dan juga menyelamatkan di dua-dua kawasan ini. Itu merupakan satu tindakan yang bertanggungjawab yang telah pun disahkan FAA, NTSB, AAIB daripada United Kingdom. Di mana apabila kita tidak boleh mengenal pasti sama ada kapal terbang yang melakukan *air turn back* tadi merupakan MH370 pada ketika itu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Maka, carian di dua-dua kawasan ini telah dilaksanakan dan diteruskan. Walaupun mungkin timbul apa sebabnya kita lakukan pada masa yang sama, pada masa dan ketika itu tetapi tidak ada kolaborasi dan verifikasi yang mengesahkan bahawa kapal terbang yang *turn back* itu, yang berada di dalam *primary* radar di pihak tentera merupakan pesawat yang sama.

■2010

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, saya rasa...

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Bagi Yang Berhormat Batu dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri bagi Yang Berhormat Batu dulu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Selepas Yang Berhormat Batu, Shah Alam boleh? Ini kerana ada kontradiksi. [Disampuk] Jawapan Yang Berhormat Menteri itu ada *contradiction* sedikit.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak lanjutkan soalan ini tentang SOP ini. Saya ingin tahu berapa lama tindakan ini dibuat kerana kita lihat dalam radar... Maksud saya, bagi anggapan kita, bila sesuatu kemalangan berlaku, sepatutnya semua data di tangan... [Disampuk]

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Akan tetapi apa yang kita saksikan ialah pada 11 Mac, tentera kata ada kemungkinan *turn back*. Pada 12 Mac, nafikan. Pada 15 Mac bila Amerika Syarikat mengesahkan, kita setuju dengan *finding* Amerika Syarikat. Apa yang saya ingin tahu, berapa lama perlu kita makan masa untuk menganalisis data-data ini sehingga ia mengambil masa seminggu untuk mengenal pasti pesawat itu telah secara sah *turn back* menuju

ke *Andaman Sea* atau ke Selat Melaka? So adakah *delay* ini adalah kerana teknikal, memang data itu terlalu sofistikated dan kita tidak mungkin dalam 24 jam mengesahkan, atau maklumat ini tidak sampai ke tangan kementerian? Saya ingin dapat pengesahan.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Apa yang saya ingat pada ketika itu di mana TUDM menafikan kenyataan atau spekulasi bahawa *turn back* itu merupakan pesawat MH370 tetapi tidak menafikan kenyataan awal mereka iaitu ada kemungkinan bahawa *turn back* itu yang dapatnya dalam data radar TUDM, bukan di bawah DCA, bukan di bawah *civil aviation*. Kalau sekiranya itu tidak didedahkan, yang boleh menjejaskan keselamatan dan ruang udara kita dari segi radar, kalau itu tidak diperjelaskan, kita masih mungkin hari ini masih lagi mencari-cari di Laut China Selatan.

Itu merupakan satu tanggungjawab kita yang kita buat keputusan mengetepikan kepentingan nasional, keselamatan negara kerana untuk telus kepada orang ramai, telus kepada pakar-pakar yang ada sama ada yang datangnya dari Amerika Syarikat, United Kingdom ataupun dari Australia dan China, di mana kita mesti mendapat verifikasi kolaborasi supaya dalam keadaan sebegitu rupa, kita tidak ada pilihan, mengambil keputusan untuk mencari di dua-dua kawasan tadi. Itu merupakan keputusan yang kita telah buat, yang berani, yang mungkin mengambil jumlah kos yang tinggi tetapi telah pun disahkan oleh NTSB, FAA dan juga AIBB bahawa pada masa dan ketika itu kemungkinan pesawat yang *turn back* di bawah radar yang kita kongsi bersama dengan mereka yang datangnya daripada pihak TUDM, mungkin merupakan pesawat berkenaan, kita tidak ada pilihan tetapi untuk membuat carian di kedua-dua kawasan tadi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ramai bangun Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana, Yang Berhormat?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya..? Pasal Yang Berhormat Menteri ada *contradict* tadi.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat Subang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah menyebut beberapa kali maklumat daripada Tentera Udara tidak menunjukkan secara pasti, secara konklusif bahawa apa-apa yang diperhatikan dalam radar itu adalah MH370. So, itu bermaksud sebagai tidak berkolaborasi seperti yang diperlukan. Jadi, selepas ini kita akan bertanya pada Menteri Pertahanan tentang kapasiti radar itu.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri membuat pengumuman pada 15 Mac iaitu hari Sabtu, berdasarkan maklumat terbaru yang kononnya diterima pada masa itu, sekarang ada maklumat yang menunjukkan pesawat itu sudah ada di *Indian Ocean*, bukan di *South China Sea*. Maklumat yang dikatakan itu ialah *satellite signal* yang didapati daripada British Telecom System iaitu Inmarsat yang dihantar kepada SITA dan selepas itu diberi kepada MAS. Ada laporan yang

*credible* bahawa BBC telah melaporkan maklumat itu pada Jumaat, 14 Mac. Perdana Menteri umum di sini pada hari Sabtu. BBC sendiri sudah tahu pada hari Jumaat.

Soalan saya ialah, institusi ini semua, British Telecom, Inmarsat, semua sistem ini telah diketahui oleh MAS. Kenapa dalam 24 jam yang pertama, selain daripada maklumat daripada Tentera Udara kita, kenapa MAS tidak tanya kepada beberapa pihak ini dan dapat maklumat ini yang sudah ada dalam tangan mereka, dalam pengetahuan mereka dan perolehi maklumat ini dan berikan kepada kementerian dan semua pihak di sini? Adakah itu disiasat oleh kementerian? Kalau disiasat, apakah jawapannya? Kalau tidak disiasat, kenapa tidak disiasat? Sebab, maksud saya ialah, maklumat ini yang kita kata baru diperolehi dan diumumkan kepada Malaysia pada 15 Mac oleh Perdana Menteri sendiri, maklumat ini sudah ada dengan semua agensi ini pada hari pertama atau paling lewat hari kedua pesawat itu hilang.

Bagi saya dan saya minta penjelasan ini, itulah sebabnya kita mengambil satu minggu, kita buang satu minggu mencari pesawat ini di *South China Sea* pada masa yang sepatutnya digunakan untuk pencarian SAR di tempat yang ditunjuk selepas *they turned back* yang disahkan juga dalam radar Tentera Udara. Saya minta penjelasan itu.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sama ada Yang Berhormat lupa atau sengaja tidak ambil tahu di mana pada masa dan ketika itu, ada juga maklumat daripada satelit China yang menyatakan bahawa pesawat itu berada di Laut China Selatan. Kalau sekiranya kita pegang pada semua maklumat yang kita terima pada ketika itu, bermakna bahawa SAR kita tidak akan berjalan. Sebab itu kita konsisten. Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan kita konsisten, apa jua maklumat yang kita terima mesti disahkan, sama ada maklumat satelit China... [*Tepuk*] Di mana disahkan oleh APMM dengan pergi sendiri ke kawasan berkenaan, tidak nampak ada pesawat, baru kita maklumkan. Akan tetapi kalau sekiranya kita ikut semua maklumat yang kita terima daripada BBC kah, daripada China, kah atau daripada mana, kalau tidak ada kolaborasi, akhirnya Yang Berhormat juga yang akan tuduh kita tidak bertanggungjawab... [*Tepuk*]

Sebab itu apa yang kita lakukan sudah masuk kepada fasa di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan koridor utara dan selatan. Itu betul, Yang Berhormat, tepat, di mana kita telah membuat pengumuman itu berdasarkan kepada *ping* atau *handshake* yang datangnya daripada Inmarsat, dan itu pun kita tidak terima bulat-bulat. Ia mendapat kolaborasi daripada FAA, datangnya daripada NTSB, datangnya dengan AIBB di mana saya sendiri hadir dalam taklimat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana semuanya mengesahkan bahawa kemungkinan yang *air turn back* yang dapat kita lihat di dalam radar TUDM merupakan MH370, dan MH370 ini berada di kawasan koridor utara dan selatan. Pada masa dan ketika itulah kita telah umumkan kepada orang ramai dan kita alih tumpuan kita daripada Selat Melaka dan Laut China Selatan kepada koridor selatan dan koridor utara.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
[*Bangun*]

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Hari ini, saya berdiri di dalam Dewan yang mulia ini, dengan berani menyatakan bahawa kita konsisten dalam pendirian kita... [*Tepuk*]

Dan terus untuk memastikan bahawa koridor yang begitu luas ini, dengan kerjasama daripada 26 buah negara, dengan kepakaran mereka...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Too late.* Terlewat.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Dengan satelit mereka, dengan radar mereka, dengan aset mereka...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Biar saya soal balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Tumpuan kita hari ini bukan untuk toleh ke belakang, tetapi untuk keluarga-keluarga yang masih lagi ada harapan untuk menunjukkan bahawa kita tidak putus asa dan akan terus mencari pesawat yang hilang itu. *[Tepuk]*

#### ■2020

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat, *you should have started a lot earlier.* Tadi saya tanya kapal terbang itu hilang pukul 1.00, kenapa sampai pukul 5.00 baru hendak isytihar?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, itu belum dijawab. *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi, tadi Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri cakap, tadi Yang Berhormat Menteri kata Vietnam sudah mengesahkan bahawa kapal terbang... *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Itu saya sudah jawab. Saya serah pada Yang Berhormat Subang, itu lebih menarik. Sila Subang. *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kapal terbang itu telah tidak berada dalam ruang udara Vietnam. Saya harap Yang Berhormat Menteri jawab soalan yang saya kemukakan tadi. *[Dewan riuh]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, Lumut, Lumut.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa SOP nya? Tunggu lima tahun?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tunggu lima jam? Tunggu tujuh jam? *[Dewan riuh]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, [Lumut]:** Lumut, lumut tidak ada?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tunggu 10 tahun? Baru hendak isytihar. *[Dewan riuh]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, [Lumut]:** Bagi Lumut, bagi Lumut sekejap. Bagi Lumut. *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dalam SAR...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Shah Alam.



**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tanjong Karang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Every minute matters. [Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Shah Alam. Kita perlu berbahas secara baik Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dalam SAR, *every minute matters...*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dalam soal ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Gelang Patah, duduk. Gelang Patah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tindakan terlalu lewat. Ini yang saya tanya. Ikut SOP, berapa jam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tanya tadi, mengikut SOP... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak payah macam ini Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berapa jam? Yang Berhormat Menteri jawab. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak payah macam ini. Kita— Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Isytihar. Standard inilah. Standard itulah.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Jangan tuduh-tuduh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat perkara ini serius Yang Berhormat. Kita bincang bagus-bagus. Gelang Patah, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya bagi Tanjong Karang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tanjong Karang, selepas itu Gelang Patah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Oleh kerana perkara nyawa lah hendak bagi cepat. Jangan tunggu saat itu... *[Dewan riuh]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan tanya soalan belit-belit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Terima kasih. Terima kasih.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Belajar SAR ini dekat sekolah pondok, bukan dekat luar negara.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dengar pihak sana dia mempertikaikan SOP dan mengapa lambat. Ini Yang Berhormat Shah Alam ini, dia macam kena penyakit.

**Seorang Ahli:** Meroyan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Meroyan sikit. Saya hendak tanya Yang Berhormat. Saya bersetuju. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa sesuatu yang belum kita umumkan mesti dia dapat kepastian. Ini kerana ia melibatkan sampai ke peringkat antarabangsa. Saya bagi contoh, saya bagi tahu Yang Berhormat. Yang Berhormat, pengumuman rasmi dibuat pada 11.30 pagi.

Yang Berhormat bersetuju atau pun tidak bahawa sebelum pengumuman rasmi ini dibuat lebih kurang pukul 9.30 pagi ke pukul 10.00 pagi bahawa satu berita, satu SMS telah pun diterima. Saya sendiri terima. Saya terima daripada kawan saya daripada New York. Daripada New York, dia kata kapal terbang itu *landing* di Nanning, China. Seheinggakan ada pula televisyen tempatan mengumumkan. Ini menunjukkan bahawa tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian itu betul.

Kalau hendak dengar segala apa yang dibawa oleh pembangkang ini, kita akan mengelirukan rakyat. Saya bagi contoh, sebelum diumumkan secara rasmi saya ingat mungkin Yang Berhormat Pembangkang pun dapat. Sampai keluar di satu TV bahawa ia kata *landing* dekat Nanning. Itu menunjukkan pada ketika itu ketidaktentuan, ketidaksahihan berlaku. Oleh kerana itulah tindakan kerajaan amat tepat sekali mesti *verify* sebelum mewakili kerajaan untuk membuat kenyataan. Tindakan betul. *[Tepuk]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sepang, Sepang, Sepang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Hanya pihak pembangkang ini dia cuba hendak *spin* isu ini, hendak cari salah. Yang Shah Alam, Shah Alam ini... *[Dewan riuh]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, [Lumut]:** Yang Berhormat Menteri, Lumut.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sekejap, nanti dulu. Ini apa ini? *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sepang, Sepang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya punya *floor* lah Yang Berhormat. Ini apa ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi, tadi bila saya tanya soalan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Orang semua bising kata lama.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tanya soalanlah ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Panjang sangat soalan. Sekarang ini bila orang lain tanya soalan panjang-panjang tidak hendak marah pula.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ceramah, ceramah. Ceramah yang tidak laku itu. *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ceramah pula. *I'm not interested*. Satu minggu, dua minggu selepas itu. Saya hendak tahu, pada saat kapal terbang itu hilang, *and what did you do?* *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *It has never happened before.* Tidak pernah berlaku. [*Dewan riuh*]

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Cukuplah!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini apa ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau tidak...

[*Dewan riuh*]

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini Shah Alam...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Balik... [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jawablah.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Duduk, duduk, duduk. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini *floor* saya. Ini *floor* saya. Ini *floor* saya. Yang Berhormat Menteri bagi saya jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sabarlah. Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Semua pun hendak, hendak tahu maklumat daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Subang dengan Sepang dia *lawyer* dia faham peraturan. Yang ini dia tidak faham peraturan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Hari ini... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kita bahas dengan baik Yang Berhormat. Kita bahas ikut peraturan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tanya Yang Berhormat Menteri, saya tanya Yang Berhormat bersetuju atau tidak bahawa sebelum dia buat penjelasan, jangan tergopoh gapah. Sudah terbukti, bahawa sebelum pengumuman rasmi dibuat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini soalan, soalan. Apa soalan?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya dapat tahu sudah, ini Shah Alam dapatkah tidak SMS. Saya dapat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang lain diam Yang Berhormat, yang lain diam. Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya dapat daripada New York kata sudah *landing* dekat Nanning dan disiarkan pula dalam Awani tidak silap saya, disiarkan. Jadi menunjukkan bahawa kalau kerajaan membuat tindakan tergopoh gapah, ia akan memalukan...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Soalanlah, bagi soalan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Maruah negara kita. Sebab itu tindakan Yang Berhormat Menteri itu betul bahawa mesti ambil secara SOP. Seterusnya Yang

Berhormat bahawa SOP yang dibuat itu ialah SOP mengikut standard *world*. Yalah, itu tidak salah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, kita hendak, kita hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita sokong Tanjong Karang, kita hendak tahu berapa lama untuk mengesahkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yalah, betullah itu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Berapa lama SOP itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebelum keputusan rasmi dibuat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, berapa lama? Kita hendak tahu berapa lama.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Pengumuman ini dibuat, kita dapat tahu ia *landing* di Nanning. Yang Berhormat dapat tidak? Saya tanya Yang Berhormat, dapat tidak?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Berapa lama untuk mengesahkan?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yalah, betullah. Sebelum hendak buat pengumuman, mestilah tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau ikut maklumat awal, ia *landing* dekat Nanning.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dalam SOP *search and rescue*, kita nak tahu berapa lama untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kenapa - tidak perlu, tidak perlu macam ini Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya minta agar kita berbahas dengan tertib. Masalah sensitif, masalah serius ini Yang Berhormat ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri pun kena jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Gelang Patah.

**Seorang Ahli:** Jawab dulu.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Jawab bagi Tanjong Karang tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Okey.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Di mana memang saya setuju sangat. Pada peringkat awal, kalau kita ikut semua spekulasi dan maklumat yang kita terima, kita ikut...

**Seorang Ahli:** Jadi gila.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Dan satu-satunya yang paling awal di mana ada yang mengatakan bahawa pesawat berkenaan telah mendarat di Nanning. Itu pun kita siasat. Ingat berapa dengan izin, *oil's leak*. *Oil's leak* minyak yang kononnya dijumpai di Lautan China Selatan, itu pun kita hantar APMM, TLDM semuanya berkisar kepada SOP dan juga kepada tindakan yang bertanggungjawab. Kalau kita tidak *follow up* kepada *oil's leak* tadi, tiga ke empat tidak salah saya *life vest, life boat* setiap—segala apa sahaja yang dimaklumkan termasuk laporan-laporan polis ketika itu berkisarkan hanya kepada di Lautan China Selatan. Itu kita *follow up*.

Kalau tidak, tidak mungkin kita sekarang ini boleh sampai ke *Northern and Southern Corridor*. Itu pun selepas kita membuat keputusan untuk mendedahkan maklumat daripada radar tentera dan selepas itu baru satelit Inmarsat yang digunakan. Ini semua merupakan tindakan yang bertanggungjawab. Kalau tidak bertanggungjawab pembangkang juga yang akan menuduhkan kita tidak melakukan apa yang sekarang ini. Dituduh...

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gelang Patah. Dia bagi Gelang Patah, yang lain duduk Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana datang untuk memberi satu taklimat sungguh pun hari ke-17. Tentulah, keutamaan ialah untuk mencari pesawat dan harapan kedua bahawa 239 orang semua ini masih boleh selamat. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri pun saya percaya, bersetuju bahawa adalah banyak soalan yang bangkit bukan sahaja di tanah air kita tetapi di seluruh dunia. *It becomes a world issue*.

Mungkin bukan sekarang untuk memberi semua jawapan kepada soalan-soalan ini, oleh kerana keutamaan ialah untuk cari, sungguh pun hari yang ke-17, harapan lebih tipis tetapi kita bersetuju bahawa kita tidak berputus asa, apabila tidak ada apa *final news* kita perlulah sedaya upaya untuk mencari pesawat dan mereka yang di atas.

Akan tetapi soalan-soalan yang kita perlu mula untuk membuat persiapan, khasnya oleh kerana sudah 17 hari dan harapan dalam *the first two weeks maybe, but now I think you have begun to look at certain stage*. Soalan-soalan yang timbul semacam apa yang dibangkit, semacam apa yang berlaku pada 8 hari bulan Mac apabila pesawat itu hilang, 1.20 dan adakah benar bahawa radar TUDM dapat tahu bahawa pesawat itu ada *divert* daripada perjalanannya.

#### ■2030

Khasnya ada semalam dalam *The Star* ini bahawa *the officers call the airforce which confirmed they had determined the plane on their military radar but it diverted from its path*. Bahawa bukan sahaja *surveillance* DCA radar ada dapati bahawa *missing* tetapi TUDM radar

pun dapati, soalan akan timbul kenapa tidak akan dinyatakan di ambil masa itu supaya untuk mengatasi masalah. Akan tetapi ini semua yang *after the event* dan sebab itu soalan semacam sama ada kita ada hilang seminggu untuk cari pesawat itu di tempat-tempat yang sepatutnya *Indian Ocean*.

Yang Berhormat kata bahawa *consistent*, betul bahawa kita memuji bahawa kerajaan dalam perkara ini *consistent* tetapi saya rasa dalam perkara ini lebih penting daripada *consistent* ialah jangan hilang peluang untuk menyelamatkan nyawa-nyawa. *More important is consistency. Consistency is important but more important than consistency* ialah bahawa tidak hilang peluang untuk selamatkan pesawat atau nyawa 239 penumpang.

Soalan yang saya mahu bangkitkan dan ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban ialah adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa dalam malapetaka ini, *disaster* ini ada satu peranan yang patut dimainkan oleh Parlimen selain daripada eksekutif? Macam yang dimainkan oleh Parlimen di negara lain khasnya *post-disaster* untuk siasat, untuk mencari jawapan kepada 1001 *question*, ada dibangkit hari-hari dalam surat khabar tempatan atau dunia, 1001 *question* yang perlu dijawab. Satu soalan yang besar ialah mengenai kredibiliti, mengenai *transparency* dan perlu dijawab. Bukankah kalau satu *Parliamentary Select Committee* diadakan atau disediakan sungguh pun bukan mula kerja sekarang, ada membantu Kerajaan Malaysia dalam usaha untuk meyakinkan dunia bahawa dalam perkara ini kita bukan sahaja *competent, transparent* tetapi kita tidak ada apa-apa untuk sembunyikan.

Peranan ini ada dimainkan oleh parlimen-parlimen yang lain, macam *Fukushima disaster* di Japan atau lain-lain. Adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk memberi segala sokongan kepada usaha ini supaya *maybe a finger pointing at this time is not something that we should do but...*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
[Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *We have to find the answers.*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah sedikit?

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat Gelang Patah, sekejap Yang Berhormat Lenggong ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri jawab dulu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya bersetuju sangat dengan cadangan Yang Berhormat tadi. Malah apa yang kita dapati dengan insiden ini bukan sahaja boleh menjadi sesuatu untuk kita kaji teliti pada masa yang akan datang. Akan tetapi sebenarnya satu dunia sedang melihat tentang kedudukan negara masing-masing dari segi maklumat satelitnya, dari segi radar *primary* dan *secondary* nya. Kalau kita tengok *Northern Corridor* saja merentasi 11 buah negara.

Kesebelas buah negara ini akan mengkaji semula kemampuan mereka dalam konteks penerbangan dan ini merupakan satu *unprecedented* insiden yang boleh membawa banyak perkara dan bagaimana Parlimen, Dewan yang mulia ini boleh membantu selepas ini. Saya terbuka untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama dengan kita dan bersama-sama dengan dunia melihat apa yang berlaku ini sebagai sesuatu yang tidak boleh kita ulang. Sila Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hairan nada rakan-rakan kita pembangkang. Akan tetapi cuma saya lihat seolah-olah nada yang dibawa oleh sebahagian daripada mereka lebih kurang sama dengan sebahagian daripada media antarabangsa. Ini juga harus disiasat Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak sebut di sini dan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana hari ini kita difahamkan 26 buah negara terlibat. Ini suatu yang cukup hebat, ia mungkin berlaku kerana kekuatan dan kehebatan, kepercayaan kepimpinan negara kita hingga membolehkan negara-negara luar memberi bantuan dan sokongan. Saya lihat kes-kes yang berlaku sebelum ini, tidak banyak negara yang memberi sumbangan besar kepada kita.

Menguruskan krisis ini bukan satu perkara mudah kerana ia juga melibatkan bagaimana kita hendak menguruskan aset, mengurus aset ketenteraan, hendak menguruskan isu persepsi rakyat, hendak menguruskan bangsa, lihat bagaimana di negara China. Ini cukup sukar dan keupayaan kita mengendalikan sehingga setakat ini cukup baik. Saya fikir kalau kita benar-benar mempunyai semangat patriotik, ini lah waktunya untuk kita sama-sama meletakkan kepentingan di hadapan. Cuba Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Cukup-cukup...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
[Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mengarutlah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Cuba Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya apabila negara-negara luar membantu kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. [Dewan riuh]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apakah komitmen mereka?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah-sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dari segi komitmennya, apakah mereka sama-sama bersetuju untuk mencarinya sehingga dapat ataupun hanya dalam tempoh-tempoh tertentu saja? Satu lagi persoalan mungkin ditanya oleh rakyat ialah berkaitan dengan perbelanjaannya. Apakah mereka menyumbang sesuka hati atau bagaimana? Saja hendak dapatkan penjelasan daripada kerajaan.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Dari segi perbelanjaan setakat ini saya tidak ada menerima permintaan atau tuntutan daripada mana-mana pihak dan semua telah pun menyatakan bahawa *unprecedented* dalam sejarah, di mana 26 buah negara terlibat dalam satu operasi mencari dan menyelamatkan. Contohnya apabila pesawat-pesawat yang paling canggih di dunia digunakan dan ditempatkan di kawasan-kawasan yang mungkin dalam sejarah negara dan rantau ini tidak pernah berlaku. Ia menunjukkan sedikit sebanyak penghormatan dan pengiktirafan dunia kepada kepimpinan negara.

Saya hendak nyatakan di sini, contohnya *Shaanxi Y-8* merupakan pesawat China yang paling canggih dalam SAR. Sekarang ini berada di lapangan terbang di *Perth*. Kita pada masa carian di Lautan China Selatan, *vessel* China dibenarkan untuk merentasi kawasan Vietnam, tidak pernah jadi dalam sejarah. Dalam keadaan di mana *Ilyushin IL76* daripada China sekarang sedang terbang dan merentasi lautan ke Australia. Maklumat daripada satelit China dikongsi dengan Australia. *P-8 Poseidon* merupakan kapal terbang yang paling canggih di dunia, hanya dua negara yang mempunyai kemampuan iaitu India dan Amerika Syarikat. Kedua-duanya digunakan untuk *Search and Rescue* dalam MH370.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Akan tetapi tidak jumpa lagi, sudah sesat. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sebab itu tidak boleh salahkan kita. *[Dewan riuh]* Oleh sebab saya hendak nyatakan...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau China boleh bersatu, tidakkan kita tidak boleh bersatu? Doa lah, berdo'a biar jumpa. Inikah cara Laksamana bercakap? *[Dewan riuh]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Beri peluang saya cerita pula...

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Laksamana Do Re Mi, yang cerita Do Re Mi cakap macam inilah...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Sudah sesat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi Laksamana Do Re Mi!

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tak apa, biar Do Re Mi cakap pula.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*



**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa pembangkang tidak boleh dengar penjelasan saya ini kerana tidak boleh dipolitikkan. [*Dewan riuh*]

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Ini bukan politik, hendak bagi kenyataan, hendak bagi fakta.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Akan tetapi dalam hal ini saya setuju dengan Yang Berhormat Gelang Patah bahawa usul kita sekarang.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Bagi fakta! Tidak ada, tidak boleh kita cakap di sini.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Bahawa usaha kita sekarang ialah untuk memastikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Duduk.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Bahawa SAR kita dan cara bagaimana kita dapat mengecilkan Koridor Utara dan Selatan diteruskan. Oleh sebab itu saya hendak mengambil izin daripada Tuan Yang di-Pertua kerana saya baru dapat nota bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dengar Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan berada di PWTC pukul 9 dan akan buat *press conference* jam 10. Mungkin ada sesuatu yang hendak diumumkan di mana...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tidak mengapa, kemudian. Dengar kami bercakap dulu. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Kita boleh perkecilkan kawasan. Kalau pembangkang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat Menteri tidak....

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Duduklah.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** ...Memaklumkan kepada kita. Sebenarnya maklumat hilang kapal terbang ini diumumkan oleh berita TV3 jam 8.00 pagi. [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kalau pembangkang setuju bahawa tumpuan kita ialah...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Jam 8 pagi, rakyat diberi... [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Untuk menyelamatkan nyawa kemungkinan mereka yang berada di dalam pesawat MH370...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Dan tumpuan kita ialah untuk mencari pesawat berkenaan. Maka apa jua perkara-perkara yang perlu penjelasan seperti Yang Berhormat daripada Gelang Patah kata, termasuk daripada wakil-wakil rakyat kita. Daripada pembangkang pun silakan selepas ini. Akan tetapi yang paling penting sekarang ialah tumpuan kita, fokus kita ialah untuk mencari MH370. *[Tepuk]*

■2040

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Memang betul. Setuju.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Dan dengan itu saya mohon izin dalam masa yang ada ini...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang tinggal kosong tidak payah.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya tahu Dewan akan bermesyuarat hanya pada sampai 9.30.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ha, tidak apalah.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sebab itu izinkan saya baca apa yang saya telah pun dibekalkan ini supaya dapat direkodkan dalam *Hansard*. Itu penting. *[Dewan riuh]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri kena jawab beberapa soalan. Ada soalan yang perlu dijawab.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Adalah dibentang semua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Let him read, let him read* ucapan.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Apa yang ada di dalam ini...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri bagilah kami tanya beberapa soalan.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Untuk *Hansard*, selepas itu saya terpaksa bergegas ke PWTC untuk meneruskan SAR. Timbalan Menteri Pengangkutan ada untuk meneruskan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri boleh balik esok boleh berikan jawapan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri ingin untuk menghabiskan draf jawapan dan saya benarkan. Yang lain duduk Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ada soalan yang belum dijawab. Soalannya apakah SOP itu? Kenapa kita bagi tujuh hari dalam Lautan Atlantik?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Menteri boleh datang esok.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua,** Koridor Utara merentasi sempadan negara bermula dari bahagian Utara Thailand hingga ke sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan. *[Dewan riuh]* Manakala Koridor Selatan merentasi dua buah negara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat *this is Parliament, he's reading in Parliament, let him finish reading. Hansard reading.*

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...laitu Indonesia dan Australia.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Mencelah, mencelah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *He must give us opportunity to ask question. He's not detecting what to... Come on.*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Bagi kami peluang bertanya!

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Bahagian Selatan Lautan Hindi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *He is just like The Prime Minister punya press conference lah.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *No.*

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Mengikut maklumat terkini SAR...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Yang lain hendak dengar Yang Berhormat. Duduk dulu Yang Berhormat. Ada yang hendak dengar jawapan Menteri duduk!

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Minta penjelasan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dengan jaminan sahaja dia bagi ambil soalan itu sahaja. *Just give us short hands.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *What is this?* Tidak fahamlah.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Mengikut maklumat terkini SAR pada 22 Mac 2014...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita minta *assurance* untuk kemukakan soalan itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya benarkan, *let him finish*.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Sebanyak 26 negara merangkumi 36 pesawat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ada jaminankah dia akan ambil soalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau macam itu tidak payah datang Parlimenlah.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Dan 21 kapal terlibat di dalam operasi mencari MH370.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kalau macam ini dalam *press conference* tidak perlu datang ke Parlimen.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri bagilah kami tanya soalan.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pencarian juga dilakukan dengan menggunakan satelit daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Perancis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Just photocopy and give it to all of us.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Fotostat bagi kami sahajalah.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pengurusan dan pengendalian operasi SAR merupakan satu usaha...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bagilah. Tunggu apa lagi? *This is Parliament.*

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Yang amat mencabar memandangkan skop pencarian yang amat luas di Lautan Hindi...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita ada soalan, kita ada soalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri kalau baca teks baik fotostat bagi kami.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Dan jauh daripada tanah daratan serta keadaan cuaca yang tidak menentu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini karangankah Yang Berhormat Menteri ini karangankah? Karangankah untuk SPM, kah?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita ada soalan yang perlu dijawab. *That's the question.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri *you come here to answer..*

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat Gelang Patah sendiri telah menyatakan bahawa apa jua persoalan yang perlu diperjelaskan kita boleh buat kemudian.  
[*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kami mahukan soalan, tanya soalan pun tidak boleh? Kalau macam itu baik fotostat bagi kami! Kami hendak tanya!

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang penting sekarang ialah untuk usaha mencari dan menyelamatkan. [*Dewan riuh*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita setuju..

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** *You can ask!* Sekarang ini tujuan kita dalam masa yang ada ini, ialah untuk direkodkan dalam *Hansard*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Untuk mencari pesawat Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, ini Dewan yang mulia. Ini bukan Zoo Negara, duduk. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat!

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Ipoh Barat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak fahamlah perengai macam ini Yang Berhormat tidak faham.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat duduk, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, dia boleh fotostat bagi kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, *you don't want to hear, ada Parliamentarians want to hear! Hei!*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Setakat hendak baca teks...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dato', Dato' bro, bro.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Apa yang saya cakap ini pun...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Pokok Sena! Yang Berhormat Pokok Sena!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *I said, I allow* dan saya benarkan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. *What is wrong with you!*

**Seorang Ahli** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri... [*Dewan riuh*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Just one minute for question..*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hendak reda, hendak reda sikit. Hendak reda sahaja.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Just one minute for question.* Hanya satu minit. Dua minit.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan, bukan fasal ini. *Point, point dia. Point.*

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Biar saya habiskan dulu ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat. Mahu apa lagi Yang Berhormat?

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Ke hadapan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tanya soalan pun tidak boleh! Menteri apa benda ini!

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat tidak perlu baca bagi *text* edarkan kepada kami untuk baca sendiri. Kami hendak tahu penjelasan. Banyak soalan yang perlu dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *It doesn't happen in Australia, it's happening in Malaysia.*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** *Only in this country.* Hanya di negara kita, kerajaan tidak berani hendak bagi keterangan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *You should dare to...*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya fikir bahawa tidak ada masalah kita boleh tumpukan seluruh permasalahan isu yang kita bangkit tadi itu melalui Jawatankuasa Pilihan Khas. Komitmen.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Okey. Menjawab kepada Yang Berhormat Pokok Sena, saya kata saya terbuka kepada apa jua siasatan dan juga kaji siasat selidik kepada apa yang kita lalui. Tetapi saya sendiri seorang diri tidak boleh membuat keputusan itu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak tetapi— sebagai Menteri yang bertanggungjawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Dari segi saya sebagai Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Boleh membawa cadangan itu kepada Perdana Menteri ke Parlimen...

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Boleh, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat

...

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya beri jaminan bahawa secara peribadi dan saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab kami bawa perkara ini untuk keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah pun dikemukakan, *what is decision now?*

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Itu memuaskan Yang Berhormat Pokok Sena, biarlah saya habiskan ucapan ini.

*[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Soalan, soalan! Dua minit.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kalau Yang Berhormat Pokok Sena bersetuju, izinkan saya habiskan. Terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Soalan, soalan, soalan. Dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat. Biar Menteri habiskan Yang Berhormat. Yang Berhormat Lumut duduk. Duduklah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* *What is it?* Ya, Yang Berhormat Menteri habiskan. Yang Berhormat Lumut, duduk Yang Berhormat Lumut!

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat Pokok Sena sudah puas hati sudah.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, tanya soalan bolehlah.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat Lumut duduk Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Tidak payah tunjuk perangai macam ini Yang Berhormat cukuplah. Yang Berhormat tunjuk pada siapa? Cukuplah Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Buat pengumuman, pengumuman. Menteri bagilah nanti pengsan nanti kesian nanti.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Bagi saya peluang saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana Menteri menggunakan maklumat... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat Pokok Sena. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Lumut, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat pada ketika ini, *deafing the order of Speaker, you* tahu tidak?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tidak dengar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak menghormati keputusan Speaker!

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Okey tidak dengar!

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kena masuk radar itu.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Okey sebenarnya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dato' akan bawa perkara ini *insya-Allah*.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Okey, terima kasih. Sebab saya malu tengok Yang Berhormat Lumut fiilnya begitu dalam keadaan yang begitu serius.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Habis tidak bagi peluang macam mana, orang lain pun macam itu juga. Hai Yang Berhormat Menteri, kenalah bagi peluang untuk beri penjelasan!

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Walaupun kerajaan berhadapan dengan aktiviti penjelasan yang kompleks di kalangan 26 buah negara, pengurusan operasi SAR dapat diselaraskan dengan tersusun dan lancar. Kerjasama yang ditunjukkan oleh negara-negara yang

terlibat dalam usaha pencarian MH370 merupakan sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam sejarah penerbangan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan dan pemahaman Ahli Yang Berhormat Bintulu serta Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang terus memberikan sokongan malahan menyarankan agar kenyataan berhubung isu kehilangan MH370 tidak dikeluarkan sehingga kesahihan dikenal pasti.

Berkaitan saranan untuk menaik taraf kemampuan dan kapasiti radar sedia ada milik DCA seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Bintulu, insiden MH370 yang *unprecedented* ini sudah pasti menuntut kita mengkaji apa yang telah berlaku agar usaha-usaha penambahbaikan perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan operasi penerbangan. Saya percaya soal keselamatan lapangan terbang di negara ini telah menjadi topik utama perbincangan Yang Berhormat seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Kalabakan dan Yang Berhormat Klang.

Berhubung aspek pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang seperti pemeriksaan badan dan cadangan memasang milimeter *with full body scanning* dengan izin di lapangan terbang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peraturan-peraturan berhubung isu keselamatan di lapangan terbang adalah sentiasa mengikut piawaian antarabangsa. Akan tetapi saya sebutkan tadi, piawaian antarabangsa mungkin hari ini perlu dikaji semula, oleh kerana apa yang kita lalui dengan MH370.

#### ■2050

Walaupun ia telah ditetapkan di bawah Annex 17 *aviation security, International Civil Aviation Organization (ICAO)*, yang mana kita merupakan seorang ahli tetap di dalam organisasi ini. Apa yang kita lalui dalam pesawat MH370 ini mungkin akan ubah piawaian-piawaian antarabangsa yang sedia ada. Namun begitu, kerajaan bersedia meneliti semula cadangan pemasangan alat-alat tersebut pada masa-masa hadapan.

Di sini seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Petah, Ahli-ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk memberi pandangan-pandangan untuk menambahbaikkan tetapi hari ini, tugas dan tanggungjawab saya sebagai Menteri yang memangku jawatan Menteri Pengangkutan ialah untuk mencari pesawat dan memastikan bahawa penumpang-penumpang selamat. *[Tepuk]*

Kepada keluarga dari seluruh dunia, satu-satunya maklumat yang amat mereka mahukan adalah maklumat yang belum kami ada ketika ini iaitu lokasi MH370. Perkara yang menjadi fokus utama kami pada setiap masa ialah untuk mencari pesawat berkenaan. Dari setiap hari yang berlalu, kami bersama-sama negara-negara yang terbabit akan terus melipatgandakan usaha SAR ini.

Saya ingin menyampaikan penghargaan khas kepada semua negara yang terlibat dalam pencarian pesawat MH370 ini. *[Tepuk]* Saya ingin memberi jaminan bahawa kerajaan komited untuk meneruskan usaha pencarian pesawat MH370 dan tidak akan sesekali berputus asa walaupun pelbagai cabaran dan rintangan berada di hadapan kita. Pihak kementerian ingin



menegaskan bahawa kerajaan tidak pernah menyembunyikan sebarang maklumat seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Malah kerajaan sentiasa telus dalam menyampaikan maklumat terkini kepada semua pihak sehingga kesahihan dikenal pasti. Kerajaan amat menghargai penyertaan, sumbangan dan bantuan daripada negara-negara yang terlibat dalam operasi ini. Setahu saya, negara-negara ini langsung tidak membangkitkan kos operasi seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Batu. Malahan mereka secara sukarela menawarkan peralatan dan aset-aset canggih yang dimiliki mereka.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru dan mengharap agar kita semua bersama-sama mendoakan semoga usaha ini bakal menghasilkan keputusan yang positif. Marilah kita bersama-sama menyetepikan perbezaan politik dan kepentingan peribadi sebagai tanda sokongan dan seterusnya dapat menunjukkan kepada masyarakat dunia bahawa Malaysia bersatu dalam menzahirkan perasaan simpati [*Tepuk*] atas kesukaran yang dilalui oleh keluarga penumpang dan anak-anak kapal dalam insiden pesawat MH370 ini. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, izinkan Timbalan saya meneruskan penggulangan kita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah habis dah? Itu sahaja?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Timbalan Menteri akan jawab Yang Berhormat Kuantan punya bahaskah?

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, okey. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia ada *press conference* sekarang, penting. Saya benarkan agar Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyambunganya.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, tolong minta Yang Berhormat Menteri datang esok untuk jawab selanjutnya.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You* siapa? *You* baru masuk dua hari dalam Parlimen sudah kurang ajar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...[*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya cuma— Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat, dengar baik-baik ya. Yang Berhormat, ramai dalam kalangan Yang Berhormat inginkan kerajaan membuat satu *ministerial statement*. *You know ministerial statement?* Itu bentuk *ministerial statement* yang diminta dalam peraturan mesyuarat tidak ada soal jawab pun *but you do not want to listen*. Habiskan jawapan yang Menteri buat bagi pihak kementerian. Kemudian boleh tanya soalan.

*Ministerial statement* Yang Berhormat minta itu tidak ada ruang untuk soal jawab. Hari ini selepas Yang Berhormat Menteri jawab, kita beri ruang, *interjection*, boleh. Akan tetapi dengan ada bagus, bagus, macam awal-awal tadi cantik itu. Ya, teruskan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Sorry*, minta penjelasan. *This was not a ministerial statement.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *I know this is not a ministerial statement.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Ya, this is not a ministerial statement.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tahu, tahu. Bukan *ministerial statement.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *But we have record.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *But... you have been asking, I mean if ....*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *But we wanted to ask questions.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, tahu. Akan tetapi, *let him finish.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Minister should allow question.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tahu, dia tidak halang pun.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu masalah dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak halang pun. Berapa orang sudah? Yang Berhormat sudah pun minta soalan tadi, tidak halang pun.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak, ini yang *problem...* apa guna ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Soal sekarang kita habiskan jawapan Yang Berhormat Menteri. Kemudian soal jawab. *[Disampuk]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita tidak boleh sebut itu *ministerial statement.* Itu bukan *ministerial statement.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tahu, sebab itu saya beritahu *ministerial statement* tidak ada soal jawab.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan daripada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Kinabatangan telah membangkitkan perkara berhubung pemindahan operasi AirAsia dari Terminal 2 ke Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Kementerian Pengangkutan pada 26 Februari 2014...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia sudah masuk tajuk lain. Boleh kita...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan, tadi– Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya tanya...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri sebelum beliau keluar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sebentarlah Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab soalan saya kepada Menteri. Dia jawab, "Ya". *He answered "Yes"*. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh teruskan dengan isu yang dibangkitkan dalam perbahasan MH370.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** MH370.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Mengenai pesawat MH370 saya akan jawab secara bertulis, ya. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau jawapan bertulis, baik balik kampung. Ini Parlimen, jawablah di sini. *[Dewan riuh]*

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Menteri tadi sudah jawab, panjang lebar.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mestilah ada jawapan dalam itu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ini Parlimen Malaysia. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini Parlimen Malaysia.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini *parliament tragedy*. Kita beri dialah. *Pleaselah*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Perdana Menteri Australia, Tony Abbott pun tidak jawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Kinabatangan ...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi kata akan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:**...Telah membangkitkan perkara berhubung pembinaan operasi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Timbalan Menteri...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Timbalan Menteri...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Pleaselah*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Takkan tidak ada fakta.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh beri seminit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tadi dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri akan dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Apakah soalnya Yang Berhormat?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *[Dewan riuh]* Sebenarnya, saya berasa amat sedih ya kerana ini berlaku dalam Parlimen Malaysia. Saya amat sedih dan saya setuju apabila Yang Berhormat Menteri kata bahawa kita harus fokus kepada mencari.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Mencari pesawat tersebut demi maruah negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Lain duduk, lain duduk.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri lupa bahawa tanggungjawab Menteri juga menjawab kepada Parlimen. Itu tanggungjawab Menteri. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tanggungjawab negara untuk bertanggungjawab kepada seluruh dunia. Tahu tanggungjawab Yang Berhormat Menteri untuk jawab dalam Parlimen. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Takkan itu pun tidak faham lagi Tuan Yang di-Pertua? *[Dewan riuh]* Tadi Yang Berhormat Menteri kata Timbalan Menteri akan jawab.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey, soalan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Akan tetapi bila Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun, hendak jawab bertulis, cerita fasal lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Shah Alam dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat Kuantan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tanya soalan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Soalan Yang Berhormat Kuantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam selepas ini. Yang lain duduk, yang lain duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, selepas ini ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Okey, duduk.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pohon Yang Berhormat Menteri tadi menjawab perbahasan saya. Jadi Yang Berhormat Menteri kata akan dijawab oleh Timbalan Menteri. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Soalnya Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Jadi, pohonlah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Isunya, kenapa Yang Berhormat Menteri menggunakan *letter head* kementerian sebagai Menteri menjawab dan berjumpa dengan hanya Ahli Parlimen BN *backbenchers*, bukan menjemput untuk berjumpa... [*Dewan riuh*]

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Itu bukan kerisauan itu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Dan tidak terbuka. Sedangkan saya tegur tadi, tanggungjawab Yang Berhormat Menteri ialah kepada Parlimen. *To answer to* Parlimen. Itu persoalan saya.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Ya, boleh saya dapat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, hendak beri jalan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Johor Bahru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Johor Bahru, ya.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Selepas inilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Timbalan Menteri beri Yang Berhormat Johor Bahru Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Ketawa*][*Dewan riuh*] Tuan Yang di-Pertua ini apalah, berilah ruang saya juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya ingin membuatkan sedikit syor kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sebenarnya kita sudah ada persetujuan saya rasa untuk mengadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas yang mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah dan dipertimbangkan oleh Menteri merangkap pemangku Menteri Pertahanan dan juga saya ingat disokong oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Saya sendiri sebagai— saya ingat mewakili Ahli Parlimen Barisan Nasional bersetuju bahawa kalau lebih baik masanya, kalau kita pada ketika ini kita elakkan pertikaian dan tumpukan kepada soal Jawatankuasa Pilihan Khas selepas kita mendapat...

#### ■2100

Ini bukan soal *deflect*. Saya boleh jawab juga Yang Berhormat Kuantan. Saya ingat soalnya kepada penjelasan yang patut diberikan oleh pihak yang berkenaan. Menteri, Timbalan Menteri pun boleh menjawab tetapi biarlah daripada kita mendengar tuduhan mengapa surat itu datang daripada kementerian.

Sebenarnya saya pun ditanyakan perkara ini oleh Yang Berhormat Subang di luar Dewan. Maknanya sebagaimana kita *gentlemen* kita boleh bertanya di luar, boleh tanya di dalam, boleh menjawab dalam berbual sambil minum kopi dan sebagainya. Saya ditanyakan oleh Yang

Berhormat Subang apa cerita tentang soal Yang Berhormat Menteri hendak bagi taklimat? Saya kata BNBBBC menjemput Yang Berhormat Menteri untuk berjumpa dengan kami untuk kami mendengar penerangan.

Akan tetapi sebenarnya kami pun sedia maklum bahawa tidak akan ada perkara tambahan daripada apa yang telah ditaklimatkan di dalam semua sidang media. Memang kita sedar *nothing can be new*. Akan tetapi kita rasa bahawa kita harus menyatakan sokongan kepada Yang Berhormat Menteri untuk sampaikan sokongan juga kepada semua pihak... [Tepuk] Bertungkus-lumus dalam usaha mencari pesawat MH370.

Akhirnya Yang Berhormat Menteri kata hendak hantar jemputan dalam mesyuarat. Saya kata hantarlah. Tidak ada masalah hendak jemput siapa pun jemputlah. Akhirnya BNBBBC juga yang membayar kerana kami menjadi tuan rumah dan kamilah yang membayar bil perjumpaan yang berkenaan [Tepuk]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Jadi ia bukan satu yang *sinister*, bukan yang suatu yang luar biasa kerana tidak ada apa-apa tambahan maklumat daripada Menteri kerana semuanya telah diterangkan di dalam sidang-sidang media yang diikuti oleh semua pihak. Jadi kami terima hakikat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Balik kepada Menteri Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri sama ada bersetuju atau tidak bahawa kalau kita boleh sudah pun bersetuju adanya kita bincang, adanya sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai perkara ini, bolehlah kita tangguhkan perbincangan dalam soal ini supaya kita jawab pula perkara-perkara yang lain di dalam perbahasan yang lepas. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Saya Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Sepang?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab soalan dan pertanyaan daripada Yang Berhormat Kuantan. Sebenarnya permintaan taklimat itu datangnya daripada BNBBBC. Jadi pihak kementerian tidak ada permintaan rasmi daripada pihak pembangkang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tanggungjawab Menteri ialah kepada Parlimen dan bukan kepada Barisan Nasional Backbenchers? Seharusnya apabila Barisan Nasional *Backbenchers* buat surat begitu,

Menteri *should know better* dan mengatakan saya akan berikan taklimat kepada semua Ahli Parlimen.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Itu yang kami harapkan daripada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ini sudahlah 17 hari, baru kita dapat jumpa dan bertanya. Itu pun tidak boleh dijawab dengan sebaik-baik mungkin. Perlu bantuan daripada BNBBC hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Sudah jelas itu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri kena faham tanggungjawab Menteri kepada Parlimen...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Kuantan...

**Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Mesti jawab kepada Parlimen.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Rakyat Kuantan...

**Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Itu *please* rekod masukkan dalam *Hansard*.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Perlu generasi masa depan seluruh negara...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Rakyat Kuantan yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Seluruh negara, rakyat Malaysia faham bahawa Menteri tidak laksanakan tugas dan tanggungjawab kepada Parlimen.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Rakyat Kuantan dan Sungai Isap banjir itu, enam hari pun tidak selesai. Ini kapal terbang. Yang Berhormat Kuantan jaga banjir di Sungai Isap pun tidak selesai lagi. Sibuk hendak cerita.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Baling duduk.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Di Sungai Isap itu lima hari baru jumpa mayat. Ini kapal terbang, logiklah cakap Yang Berhormat Kuantan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Baling sesat ini, Yang Berhormat Baling sesat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [*Bangun*]

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tidak. Saya jawab Yang Berhormat Kuantan dahulu. Tuan Yang di-Pertua.... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bangun*]

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** *[Bangun]*

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Seperti yang kita sedia maklum bahawa ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, tunggulah Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Menteri jawab itu.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Seperti yang kita sedia maklum bahawa penerangan mengenai MH370 ini telah dibuat melalui media rasmi setiap hari. Pihak Menteri, dia mengetahui bahawa dia akan membuat penggulungan ....

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Itu lagi tunjuk tidak faham.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat Menteri sedang jawab...

**Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...*Media conference* kepada awam sama jawab kepada Parlimen.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Yang Berhormat Kuantan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Jangan macam ini. Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *Parliament is different.* Itu lagi tunjuk tidak faham Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Menteri jawab untuk rakyat. Kena mencari.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Yang Berhormat Timbalan Menteri, kami memahami *pressure* yang ditanggung. Cuma apabila dalam Parlimen ini, inilah peluang untuk kita mendapat penjelasan sebab apa yang dibangkitkan ini juga dibangkitkan di luar. Jadi sebab itu kami hendak jawapan rasmi daripada pihak kementerian. Antaranya isu tadi, isu radar. Saya hendak tanya kepada Menteri kalau mengikut SOP tadi maknanya dia kata kerajaan kena mengikut SOP.

Soalan saya apabila sudah pukul satu lebih sudah tahu hilang, ketika itu adakah pihak kerajaan ada menghubungi TUDM? Itu soalan pertama. Kalau tidak ada, kenapa? Kalau ada, apakah yang dibuat setelah mendapat maklumat itu?

Sebab apa, sekejap. Saya tidak hendak tanya sesiapa. Sebab ini saya hendak terangkan apa yang dinyatakan ini dinyatakan di dalam media, CNN sebagai contoh analisa yang dibuat. Mereka mengatakan *Malaysia Authority has to reply on this issue.* Pertamanya selepas dua hari baru TUDM membuat kenyataan adanya *U-turn*. Jadi persoalannya kalau sekiranya radar



daripada TUDM telah mengesahkan ada *U-turn* itu, persoalannya kenapa sejak awal lagi maklumat itu tidak diberikan? Kalau diberikan, kenapa tidak ada tindakan?

Ini menimbulkan persoalan. Kalau kata hendak *collaborate* tadi, adakah maklumat radar TUDM ini satu maklumat yang tidak mempunyai kesahihan yang kita boleh pegang? Kalau itu yang berlaku, keselamatan negara kita mengalami masalah. Bagaimanakah maklumat TUDM tidak boleh- *is not reliable*? Sampai terpaksa meminta bantuan luar Malaysia. Ini perkara yang memang memalukan.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Yang Berhormat Sepang tengah meroyan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Sepang, bagilah Menteri Pertahanan jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita minta supaya beri penjelasan yang meyakinkan kita. Terbukti sekarang apabila *U-turn* itu menunjukkan bahawa memang maklumat yang sahih sehingga pencarian di Laut China Selatan dihentikan. Ini menunjukkan maklumat *U-turn* ini maklumat yang paling sahih yang diterima...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapakah di peringkat awal tidak diberitahu maklumat itu. Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, kita bukan majlis taklimat. Ini Parlimen.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya saya minta penjelasan. Saya minta izin untuk ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab yang mana dahulu?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang telah dijawab oleh pihak Menteri. Boleh cek *Hansard*. Jadi saya tidak perlulah hendak menjawab kedua kali.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey Timbalan Menteri ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau dijawab, saya tidak tanya soalan. Ini dia tidak jawab. Sebab dia tidak jawablah saya tanya soalan. Apa punya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini. Dia tidak jawab soalan, tiba-tiba dia kata dia jawab. Kalau dia jawab, buat apa saya tanya soalan. Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri ini. Sudah jawab buat apa saya soal?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Menteri sudah jawab secara *very extensive*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak sentuh, tidak jawab. Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan saya lagi, pada hari malang itu, adakah dihubungi TUDM, ada hubungi atau tidak?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat kata dua hari itu pun tidak betul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey baiklah.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Sebenarnya kenyataan TUDM sehari...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey kalau sehari...

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Esoknya, hari Sabtu berlaku, hari Ahad pukul 1. Pukul 10, media Yang Berhormat Menteri pun sudah memaklumkan ia *turn back*. Pukul 1, PTU atau Panglima Tentera Udara membuat pengesahan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey kenapa tidak ada pencarian tidak dibuat selepas *U-turn* itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Kenapa tidak ada pencarian? *Why there is no SAR?* Kenapa hanya setelah adanya pengesahan, *U-turn*, kenapakah tidak *relied on that* maklumat untuk buat pencarian, kenapa?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Apa-apa hal berlaku, telefon Yang Berhormat Sepang... [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri jawablah. Kalau betul apa yang dikatakan itu, kenapakah setelah berlakunya *U-turn* tidak ada susulan?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Menteri sudah membuat kenyataan media pada keesokan harinya, jam 10 pagi menyatakan memang ada *turn back*.

■ 2110

Dan pukul satu saya ada bersama dengan Yang Berhormat Menteri pada ketika itu dan jam satu Panglima Tentera Udara memberi kenyataan bahawa berlaku *turn back*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, kalau *turn back*.....

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Jadi sudahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Sebentar ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapa tidak bermula tarikh itu?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Itu masalahnya.

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, biar saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang Yang Berhormat. Seorang, seorang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Lepas Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Subang ya, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih. Saya hendak rujuk kepada satu peristiwa yang telah berlaku pada tahun 1999. Ada kapal

terbang Egypt Air, Flight 990, dia hilang di radar, penerbangan daripada Cairo pergi US, dia hilang dari radar, apa yang dikatakan *search and rescue operations were launch within minute of lost of radar contact. Within minutes* ya. Sekarang ini tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri hendak *up grade* kita punya radar. Saya hendak tanya, apa yang *failure* radar sistem kita. Kapal terbang itu hilang, memang sudah hilang. Kalau letak radar yang macam mana pun, tidak ada transponder, *communication switch off*. You tambah radar macam mana pun memang dia hilang. So you tidak boleh salahkan pada sistem.

[Dewan Riu]

Dengarlah, dengar. *You cannot* salahkan sistem. *The system work*. Radar itu kesan kapal terbang itu hilang. Sepatutnya *immediately within minutes you launch SAR*.

[Dewan Riu]

Bukan tunggu 9 jam. So ini,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** Soalan yang ini saya sebut tadi pada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tidak jawab. Kalau ikut dia punya SOP, berapa jam hendak tunggu, baru hendak *launch SAR*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya. Cukup Yang Berhormat cukup.

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** Ini yang saya kata tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat cukup. Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi tahu Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** Bahawa radar sistem *work*.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita buat doa selamat, kita baca umul kitab pun dia orang tidak datang. Dia orang buat report. Soalan saja sudah banyak.

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** Kapal terbang hilang. Ada radar yang canggih lagi pun ianya hilang tapi manusia yang bertanggungjawab kena bertindak.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Sepang, bawak Yang Berhormat Shah Alam pergi.

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** Kalau pun ada sistem canggih macam mana sekalipun.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** .....tapi tidak bertindak, ianya akan mempunyai kesukaran...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah faham. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abdul Hamid [Lumut]:** Bagi saya pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai yang disebut dekat Cairo hendak ke US, di Amerika sendiri pun 911, radar Amerika pun tidak sempat hendak *within minutes* hendak pintas. Amerika pun kena.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** Kena ada tindakan. Ini yang kita persoalkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat .

**Tuan Khalid bin Ab. Samad [Shah Alam]:** Bukan kita hendak kata memperlekehkan usaha kerajaan dan sebagainya. Tapi prosedur itu tidak betul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Anak dia mati, dia kata anak orang lain pun mati juga. Itu bukan jawapan mudahlah, itu pak pandir.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh. Siapa, siapa.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, terima kasih. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang. Terima kasih. Saya hendak tanya satu. Soalan ini amat panas dan semua mengakui bahawa ianya ialah kepentingan negara dan juga kepentingan umum. Saya hendak tanya Yang Berhormat, ada ataupun tidak pihak kementerian menerima usul bawah 18(1) pada apabila berita ini timbul. Kita mula bersidang 11 hari bulan. Kalau betullah perkara ini sebenarnya dibangkitkan oleh pembangkang, ada tidak menerima permohonan untuk usul ini dibahaskan 18(1) iaitu kepentingan umum. Kalau kata dia ada usul, tentu kita akan sokong. Maka kita boleh bahas dengan lebih terbuka. Okey.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri. Pendapat Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Usul itu tidak ada.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri panjang lagi, habiskan Yang Berhormat, habiskan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak apalah. Saya masih dengan Yang Berhormat Menteri sebab hari pertama.....

*[Dewan Riu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawablah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya masa hari pertama, hari pertama.

*[Dewan Riu]*

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab. Saya hendak baca hendak selesaikan jawapan saya. Saya hendak habiskan jawapan saya. Saya hendak baca jawapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Saya rasa boleh habiskan Yang Berhormat, habiskan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Tanjong Karang hendak bawa usul. Yang Berhormat Pokok Sena bawa usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Lawas mencadangkan pembinaan lapangan terbang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Lapangan terbang baru di Lawas, Sarawak. Ingin saya maklumkan ahli Yang Berhormat bahawa kementerian..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Perkara lain itu Yang Berhormat boleh jawab bertulislah ya. Kita sudah selesai MH 370 ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tapi saya minta penjelasan perkara terakhir Tuan Yang di-Pertua sebelum..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak apa, perkara- perkara lain daripada MH itu, kita secara bertulis Yang Berhormat ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bagi nasihat pada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh saya minta jelas...

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Ingin saya maklumkan ahli Yang Berhormat bahawa kementerian telah mengemukakan permohonan untuk melaksanakan kajian kemungkinan pembinaan Lapangan Terbang Lawas baru.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abdul Hamid [Lumut]:** Sudah sampai Lawas pula. MH 370 belum lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebentar Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya cadangkan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dia boleh jawab bertulis. Tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tuan Yang di-Pertua bercakap, diam-diam duduk.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baik, okey, okey.

*[Dewan Riu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri saya cadangkan, isu-isu yang tidak berkaitan dengan MH 370, Yang Berhormat boleh jawab secara bertulis.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tapi MH 370 tidak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat. Hendak bagi jalan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tidak. Saya hendak habiskan jawapan saya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abdul Hamid [Lumut]:** Satu soalan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jawab MH 370

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abdul Hamid [Lumut]:** Satu soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua boleh saya teruskan. Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya sambung daripada isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Shah Alam iaitu apakah SOP sebenarnya yang diikuti oleh kementerian sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi dia ikut SOP piawaian antarabangsa tapi kita ada beberapa, saya hendak tanya kita hendak tahu bilakah kementerian memberitahu Perdana Menteri secara rasmi tentang masalah kehilangan MH 370 sebab kita ada banyak. Dalam perbahasan Yang Berhormat Batu dan banyak laporan media, kita ada pengesahan secara bertulis bahawa isteri Perdana Menteri *claim kredit* secara rasmi dia bagi tahu Perdana Menteri ..

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak relevenlah. Itu bukan soalan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Baik dengar, baik dengar. *Back Bencher* sudah banyak kena sudah. Duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** *I think to score from that.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu kecil punya hal lah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Semua hendak jadi Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Baling, duduk diam, duduk diam.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini orang 239 hendak cari. You isteri Perdana Menteri, surat khabar...apalah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Isteri Perdana Menteri bagi tahu....

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hei duduklah Yang Berhormat Subang. Malulah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Baling banjir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

*[Dewan Riu]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat tidak usah layanlah.

**Seorang Ahli:** Hei, duduklah.

*[Dewan Riu]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Soalan saya...

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Okey saya akan jawab bertulislah. Duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang, cukuplah Yang Berhormat Subang.

*[Dewan Riu]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Baling duduk, Yang Berhormat Baling duduk.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Saya hendak teruskan ucapan saya mengenai cadangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Belum pun habis, belum, belum..

■2120

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Saya teruskan ucapan saya... *[Dewan riuh]* Mengenai Yang Berhormat Silam, berkenaan dengan pembinaan lapangan terbang baru di Lahad Datu. Satu kajian *feasibility study* telah dijalankan dengan melibatkan kos RM3.03 juta... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, habiskan Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang telah disiapkan pada 30 Jun 2012. Pihak juru perunding telah membentangkan laporan akhir kajian tersebut kepada Kementerian Pengangkutan pada 22 Oktober 2012... *[Dewan riuh]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Namun begitu, Kementerian Pengangkutan telah menilai semula...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Timbalan Menteri, tolong ulang soalan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Cadangan kajian tersebut berikutan insiden Lahad Datu pada 2013.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Dengan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini MPM kah, SPM?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Unit Perancang Ekonomi...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Dia baca buku sahaja, SPM.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Pejabat Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah, Kementerian Kerja Raya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi debat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Dan Malaysia Airports Holdings Berhad bagi membincangkan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Dia cepat baca buku sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, habiskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri macam itukah, Menteri standard macam itu?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Kalabakan membangkitkan mengenai masalah burung-burung liar di lapangan terbang Tawau Sabah... *[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** Burung liar! Burung liar!

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Mengenai hal ini, pihak MAHB telah mengambil beberapa langkah untuk menyelesaikan masalah ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kita nak yang terbang tetapi kapal terbang bukan burung. Burung tak payah, kapal terbang. Kita tak nak burung, kapal terbang... *[Dewan riuh]*

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut adalah seperti berikut... *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Burung dia cakap! Apa dia cakap! Orang yang nak kapal terbang, dia cakap pasal burung.



**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** *[Dewan riuh]*

- (i) penyediaan *wildlife hazard management plan* di Lapangan Terbang Tawau. Di mana pelan pengurusan ini telah dianggotai oleh MAHB, Jabatan Hidupan Liar Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan...  
*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ikut peraturan, di sini semua tak ada peraturan. Ya, duduk.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** *[Dewan riuh]*

- (ii) Penggunaan pemasangan jaring, penggunaan teknik belon dan penggunaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Timbalan Menteri, peraturan mesyuarat... *[Dewan riuh]*  
Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Walau bagaimanapun, jika penggunaan kaedah yang dinyatakan tadi tidak berkesan...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Pihak MAHB akan menggunakan teknik untuk menghalau burung-burung tersebut...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Boleh hentikan Timbalan Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** ...Dengan pembelian peralatan *HS 18 Hyperspark Bird Sound Repellent*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, yang lain saya akan menjawab secara bertulis. Sekian, terima kasih... *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi cakap fasal burung liar ke Mongolia?... Saya tak berapa dengar *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Tak. Burung!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Baik, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

### 9.23 mlm.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Seorang Ahli:** *Walaikumussalam warrahmatullaahi wabarakaatuh!*

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam 1Inovasi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Besar

dan Yang Berhormat Hulu Langat di atas isu-isu dibangkitkan semasa Titah Ucapan Diraja yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada usul dan cadangan Yang Berhormat Paya Besar, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) telah mengenal pasti beberapa strategi utama dalam inisiatifnya untuk menambah baik model ramalan dan sistem amaran awal cuaca buruk serta sebaran ramalan kepada orang awam yang lebih berkesan.

Pada masa ini METMalaysia menggunakan model ramalan dengan resolusi empat kilometer dengan bantuan kepakaran Agensi Meteorologi China. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, METMalaysia akan meningkatkan lagi keupayaan model ini dengan melaksanakan projek model ramalan cuaca numerikal beresolusi tinggi iaitu satu kilometer.

Output model satu kilometer ini dijangka dapat meningkatkan lagi ketepatan ramalan cuaca dan unjuran ramalan dari tiga hari kepada tujuh hari. Pada masa yang sama, METMalaysia juga menggunakan model-model ramalan cuaca antarabangsa seperti dari Amerika Syarikat, Jepun dan United Kingdom.

Selain daripada itu, METMalaysia juga akan melaksanakan program bagi meningkatkan keupayaan pegawai-pegawainya di samping mengadaptasi amaran-amalan baik oleh negara-negara maju dalam mentadbir sistem amaran awal cuaca buruk. Kaedah ini akan dilaksanakan menerusi usaha sama dan lawatan kerja ke agensi-agensi meteorologi unggul seperti Jepun, Korea dan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian komprehensif juga sedang dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan ramalan cuaca dan banjir dengan bekerjasama dengan agensi seperti Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, *Pusat Infrastruktur Dasar Geospasial Negara* (MaCGDI), Angkasa dan universiti-universiti tempatan.

Bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, METMalaysia telah memulakan langkah dengan menaik taraf sistem meteorologi kepada pejabat meteorologi negeri. Di samping itu, METMalaysia juga telah mengambil tindakan dalam mewujudkan talian telefon *hotline* 130022 i-MET bagi memudahkan orang awam mendapatkan maklumat terkini berkaitan dengan cuaca, gempa bumi dan Tsunami.

Bilangan kekerapan lintas langsung laporan cuaca dari studio mini METMalaysia juga telah ditambah dari tiga kepada lima kali sehari menerusi siaran RTM1 semasa musim banjir monsun timur laut bagi meningkatkan keberkesanan maklumat yang ingin disampaikan. METMalaysia juga terus mempergiatkan pelaksanaan program kesedaran awam mengenai cuaca dan iklim bagi meningkatkan keberkesanan maklumat dan kefahaman awam. Seterusnya, kesediaan dan ketahanan awam untuk menghadapi bencana yang berkaitan cuaca dan iklim.

Secara umumnya, tiga strategik penambahbaikan yang akan dilaksanakan oleh METMalaysia iaitu meningkatkan ketepatan ramalan cuaca melalui model resolusi tinggi, melaksanakan kajian komprehensif bagi ramalan cuaca buruk dan banjir dengan mengadakan

kerjasama pelbagai agensi dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui *hotline* 130022 i-MET dan kekerapan lintas langsung melalui siaran TV dan radio.

Untuk merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Hulu Langat, yang tidak ada dekat sini... *[Disampuk]* Tak apa, saya hendak baca juga pasal jawapannya saya boleh jawab dengan baik. Di bawah pelaksanaan Sistem Pelesenan Tenaga Atom 1984, Akta 304, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom melesenkan aktiviti yang melibatkan berurusan dengan siaran mengion bagi bidang bukan perubatan. Sementara Ketua Pengarah Kesihatan melesenkan penggunaan siaran mengion dalam bidang perubatan.

Jawapan saya ini adalah merujuk kepada bidang yang bukan perubatan sahaja. Semenjak Lembaga Pelesenan Tenaga Atom ditubuhkan pada tahun 1985 dan Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran Standard Keselamatan Asas 1988 dikuatkuasakan, sebanyak 106 pekerja sinaran yang telah menerima dos tahunan melebihi 20 millisieverts. Walau bagaimanapun had dos 20 millisieverts hanya dikuatkuasakan pada tahun 2012 selepas Peraturan Pelesenan Tenaga Atom, Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas 2010 diwartakan.

Sebelum ini, had dos hanya pekerja sinaran dengan 50 millisieverts setiap tahun, *per year*. Lembaga Pelesenan Tenaga Atom telah membawa sebanyak 26 kes di mahkamah di atas berbagai-bagai kesalahan yang dilakukan oleh syarikat sepanjang penubuhannya. Hanya dua kes didapati tidak bersalah oleh mahkamah, manakala dua lagi kes saman tidak dapat diserahkan. Lembaga Pelesenan Tenaga Atom juga telah menguatkuasakan elemen sekuriti terhadap kawal selia bahan radioaktif beraktifan tinggi sejak 1 Januari 2009.

Ini dilaksanakan bagi memastikan sekuriti bahan radioaktif untuk mengelakkan berlakunya kecurian, kehilangan dan sabotaj. Berdasarkan rekod, kes kehilangan bahan radioaktif hingga 2013 berjumlah 19 unit tetapi 3 telah dapat dijumpai semula dan semua kehilangan ini tidak membahayakan orang awam kerana aktiviti yang rendah dan melibatkan punca bahan radioaktif terkedap ataupun *seal resource*. Sekian Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Habis Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Habis. Tepat *on time*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

**9.30 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, dah *packing* dah tadi *[Ketawa]* Esok sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, sambung esok Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 25 Mac 2014.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.]***